

**PERANAN MAJELIS PERMUSYAWARATAN ULAMA DALAM
SISTEM PEMERINTAHAN ACEH**

MUHAMMAD SUHAILI SUFYAN

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2016

**PERANAN MAJELIS PERMUSYAWARATAN ULAMA DALAM
SISTEM PEMERINTAHAN ACEH**

MUHAMMAD SUHAILI SUFYAN

**TESIS DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA KEPERLUAN BAGI IJAZAH
DOKTOR FALSAFAH**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2016

UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: Muhammad Suhaili Sufyan

No. Pendaftaran/Matrik: IHA110023

Nama Ijazah: Doktor Falsafah

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”):
**PERANAN MAJELIS PERMUSYAWARATAN ULAMA DALAM SISTEM
PEMERINTAHAN ACEH**

Bidang Penyelidikan: Siasah Syar’iyyah (Sains Kemasyarakatan)

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh:

Nama:

Jawatan:

ABSTRAK

Kajian ini mengkaji tentang Peranan Majelis Permusyawaratan Ulama (MPU) dalam Sistem Pemerintahan Aceh. Sesuai dengan peruntukan undang-undang, ulama sangat diharap peranannya dalam memastikan pemerintah Aceh sentiasa mengikut lunas-lunas syariat. Untuk melaksanakan peranannya, MPU perlu memiliki strategi dan usaha yang jelas sehingga peranan mereka dapat dilaksanakan dengan baik. Tujuan utama kajian ini untuk menganalisis strategi MPU dalam sistem Pemerintahan Aceh dan usaha mereka dalam menahuti segala cabaran. Kajian ini juga turut menghuraikan konsep, peranan dan proses penglibatan ulama secara rasmi dalam sistem pemerintahan. Ia juga mengkaji peranan MPU dalam sistem pemerintahan Aceh berasaskan perundangan yang sedia ada. Kajian ini termasuk dalam kategori kajian kualitatif yang bersifat eksplorasi dan historis yang dipaparkan secara deskriptif. Data-data dikumpulkan dari dua sumber utama iaitu data perpustakaan dan temu bual. Data perpustakaan dikumpulkan dari pelbagai jenis dokumen bertulis dan elektronik yang berkaitan dengan subjek kajian sama ada buku, jurnal, artikel, tesis, disertasi, kertas kerja/prosiding seminar dan laman web. Data perpustakaan dijadikan asas untuk mengkaji sejarah pembabitan ulama dalam sistem pemerintahan Aceh. Data tersebut dianalisis menggunakan kaedah analisa kandungan (*content analysis*) dan tematik. Sementara temu bual pula adalah bertujuan untuk mendapat sumber utama berkenaan dengan peranan MPU dalam sistem pemerintahan Aceh. Temu bual dilakukan secara mendalam (*in-depth interview*) menggunakan kaedah temu bual semi berstruktur dengan menyiapkan terlebih dahulu senarai soalan yang akan ditanyakan sebagai kawalan temu bual. Ketika temu bual dijalankan, soalan-soalan yang berkaitan akan dikembangkan mengikut kesesuaian. Hasil temu bual dibuatkan transkrip dan kemudian dilakukan pengesahan dengan merujuk kepada sumber-sumber bertulis mahupun dengan menanyakan soalan yang serupa kepada beberapa sumber. 12 orang koresponden telah ditemu bual untuk keperluan kajian ini dari berbagai latarbelakang

yang dianggap memahami masalah kajian. Kajian ini mendapati bahawa peranan ulama dalam sistem pemerintahan memiliki asas yang cukup kuat sama ada dari perspektif hukum syara` mahupun amalannya dalam sejarah sistem pemerintahan Aceh. MPU memiliki tugas, wewenang dan fungsi yang sangat jelas disebutkan dalam Qanun No. 2 tahun 2009. Namun untuk menjalankan peranannya, MPU masih memiliki keterbatasan dalam undang-undang pada tahapan pelaksanaannya, sehingga peranannya belum sepenuhnya dapat dilaksanakan. Terdapat juga masalah pemahaman keagamaan yang tidak sama di antara sesama pihak berkuasa. Dalam menjalin hubungan dengan pemerintah, strategi utama MPU adalah mengelakkan berlakunya sebarang konfrontasi dan memilih jalan hikmah dengan mengawal diri serta selektif dalam mengeluarkan fatwa sambil berusaha melengkapi undang-undang yang diperlukan. Usaha lain yang dilakukan adalah dengan menyiapkan ulama pelapis dan bersikap terbuka kepada organisasi ulama lain yang ada di Aceh.

ABSTRACT

This study investigates the role of Majelis Permusyawaratan Ulama (MPU) in Aceh's governmental system. As allocated by law, ulama in Aceh are expected to play a crucial role to make sure the government of Aceh applies the shariah principles and values. However, to fulfill this objective, firstly MPU must ensure that they have clear strategies. Therefore, the purpose of this study, is to analyze the strategies adopted by MPU to carry out their roles within the Aceh's governmental system. This study attempts to examine MPU's responses to the various challenges faced and explains the underlying concept behind the involvement of ulama as an integral part of Aceh government system. In addition, this study also sought to analyze the roles that MPU played within the Aceh's provisions of laws. This study is a qualitative in nature, exploring data through the lens of a historical perspective, which were then reported descriptively. Data were collected using two main methods: library research and interviews. Relevant library materials included both written and electronic sources in the form of books, journals, articles, theses, dissertation, conference proceedings, and the web pages were examined. The library-based data were used as a basis to investigate the historical dimension of ulama's involvement in Aceh's governmental system, which were then analyzed using the content analysis and thematic methods. Apart from this, data were also gathered from several interviews which were designed to obtain much information of the roles of MPU in Aceh. The interviews were conducted in a semi-structured method which some questions were previously prepared. Twelve correspondents who come from different background were interviewed. During the interviews, depending on the direction to which a particular discussion was geared, relevant follow-up questions were asked. The interview's data were then transcribed and verified either by consulting the available literatures or by asking a number of new correspondents with the same set of question. This study argued that the involvement of ulama in Aceh's governmental system had a very strong basis

either from the perspective of shariah law or the history of its implementation. It was argued that although MPU's duties, responsibilities, and function were assigned in Qanun No. 2 of 2009, their roles were still constrained by the inadequacy of legislations needed to overcome the technicalities of certain implementation issues, making their roles ineffective at times. It was also argued the differences in the way government officers understood certain religious issues often further complicated the process. Furthermore, MPU were often found to be very tight-lipped about the government which was purposely done to avoid unnecessary conflicts. They chose to resort more to a self-restrain method by being very selective in their issuance of fatwa while at the same time continuing to push for more supportive legislations. In addition, this study also argued that MPU were truly making a constant effort to train a new generation of ulama who would be quite open in their dealings with other ulama-based institutions.

PENGHARGAAN

Segala rasa syukur penulis rangkai dalam bingkai kalimah Alhamdulillah atas segala nikmat yang telah Engkau anugerahkan sehingga penyelidikan ini mulai menampakkan tanda-tanda penghujungnya. Selawat beriring Salam kepada penghulu alam Nabi Muhammad S.A.W. serta seluruh ahli keluarga dan para sahabat yang telah memberikan inspirasi dalam melakukan segala amalan dengan penuh ketekunan dan kesabaran.

Penulis ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah menghulur segala bentuk bantuan dalam melicinkan proses penyelesaian pengajian penulis di Jabatan Siasah Syar'iyah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada Dr Bharuddin Che Pa yang begitu sabar dan bijaksana memberi tunjuk ajar, membimbing dan mencurahkan segala idea membantu penulisan tesis ini. Sebagai penyelia beliau juga adalah guru dan rakan diskusi berkenaan pelbagai kemusykilan yang penulis hadapi semasa menyelesaikan kajian ini.

Penulis juga mengucapkan berbilang terima kasih kepada Dr Muhamad Zaidi Abdul Rahman selaku Ketua Jabatan Siasah Syar'iyah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya yang banyak membantu penulis. Tidak dilupakan semua Pensyarah Jabatan Siasah Syar'iyah dan setiausaha Jabatan yang telah membantu segala permasalahan berkaitan dengan hal ehwal pentadbiran. Penulis juga terutang budi kepada Pengarah Ijazah Tinggi dan seluruh kakitangan, terutama pustakawan yang telah membantu dalam mempermudah semua proses birokrasi selama penulis menuntut di APIUM.

Buat ibunda tercinta Saldjannah Hanafiah, terima kasih atas doa-doa yang selalu bonda panjatkan demi kebaikan anakmu ini, hanya Allah yang mampu membalas segala kasih sayang yang engkau curahkan. Ayahanda Allahyarham Sufyan Hasan Syah, semoga Allah lapangkan kuburmu. Kakanda Husna Hajjati sekeluarga, terima kasih atas sokongan yang engkau berikan, *cecenda* semua, terima kasih atas usikan-usikan yang telah menambah semangatku. Teristimewa isteriku tercinta, Rahmi Sulaiman, terima kasih atas kesetiaan, pengorbanan dan pengertianmu dalam mendampingi, sehingga penyelidikan ini seperti yang terlihat hari ini. Bonda dan ayah mertua, terima kasih atas doa-doa mu. Tgk Dian bin Ishaq berserta bonda Linda serta *Abucut* Piah sekeluarga, terima kasih atas kehangatan yang terjalin.

Selain itu, penulis mengapresiasi pemerintah Aceh melalui Lembaga Pengembangan Sumber Daya Manusia (LPSDM) Aceh yang telah memberikan biasiswa dan menanggung kos perbelanjaan selama penulis menempuh pengajian. Demikian juga kepada Rektor IAIN Zawiyah Cot Kala Langsa beserta seluruh kakitangan yang telah membantu segala yang diperlukan selama tempoh pengajian, *JazākumullāhKhairalJazā'*.

Terima kasih kepada ketua MPU Aceh, Drs. H. Ghazali Mohd Syam, Prof. Dr. Tgk. H. Muslim Ibrahim, MA yang telah begitu banyak memberikan informasi berkenaan dengan MPU, juga kepada semua yang telah bersedia untuk penulis temu bual terutama sekali kepada Tgk. Haji Muhammad Amin Blang Blahdeh, terima kasih atas bantuan dan waktunya. Terima kasih juga kepada Tgk. Ahmad Taufik dan pegawai pustaka MPU yang telah sangat banyak membantu. Kawan-kawan di Seksyen 17 PJ dan Happy Mansion serta pasukan Badminton hari Rabu pagi, terima kasih atas sokongan dan tukar fikiran yang selalu kita lakukan di sela-sela memerah peluh dan bantingan raket, persahabatan yang tidak mudah untuk dilupakan.

Muhammad Suhaili Sufyan
Dusun Paya Beunyt
Desa Pante Gajah, Peusangan
Bireun, Aceh, Indonesia
m_suhaily@siswa.um.edu.my
www.suhailsufyan.com
+60169089804
+6285206555988

JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
HALAMAN HADAPAN	i
HALAMAN JUDUL	ii
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	vi
PENGHARGAAN	viii
JADUAL KANDUNGAN	x
PANDUAN TRANSLITERASI	xiv
SENARAI SINGKATAN	xvii
SENARAI GAMBAR JADUAL DAN RAJAH	xix
SENARAI STATUT	xx
SENARAI LAMPIRAN	xxi
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1. Pengenalan	1
1.2. Latar Belakang Masalah kajian	1
1.3. Pernyataan Masalah Kajian	7
1.4. Objektif Kajian	7
1.5. Kepentingan Kajian	8
1.6. Definisi Tajuk	9
1.7. Skop Kajian	11
1.8. Kerangka Teori	12
	x

1.9.	Ulasan Kajian Lepas	14
1.10.	Metodologi Penyelidikan	27
1.11.	Susunan Penulisan	32

BAB 2 KONSEP PERANAN ULAMA DALAM PEMERINTAHAN NEGARA

2.1.	Pengenalan	35
2.2.	Konsep Ulama	35
	2.2.1. Definisi Ulama	36
	2.2.2. Ulama dalam Al-Qur'an dan Sunah	38
	2.2.3. Kriteria Ulama	43
	2.2.4. Ulama dalam Pandangan Masyarakat Aceh	49
2.3.	Asas Peranan Ulama dalam Pemerintahan	51
	2.3.1. Pandangan Mufasirin	52
	2.3.2. Pandangan Ulama Kontemporari	56
	2.3.3. Proses Legitimasi Peranan Ulama	60
2.4.	Pola Peranan Ulama Dalam Sistem Pemerintahan	64
	2.4.1. Pemerintah Merupakan Ulama	65
	2.4.2. Ulama Berkecuali	67
	2.4.3. Ulama Merupakan Bahagian Dari Pemerintah	69
2.5.	Model Institusi Ulama dan Peranannya dalam Negara Islam	71
	2.5.1. Model Peranan Institusi Ulama dalam Negara	74
	2.5.2. Cara Institusi Ulama Memainkan peranan dalam Negara	76
2.6.	Kesimpulan	77

Bab 3 PERANAN ULAMA DALAM SEJARAH PEMERINTAHAN ACEH

3.1.	Pengenalan	79
3.2.	Peranan Ulama Pada Masa Kegemilangan Aceh	81
	3.2.1. Peranan Ulama Pada Masa Kerajaan Pasai	81
	3.2.2. Peranan Ulama Pada Masa Kesultanan Aceh Darussalam	84

3.3.	Peranan Ulama Pada Masa Penjajahan	90
3.3.1.	Peranan Ulama Pada Masa Penjajahan Belanda	91
3.3.2.	Peranan Ulama Pada Masa Penjajahan Jepun	98
3.4.	Peranan ulama Pada Masa Pra Autonomi	101
3.4.1.	Pemberontakan DI/TII (1953-1959)	101
3.4.2.	Lahirnya MPU	109
3.4.3.	Peranan MPU Pada Masa Awal Penubuhan	113
3.4.4.	Pemberontakan Hasan Di Tiro (1976-2005)	114
3.5.	Peranan ulama Pada Masa Pasca Autonomi	119
3.5.1.	Penguatkuasaan Syari'at Islam	120
3.5.2.	MPU Kembali ke Status Awal Penubuhan	122
3.5.3.	Aceh dibawah Undang-undang No. 11 tahun 2006	125
3.6.	Kesimpulan	127

BAB 4 STATUS KEDUDUKAN MPU DALAM PEMERINTAHAN ACEH

4.1.	Pengenalan	129
4.2.	Pemerintahan Aceh	130
4.2.1.	Wilayah Aceh	131
4.2.2.	Pemerintah di Aceh	134
4.3.	Status MPU dalam Undang-Undang Indonesia	136
4.3.1.	Hierarki Perundangan Indonesia	137
4.3.2.	Kedudukan MPU dalam Perundangan Indonesia	141
4.4.	Status Organisasi MPU	144
4.4.1.	Visi dan Misi MPU	144
4.4.2.	Fungsi, Kewenangan dan Tugas MPU	145
4.4.3.	Status Keahlian Dalam MPU	148
4.4.4.	Pentadbiran (Sekretariat) MPU	156
4.5.	Kedudukan dan Hubungan MPU dengan Institusi Pemerintahan di Aceh	158
4.5.1.	Kedudukan dan Hubungan MPU dengan Agensi Pemerintah di Aceh	158
4.5.2.	Kedudukan dan Hubungan MPU dengan Organisasi Ulama lain di Aceh	161
4.6.	Kesimpulan	165

BAB 5 ANALISIS TERHADAP PERANAN MAJELIS PERMUSYAWARATAN ULAMA DI ACEH

5.1.	Pengenalan	167
5.2.	Asas Peranan MPU Dalam Pemerintahan Aceh	168
5.2.1.	Peranan Berasaskan Undang-undang	171
5.2.2.	Peranan Berasaskan Sejarah	174
5.2.3.	Peranan Berasaskan Karisma	175
5.2.4.	Perubahan Peranan Ulama Dari Individu Ke Institusi	177
5.3.	Pola Hubungan MPU dengan Pemerintah dan Organisasi Ulama Lain	180
5.3.1.	Pola Hubungan MPU dengan Pemerintah Aceh	181
5.3.2.	Pasang Surut Hubungan MPU dengan Pemerintah Aceh	183
5.3.3.	Pola Hubungan MPU dengan Organisasi Ulama Lain di Aceh	185
5.4.	Permasalahan MPU Dalam Melaksanakan Peranannya	188
5.4.1.	Perundangan	189
5.4.2.	Keprihatinan Pemerintah	193
5.4.3.	Sumber Manusia	195
5.4.4.	Proses Pengambilan Ahli	197
5.4.5.	Tekanan Pihak Luar	199
5.4.6.	Membatasi Diri	200
5.4.7.	Sumber Kewangan	202
5.4.8.	Pemahaman Penjawat Awam Terhadap Agama	203
5.5.	Usaha dan Strategi MPU Untuk Melaksanakan Peranan Secara Berkesan	204
5.5.1.	Usaha Persuasif	204
5.5.2.	Selektif Dalam Berfatwa	205
5.5.3.	Melengkapi Undang-undang	207
5.5.4.	Pelatihan Kader Ulama	208
5.6.	Kesimpulan	209

BAB 6 RUMUSAN DAN CADANGAN

6.1.	Rumusan	212
6.2.	Cadangan	221
6.3.	Penutup	224
BIBLIOGRAFI		226

PANDUAN TRANSLITERASI

KONSONAN

Huruf Arab	Roman
ءا	a, '(Hamzah)
ب	a
ت	t
ث	th
ج	j
ح	ḥ
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z
س	s
ش	sh
ص	ṣ
ض	ḍ
ط	ṭ
ظ	ẓ
ع	'
غ	gh
ف	f
ق	q
ك	k
ل	l
م	m
ن	n

هـ	h
و	w
ي	y
ة	h,t

VOKAL

a. Vokal Pendek

ا = _____ = a

ي = _____ = i

و = _____ = u

b. Vokal Panjang

Semua vokal panjang atau mad (di atas di bawah dan di hadapan) ditanda dengan

ا = _____ = ā

ي = _____ = ī

و = _____ = ū

c. Diftong

Diftong huruf yang berbaris di atas bersambung dengan huruf ya (ي) dan waw (و) yang berbaris mati.

أَوْ = _____ = aw

أَيَّ = _____ = ay

يَّ = _____ = iy/ī

وَّ = _____ = uww

University of Malaya

SENARAI SINGKATAN

DOM	: Daerah Operasi Militer
DPD	: Dewan Perwakilan Daerah
DPRA	: Dewan Perwakilan Rakyat
DPRA	: Dewan Perwakilan Rakyat Aceh
FPI	: Front Pembela Islam
GAM	: Gerakan Aceh Merdeka
HUDA	: Himpunan Ulama Dayah
IAIN	: Institut Agama Islam Negri
KODAM	: Komando Daerah Militer
KODIM	: Komando Distrik Militer
MAA	: Majelis Adat Aceh
MoU	: Memorandum of Understanding
MPR	: Majelis Permusyawaratan Rakyat
MPU	: Majelis Permusyawaratan Ulama
MUI	: Majelis Ulama Indonesia
MUNA	: Majelis Ulama Nanggroe Aceh
NAD	: Nanggroe Aceh Darussalam
NKRI	: Negara Kesatuan Republik Indonesia
NU	: Nahdhatul Ulama

ORMAS	: Organisasi Masyarakat
OTSUS	: Autonomi Khusus
PERDA	: Peraturan Daerah
PERPU	: Peraturan Pemerintah Pengganti Undang-undang
PKI	: Partai Komunis Indonesia
PNS	: Pegawai Negeri Sipil
POLDA	: Polisi Daerah
PUSA	: Persatuan Ulama Seluruh Aceh
RTA	: Rabithah Thaliban Aceh
S.A.W	: Sallallahu Alaihi Wasallam
S.W.T	: Subhanahu Wata'ala
SEKDA	: Sekretaris Daerah
SI	: Syariat Islam
TNI	: Tentera Nasional Indonesia
UIN	: Universitas Islam Negri
UU	: Undang-undang
UUD	: Undang-undang Dasar
UUPA	: Undang-undang Pemerintahan Aceh
WN	: Wali Nanggroe

SENARAI GAMBAR, JADUAL DAN RAJAH

	Halaman
Gambar 4.1: Peta Wilayah Aceh	133
Jadual 4.1: Output kerja MPU Dari Tahun 2009-2014	148
Rajah 4.1: Struktur Organisasi Majelis Permusyawaratan Ulama	152
Rajah 4.2: Susunan Organisasi Dan Tata Kerja Sekretariat MPU Aceh	157
Rajah 5.1: Proses Penetapan Fatwa	206

University of Malaya

SENARAI STATUT

1. Undang-undang tentang Pelaksanaan Keistimewaan Aceh, 1999 (No. 44, 1999)
2. Undang-undang tentang Pemerintahan Aceh, 2006 (No. 11, 2006)
3. Peraturan Menteri Dalam Negeri tentang Organisasi dan tata Kerja Sekretariat Lembaga Keistimewaan Provinsi NAD, 2008 (No. 18, 2008).
4. Qanun Aceh tentang Hubungan Tata Kerja Majelis Permusyawaratan Ulama dengan Eksekutif, Legislatif dan Instansi lainnya, 2003 (No. 9, 2003).
5. Qanun Aceh tentang Majelis Permusyawaratan Ulama, 2009 (No. 2, 2009).
6. Petikan Peraturan Gabenor Aceh tentang Susunan Organisasi dan Tatakerja Sekretariat Lembaga Keistimewaan Aceh, 2008 (No. 33, 2008)
7. Keputusan Gabenor Aceh tentang Penetapan Pengurus Majelis Permusyawaratan Ulama Aceh, 2012 (No. 451.7/465, 2012)
8. Keputusan MPU Aceh tentang Peraturan Tatatertib MPU Aceh, 2012 (No. 6, 2012).

University of Malaya

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN A	241
Undang-undang tentang Pelaksanaan Keistimewaan Aceh	
Lampiran B	246
Undang-undang tentang Pemerintahan Aceh	
Lampiran C	257
Peraturan Menteri Dalam Negeri tentang Organisasi dan Tatakerja Sekretariat Lembaga Keistimewaan Provinsi NAD	
Lampiran D	261
Qanun Aceh Tentang Majelis Permusyawaratan Ulama	
Lampiran E	286
Senarai Soalan Temu Bual	

University of Malaya

BAB 1: PENDAHULUAN

1.1. Pengenalan

Bab Pendahuluan ini merupakan bahagian pertama dari keseluruhan enam bab pembahasan tesis. Dalam bab ini akan dijelaskan secara ringkas berkenaan dengan latar belakang peranan ulama dalam sistem pemerintahan Aceh. Sebuah peranan yang telah melewati pelbagai keadaan, dugaan dan cabaran, sama ada ketika menjadi pemandu kepada sultan, memerangi penjajah sampai menengahi konflik yang berlaku antara Aceh dengan Jakarta sehingga perdamaian dapat dicapai. Pembahasan secara ringkas berkenaan perjalanan peranan ulama dalam lintasan sejarah ini akan dijadikan sebagai latar belakang bagi pernyataan masalah kajian tesis ini.

Pembahasan dalam bab pendahuluan ini meliputi pengenalan, latar belakang masalah kajian, pernyataan masalah kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, definisi tajuk, skop kajian, kerangka teori, ulasan kajian lepas, metodologi penyelidikan dan susunan penulisan.

1.2. Latar Belakang Masalah

Ulama merupakan sosok yang memainkan peranan penting dalam segala sendi kehidupan masyarakat Aceh. Keterkaitan masyarakat dengan ulama yang sangat rapat di daerah yang dikenali dengan *Verandah of Mecca* atau Serambi Makah ini telah dibuktikan dalam perjalanan panjang sejarah rakyat Aceh. Sebuah perjalanan sejarah yang dimulai semenjak masa awal-awal kesultanan Islam mulai bertapak di bumi paling barat pulau Sumatera ini sehingga kepada masa perjuangan menghadapi agresi penjajah sampai kini.

Riwayat hubungan antara penguasa dengan para ulama dalam sejarah Aceh dapat dikesan semenjak dari kerajaan Islam Pasai berdiri (1270), ulama telah mengambil peranan sebagai penasihat agama bagi para raja. Malik al-Zāhir (wafat 1326) anak kepada

Malik al-Şālih, malahan pernah mendatangkan para ulama dari Makah, Persia, India dan dari berbagai-bagai kawasan lain untuk dirujuk pendapatnya dan dijadikan sebagai penasihat pemerintah.¹

Peranan ulama dalam pemerintahan Kesultanan Aceh dapat terlihat dari pengangkatan beberapa ulama sebagai mufti kerajaan ataupun sebagai penasihat raja. Pada masa pemerintahan Sultan Iskandar Muda, Syeikh Shams al-Dīn al-Sumatrānī diangkat sebagai penasihat dan mufti Kerajaan Islam Aceh Darussalam (1607-1636) dengan gelaran Syeikh al-Islam yang bertanggung jawab mengurus hal ehwal keagamaan. Selain mengurus hal ehwal keagamaan, al-Sumatrānī juga kerap terbabit dalam permasalahan politik.²

Pada masa pemerintahan Sultan Iskandar al-Thani, Nuruddin al-Raniry diangkat sebagai *Qāḍī al-Malik al-‘Ādil* dan Mufti Mu’adḍam. Masa pemerintahan empat orang ratu di Aceh (1641-1699), Syaikh Abdul Rauf al-Singkily yang dikenali dengan Syiah Kuala dilantik sebagai Mufti dan *Qāḍī al-Malik al-‘Ādil*. Mereka tidak hanya sebagai penasihat akan tetapi memainkan peranan penting dalam penetapan polisi kerajaan bahkan memberi kesan dalam tatanan politik pada masa itu.

Pengaruh ulama terhadap institusi raja-raja dalam sejarah kesultanan Islam dari kerajaan Peureulak, Pasai mahupun Aceh Darussalam sangatlah ketara. Pengaruh ini sebagaimana dapat dilihat daripada gelaran yang diberikan kepada para raja dengan sebutan Malik al-Şālih atau Malik al-‘Ādil, ataupun sebutan nama bagi kerajaan yang dikenali dengan *Dār al-Islām*.

¹ Yusny Saby, *Islam and Social Change: the Role of the Ulama in the Acehnese Society* (Bangi: UKM Press, 2005), h. 47, rujuk juga Ahmad Daudy, *Allah dan Manusia dalam Konsepsi Syeikh Nuruddin Ar-Raniry* (Jakarta: C.V. Rajawali, 1983), 27.

² M. Hasbi Amiruddin, *Ulama Dayah Pengawal Agama Masyarakat Aceh* (Lhokseumawe: Nadiya Foundation, 2003), 7. Lihat, Amirul Hadi, *Islam and State in Sumatra: A Study of Seventeenth Century Aceh*, (Brill Academic Publishers, t.t, <http://site.ebrary.com/id/10090516?ppg=108>), 147-160.

Peranan Ulama dalam masyarakat Aceh juga sangat dirasai pada masa-masa perjuangan menentang penjajah yang ingin menguasai Aceh. Ramai di kalangan ulama yang turun padang secara langsung memimpin peperangan di barisan hadapan bersama rakyat menentang penjajah.

Selain turut serta bersama rakyat secara fizikal seperti yang dilakukan oleh Tengku Syhik Kuta Karang, ulama juga menyokong perjuangan rakyat dengan mengeluarkan fatwa mengenai kewajipan berjihad melawan penjajah. Di antara fatwa yang diterbitkan ialah: orang yang mati dalam berperang akan mendapat mati syahid. Sebuah tingkat kemuliaan dalam ajaran Islam yang membawa orang yang mendapatinya masuk ke dalam syurga.

Selain melalui fatwa, ulama Aceh semasa perjuangan juga menyokong perjuangan melalui karya sastera dengan mengarang hikayat dalam bahasa Aceh untuk membangkitkan semangat juang para mujahidin. Hikayat yang paling terkenal dalam membakar semangat jihad adalah *Hikayat Perang Sabi* yang dikarang oleh Tgk. Syhik Pante Kulu.³

Perjuangan dalam melawan penjajah begitu ketara sekali terlihat akibat pengaruh personaliti individu dan ketokohan mereka di tengah-tengah masyarakat, atau dalam ilmu politik dikenali dengan tipe kepimpinan bercirikan karisma. Sementara peranan dalam bentuk organisasi baru jelas terlihat pada tahun 1930-an dengan didirikan pelbagai sekolah keagamaan oleh para ulama. Kemuncaknya adalah penubuhan Persatuan Ulama Seluruh Aceh (PUSA) pada tahun 1939 untuk mereformasi sistem pendidikan keagamaan di Aceh. Perubahan demi perubahan ini adalah sebagai usaha untuk melahirkan golongan

³ Lihat Ibrahim Alfian, *Sastera Perang; Sebuah Pembicaraan Mengenai Hikayat Perang Sabil* (Jakarta: Balai Pustaka, 1992). Lihat juga, A. Hasjmy, *Apa Sebab Rakyat Aceh Sanggup Berperang Puluhan Tahun Melawan Agresi Belanda* (Jakarta: Bulan Bintang, 1977).

terpelajar dan ulama demi mengganti para syuhada yang telah syahid dalam berperang di jalan Allah dan membela negara daripada serangan penjajah.⁴

Setelah kemerdekaan dari penjajah, ulama di Aceh juga memainkan peranan politik yang sangat penting dalam pemerintahan Aceh. Kerana kecewa dengan sikap pemerintahan Jakarta yang ingkar janji untuk membenarkan penerapan Syariat Islam di Aceh, para ulama dan tokoh Aceh pada tahun 1953 di bawah komando Tgk. Muhammad Daud Beureueh mengangkat senjata menentang kerajaan Soekarno.⁵

Pemberontakan ini akhirnya melahirkan sebuah penyelesaian dengan pemberian hak istimewa dalam bidang agama, pendidikan dan adat istiadat untuk Aceh melalui Keputusan Perdana Menteri Republik Indonesia No. 1/Missi/1959. Namun status ini hanyalah indah di atas kertas tapi tidak indah dalam pelaksanaan. Hal ini kemudian juga dijadikan salah satu sebab terjadinya pemberontakan untuk memisahkan Aceh dari wilayah Indonesia yang dipimpin oleh salah seorang anak didik Daud Beureueh, Hasan Muhammad di Tiro.

Pemberontakan Hasan di Tiro atau layaknya disebut dengan usaha menuntut keadilan dari pemerintah Jakarta selama puluhan tahun dengan ribuan nyawa rakyat Aceh menjadi mangsa terkorban membuat pemerintah Jakarta mencarikan berbagai-bagai cara untuk mengakhirinya. Salah satu tawaran dalam usaha mengakhiri konflik ini adalah penawaran pelaksanaan Syariat Islam secara menyeluruh (*kaffah*) bagi masyarakat Aceh. Cadangan ini merupakan sebuah tawaran dan *bargaining politik* yang disyorkan sebagai usaha mengakhiri tuntutan pemisahan diri dari Jakarta. Cadangan pelaksanaan syariat

⁴ M. Hasbi Amiruddin, *The Response of ulama Dayah to the Modernization of Islamic Law in Aceh* (Bangi: Penerbit University Kebangsaan Malaysia, 2005), 21. Lihat juga, Anthony Reid, *The Blood of The People* (Kuala Lumpur: Oxford university Press, 1979), 25. Baca juga, James T. Siegel, *The Rope of Good* (California: University of California Press, 1969), 98.

⁵ Sila rujuk, Hasanuddin Yusuf Adan, *Tengku Muhammad Dawud Beueu-eh, Ulama, Pemimpin dan Tokoh Pembaharuan* (Bangi: Penerbit University Kebangsaan Malaysia, 2005). Lihat juga, Hasanuddin Yusuf Adan, *Tengku Muhammad Dawud Bereu-eh dan Perjuangan Pemberontakan di Aceh* (Banda Aceh: Adnin Foundation, 2007).

Islam disebut-sebut merupakan cadangan yang mana ulama yang bernaung di bawah Majelis Ulama Indonesia wilayah Aceh memiliki peranan penting untuk mewujudkannya.

Usaha untuk mengakhiri konflik berkepanjangan di Aceh kemudian di wujudkan dengan penerbitan Undang-undang No. 44 tahun 1999 tentang Penyelenggaraan Keistimewaan Provinsi Daerah Istimewa Aceh. Salah satu point penting dalam undang-undang ini adalah yang termaktub dalam Fasal 3 point 2 huruf d yang memberikan ruang peranan bagi ulama dalam menentukan kebijakan daerah.

Peranan ulama dalam pemerintahan kemudian diperkuat dalam kesepakatan damai antara Jakarta dan Aceh di Helsinki Finland pada tahun 2006. Kesepakatan yang dicapai dua tahun selepas peristiwa gempa bumi dahsyat dan tsunami memporak-perandakan sebahagian wilayah Aceh, menghasilkan Undang-undang Republik Indonesia No. 11 tahun 2006 tentang Pemerintahan Aceh. Undang-undang ini memberi ruang yang begitu nyata bagi ulama.⁶ Berasaskan kepada undang-undang No. 11 tahun 2006 inilah, maka diterbitkan *Qanun* no. 2 tahun 2009 tentang Majelis Permusyawaratan Ulama untuk merumuskan peranan ulama dalam pemerintahan Aceh. Peranan ulama yang begitu besar dan dituangkan dalam bentuk undang-undang hanya ada di Aceh sahaja, sementara untuk daerah lain dalam wilayah Indonesia hal ini tidak berlaku.

Dari perjalanan sejarah dapat dilihat bahawa ulama telah terbabit dalam pemerintahan sejak awal-awal lagi dalam segala aspek pemerintahan dan sosial kemasyarakatan. Sejarah Aceh juga telah mencatat adanya ulama yang berafiliasi dengan pemerintah berdasarkan gelaran yang dijumpai dalam sistem kerajaan seperti *Syaikhul Islam* mahupun *Qadi Malikul Adil* ataupun Mufti kerajaan. Selain mereka, dalam tatanan

⁶ Lihat Fasal 138, 139 dan 140 Undang-undang Republik Indonesia No. 11 tahun 2006 Tentang Pemerintahan Aceh. (Banda Aceh: Biro Hukum dan Humas Setda Aceh, 2006), 132-133.

sosial ada juga ulama yang diakui dan disegani oleh masyarakat akan tetapi tidak menjawat jawatan rasmi dalam pemerintahan.

Pertelingkahan berpanjangan antara Aceh dengan Jakarta menghasilkan jalan keluar penguatkuasaan Syariat Islam di Aceh serta kebijakan lainnya. Aspek sejarah pelaksanaan Syariat Islam yang dianggap sebagai agenda para ulama dan bukan agenda utama pihak yang bertelingkah dengan Jakarta mengakibatkan pelaksanaannya tidak berjalan dengan begitu baik. Masalah ini bertambah kusut kerana pelaksanaannya adalah eksekutif hasil pilihan raya secara demokrasi yang sekarang di dominasi oleh parti lokal di Aceh, sementara ulama hanya berada pada tahapan penyusunan draft undang-undang sahaja.

Walaupun keberadaan Institusi ulama dalam sistem pemerintahan Aceh diakui oleh undang-undang dengan kuasa yang dimilikinya, akan tetapi secara praktikal pertembungan dan perbezaan pandangan sentiasa berlaku antara pemerintah dengan ulama. Hal ini sangat ketara pada masa pemerintahan gabenor pertama selepas penandatanganan MOU Helsinki. Majelis Permusyawaratan Ulama bahkan tidak selalu diminta pendapat dalam kebijakan yang dibuat oleh pemerintah.

Selain Majelis Permusyawaratan Ulama sebagai institusi rasmi para ulama, di Aceh juga ada beberapa perkumpulan ulama lain sebagai organisasi yang sangat mengakar dalam kehidupan masyarakat. Organisasi ini seperti INSHAFUDDIN, Himpunan Ulama Dayah (HUDA), Majelis Ulama Nangroe Aceh (MUNA). Organisasi ulama yang terakhir disebut merupakan organisasi ulama yang sangat rapat dengan Parti Aceh sebagai tempat berkumpulnya mantan pejuang Gerakan Aceh Merdeka dan selaku parti berkuasa di Aceh saat ini. Organisasi ini ada kalanya dijadikan sebagai rujukan oleh pemerintah kerana “karisma” yang dimiliki oleh pimpinannya atau kerana faktor kerapatan mereka dengan penguasa dan untuk kepentingan semasa.

Jika melihat wewenang yang diberikan oleh undang-undang kepada MPU yang sangat besar, maka perlu ditinjau sejauh mana peranan tersebut digunakan dan cabaran apa yang dihadapi serta bagaimana usaha yang diterapkan dalam menghadapi cabaran di maksud.

1.3. Pernyataan Masalah Kajian

Berasaskan kepada latar belakang masalah kajian, maka di sini dapat dinyatakan pernyataan masalah penyelidikan dengan menggunakan format soalan sebagai berikut:

1. Bagaimana konsep peranan ulama dalam sistem pemerintahan Islam?
2. Bagaimana Penglibatan ulama dalam sistem pemerintahan Aceh?
3. Bagaimana peranan yang dimainkan Majelis Permusyawaratan Ulama dalam pemerintahan Aceh berasaskan undang-undang sedia ada?
4. Bagaimana usaha dan strategi yang disediakan oleh Majlis Permusyawaratan Ulama dalam melaksanakan tugas dan menyahuti cabaran dalam memainkan peranan mengikut Qanun Aceh no. 2 tahun 2009 tentang Majelis Permusyawaratan Ulama?.

1.4. Objektif Kajian

Objektif dari kajian ini adalah untuk:

1. Meneliti konsep dan peranan ulama dalam suatu sistem pemerintahan Islam.
2. Menganalisis proses penglibatan ulama secara rasmi dalam sistem pemerintahan Aceh.
3. Mengklasifikasikan peranan Majelis Permusyawaratan Ulama dalam sistem pemerintahan Aceh berasaskan status kedudukan dalam perundangan.
4. Merumuskan strategi Majelis Permusyawaratan Ulama dalam sistem pemerintahan Aceh dan usaha mereka dalam menyahuti segala cabaran.

1.5. Kepentingan Kajian

Kajian ini sangat penting untuk memberikan gambaran sebenar mengenai peranan Institusi Ulama dalam pemerintahan Islam, terutama sekali pemerintah Aceh yang menerapkan hukum Islam. Secara khasnya adalah peranan Majelis Permusyawaratan Ulama (MPU) selaku institusi ulama dengan kewenangan yang diatur melalui undang-undang dalam pemerintahan Aceh serta konsep yang diguna pakai sebagai asas dari peranan yang dimainkan.

Kajian ini juga untuk menjelaskan status kedudukan dan peranan Institusi ulama dalam sebuah pemerintahan, sehingga tidak lagi berbangkit isu berkenaan dengan asas pembabitan ulama dalam pemerintahan. Selain daripada itu untuk menjelaskan strategi yang diguna pakai oleh Majelis Permusyawaratan Ulama Aceh dalam melaksanakan peranan yang diberikan undang-undang kepada mereka bagi menyahuti cabaran semasa dalam pelaksanaannya. Dengan demikian, akan jelas bahawa sebenarnya Majelis Permusyawaratan Ulama memiliki strategi tertentu dalam menghadapi permasalahan yang berlaku dan anggapan sesetengah pihak bahawa ulama tidak berbuat apa-apa dapat diketepikan.

Bagi masyarakat, kajian ini dapat memberikan wawasan berkenaan peranan sebenar yang semestinya dimainkan oleh ulama dalam sebuah sistem pemerintahan sehingga dapat memberi kesan positif bagi masyarakat, pemerintah, ulama dan institusinya.

Bagi ahli akademik, hasil penyelidikan diharap dapat memberikan sumbangan terhadap dunia akademik dalam rangka mengembangkan disiplin ilmu Siasah Syar'iyah, terutama sekali dalam melihat peranan institusi ulama dalam pemerintahan. Dengan harapan, akan lebih banyak lagi penyelidikan dilakukan dipelbagai kawasan yang memberikan peluang dan peranan bagi ulama melalui institusi tertentu.

Bagi pemerintah Aceh, dapat memberikan gambaran yang jelas mengenai peranan sebenar yang semestinya di galas oleh para ulama dalam sebuah sistem pemerintahan. Pemerintah juga agar dapat memikir dan memberi jalan keluar bagi permasalahan yang dihadapi selama ini dalam menjalankan Qanun Aceh no. 2 tahun 2009 tentang Majelis Permusyawaratan Ulama.

1.6. Definisi Tajuk

Untuk menghindari kekeliruan dalam memahami istilah yang terdapat pada tajuk penyelidikan ini, berikut akan dijelaskan pengertian dari istilah-istilah yang didapati pada tajuk kajian ini:

1.6.1. Peranan

Perkataan Peranan, dalam kamus Dewan disebutkan merupakan kata terbitan dari kata peran yang makna asasnya adalah pemain sandiwara, pelawak dalam pertunjukan, sementara memerankan mempunyai erti melakonkan peranan. Peranan sendiri di ertikan dengan bahagian (pekerjaan ataupun tugas) yang dipegang.⁷

Peranan yang dimaksud dalam penyelidikan ini adalah kesiapan dan usaha yang dilakukan oleh Majelis Permusyawaratan Ulama Aceh dalam menjalankan tugas dan wewenang yang diberikan oleh Qanun Aceh no. 2 tahun 2009 sebagaimana mestinya.

1.6.2. Majelis Permusyawaratan Ulama

Majelis Permusyawaratan Ulama adalah majelis yang anggotanya terdiri atas ulama dan cendekiawan Muslim yang merupakan *mitra*⁸ (*partner*) kerja pemerintah dan

⁷ Dewan Bahasa dan Pustaka, *Kamus Dewan edisi ketiga*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan pustaka, 2002), 1011, entri kata “peran”.

⁸ *Mitra* dijelaskan sebagai kebersamaan dan kesejajaran dalam memberikan pertimbangan yang berkaitan dengan kebijakan dalam penyelenggaraan Pemerintahan Aceh.

Dewan Undangan Negeri Aceh yang dikenali dengan DPRA (Dewan Perwakilan Rakyat Aceh).

Kewujudan Majelis Permusyawaratan Ulama Aceh secara undang-undang di akui dalam perundangan Indonesia sebagai salah satu satuan pemerintahan daerah. Perlembagaan Indonesia menyebutkan bahawa negara menghormati satuan-satuan pemerintahan daerah yang bersifat khusus atau bersifat Istimewa yang diatur dengan undang-undang.⁹

Keberadaan Majelis Permusyawaratan Ulama Aceh adalah salah satu bentuk satuan pemerintahan daerah yang bersifat khusus, diatur dan diperjelas oleh Undang-undang no. 44 tahun 1999 tentang Penyelenggaraan Keistimewaan Provinsi Daerah Istimewa Aceh. Peraturan Daerah No. 3 tahun 2000 tentang pembentukan organisasi dan tata kerja Majelis Permusyawaratan Ulama (MPU) Privinsi Nanggroe Aceh Darussalam. Undang-undang Republik Indonesia No. 11 tahun 2006 tentang pemerintahan Aceh dan *Qanun* Aceh No. 2 tahun 2009 tentang Majelis Permusyawaratan Ulama.

1.6.3. Pemerintahan Aceh

Aceh ialah daerah provinsi yang merupakan kesatuan masyarakat hukum yang bersifat istimewa yang diberi kewenangan khusus untuk mengatur dan mengurus sendiri urusan pemerintahan dan kepentingan masyarakat setempat sesuai dengan peraturan perundang-undangan dalam sistem dan prinsip negara kesatuan Republik Indonesia berdasarkan Undang-undang Dasar Negara Republik Indonesia Tahun 1945, yang dipimpin oleh Gabenor.

Sementara pemerintah Aceh ialah pemerintahan daerah provinsi dalam sistem Negara Kesatuan Republik Indonesia berdasarkan kepada Undang-Undang Dasar Negara

⁹ Fasal 18 B (1), Undang-Undang Dasar 1945.

Republik Indonesia tahun 1945 yang menyelenggarakan urusan pemerintahan yang dilaksanakan oleh Pemerintah Daerah Aceh dan Dewan Perwakilan Rakyat Aceh sesuai dengan fungsi dan kewenangan masing-masing.

1.7. Skop kajian

Ulama telah memainkan banyak peranan dalam kehidupan masyarakat Aceh, namun demikian, kajian ini akan memfokuskan pada masalah peranan ulama dalam pemerintahan sebagaimana yang terdapat dalam Bab III, Fasal 4, 5 dan 6 Qanun Aceh no. 2 tahun 2009 tentang Majelis Permusyawaratan Ulama. Fasal-fasal tersebut berkenaan dengan fungsi, kewenangan dan tugas MPU, yang meliputi pertimbangan dan pengawasan terhadap kebijakan daerah dalam bidang pemerintahan, pembangunan, ekonomi, sosial budaya dan kemasyarakatan. Peranan-peranan yang tidak diuraikan secara terperinci dalam *Qanun* ini tapi tidak bercanggah dengan semangat yang dikandung oleh perundangan juga akan diambil kira dalam pembahasan. Dengan demikian, pandangan ahli akademik yang berautoriti dalam bidang sosiologi mahupun perundangan akan juga diberikan tumpuan perbincangan.

Kajian ini hanya memfokuskan penyelidikan pada Majelis Permusyawaratan Ulama (MPU) provinsi Aceh yang beribu pejabat di ibu negeri Aceh, Banda Aceh.

Selain Majelis Permusyawaratan Ulama (MPU), di Aceh juga ada beberapa organisasi perkumpulan ulama yang dilihat memiliki pengaruh dalam kehidupan masyarakat seperti HUDA (Himpunan Ulama Dayah Aceh), MUNA (Majelis Ulama Nanggroe Aceh) dan INSHAFUDDIN. Keberadaan mereka juga akan cuba diberikan tumpuan guna melihat bagaimana Majelis Permusyawaratan Ulama berinteraksi dengan organisasi ulama ini dalam memberikan input kepada pemerintah demi kemaslahatan umat.

Kajian ini juga memberi tumpuan mengenai cabaran-cabaran serta cara Majelis Permusyawaratan Ulama dalam mengelola cabaran tersebut sehingga peranan yang sepatutnya dimainkan dapat memberi kesan positif dalam sistem pemerintahan Aceh.

Manakala peranan ulama dalam sistem pemerintahan Islam dan relasi mereka dengan para pemimpin (hubungan ulama dan umara) serta sejarah keharmonian antara kedua belah pihak akan dibincangkan sebagai kerangka teori untuk menganalisis peranan Majelis Permusyawaratan Ulama (MPU). Oleh sebab itu, penulis akan mengetengahkan aspek sejarah dan menganalisis pelbagai pandangan yang dikemukakan oleh sarjana Islam klasik dan kontemporari.

Untuk menyokong analisis kajian, konsep-konsep *ulū al-Amr*, kuasa undang-undang, karisma dan relasi kuasa akan di guna pakai dan dikaitkan dengan sejarah institusi ulama dalam sistem pemerintahan Islam.

Rentang masa yang dijadikan fokus kajian ini untuk menganalisis peranan dan cabaran serta strategi yang digalas oleh Majelis Permusyawaratan Ulama Aceh adalah dari tahun 2009 selepas Qanun No. 2 tahun 2009 diterbitkan sampai tahun 2014. Namun demikian proses terbitnya Qanun dimaksud sebelum 2006 juga akan diambil kira supaya tidak terputus mata rantai peristiwa tersebut.

1.8. Kerangka Teori

Kajian ini akan mengguna pakai beberapa teori dalam ilmu politik Islam, terutama sekali teori *ulū al-Amr* untuk melihat asas autoriti dan *legality* yang dimiliki oleh institusi ulama dalam menjalankan peranannya dalam sebuah kerajaan. Konsep *ulū al-Amr* ini pada asasnya adalah perintah Allah untuk patuh dan taat kepada golongan pemimpin. Sebuah perintah ketaatan yang dibariskan bersama dengan perintah taat kepada Allah dan rasul-Nya. Dalam mentafsirkan ayat yang berhubungan dengan *ulū al-Amr* ini, ramai

pandangan yang memasukkan ulama ke dalam bahagian golongan *ulū al-Amr* sehingga perlu taat kepadanya. Pola peranan ulama dalam pemerintahan akan cuba dilihat dengan menggunakan konsep kepimpinan sama ada pola kepimpinan yang berasaskan kepada sejarah, undang-undang mahupun yang berasaskan kepada karisma.

Teori lain yang akan diguna pakai adalah konsep relasi kuasa politik dalam sebuah pemerintahan sehingga nantinya dapat dilihat bagaimana sepatutnya hubungan antara pemerintah dengan institusi ulama. Sementara dari segi kepimpinan, teori kepimpinan kolektif akan diambil kira dalam melihat kepimpinan MPU yang menganut sistem kepimpinan kolektif.

Secara garis besarnya penyelidikan ini akan dimulai dari sejarah peranan ulama pada masa Aceh masih mengamalkan sistem beraja dengan peranan ulama dimainkan oleh Syaikhul Islam, Qāḍī Malikul ‘Ādil atau Mufti. Pembahasan diteruskan dengan peranan ulama pada masa penjajahan Jepun dan Belanda dengan peranan ulama dimainkan oleh ulama secara persendirian dan melalui PUSA sebagai organisasi ulama. Peranan ulama berikutnya adalah pada masa kemerdekaan Indonesia, ulama mengambil peranan dalam wadah MPU dan MUI. Fasa berikutnya adalah fasa pergolakan di Aceh dengan pemberontakan DI/TII yang menghasilkan perdamaian melalui misi Hardi yang membawa Aceh kepada Daerah Istimewa. Pergolakan berikutnya adalah pemberontakan Hasan Di Tiro yang melahirkan UU No. 44 tahun 1999 sebagai dasar penyelesaian konflik dan lahir MPU pada tahun 2001. Tsunami melanda Aceh melahirkan perdamaian Helsinki dan terbitnya Undang-undang No. 11 tahun 2006 tentang pemerintahan Aceh yang menjadi asas kepada terbitnya Qanun Aceh No. 2 tahun 2009 tentang Majelis Permusyawaratan Ulama.

1.9. Ulasan Kajian Lepas

Kajian lepas akan penulis bahagikan mengikut tema tertentu dengan mengambil kira tahun penerbitan terkini. Kajian yang bertemakan peranan dan kewenangan MPU akan didahulukan, kemudian disusuli dengan kajian lepas yang berkenaan dengan ulama yang berteraskan Aceh dan kawasan negara-negara Islam. Selain daripada itu, penulis juga menyenaraikan kajian lepas yang berkenaan dengan konflik Aceh. konflik berkepanjangan yang dalam penyelesaiannya memberi kewenangan kepada pembabitan ulama dalam sistem pemerintahan Aceh.

Kajian terkini berkenaan dengan peranan Majelis Permusyawaratan Ulama adalah buku yang ditulis oleh Mursyidin dengan tajuk “Membuat Syariat Islam Bekerja: MPU dan Peranannya dalam Pembentukan Qanun Jinayat di Aceh”.¹⁰ Dalam karyanya, Mursyidin menjelaskan tentang peranan ulama dalam merekonstruksi Syariat Islam di Aceh dengan mengetengahkan pelbagai peranan ulama dalam meniti perkembangan zaman dan budaya masyarakat Aceh.¹¹ Mursyidin juga mengulas tentang fungsi, kewenangan dan tanggung jawab MPU dalam penyusunan Qanun Jinayat termasuk menjelaskan tata kerja dan koordinasi MPU.¹²

Kajian yang dilakukan oleh Mursyidin memberi fokus kepada peranan MPU dalam penyusunan Qanun Jinayat secara spesifik, akan tetapi tidak membincangkan secara terperinci mengenai peranan MPU lainnya dalam sistem pemerintahan Aceh. Permasalahan peranan MPU yang tidak menjadi fokus kajian Mursyidin termasuk permasalahan dan cabaran yang dihadapi MPU dalam melaksanakan kewenangan serta usaha dan strategi penyelesaiannya akan menjadi tumpuan dalam perbincangan tesis ini.

¹⁰ Mursyidin, *Membuat Syariat Islam Bekerja: MPU dan Peranannya dalam Pembentukan Qanun Jinayat di Aceh* (Langsa: Zawiyah Serambi Ilmu Pengetahuan, 2015).

¹¹ *Ibid*, h. 51-107.

¹² *Ibid*, 112-144.

Dalam aspek Fatwa sebagai salah satu kewenangan MPU, sebuah artikel yang bertajuk “Aspek Hukum Fatwa Majelis Permusyawaratan Ulama (MPU) Tentang Aliran Sesat”¹³, telah ditulis oleh Kurniawan dalam jurnal *Dinamika Hukum*. Dalam tulisannya, Kurniawan meninjau aspek spesifik dari produk MPU yang berupa fatwa. Kurniawan mengkritik kewenangan MPU dalam menerbitkan fatwa berkenaan dengan ajaran sesat yang dianggap telah mengambil peranan Mahkamah Syar’iyyah dan menimbulkan beragam konflik di tengah-tengah masyarakat. Kurniawan dalam artikelnya hanya mempersoalkan masalah kewenangan MPU dalam menerbitkan fatwa berkenaan ajaran sesat dan tidak membincangkan problem dan strategi MPU dalam melaksanakan kewenangan lainnya.

Kajian lain berkenaan dengan peranan ulama adalah artikel Elidar Sari dalam jurnal *Nanggroe* yang diterbitkan oleh Fakultas Hukum Universitas Malikussaleh. Dalam tulisannya yang bertajuk “Kedudukan Majelis Permusyawaratan Ulama (MPU) di Aceh Dalam Sistem Pemerintahan Daerah”¹⁴ Elidar mengulas mengenai kedudukan MPU sebagai lembaga baru dalam struktur pemerintah Aceh pasca reformasi. Selaku kajian awal, tumpuan yang diberikan hanya fokus pada masalah kedudukan MPU dalam struktur sistem pemerintahan Aceh. Dengan merujuk kepada beberapa perundangan yang berkenaan dengan kekhususan Aceh, Elidar juga memperjelas kedudukan MPU di antara institusi pemerintah Aceh lainnya. Kajian yang beliau jalankan tidak menjelaskan tentang peranan MPU dalam sistem pemerintahan Aceh berasaskan kepada fungsi, wewenang dan tugas MPU itu sendiri kerana skop kajian yang dilakukan sebelum adanya Qanun Aceh No. 2 tahun 2009.

¹³ Kurniawan, “Aspek Hukum Fatwa Majelis Permusyawaratan Ulama (MPU) Tentang Aliran Sesat”, *Jurnal Dinamika Hukum*, Vol. 14, No. 2 (May 2014), 310-323.

¹⁴ Elidar Sari, “Kedudukan Majelis Permusyawaratan Ulama (MPU) di Aceh Dalam Sistem Pemerintahan Daerah”, *Jurnal Nanggroe*, Vol. 1, No. 1 (Jun 2013), 18-29.

Buku “Ulama Membangun Aceh: Kajian tentang Pemikiran, Peran Strategis, Kiprah dan Kesungguhan Ulama dalam Menentukan Kelangsungan Pembangunan dan Pengembangan Syari’at Islam di Aceh”, merupakan karya yang menyumbang dalam pembahasan tentang peranan ulama di Aceh. Syukri dalam bukunya mengulas secara panjang lebar berkenaan dengan peranan ulama dan Majelis Permusyawaratan Ulama dalam segala bidang pembangunan dalam masa pemulihan Aceh pasca Tsunami.¹⁵ Kajian Syukri ini juga meninggalkan ruang bagi penulis untuk mengkaji lebih jauh tentang peranan MPU dalam sistem pemerintahan Aceh.

Artikel lain adalah tulisan Muhammad Nur Ikhwan dalam *Journal of Islamic Studies* terbitan Oxford, April 2011 yang bertajuk “*Official Ulema and The Politics of Re-Islamization: The Majelis Permusyawaratan Ulama, Shari’atization and Contested Authority in Post-New Order Aceh*”.¹⁶ Nur Ichwan dalam kajiannya menyatakan bahawa ulama Aceh sudah terkenal dengan semangat perjuangan semenjak menentang penjajahan kolonial yang dimulai oleh beberapa ulama independent dengan semangat *prang sabi* sampai membentuk wadah persatuan ulama bernama PUSA (Persatuan Ulama Seluruh Aceh) yang dipimpin oleh Tengku Muhammad Daud Beureueh. Sikap Patriotik ini berkelanjutan sampai menentang penjajahan Jepun dan Pemerintah Sukarno yang ingkar janji bagi pelaksanaan syariat Islam di Aceh yang dikenal dengan pemberontakan DI/TII.

Dalam Kajiannya, Nur Ichwan mendapati bahawa pelaksanaan syariat Islam di Aceh bukanlah agenda utama dari Gerakan Aceh Merdeka. Pelaksanaan Syariat Islam bahkan dianggap sebuah senario Jakarta untuk merebut hati rakyat Aceh dalam memenangkan persetujuan dengan GAM. Hal ini membuat posisi GAM serba salah,

¹⁵ Syukri, *Ulama Membangun Aceh: Kajian tentang Pemikiran, Peran Strategis, Kiprah dan Kesungguhan Ulama dalam Menentukan Kelangsungan Pembangunan dan Pengembangan Syari’at Islam di Aceh* (Medan: IAIN Press, 2012), h. 21-85.

¹⁶ Muhammad Nur Ichwan, “Official Ulema and the Politics of Re-Islamization: The Majelis Permusyawaratan Ulama, Shari’atization and Contested Authority in Post-New Order Aceh”, *Journal of Islamic Studies*, jil. 22. Bil. 2 (April 2011),183-214.

kerana dari satu sisi tidak memiliki agenda syariah dan di lain pihak juga berusaha untuk tidak anti terhadap syariah.

Nur Ichwan juga mendapati bahawa untuk mengakhiri konflik berkepanjangan di Aceh telah melahirkan beberapa gagasan resolusi dan kecenderungan rakyat Aceh yang disimpulkan pada empat macam; pertama ialah cadangan merdeka dan lepas daripada Indonesia, pandangan ini adalah tuntutan utama dari GAM. Cadangan kedua adalah mengadakan Referendum dengan meminta pendapat rakyat apakah tetap ikut dengan Indonesia ataupun pisah, cadangan ini disokong oleh kumpulan-kumpulan pemuda terpelajar yang terkumpul dalam SIRA (Sentra Informasi Referendum Aceh), RTA (Rabitah Taliban Aceh) yang merupakan organisasi *santri*¹⁷ Dayah Aceh serta HUDA (Himpunan ulama Dayah Aceh). Cadangan ketiga ialah menjadi negara bagian Indonesia dengan sistem Federasi dan pelaksanaan syariat Islam, cadangan ini dikemukakan oleh Gabenor semasa Syamsuddin Mahmud yang mendapat sokongan dari parlimen. Cadangan keempat adalah pemberian autonomi khusus dengan hak melaksanakan syariat Islam bagi pemeluknya di Aceh yang merupakan cadangan sekelompok cendekia yang sangat terpengaruh dengan pandangan ke Indonesia an, dan cadangan inilah nampaknya yang diguna pakai oleh kerajaan pusat pada masa itu sebelum terjadi MOU Helsinki.

Kajian Nur Ichwan juga mendapati bahawa konflik Aceh tidak membabitkan kelompok Islam Radikal. Sementara isu syariat Islam dianggap sebagai persekongkolan institusi Ulama dan politik Jakarta untuk mengakhiri konflik. Kedekatan Institusi ulama rasmi ini dengan penyelesaian konflik berimplikasi kepada munculnya penguatan pengaruh ulama berkecuali yang terhimpun dalam organisasi HUDA. Dengan demikian, hadirnya Qanun MPU dapat dikata sebagai kemenangan Institusi ulama dalam hal ini MPU untuk menempatkan diri mereka dalam politik keagamaan di Aceh. Mengatasi hal

¹⁷ Pelajar Pondok.

ini, pemerintah mencuba untuk mengambil hati Ulama HUDA dengan memasukkan mereka dalam wadah MPU.

Lahirnya pelbagai undang-undang (*Qanun*) berkenaan dengan pelaksanaan syariat Islam di Aceh tidak terlepas dari peranan yang dimainkan oleh MPU baik pada tahap pembuatan rang undang-undang mahupun pembahasan di dewan undangan negeri (DPR). Namun demikian dalam pelaksanaan syariat Islam dalam kehidupan sehari-hari MPU tidak berapa tampak peranan yang dimainkan kerana itu merupakan bidang kuasa penguat kuasa undang-undang atau pemerintah. Terpilihnya pasangan Irwandi dan Muhammad Nazar sebagai Gabenor dan naibnya membuat penyokong syariat Islam di Aceh merasa cemas termasuk MPU. Hubungan harmonis antara pemerintah dan MPU hanya berjalan pada tahap awal-awal masa kepimpinan mereka, selepas itu tidak pernah lagi meminta fatwa kepada MPU.

Mengikut kajiannya, Nur Ichwan tidak membahas bagaimana strategi yang dimainkan oleh para ulama untuk menghadapi situasi seperti ini padahal mereka secara undang-undang memiliki dasar yang kuat untuk memantau polisi yang dibuat oleh pemerintah. Di sinilah pentingnya kajian yang cuba penulis lakukan untuk menyambung apa yang disisakan oleh Nur Ichwan ini.

Berkenaan dengan peranan ulama dalam sistem pemerintahan Aceh, Husni Jalil menulis artikel dalam Jurnal transformasi Administrasi dengan tajuk "*Kedudukan dan Fungsi MPU sebagai Mitra Kerja Pemerintahan Aceh*".¹⁸ Husni jalil dalam tulisannya menyebutkan asas *legality* peranan Majelis Permusyawaratan Ulama sebagai *mitra* kerja pemerintah berasaskan perundang-undangan yang ada mulai dari perlembagaan Indonesia Undang-undang Dasar 1945 sampai peraturan daerah.

¹⁸ Lihat Husni Jalil, "Kedudukan dan Fungsi MPU Sebagai Mitra Kerja Pemerintah Aceh", *Jurnal Transformasi Administrasi*, V. 2, No. 01 (2012), 307-318.

Husni menjelaskan tugas Majelis Permusyawaratan Ulama adalah untuk memberi masukan, pertimbangan, bimbingan dan nasihat serta saranan dalam menentukan polisi daerah dari aspek syariah. Menurutnya, MPU bertanggung jawab atas terselenggaranya pemerintahan yang jujur, bersih dan berwibawa serta bercirikan Islam di daerah. Selain bertanggung jawab dengan tugas ini, Majelis Permusyawaratan Ulama juga berfungsi memberi nasihat dan saranan kepada eksekutif dan legislatif serta mengawasi pelaksanaan polisi daerah.

Dalam kajiannya, Husni Jalil menyimpulkan bahawa dalam praktiknya peranan Ulama belum berjalan secara sempurna, hanya bersifat *consultative*. Kesimpulan lain yang dibuat, autoriti ulama dalam pemerintahan adalah dalam batasan autoriti Profesionalisme dan moral, tidak lebih dari pada itu. Dari paparan ini dapat dilihat bahawa kajian yang akan penulis lakukan adalah menyambung kajian yang telah dibuat oleh Husni Jalil, terutama sekali dalam menghuraikan penyebab tidak maksimumnya peranan ulama. Selain daripada itu hal penting lainnya adalah untuk menghuraikan strategi dan langkah-langkah yang diambil oleh ulama dalam menghadapi cabaran ini.

Kajian lain adalah apa yang ditulis oleh Shane Joshua Barter dalam journal *Contemporary Islam* terbitan tahun 2011 dengan tajuk "*Ulama, the state, & war: Community Islamic leaders in the Aceh conflict*".¹⁹ Barter dalam artikelnya mengupas berkenaan peranan ulama dalam kerajaan dan konflik yang berkepanjangan dalam sejarah Aceh dari masa dahulu sampai kepada pemberontakan Aceh Merdeka.

Barter dalam kajiannya mendapati bahawa ulama dalam konflik Aceh berbeza beza pandangan, antara menyokong pemerintah, ada pula yang menyokong Gerakan Aceh merdeka ada pula yang berkecuali dengan tidak menyokong mana-mana pihak.

¹⁹ Shane Joshua Barter, "Ulama, the State, & War: Community Islamic leaders in Aceh conflict", *Journal Contemporary Islam*, V. 5, No. 1 (2011), 19-36.

Akan tetapi kebanyakan mereka menyokong gerakan anti kepada kejahatan ke atas kemanusiaan yang berlaku selama konflik Aceh terjadi. Dalam tulisannya Barter juga menjelaskan mengenai pertembungan teori dan konsep berkenaan perlunya pelaksanaan hukum syariah Islam dalam sesebuah negara. Barter juga mendapati adanya perbezaan pandangan antara ulama yang menyokong perjuangan dengan ulama rasmi terutama sekali MPU dalam beberapa isu utama yang berbangkit pada masa itu. Di antara isu yang berbangkit adalah terutama sekali berkenaan dengan syahid tidaknya pejuang Gerakan Aceh Merdeka dalam sebuah peperangan dan sikap keras mereka terhadap etnik non Aceh. Namun demikian Barter tidak menjelaskan peranan yang dimainkan oleh ulama setelah konflik reda dan adanya *Qanun* berkenaan dengan kedudukan MPU dalam sistem pemerintahan Aceh.

Kajian lain adalah artikel yang ditulis oleh Abidin Nurdin dalam buku “Serambi Mekkah yang Berubah” dengan tajuk “*Ulama dan Proses Legislasi: Mengkaji Legitimasi lembaga Ulama Aceh*”. Dalam artikelnya, Abidin membincangkan sumber legitimasi yang dimiliki oleh ulama sehingga mereka memiliki kewenangan untuk menyusun sebuah rang undang-undang. Temuan kajian yang dilakukan mendapati bahawa legitimasi yang dimiliki oleh ulama berasaskan kepada jasa dan pengorbanan yang diberikan oleh ulama sepanjang sejarah Aceh. Jika hal ini di lihat melalui teori Weber maka asas legitimasi yang dimiliki oleh ulama adalah legitimasi karismatik, iaitu kesan yang muncul akibat rasa kagum, hormat dan kecintaan masyarakat terhadap individu tertentu. Legitimasi ini diistilahkan dengan legitimasi sosiologis.²⁰

Kajian Abidin Nurdin hanya memfokuskan pada sumber legitimasi perundangan ulama tanpa membincangkan peranan ulama dalam sistem pemerintahan secara menyeluruh terutama sekali dalam menjalankan fungsi undang-undang yang telah

²⁰ Abidin Nurdin, “Ulama dan Proses Legislasi: Mengkaji Legitimasi Lembaga Ulama Aceh”, dalam *Serambi Mekkah yang Berubah*, ed. Arskal Salim dan Adlin Sila (Jakarta: Pustaka Alvabet, 2010), 93-95.

diamanahkan kepada para ulama. Demikian juga tidak membincangkan model institusi ulama yang dijadikan sebagai ikutan oleh institusi ulama di Aceh dalam memainkan peranannya dalam pemerintahan. Dengan demikian tesis ini mengisi ruang kosong yang ditinggalkan oleh penyelidik sebelumnya.

Kajian yang hampir sama dengan kajian Abidin adalah kajian yang dilakukan oleh Jabbar Sabil dalam Jurnal transformasi Administrasi dengan tajuk “*Peran ulama dalam Taqin di Aceh*”.²¹ Dalam kajiannya, Jabbar menyebutkan bukti-bukti sejarah tentang karya ulama Aceh masa dahulu dalam pembuatan undang-undang. Pembahasannya juga lebih kepada pembahasan asas undang-undang bagi lahirnya peranan ulama dalam penyusunan rang undang-undang.

Berkenaan dengan persaingan atau *resistance* antar institusi ulama, kajian terakhir yang dijumpai adalah kajian Kamaruzzaman Bustamam Ahmad dan M. Hasbi Amiruddin dengan tajuk: *Memahami Kontestasi Kekuasaan dan Otoritas Ulama di Aceh*.²² Kertas kerja ini dibentang dalam Aceh Development International conference di APIUM Kuala Lumpur bulan Mac 2013.

Kamaruzzaman dalam kajiannya membincangkan bagaimana peranan para ulama di Aceh pasca perjanjian damai Helsinki dan pola-pola yang mereka mainkan dalam berinteraksi dengan pemerintah. Kertas kerja ini juga menggambarkan bagaimana sikap ulama terhadap kerajaan. Kajian Kamaruzzaman ini juga mendapati bahawa Ulama Aceh tidak mampu memainkan kuasa yang dimiliki sebagaimana peran yang pernah berlaku pada zaman kerajaan Aceh Darussalam. Tiada berdayanya ulama lebih disebabkan kerana struktur dan undang-undang kerajaan bukan sebab tidak adanya keupayaan. Kesimpulan

²¹ Lihat Jabbar Sabil, “Peran ulama dalam Taqin di Aceh”, *Jurnal Transformasi Administrasi*, V. 2, No. 01 (2012), 199-218.

²² Kamaruzzaman Bustamam Ahmad dan Hasbi Amiruddin, “Memahami Kontestasi dan Kekuasaan dan Otoritas Ulama di Aceh”, Dalam *Proceeding of the Aceh Development International Conference*, ed. Moh. Iqbal et al., (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2013), 1: 43-49.

lain yang dibuat adalah peranan dan kuasa ulama dimainkan melalui institusi ulama, yang menjadi permasalahannya adalah mereka tidak semuanya sepakat siapa sebenarnya yang dapat disebut sebagai ulama

Kajian ini hanya menjelaskan bagaimana situasi ulama dan institusinya yang berlaku di Aceh tanpa memberikan jawapan bagaimana strategi institusi rasmi ulama yang telah mendapat mandat undang-undang (MPU) dalam menghadapi situasi sebegini, inilah yang akan menjadi tumpuan kajian tesis ini.

Selain itu karya-karya diatas, ada beberapa kertas kerja latihan ilmiah dalam bentuk tesis dan disertasi berkenaan dengan peranan ulama di dalam koleksi perpustakaan IAIN Ar-Raniry Banda Aceh dengan fokus kajian di atas tahun 2000, di antaranya sebagai berikut:

“Ulama dan Politik (Suatu Analisis Pemahaman Ulama Aceh Utara dalam Bidang Politik”, tesis Amirullah Muhamadiyah tahun 2006.²³ Dalam tesisnya, Amirullah selain membincangkan masalah ulama dalam al-Qur’an serta peranan mereka dalam sejarah Aceh serta hubungan antara ulama dengan politik, akan tetapi lebih memberikan tumpuan dalam kajiannya kepada masalah berkenaan pemahaman ulama Aceh utara terhadap politik.

Tesis Abdul Gani Isa dengan tajuk *“Ulama Aceh di Era Reformasi (Studi Melalui Pendekatan Sosiologi)”*.²⁴ Dalam kajiannya Abdul Gani Isa memberikan tumpuan berkenaan peranan ulama dalam era reformasi, iaitu era selepas jatuhnya rejim Soeharto. Abdul Gani Isa memaparkan pelbagai peranan yang digalas ulama dalam era tersebut. Gani memperincikan peranan ulama tersebut dalam pelbagai misi seperti misi dakwah,

²³ Amirullah Muhamadiyah, “Ulama dan politik (suatu analisis pemahaman ulama Aceh utara dalam bidang politik” (Tesis Sarjana, Pasca Sarjana IAIN Ar-Raniry, Banda Aceh, 2006).

²⁴ Abdul Gani Isa, “Ulama Aceh di Era Reformasi (studi melalui pendekatan sosiologi)” (Tesis Sarjana, Pasca Sarjana IAIN Ar-Raniry, Banda Aceh, 2001).

pendidikan, membimbing umat, pengawal adat, misi politik dan misi uswah hasanah. Kajian yang dilakukan dengan menggunakan pendekatan sosiologis dalam memetakan peranan sosial kemasyarakatan ulama Aceh pasca kejatuhan Soeharto.

Selain itu juga ada satu tesis Master berkenaan dengan peranan ulama semasa konflik, Tsunami dan proses perdamaian di Aceh yang ditulis oleh Ezki Widiанти dengan menggunakan pendekatan Ethnography. Dalam tesisnya yang bertajuk “*The Ulama in Aceh in Time of Conflict, Tsunami and Peace Process An Ethnographic Approach*”,²⁵ Widiанти menjelaskan tentang peranan ulama dalam masyarakat Aceh dari masa ke masa. Selain itu ia juga mengupas tentang peranan ulama dalam masa tsunami dan perundingan damai serta dalam penerapan syariat Islam. Namun demikian ia belum menyentuh tentang peranan MPU secara khusus, apalagi peranan rasmi MPU selepas diterbitkan Qanun No. 2 tahun 2009.

Sementara itu, juga ada beberapa kajian terdahulu berkenaan dengan peranan ulama secara umum dan institusi ulama secara khusus dalam sistem politik di Aceh, namun demikian kebanyakan kajian yang pernah dibuat hanya melihat sisi tertentu dari peranan ulama sebagai institusi di luar pemerintahan. Misalnya ada yang melihat “*Peranan Ulama Aceh Dalam Melahirkan Human Resource di Aceh*”.²⁶ Dalam ulasannya Muliadi Kurdi menjelaskan peranan ulama dalam politik serta mendampingi sultan selaku ketua pemerintah tidak hanya dalam bidang agama tetapi juga dalam hal ehwal dalam negeri dan politik luar²⁷. Beliau bahkan membuat suatu kesimpulan bahawa semenjak kerajaan Islam Perlak sehinggalah Kerajaan Aceh Darussalam seorang sultan selalunya didampingi oleh seorang ulama.²⁸ Selain itu ada juga sesetengah penulis lain yang

²⁵ Ezki Widiанти, “*The Ulama in Aceh in Time of Conflict, Tsunami and Peace Process An Ethnographic Approach*” (Tesis Master, The Center for International Studies, Ohio University, 2006).

²⁶ Muliadi Kurdi et al., *Ulama Aceh Dalam Melahirkan Human Resource di Aceh* (Banda Aceh: Yayasan Aceh Mandiri, 2010).

²⁷ Sila rujuk juga Muhammad Said, *Aceh Sepanjang Abad* (Medan: Waspada, 1981), 323.

²⁸ Muliadi Kurdi et al., *Ulama aceh*, 33.

melihat peranan ulama dalam mendidik umat, peranan ulama dalam mensosialisasikan syariat Islam, peranan ulama dalam pengusulan rang undang-undang bahkan ada yang melihat peranan ulama dalam penyelesaian konflik di Aceh.

Sri Suyanta melalui bukunya yang bertajuk “*Dinamika Peran Ulama Aceh*”,²⁹ menjelaskan dinamisme peranan ulama Aceh semenjak masa Kesultanan di Aceh sampai kepada tertubuhnya kembali Majelis Permusyawaratan Ulama Aceh. Dalam kajiannya, ia banyak menyebut tentang peranan ulama Aceh, pola hubungan yang berlaku serta pasang surut hubungan antara ulama dengan pemerintah dalam sejarah kesultanan Aceh. Akan tetapi, kajian yang dilakukan hanya sampai kepada tahap tertubuhnya MPU sahaja dan sebelum lahirnya Qanun Aceh No. 2 tahun 2009 tentang peranan MPU. Sebuah Qanun yang menjelaskan peranan ulama secara rinci dalam pemerintahan Aceh.

Kajian berkenaan dengan peranan ulama dalam sosial masyarakat Aceh secara umum dijumpai beberapa buku berkenaan dengannya seperti karya Yusny Saby yang bertajuk “*Islam and Social Change, The Role of the Ulama in Acehnese Society*”.³⁰ Dalam bukunya Yusny Saby menjelaskan tentang keyakinan orang Aceh akan berjayanya sebuah kerajaan jika berlaku hubungan yang harmoni antara ulama dan umara. Yusny juga menjelaskan bagaimana keterbabitannya ulama sebelum Indonesia Merdeka dalam PERTI (Persatuan Tarbiyah Islamiyah), sebuah parti politik yang memiliki kubu kuat di Sumatera Barat. Selepas itu para Ulama berafiliasi ke dalam INSHAFUDDIN, sebuah organisasi yang bergerak di bidang keagamaan, pendidikan dan berkecuali, sampai PUSA (Persatuan Ulama Seluruh Aceh) ditubuhkan.³¹ Namun demikian Yusny Saby masih menisakan ruang untuk diselidiki berkenaan peranan Majelis Permusyawaratan Ulama

²⁹ Sri Suyanta, *Dinamika Peran Ulama Aceh* (Yogyakarta: AK Group bekerjasama dengan Ar-Raniry Press, 2008).

³⁰ Yusny Saby, *Islam and Social Change: The Role of Ulama in the Acehnese Society*, (Bangi: UKM Press, 2005).

³¹ *Ibid*, 95-96.

dalam penyelesaian konflik di Aceh dan selepas Kanun No. 2 tahun 2009 tentang Majlis Permusyawaratan Ulama diterbitkan.

Buku lain dengan pembahasan berkenaan dengan peranan ulama dengan skop lebih spesifik adalah karya M. Hasbi Amiruddin dengan tajuk “*The Response of The Ulama Dayah to The Modernization of Islamic Law in Aceh*”.³² Buku yang sama juga pernah diterbitkan dalam bahasa Indonesia pada tahun 2003 dengan tajuk “*Ulama Dayah pengawal Agama Masyarakat Aceh*”.³³ Hasbi Amiruddin dalam bukunya selain menerangkan sejarah peranan ulama dalam masyarakat Aceh dengan menggunakan periodisasi mengikut peperangan masa kerajaan Islam, perang Aceh-Belanda, Pendudukan Jepun dan selepas kemerdekaan juga memberikan tumpuan kepada peranan Ulama Dayah dalam menjaga agama masyarakat Aceh dan hubungan ulama dengan perkembangan keilmuan di Timur tengah. Fokus kajiannya adalah Ulama Dayah dan tidak menyentuh berkenaan dengan Majlis Permusyawaratan Ulama.

Dalam konteks Malaysia, buku Pengaruh Pemikiran Ulama di Semenanjung Malaysia Akhir Abad ke-20,³⁴ yang ditulis oleh Shukri Ahmad juga menyumbang tentang pemikiran hubungan antara ulama dengan pemerintah dan klasifikasi ulama dalam sistem pemerintahan di tanah Melayu. Dalam bukunya, Shukri menjelaskan secara panjang lebar mengenai peranan ulama di Tanah Melayu dalam aspek pembentukan pemikiran dan pengaruhnya terhadap gerakan organisasi politik mahupun institusi sosial serta penglibatan ulama rasmi dalam memimpin institusi yang bersifat formal. Walaupun buku ini mengambil tempat kajian di Tanah Melayu, akan tetapi sangat membantu dalam

³² M. Hasbi Amiruddin, *The Response of Ulama Dayah to the Modernization of Islamic Law in Aceh* (Bangi: Penerbit UKM, 2005).

³³ Lihat M. Hasbi Amiruddin, *Ulama Dayah Pengawal Agama Masyarakat Aceh*, (Lhokseumawe: Nadiya Foundation, 2003).

³⁴ Shukri Ahmad, *Pengaruh Pemikiran Ulama di Semenanjung Malaysia Akhir Abad Ke-20* (Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia, 2011).

proses pembinaan kerangka peranan ulama dan keterbabitannya mereka dalam sistem pemerintahan yang bentuk dan prosesnya juga hampir sama dengan yang berlaku di Aceh.

Berkenaan dengan peranan ulama dan praktiknya secara global dalam negara Islam, buku yang ditulis oleh Istiaq Husain Qureshi dengan tajuk "*Ulema in Politics*" adalah sebuah karya yang mencerahkan.³⁵ Dalam bukunya, Qureshi mengulas mengenai proses perubahan peranan pemerintah dari memegang semua jawatan termasuklah sebagai imam solat dan upacara keagamaan sehingga berlakunya pengasingan kuasa akibat perubahan politik. Masih lagi menurut Qureshi, peranan ulama dalam Islam juga berbeza dengan ulama dalam agama lain.

Buku lain yang berkaitan dengan ulama adalah karya Muhammad Qasim Zaman. Dalam bukunya yang bertajuk "*The Ulama in Contemporary Islam; Custodians of change*".³⁶ Zaman menjelaskan berkenaan dengan peranan dan proses perubahan peranan ulama dalam kehidupan sosial dan pemerintahan di India dan Pakistan dari semasa ke semasa. Buku ini dapat memberi penerangan awal bagi kajian ini berasaskan pengalaman perubahan peran Ulama di India dan Pakistan.

Mengenai peran Ulama dalam sistem pemerintahan Islam penulis juga mendapati berbagai-bagai buku dalam bahasa Arab terutama yang membincangkan mengenai *Fiqh al-Dawlah* dan karya *turath* yang dapat dijadikan sebagai rujukan dalam membincangkan masalah ini.

Kajian mengenai konflik Aceh dan pelaksanaan Syariat Islam juga dijumpai dalam tulisan Gordon P. Means dengan tajuk "*Aceh Separatism in Indonesia*" dalam buku "*Political Islam in Southeast Asia*".³⁷ Dalam tulisannya, Gordon mengulas dengan sangat

³⁵ Lihat, Istiaq Husain Qureshi, *Ulema in Politics*, (Karachi: Ma'aref Limited, 1974).

³⁶ Muhammad Qasim Zaman, *The Ulama in Contemporary Islam; Custodians of change* (New Jersey: Princeton and Oxford, 2002).

³⁷ Lihat Gordon P. Means, *Political Islam in Southeast Asia* (Petaling Jaya: SIRD, 2009), 259-282.

kemas berkenaan konflik Aceh termasuk tahapan proses perdamaian yang dilalui sehinggalah Tsunami berlaku. Namun sangat sedikit sekali penerangan berkenaan dengan peranan ulama walaupun ada menyentuh serba sedikit berkenaan pelaksanaan syariat Islam.

Dari kesemua kajian tersebut, penulis melihat Ulama hanya di anggap sebagai sebuah kekuatan sosial kemasyarakatan yang mempunyai pengaruh dalam tatanan sosial akan tetapi tidak memberi impak secara rasmi dalam sistem pemerintahan. Sementara dalam penyelidikan ini akan di bahas kuasa ulama secara rasmi dalam sistem politik di Aceh berkesesuaian dengan lahirnya Qanun no. 2 tahun 2009 yang memberikan kewenangan khas kepada para ulama dalam pemerintahan Aceh.

Berasaskan tinjauan kepustakaan yang telah pengkaji lakukan, pengkaji melihat bahawa kajian yang akan dilakukan dapat mengisi bahagian kosong yang belum diterokai oleh para penyelidik sebelumnya. Kajian yang akan dilakukan ini juga menyambung apa yang pernah dikaji oleh beberapa penyelidik sebelumnya.

1.10. Metodologi Penyelidikan

Metodologi penyelidikan merujuk kepada perancangan umum bagaimana penyelidikan yang ingin dijalankan berupaya menghasilkan data-data yang tepat atau hampir tepat bagi menghasilkan dapatan yang berkualiti.³⁸ Dalam hal ini, ia merupakan kaedah pengumpulan dan analisa data yang digunakan oleh penyelidik dalam menjalankan penyelidikannya.

Kajian ini termasuk dalam kategori kajian kualitatif yang menggunakan pelbagai fakta, maklumat, pernyataan dan ulasan bersumber dari dokumen bercetak untuk

³⁸ Ahmad Munawar Ismail dan Mohd. Nor Shahizan Ali, *Kaedah Penyelidikan Sosial Daripada Perspektif Islam* (Bangi: Penerbit UKM, 2014), 48.

menjelaskan permasalahan yang dikaji. Penjelasan yang diberikan oleh penyelidikan dalam kategori ini tidak bergantung pada nombor dan perkiraan statistik.³⁹ Selain itu, ia dapat dikategorikan sebagai kajian kualitatif kerana kajian ini juga merupakan kajian terhadap suatu proses atau bagaimana suatu perkara itu berlaku dalam satu-satu suasana (*setting*) yang hendak dikaji.⁴⁰ Sifat dari kajian ini boleh diklasifikasikan sebagai penyelidikan penerokaan (*exploration*) yang bertujuan untuk menjelaskan dan meningkatkan pengetahuan secara mendalam tentang sesuatu permasalahan yang dikaji.⁴¹

Dalam praktiknya, kajian dijalankan bagi mengkaji bagaimana Majelis Permusyawaratan Ulama memainkan peranan dalam sebuah sistem pemerintahan berasaskan autoriti yang dimiliki dari undang-undang yang sedia ada. Kemudian melihat tahapan pelaksanaannya dalam sistem pemerintahan pada masa kekuasaan kerajaan-kerajaan Islam di Aceh dan realiti semasa. Kajian ini dipaparkan dalam bentuk deskriptif analisis dengan menganalisis terhadap interpretasi berkaitan hakikat peranan institusi ulama dalam sistem pemerintahan.

Dengan demikian reka bentuk kajian ini juga dapat dikatakan sebagai *historical design*, iaitu mengumpul data kualitatif mengenai peristiwa yang telah berlaku dan menghubungkan dengan peristiwa yang tengah berlaku guna memahami peristiwa tersebut untuk meramal peristiwa yang akan berlaku pada masa hadapan.⁴²

Dalam menyelenggarakan kajian ini, penulis membahagikan rangkanya kepada dua peringkat. Iaitu peringkat pengumpulan data dan analisis data.

³⁹ Idris Awang, *Kaedah Penyelidikan Suatu Sorotan* (Petaling Jaya: Intel Multimedia and Publication, 2001), 6-7.

⁴⁰ Sabitha Marican, *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial* (Petaling Jaya: Prentice Hall, 2005), 11

⁴¹ Idris Awang, "Kaedah Penyelidikan", 41.

⁴² Chua Yan Piaw, *Kaedah dan Statistik Penyelidikan*, Buku dua, (Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Education, 2012), 60.

1.10.1 Kaedah Pengumpulan Data.

Data kajian ini terdiri dari data yang bersumber dari perpustakaan (Library) dan data lapangan (*field work*), dengan sumber utama data adalah bahan bertulis dan data lapangan berupa *interview*. Pemilihan sumber bertulis adalah berdasarkan kriteria buku-buku `Arab, Inggeris dan Melayu yang merujuk kepada tema peranan institusi ulama dalam sistem pemerintahan. Pemerhatian juga dilihat kepada justifikasi setiap pandangan. Dalam hal ini, perhatian yang berat diberikan kepada fakta serta dalil-dalil yang dikemukakan serta rasional yang dibentangkan.

Selain itu, pemilihan sumber juga melihat kepada data-data tentang sejarah dan fakta (*historical-faktual*), kerana yang diteliti selain dasar pemikiran tentang peranan institusi ulama juga praktik pelaksanaannya dalam sejarah.

Penulis mengumpulkan data-data dan maklumat-maklumat yang dikehendaki melalui bahan-bahan bercetak seperti buku-buku ilmiah, latihan ilmiah (tesis-tesis), kertas kerja, prosiding, artikel-artikel jurnal dan lain-lain bahan berkaitan dengan peranan institusi ulama dalam sistem pemerintahan. Rujukan kepada bahan dalam talian internet juga dilakukan dengan mengambil kira web yang boleh diakui faktanya.

Selain dari bahan-bahan bertulis, untuk data lapangan, kajian ini menggunakan metode temu bual mendalam (*in-depth interview*) dengan beberapa pihak yang dianggap berkaitan dan memahami tentang hal ehwal Majelis Permusyawaratan Ulama sama ada dari kalangan pemerintahan Aceh yang berhubung kait dengan pelaksanaan Syariat Islam, ahli akademik, ulama karismatik mahupun dari kalangan Majelis Permusyawaratan Ulama sendiri. Temu bual dilakukan dengan menggunakan jenis separa berstruktur atau semi berstruktur dengan cara menyiapkan senarai soalan sebelum temu bual dijalankan

dan kemudian dikembangkan mengikut situasi semasa ketika proses temu bual dilaksanakan.⁴³

Untuk maksud tersebut, dua belas orang telah ditemu bual untuk keperluan data selama penyelidikan ini. Pemilihan sumber dalam temu bual dilakukan secara terpilih dengan pertimbangan bahawa sumber memahami dengan baik tentang permasalahan yang sedang dikaji. Sumber yang ditemu bual terdiri dari kalangan dalaman MPU dan luar MPU yang meliputi ahli akademik dan pegawai pemerintah. Dari kalangan MPU, sumber terdiri dari ketua MPU, bekas ketua, *Majelis Syuyukh* dan staf pakar MPU. Pemilihan ketua MPU kerana ia adalah sedang menjawat jawatan ketua dan dianggap sangat mengetahui dengan keadaan semasa. Sementara pemilihan bekas ketua MPU sebagai sumber temu bual kerana ia adalah bekas ketua MPU selama dua penggal. Selain itu, ia juga sudah terlibat dalam MPU semenjak masih lagi bernama MUI, sehingga keparannya tentang seluk belok MPU tidak diragui, apalagi ia adalah seorang ahli akademik terkemuka. Pemilihan *Majelis Syuyukh* MPU sebagai sumber kerana dianggap sebagai orang yang sering dirujuk oleh ketua MPU jika ada sebarang kesulitan berlaku dan *Majelis Syuyukh* juga merupakan tokoh ulama karismatik yang dihormati oleh masyarakat secara meluas. Sementara staf pakar MPU dirujuk kerana ia kerap mewakili MPU dalam perbincangan dengan pihak Dewan Perwakilan Rakyat dan juga kerap menyiapkan bahan yang diperlukan oleh MPU.

Dari kalangan luar MPU, telah ditemu bual beberapa ahli akademik dan pegawai pemerintahan sama ada yang menjawat di pejabat Gabenor Aceh mahupun pegawai kanan Dinas Syariat Islam. Mereka semua adalah orang-orang yang mengerti tentang MPU dan sering berinteraksi dengan suasana yang berkenaan dengan MPU.

⁴³ Noraini Idris, *Penyelidikan Dalam Pendidikan* (Malaysia: McGraw-Hill Sdn. Bhd, 2010), 320.

Semua temu bual dijalankan dengan bertemu langsung dengan sumber (*face to face*) kecuali satu orang yang dilakukan melalui telefon.

1.10.2 Kaedah Analisis Data

Analisa data dalam kajian ini lebih bersifat analisa kualitatif iaitu merujuk kepada maksud data yang ditafsirkan bagi menjawab persoalan kajian. Penulis cuba melihat tiga tonggak utama yang mendasari persoalan utama kajian ini iaitu, konsep Peranan ulama dalam sesebuah negara berasaskan dalil dan ijthihad yang ada serta pelaksanaannya dalam sejarah. Tonggak kedua adalah melihat peranan dan tugas yang digalas oleh Majelis Permusyawaratan Ulama dalam pemerintahan Aceh. Tonggak ketiga adalah melihat usaha dan strategi yang dijalankan oleh Majelis Permusyawaratan Ulama dalam menyahuti cabaran pelaksanaan amanah undang-undang dalam menjalankan peranannya. Untuk itu, proses–proses di bawah ini dipakai oleh pengkaji iaitu:

- i. Melakukan pengumpulan terhadap fakta sejarah, pandangan-pandangan ulama dan sarjana mengenai penerapan peranan institusi ulama dalam pemerintahan.
- ii. Menganalisis kenyataan-kenyataan yang telah di kumpul

Menganalisis kenyataan merujuk kepada aktiviti penulis untuk mencari kekuatan hujah yang digunakan bagi mencari hubungan antara aspek philosophy yang diguna pakai dalam sejarah kerajaan-kerajaan Islam dengan apa yang berlaku dalam praktik penyelenggaraan pemerintahan di Aceh. Ia melibatkan kepada analisis peristiwa untuk mengenal secara pasti rangka suatu peristiwa yang dinyatakan oleh subjek kajian⁴⁴. Selain itu juga dengan analisis bentuk tematik.

Analisa tematik cuba mengungkapkan “apa pandangan sarjana dan ulama” terhadap isu-isu yang menjadi asas pembentukan bab dua, tiga dan empat mengikut

⁴⁴ *Ibid.*, 64.

kesesuaian. Kemudian data-data itu cuba diklasifikasikan mengikut tema-tema tertentu yang digabungkan dalam bab kelima.

Untuk data lapangan berasaskan kepada wawancara, data yang diperoleh akan dibuatkan transkrip terlebih dahulu. Kemudian dipilih mana yang bersesuaian dengan keperluan kajian dan dianalisis dengan melakukan diskusi bersama beberapa pihak yang dianggap berautoriti. Hasil diskusi akan dilakukan wawancara bersilang dengan sumber yang ada sehingga maklumat yang di dapat menjadi lebih sahih dan sempurna. Proses mempelbagaikan sumber dalam kajian kualitatif dapat diperkatakan sebagai *triangulation*.⁴⁵

Penulisan disertasi ini berpandukan kepada buku Panduan Penulisan Ilmiah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya edisi ketiga tahun 2012.

1.11. Susunan Penulisan

Penyelidikan ini dibahagi kepada enam bab:

Bab 1. Membincangkan latar belakang masalah, permasalahan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, definisi tajuk, skop kajian, kerangka teori, ulasan kajian lepas dan metodologi penyelidikan berupa kaedah pengumpulan dan analisis data.

Bab 2. Membincangkan mengenai konsep peranan ulama dalam pemerintahan negara yang meliputi pembahasan definisi ulama, ulama dalam al-Qur'an dan al-Sunah, kriteria ulama dan ulama dalam pandangan masyarakat Aceh. Bab ini juga membahaskan berkenaan dengan asas peranan ulama dalam pemerintahan dengan merujuk kepada pandangan Mufasirin dan pandangan ulama kontemporari serta membincangkan proses legitimasi peranan ulama. Pola peranan ulama dalam sistem pemerintahan turut

⁴⁵ J.R. Raco, *Metode Penelitian Kualitatif: Jenis, Karakteristik dan Keunggulannya* (Jakarta: Grasindo, 2010), 111.

dibincangkan dengan sub bahasan meliputi pemerintah merupakan ulama, ulama berkecuali dan ulama sebagai bahagian dari pemerintah adalah bahasan selanjutnya. Model institusi ulama dalam pemerintahan Islam dan cara ulama dalam memberi sumbangan terhadap pemerintahan merupakan pembahasan terakhir bab ini yang ditutup dengan kesimpulan.

Bab 3. Membincangkan peranan ulama dalam sejarah pemerintahan Aceh. Pembahasan yang di kemukakan adalah peranan ulama dalam sejarah semenjak zaman kegemilangan Pemerintahan Islam di Aceh bermula dari kerajaan Pasai, Kesultanan Aceh Darussalam sampai datangnya penjajahan Belanda dan Jepun. Pembahasan bab tiga ini diteruskan dengan pembahasan tentang peranan ulama pada era pra autonomi di Aceh yang membabitkan pemberontakan Aceh kepada Jakarta. Dalam pembahasan era ini diketengahkan sejarah awal mula MPU lahir dan peranan ulama pada tersebut. Bab tiga ini turut membincangkan peranan Ulama pasca autonomi dengan berlakunya UU No. 44 tahun 1999 dan Undang-undang No. 11 tahun 2006 selepas berlakunya perjanjian damai antara Aceh dengan pihak Jakarta. Pembahasan ditutup dengan kesimpulan.

Bab 4. Bahasan bab ini adalah berkenaan dengan status kedudukan Majelis Permusyawaratan Ulama dalam Pemerintahan Aceh. Pembahasan dimulai dengan pengenalan tentang wilayah Aceh dan sistem pemerintahan Aceh. Untuk mengetahui status kedudukan MPU dalam perundangan Indonesia, hierarki perundangan Indonesia turut dibincangkan. Perbincangan diteruskan dengan membincangkan tentang organisasi MPU yang meliputi visi, misi, kewenangan, tugas, status keahlian dan sistem pentadbiran MPU. Bab ini ditutup dengan pembahasan berkenaan status hubungan antara MPU dengan agensi pemerintah dan organisasi ulama lain di Aceh serta kesimpulan.

Bab 5. Analisis terhadap peranan Majelis Permusyawaratan Ulama di Aceh merupakan hasil kajian yang dianalisa berasaskan perbincangan dalam tiga bab

sebelumnya. Pembahasan akan difokuskan pada asas peranan MPU dalam pemerintahan Aceh, perubahan peranan ulama dari individu kepada institusi, pola hubungan MPU dengan Pemerintah Aceh, pasang surut peranan MPU dalam pemerintahan Aceh dan pola hubungan MPU dengan organisasi ulama lain di Aceh. Perbincangan diteruskan dengan permasalahan yang dihadapi oleh MPU dalam melaksanakan peranannya serta usaha dan strategi MPU untuk dapat melaksanakan peranan secara berkesan. Pembahasan bab ini ditutup dengan kesimpulan.

Bab 6. Rumusan dan cadangan berupa rumusan dapatan kajian, cadangan dan saranan serta diakhiri dengan penutup.

University of Malaya

BAB 2: KONSEP PERANAN ULAMA DALAM PEMERINTAHAN NEGARA

2.1. Pengenalan

Perbincangan mengenai pelbagai aspek yang berkaitan dengan ulama dan peranannya dalam pemerintahan negara dapat ditemui dalam pelbagai hasil karya sarjana Islam. Bab ini akan meninjau pelbagai pandangan dan pembahasan yang dikemukakan oleh para sarjana Islam tersebut. Aspek-aspek yang akan dibincangkan merangkumi definisi ulama, peranan ulama menurut al-Qur'an dan sunah, kriteria ulama, ulama dalam pandangan masyarakat Aceh, asas peranan ulama dalam pemerintahan, proses legitimasi peranan ulama, pola peranan ulama dalam sistem pemerintahan dan model institusi ulama dan peranannya dalam pemerintahan Islam.

Perbincangan dalam semua aspek ini adalah penting sebagai asas untuk memahami konsep peranan ulama dalam sistem pemerintahan negara. Fokus utama perbincangan dalam bab ini adalah mencari asas peranan ulama dalam sistem pemerintahan sama ada dari sudut pandang hukum syara', pandangan sarjana-sarjana Islam mahupun bentuk amalannya dalam sejarah pemerintahan Islam.

2.2. Konsep Ulama

Perkataan Ulama merupakan gelaran yang diberi kepada orang yang dianggap memiliki kemampuan dalam memahami permasalahan agama dan mampu menjelaskan konsep agama untuk diaplikasikan dalam kehidupan. Untuk lebih jelas mengenai konsep ulama, maka akan dikupas tentang ulama dari segi aspek bahasa, ulama dalam pembahasan al-Qur'an dan Sunah serta kriteria ulama. Selanjutnya dibahas mengenai siapa yang dianggap sebagai ulama dalam pandangan masyarakat Aceh.

2.2.1. Definisi Ulama

Perkataan “ulama” merupakan perkataan bahasa Arab yang telah diserapkan ke dalam bahasa Melayu. Perkataan “ulama” berasal dari perkataan ‘*alima ya’lamu-ilman*,¹ yang erti asasnya ialah ‘*arafa* iaitu mengetahui. Orang yang mengetahui dinamai dengan ‘*ālimun*, jumlah bilangan banyak (plural) dari perkataan ‘*alima* adalah ‘*ulamā*’, orang yang sangat banyak ilmunya dikenali dengan *al-‘Allāmah*.² Seseorang digelar sebagai ‘*ālim* atau ‘*alīm* jika ia banyak mengetahui. Sementara perkataan *al-‘Allāmah* menunjukkan kepada kesangatan, *ism tafḍīl* (*superlative*) dari perkataan ‘*alima* yang membawa kepada makna sangat mengetahui,³ hal ini dapat diketahui dari keberadaan huruf “*ha*” atau “*ta marbūtah*” pada hujung perkataan *al-‘Allāmah* yang menunjukkan kepada *al-Mubālaghah*.⁴

Mengikut Ibnu Fāris dalam *Mu’jam Maqāyisu al-Lughah*, rangkaian perkataan yang berasas kepada huruf ‘*ain*, *lam* dan *mim*, erti asalnya ialah adanya tanda atau jejak pada sesuatu yang dapat membezakannya dengan yang lain.⁵ Daripada akar kata inilah muncul turunan perkataan *al-‘Alāmah* yang membawa kepada makna tanda atau yang dikenali, *al-‘Alam* yang membawa kepada makna bendera atau panji-panji atau gunung, *al-‘Ilmu* sendiri bermakna lawan dari pada kebodohan atau mengetahui.⁶

¹ Muḥammad Ibn Abī Bakr ibn ‘Abd al-Qādir al-Rāzī, *Mukhtār al-Ṣiḥḥah* (Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabī, 1967), 452.

² Majma’ al-Lughah al-‘Arabīyah, *Mu’jam al-Wajīz*, (Cairo: Wizārat al-Tarbiyyah wa al-Ta’līm, 2000), 432.

³ Al-Tāhir Ahmad al-Zāwi, *Tartīb al-Qāmūs al-Muḥīṭ ‘ala Tariqati al-Miṣbāḥ al-Munīr wa Asāsu al-Balāghah*, c. 2, (Kaherah: ‘Isā al-Bābi al-Ḥalaby wa Syurakāh, t.t), 3: 301.

⁴ Ismā’īl bin Ḥammād al-Jawhary, *al-Ṣiḥḥah, Tāj al-‘Arabīyah wa ṣiḥḥah al-‘Arabīyah*, c. 2, (Kaherah: t.tp), 5: 1990.

⁵ Abī al-Ḥusayn Aḥmad bin Fāris bin Zakariyya, *Mu’jam Maqāyis al-Lughah*, c. 2, (Kaherah: Maktabah wa Maṭba’ah Muṣṭafā al-Bābi al-Ḥalaby wa Awlāduh, 1971), 4: 109.

⁶ *Ibid.*, 110, lihat juga M. Quraish Shihab, ed., *Ensiklopedia Al-Quran*, (Jakarta: Lentera Hati, 2007), 3: 1018.

Pengertian yang serupa juga diungkapkan oleh al-Jurjāny dalam *Ta'rifāt* dengan menyebutkan bahawa *al-'Alamu* bermakna ungkapan mengenai sesuatu yang diketahui dengannya sesuatu (*'ibāratun 'ammā yu'lamu bihī al-Shay'*).⁷

Merujuk Ibnu Manzūr dalam *Lisān al-'Arab*, perkataan Ulama merupakan kata bilangan banyak dari ism fā'il perkataan *al-'ilm* yang bermakna lawan kepada kebodohan. Ibn Jinny sebagaimana disebut oleh Ibn Manzūr menyatakan bahawa seseorang baru dapat dikatakan sebagai *'ālim* jika ia telah lama berkecimpung dalam dunia keilmuan sehingga ia sehati dengannya bagaikan semula jadi.⁸

Ulama juga ditakrifkan sebagai orang-orang yang mempunyai ilmu, secara khasnya dalam bidang ilmu agama (ilmu al-Qur'an, hadis, fikah dan undang-undang syariah). Selain itu juga memiliki kelayakan yang sepatutnya sebagai orang yang percaya kepada Allah dan melaksanakan syariat Islam.⁹ Sementara itu, perkataan ulama dalam penggunaan sehari-hari diguna pakai untuk menunjukkan orang yang ahli, pakar dalam pengetahuan agama Islam.¹⁰

Gibb dan Kramers menyimpulkan bahawa ulama adalah penjaga atau pengawal agama yang terdiri daripada golongan fuqaha dan Mutakallimin.¹¹ Definisi ini melihat ulama dari segi fungsi yang dimainkan dan terlihat nampak sempit dengan mengkhususkan ulama kepada golongan fuqaha dan Mutakallimin sahaja.

Definisi ulama dengan cakupan yang lebih luas diberikan dengan memasukkan pakar dalam bidang ilmu alam ke dalam kategori golongan ulama selain dari golongan

⁷ 'Alī bin Muḥammad al-Sayyid al-Sharīf al-Jurjāny, *Mu'jam al-Ta'rifāt* (Kaherah: Dār al-Faḍīlah, 2004), 122.

⁸ Abī Faḍl Jamal al-Dīn Muḥammad bin Makram ibn Manzūr, *Lisān al-'Arab*, J. 12. (Beirut: Dār Ṣādir, 1990), 417.

⁹ J.L. Esposito, ed., *The Oxford Encyclopaedia of The Modern Islamic World* (Oxford: Oxford University press, 1995), 258.

¹⁰ *Kamus Dewan*, ed. Ke-3 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002), 1511, entri "ulama".

¹¹ H. A. R Gibb and J. H Kramers, *Shorter Encyclopedia of Islam* (New York: Tuta Subaegide Pallas, 1995), 599.

pakar dalam bidang fikah dan ilmu keislaman murni. Pandangan ini mensyaratkan satu syarat iaitu ilmu yang dipunyai diguna pakai untuk membuat dirinya merasa takut dan tunduk (*khashyah*) kepada Allah Subhanahu Wata'ālā.¹²

Pentakrifan secara lebih terbuka seperti di atas juga disepakati oleh al-Qannūjī dengan mengambil pendapat yang menyatakan bahawa ulama adalah orang yang mampu menghimpunkan antara ilmu *ma'qūl* (yang dapat difahami berasaskan kepada fahaman akal) dengan ilmu *manqūl* (ilmu berasaskan kepada wahyu). Beliau juga berpandangan bahawa ulama adalah orang yang dapat menjelaskan pelbagai masalah yang timbul berasaskan dalil-dalil dan bersandarkan pengetahuan yang pasti (*thābit*).¹³

Berasaskan kepada pentakrifan yang telah dikemukakan oleh para pakar, dapat disimpulkan bahawa ulama merupakan seorang yang pakar dalam bidang ilmu keagamaan dan golongan intelektual yang dapat memecahkan permasalahan masyarakat serta mengamalkan ajaran Islam dalam kehidupan seharian sehingga dapat dijadikan sebagai teladan.

2.2.2. Ulama Dalam al-Qur'an dan al-Sunnah

Secara tegas, perkataan ulama disebut sebanyak dua kali dalam al-Qur'an. Pertama dalam surah al-Shu'arā', Allah berfirman:

أَوَلَمْ يَكُنْ لَهُمْ آيَةٌ أَنْ يَعْلَمَهُمُ اللَّهُمَّتُوا بِآيَاتِنَا إِسْرَائِيلَ ﴿١٣٧﴾

Al-Shu'arā 26: 197

Bermaksud: Tidaklah mereka orang musyrik sedar (akan kebenaran itu) dan tidakkah menjadi satu keterangan kepada mereka bahawa ulama Bani Israil mengetahui akan kebenaran al-Qur'an.

¹² Azyumardi Azra et al., *Ensiklopedi Islam*, v. 7. (Jakarta: PT. Ichtiar Baru Van Hoeve, 1994), 154.

¹³ Şiddīq Ibn Hasan al-Qannūjī, *Abjad al-'Ulūm*, (Damsyik: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1978), 1:134.

Perkataan ulama juga dijumpai pada firman Allah:

إِنَّمَا يَخْشَى اللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ الْعُلَمَاءُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ غَفُورٌ ﴿٢٨﴾

Fāṭir 35: 28

Bermaksud: Sesungguhnya hanya ulama sahaja yang takut kepada Allah dari kalangan hamba-hamba-Nya.

Selain itu, dalam al-Qur'an juga ada beberapa ayat yang menunjukkan kepada ulama dengan menggunakan beberapa perkataan lain. Perkataan yang diguna pakai seperti "*al-Rāsikhūna fil 'ilm*¹⁴, *ahl al-Zikr*¹⁵ dan *al-Ladhīna utū al-'Ilm*",¹⁶ kesemua perkataan ini menunjukkan kepada orang yang berilmu atau ulama. Perkataan *al-Rāsikhūna fi al-'ilm* di tafsirkan oleh al-Ṣābūny dengan "*al-Thābitūna al-Mutamakkinūna min al-'Ilm*", orang yang autoriti keilmuannya mengenai sesuatu tidak dapat dipertikaikan.¹⁷

Quraish Shihab menyimpulkan bahawa perkataan yang satu dasar dengan ulama dalam bentuk kata kerja lampau, *fi'il maḍī* disebut sebanyak 69 kali dalam al-Qur'an, kata kerja sekarang dan akan datang, *fi'il muḍāri'* sebanyak 338 kali dan kata perintah, *fi'il amar* sebanyak 27. Selebihnya adalah dalam bentuk kata nama *ism* dan pelbagai bentuk lainnya sebanyak 429 kali. Secara keseluruhan perkataan ini dengan berbagai bentuk disebut dalam al-Qur'an sebanyak 863 kali.¹⁸

Perkataan *'ālimīn* atau *'ālimūn* dalam bentuk *jamak muzakkar sālim* disebut lima kali dalam al-Qur'an. Penggunaannya antara lain untuk menunjukkan kepada orang yang mampu memahami tanda-tanda kekuasaan Allah mahupun tamsilan yang diberikan oleh

¹⁴ Q.S. Ali Imran (3): 7.

¹⁵ Q.S. Al-Naḥl (16): 43.

¹⁶ Q.S. Al- Mujādilah (58): 11.

¹⁷ Muḥammad 'Alī al-Sābūny, *Ṣafwat al-Tafāsir* (Kaherah: Dār al-Salām, 1996), 1: 167.

¹⁸ M. Quraish Shihab, ed., *Ensiklopedia al-Qur'an*, 1017.

Allah. Selain itu perkataan ini juga merujuk kepada mereka yang mampu untuk mentakbirkan mimpi sebagaimana tersebut dalam surah al-‘Ankabūt: 43.¹⁹

Penyebutan perkataan ulama pada surah al-Shu‘arā’ adalah dalam konteks perbincangan tentang kebenaran isi kandungan al-Qur’an yang telah diperakui oleh ulama Bani Israel. Ayat ini mengisyaratkan bahawa ulama adalah manusia yang mengetahui tentang ayat-ayat Qura’niyyah. Sementara penyebutannya dalam surah Fāṭir adalah dalam konteks ajakan al-Qur’an untuk memerhatikan turunnya hujan, kepelbagaian buah-buahan, gunung-ganang, binatang dan manusia yang pada akhirnya ditutup dengan pernyataan: Sesungguhnya yang takut kepada Allah di antara hamba-hamba-Nya hanyalah ulama.²⁰ Isyarat yang di dapat dalam ayat ini, ulama adalah manusia yang memahami dan menguasai ayat-ayat Allah yang *kauniyyah* (alam). Dengan demikian dapat di fahami bahawa yang dimaksud dengan perkataan ulama dalam konsep al-Qur’an adalah manusia yang dapat memahami ayat-ayat Allah, sama ada yang *Qawliyah* mahupun yang bersifat *Kauniyyah*. Pengetahuan yang didapati tersebut dapat menghantarkannya kepada sikap tunduk dan takut kepada Allah, dalam bahasa al-Qur’an disebut dengan *Khasyyah*.²¹

Perkataan ulama juga didapati penyebutannya dalam hadith-hadith Rasulullah s.a.w, seperti riwayat yang menyebutkan bahawa ulama adalah pewaris para nabi, ulama sebagai pemberi syafaat, pembaik masyarakat, pemegang amanah Allah di atas permukaan bumi, ulama bagaikan lampu atau bintang-bintang di langit, demikian juga riwayat yang menyatakan bahawa tinta para ulama lebih mulia dari pada darah syuhada.²²

¹⁹ *Ibid.*, 1019

²⁰ *Ibid.*, 1018.

²¹ *Ibid.*, Azyumardi Azra et al., *Ensiklopedi Islam*, 154.

²² Shukri Ahmad, *Pengaruh Ulama di Semenanjung Malaysia Akhir Abad ke-20* (Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia, 2011), 21-22.

Dalam hadis diriwayatkan bahawa ulama merupakan pewaris Nabi.²³ Selaku pewaris Nabi, selepas Nabi wafat tugas yang digalas oleh para ulama adalah sebagaimana tugas yang di bawa oleh para Nabi.²⁴ Dalam al-Qur'an disebutkan bahawa tugas para Nabi ada empat jenis:

Pertama: adalah menyampaikan (*tabligh*) ajaran-ajaran tuhan. Allah berfirman:

يٰۤاَيُّهَا الرّٰسُوْلُ بَلِّغْ مَا اُنزِلَ اِلَيْكَ مِنْ رَّبِّكَ ۗ وَاِنْ لَّمْ تَفْعَلْ فَمَا بَلَّغْتَ رِسَالَتَهُ
Al-Māidah 5: 67

Bermaksud: Wahai para Rasul, sampaikan apa-apa yang telah tuhan Mu turunkan kepada engkau dan sekiranya engkau tidak melakukan maka engkau tidak menyampaikan risalah-Nya.

Kedua: menjelaskan ajaran-ajaran Allah, firman-Nya:

وَاَنْزَلْنَا اِلَيْكَ الذِّكْرَ لِتُبَيِّنَ لِلنَّاسِ مَا نُزِّلَ اِلَيْهِمْ وَلَعَلَّهُمْ يَنْفَكُرُوْنَ
al-Nahl 16: 44

Bermaksud: Dan Kami turunkan kepadamu al-Qur'an untuk kamu terangkan kepada manusia apa yang diturunkan kepada mereka dan semoga mereka berfikir.

Ketiga: Memutuskan perkara atau permasalahan yang dihadapi masyarakat

كَانَ النَّاسُ اُمَّةً وَّاحِدَةً فَبَعَثَ اللهُ النَّبِيِّنَ مُبَشِّرِيْنَ وَمُنذِرِيْنَ ۗ وَاَنْزَلَ مَعَهُمُ الْكِتٰبَ بِالْحَقِّ لِيَحْكُمَ بَيْنَ النَّاسِ فِيمَا اَخْتَلَفُوْا فِيْهِ
Al-Baqarah 2: 213

²³ Hadis riwayat al-Tirmizī, Abwāb al-‘Ilm, Bāb Fī Faql al-Fiqh ‘alā al-‘Ibādah, no. Hadis. 2822 dan Bukhari, Kitāb al-‘Ilm, Bāb al-‘ilm Qabl al-Qawl wa al-‘Amal. Lihat Al-Ḥāfiẓ al-‘Allāmah Abī al-‘Ulā Muḥammad ‘Abd al-Raḥmān ibn ‘Abd al-Raḥīm al-Mubārakfury, *Tuḥfatu al-Aḥwazy Bisyarḥ Jāmi’ al-Tirmizy*, j. 7 (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2001), 374-377. Lihat juga Al-Ḥāfiẓ Aḥmad ibn ‘Alī ibn Hajar al-‘Asqalāny, *Fath al-Bāri Bisyarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhāry*, j. 1 (Riyāḍ: Dar Tayyibah, 2011), 282.

²⁴ Azyumardi Azra et al., *Ensiklopedi Islam*, 155. M. Quraish Shihab, ed., *Ensiklopedia al-Qur’an*, 1019

Bermaksud: Dan adalah manusia dalam keadaan satu umat, lalu Allah utuskan para Nabi untuk membawa berita gembira dan memberi peringatan dan diturunkan bersama mereka kitab-kitab dengan sebenarnya supaya dapat memutuskan segala perselisihan di antara mereka.

Keempat: memberikan contoh pengamalan, sesuai dengan hadith Aisyah r.a bahawa perilaku nabi adalah praktik dari al-Qur'an.²⁵

Ulama dalam pandangan al-Qur'an memiliki tanggung jawab yang sangat berat terhadap ilmu yang dipelajari. Perumpamaan yang diberikan al-Qur'an terhadap orang yang memiliki pengetahuan dan melepaskan tanggung jawabnya kerana mengikuti hawa nafsu bagaikan seekor anjing yang tetap menjulurkan lidahnya dalam keadaan dihalau mahupun dibiarkan, firman Allah:

وَأْتَلُ عَلَيْهِمْ نَبَأَ الَّذِي آتَيْنَاهُ آيَاتِنَا فَاسْلَخَ مِنْهَا فَاتَّبَعَهُ الشَّيْطَانُ فَكَانَ مِنَ الْعَاوِينَ
﴿١٧٥﴾ وَلَوْ شِئْنَا لَرَفَعْنَاهُ بِهَا وَلَنُكِنِّيهِ أَخْلَدَ إِلَى الْأَرْضِ وَاتَّبَعَ هَوَاهُ فَمَثَلُهُ كَمَثَلِ الْكَلْبِ
إِنْ تَحَمَلَ عَلَيْهِ يَلْهَثُ أَوْ تَرَكَهُ يَلْهَثُ ذَلِكَ مَثَلُ الْقَوْمِ الَّذِينَ كَذَبُوا بِآيَاتِنَا
﴿١٧٦﴾ فَأَقْصِرْ الْقَصَصَ لَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ

al-A'raf 7: 175-176.

Bermaksud: Dan bacakanlah kepada mereka (Wahai Muhammad), Khabar berita seorang yang kami beri kepadanya (pengetahuan mengenai) ayat-ayat (Kitab) Kami. Kemudian ia menjadikan dirinya terkeluar dari mematuhinya, lalu ia diikuti oleh Syaitan (dengan godaannya), maka menjadilah dari orang-orang yang sesat. Dan kalau Kami kehendaki nescaya Kami tinggikan pangkatnya dengan (sebab mengamalkan) ayat-ayat itu. Tetapi ia bermati-mati cenderung kepada dunia dan menurut hawa nafsunya; maka bandingannya adalah seperti anjing, jika engkau menghalaunya: ia menghulurkan lidahnya termengah-mengah, dan jika engkau membiarkannya: ia juga menghulurkan lidahnya termengah-mengah.

²⁵Hadith riwayat imam Ahmad, No. Hadith. 24681. Lihat Ahmad bin Muhammad bin Hanbal, *Al-Musnad* (Kaherah: Dār al-Hadīth, 1995), 17:432.

Demikianlah bandingan orang-orang yang mendustakan ayat-ayat Kami. Maka ceritakanlah kisah-kisah itu supaya mereka berfikir.

Ayat ini menerangkan akan pentingnya tanggung jawab terhadap ilmu yang dimiliki dengan cara pengamalan dalam kehidupan sehari-hari oleh ulama. Allah juga memberi peringatan supaya ulama tidak cenderung mengikuti hawa nafsu dan mengejar kepentingan yang bersifat duniawi semata. Ulama yang tidak mengamalkan ilmunya Allah tamsil dengan haiwan yang jelik dengan keadaan lidah terhulur sama ada dihalau mahupun dibiarkan.

2.2.3. Kriteria Ulama.

Pada tahap awal perkembangan Islam, belum dijumpai percabangan keilmuan pada seseorang, hal ini kerana pada masa itu, seorang pakar biasanya menguasai berbagai-bagai disiplin keilmuan. Percabangan keilmuan mula berlaku seiring dengan berlakunya pengukuhan disiplin keilmuan secara sendiri-sendiri pada awal abad ketiga hijrah. Dahulu seorang pakar dalam bidang fikah juga dikenali sebagai pakar dalam bidang hadith atau *muhaddith* (pakar hadith), *al-Mufasssir* (pakar ilmu tafsir), *al-Uṣūly* (pakar usul fiqh), dan pelbagai gelaran kepakaran lainnya. Namun demikian, perkembangan keilmuan kemudian memisahkan hal ini kepada spesialisasi keilmuan tertentu, sehingga seorang pakar lebih dikenali dengan kepakarannya dalam bidang keilmuan tertentu sahaja. Maka lahirlah istilah *fuqaha*, *mufasssir*, *muhaddith*, *filsuf*, *muarrīkh*, *mutakallimūn* dan lain sebagainya.

Dalam pembahasan Uṣūl al-Fiqh, ulama dinamakan dengan mujtahid kerana mujtahid adalah orang yang dapat menyelesaikan permasalahan kehidupan seharian berasaskan kepada dalil-dalil syariat. Definisi ulama juga merujuk kepada pakar dalam memahami agama berasaskan dalil-dalil agama mahupun masalah keduniaan yang dapat dijadikan sebagai ikutan. Dengan demikian untuk menentukan kriteria ulama penulis

merujuk kepada kriteria mujtahid yang tidak lain merupakan ulama yang diperakui autoriti ilmunya.

Secara amnya, mengikut Khudary Bik, terdapat dua syarat pada seseorang sehingga dapat digelar sebagai mujtahid; yang pertama: mujtahid mestilah seorang yang adil, sehingga fatwa hukum yang dikeluarkannya dapat di dijadikan sebagai pegangan. Syarat yang ke dua: hendaklah ia mengetahui mengenai sumber-sumber hukum syariah.²⁶

Khudary Bik juga menyimpulkan empat kategori ilmu yang perlu dikembangkan oleh seorang mujtahid: mengetahui cara berhujah, menguasai ilmu bahasa Arab, mengetahui tentang *nāsikh* dan *mansūh* serta menguasai ilmu *riwāyah* dan dapat membezakan antara sunah yang sahih dan yang tidak sahih.²⁷ Sementara mengenai al-Qur'an, Khudary tidak mensyaratkan hafal seluruh isi al-Qur'an, tetapi hanya dicukupkan dengan mengetahui ayat-ayat hukum serta dapat merujuk kepadanya jika diperlukan, demikian juga dengan sunah.²⁸

Sementara Muhammad Abū Zahrah selain membuat urutan syarat yang agak berbeza dengan Khudary Bik, juga menambah beberapa syarat yang mesti di miliki oleh seorang ulama untuk dapat dikenali sebagai mujtahid. Abū Zahrah menempatkan penguasaan bahasa Arab sebagai syarat pertama, kemudian mengetahui tentang *nāsikh* dan *mansūh* dalam al-Qur'an, mengetahui tentang sunah, mengetahui masalah *ijmā'* dan khilaf pendapat, menguasai tentang *qiyās*, mengetahui *maqāsid al-Aḥkām*, kesahihan pemahaman dan jangkaan mengenai sesuatu masalah, serta yang terakhir adalah ikhlas niat dalam berijtihad dan tauhid yang lurus.²⁹

²⁶ Muḥammad al-Khudary Bik, *Uṣūl al-Fiqh* (Beirut: Dār al-Qalam, 1987), 367.

²⁷ *Ibid.*, 368.

²⁸ *Ibid.*, 367.

²⁹ Muḥammad Abū Zahrah, *Uṣūl al-Fiqh* (Kaherah: Dār al-Fikr al-'Araby, 2006), 341-349.

Mengikuti Profesor ‘Iyād ibn Nāmi al-Sulaymī, pakar usul fiqh dari fakulti Syariah Universiti Riyadh, suatu ijthad mestilah memenuhi tiga rukun: Pertama adalah *al-Mujtahid*; seorang faqih yang memenuhi kriteria. Ke dua adalah *al-Mujtahid fīh*; peristiwa yang memerlukan kepada keputusan hukum berasaskan penyelidikan dan *istinbat* kerana tidak dijumpai *naş* padanya, dan yang ketiga adalah penyelidikan dengan sungguh-sungguh.³⁰

‘Iyād menambahkan Islam, akal dan baligh sebagai syarat mujtahid. Dengan demikian seberapa pandai dan bijaknya seorang bukan Islam, tidak dapat menjadi seorang mujtahid dalam membahaskan dan memutus masalah agama.³¹ Hal ini menarik bila mengingat ramai bilangan bukan Muslim yang sekarang mempelajari ilmu keislaman di bawah studi kawasan ataupun orientalisme.

Abd al-Wahhab Khallāf pula, mensyaratkan empat syarat bagi seseorang sehingga layak disebut memiliki kepakaran (*ahliyah*) berijtihad. Pertama: menguasai ilmu bahasa Arab dan perasaan (*zawq*) pemakaian bahasa. Kedua: menguasai hukum-hukum syariah yang ada dalam al-Qur’an dengan mudah untuk merujuk kepada ayat-ayat hukum bila berlaku suatu peristiwa. Ketiga: menguasai sunah Rasulullah s.a.w terutama yang berkenaan dengan hukum-hakam. Keempat: menguasai Qiyās dengan mengetahui cara pendalilan suatu hukum dan perkembangan semasa.³²

Khallāf juga memberi penekanan kepada tiga hal dalam masalah ijthad. Pertama: menurutnya ijthad itu tidaklah terpecah-pecah (*la yatajazzā’*) kepada bahagian tertentu, sehingga tidaklah mungkin seseorang mampu berijtihad pada masalah tertentu, namun tidak mampu berijtihad pada masalah yang lain. Hal ini tidak menafikan kemungkinan

³⁰ Iyād bin Nāmy al-Sulaymī, *Uşul al-Fiqh al-Ladhī La Yasa’u al-Faqīh Jahluhu* (Riyad: Dār Tadmuriyyah, 2012), 448.

³¹ *Ibid.*, 451.

³² ‘Abdu al-Wahhāb Khallāf, *Ilmu Uşul al-Fiqh wa Khulāsatu al-Tasyrī’ al-Islāmy* (Manşūrah: Dār al-Rāid al-‘Araby li al-Nashr wa al-Tawzī’, 2008), 239-240.

bahawa seseorang memiliki kepakaran yang lebih dalam satu-satu bidang tertentu daripada bidang yang lain.³³ Hal yang kedua adalah setiap mujtahid mendapat pahala atas setiap usaha mengeluarkan hukum. Ketiga bahawa ijtihad tidak dapat di gugurkan oleh ijtihad yang lain.³⁴

Wahbah al-Zuhaily, merujuk beberapa sarjana Islam dalam bidang Uşul al-Fiqh menyimpulkan bahawa disyaratkan pada seseorang untuk dapat digelar mujtahid dua syarat: Pertama, hendaklah ia seorang yang mukalaf dan beriman kepada Allah dan Rasul-Nya. Kedua, hendaklah ia seorang yang menguasai sumber-sumber hukum syariah serta pembahagiannya, mengetahui cara penetapannya dan petunjuk dalil yang dikehendaki (*dilālah*).³⁵

Berasaskan kepada dua syarat utama ini, Wahbah al-Zuhaily menjelaskan secara terperinci syarat-syarat seorang mujtahid. Seorang yang digelar dengan mujtahid harus memahami ayat-ayat hukum dalam al-Qur'an secara bahasa mahupun mengikut syariat, mengetahui hadis-hadis ahkam, mengetahui *nāsīh* dan *mansūh*, mengenal pasti masalah ijmak, memahami dengan baik berkenaan *qiyās*, menguasai ilmu-ilmu bahasa Arab, menguasai ilmu Uşul al-Fiqh dan terakhir adalah memahami Maqāsid Syariah.³⁶

Berdasarkan kepada pembahasan para pakar, maka dapat disimpulkan bahawa seorang ulama yang dapat menyelesaikan permasalahan umat berasaskan kepada dalil-dalil syariat bukanlah sembarang orang. Akan tetapi mereka adalah orang yang memenuhi kriteria tertentu. Kriteria ini dapat digolongkan kepada kelayakan yang terdapat pada diri individu itu sendiri dan kelayakan keilmuan yang ia kuasai. Kelayakan secara individu adalah ianya mesti seorang peribadi berintegriti yang dalam hal ini ditunjukkan oleh syarat yang melekat pada seseorang berupa Islam, baligh, berakal dan adil sehingga dapat

³³ *Ibid.*,

³⁴ *Ibid.*, 242.

³⁵ Wahbah al-Zuhaily, *Uşul al-Fiqh al-Islāmy*, J. 2. (Damsyiq: Dār al-Fikr, h. 1986), 1044.

³⁶ *Ibid.*, 1044-1049.

diperakui keilmuannya. Sementara dalam hal kapasitas keilmuan, ulama hendaklah seorang pakar yang menguasai sumber-sumber keislaman sama ada bahasa Arab, al-Qur'an, Sunah Rasulullah s.a.w, ijmak, Qiyas, serta maqasid syariah.

Dalam pada itu, Al-Ghazāly membagi ulama kepada ulama dunia dan ulama akhirat atau dengan menggunakan istilah ulama akhirat dan ulama *al-Sū'* (jelic). Ulama *sū'* dialamatkan kepada orang yang mempergunakan ilmu yang dimiliki untuk mendapatkan kenikmatan dunia semata, mengejar kemasyhuran serta kemegahan di antara manusia.³⁷ Sifat seperti ini telah diingatkan oleh Rasulullah dalam sebuah hadis yang dilaporkan dari Jabir, Rasulullah bersabda: janganlah engkau mempelajari suatu ilmu untuk menampakkan kehebatan di hadapan para ulama atau untuk membodohkan orang bodoh serta memancing perhatian orang kepadamu, barang siapa berbuat demikian maka ia akan masuk dalam neraka.³⁸ Umar ibn Khattab berkata: “Sesungguhnya yang sangat aku takuti terjadi pada umat ini adalah ulama yang munafik!” Orang-orang bertanya: “Bagaimana boleh seorang ulama munafik?”, Umar menjawab: “Lidahny saja yang ulama (pandai bercakap) sementara perbuatan dan hatinya tidak tahu apa-apa”.³⁹

Al-Ghazāly dalam karya besarnya *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn* menyenaraikan dua belas tanda bagi ulama akhirat:

Pertama: Ulama akhirat adalah ulama yang tidak mencari dunia dengan ilmunya, karena menurutnya, serendah-rendah derjat para ulama adalah orang yang mengetahui rendahnya kehidupan dunia berbanding kehidupan akhirat, maka ulama akhirat akan dikenali sebagai orang-orang yang lebih mementingkan akhirat dari dunianya.⁴⁰

³⁷ Abū Ḥāmid, Muḥammad al-Ghazāly, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn* (Cairo: Dār Ibn Ḥazm, 2005), 71.

³⁸ Hadis riwayat Ibn Mājah, Kitāb al-'Ilm, No. Hadith. 253 dan 254. Lihat al-Ḥafīḍ Abū Adillāh Muḥammad bin Yazīd al-Qazwaynī Ibn Mājah, *Sunan* (Kaherah: Dār Iḥyā' al-Kutub al-'Arabiyyah, t.t), 1: 93.

³⁹ Abū Ḥāmid, Muḥammad al-Ghazāly, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn...*,72.

⁴⁰ *Ibid.*,73.

Kedua: perbuatannya selalu sesuai dengan apa yang diucapkan dan tidak akan menyuruh sesuatu kepada orang lain kecuali dialah orang yang pertama melakukannya.⁴¹ Al-Ghazāly juga merujuk sebuah analisa yang dibuat oleh Ka'ab yang menyatakan bahawa pada akhir zaman akan ada ulama yang menyuruh manusia untuk berzuhud sementara mereka sendiri tidak zuhud, mereka menakut-nakuti manusia sedangkan mereka tidak merasa takut, mereka melarang mendekati poros kekuasaan dan mereka sendiri mendekatinya, mereka lebih mementingkan dunia daripada akhirat, mencari makan dengan mulut mereka, mendekati diri kepada orang kaya, menjauhi orang miskin, mereka cemburu kepada ilmu seperti cemburunya kaum perempuan kepada lelaki, marah kepada pengikutnya jika berguru kepada orang lain, sebenarnya mereka adalah orang-orang sombong, mereka adalah musuh Allah.⁴² Perkiraan Ka'ab ini di perjelas oleh Ibnu Mas'ūd dengan memberikan suatu barometer bahawa ukuran ilmu seseorang itu ditentukan oleh *Khashyah* (ketundukan hati kepada Allah) bukan berdasarkan kepada banyaknya periwayatan ilmu.⁴³

Ketiga: Menumpukan perhatian kepada ilmu yang memberi manfaat di hari akhirat, lebih mendekati diri kepada ketaatan dan menjauhi ilmu-ilmu yang kurang bermanfaat dan banyak diperdebatkan. Keempat: Tidak condong kepada kemewahan, baik dalam segi makanan, minuman, pakaian dan tempat tinggal. Mereka akan selalu berpedoman kepada standard minimum kehidupan.⁴⁴ Kelima: tidak suka mendekati penguasa selama masih ada jalan untuk menghindarinya. Hal ini tentu berbeza jika penguasa yang datang kepada mereka.⁴⁵ Keenam: tidak cepat dan terlalu mudah dalam mengeluarkan fatwa kecuali pada masalah-masalah yang dengan jelas diketahuinya berdasarkan al-Qur'an, hadith, ijma' dan Qiyas yang jelas analogi nya.⁴⁶ Ketujuh: ulama

⁴¹ *Ibid.*, 76.

⁴² *Ibid.*, 78.

⁴³ *Ibid.*

⁴⁴ *Ibid.*, 80.

⁴⁵ *Ibid.*, 81.

⁴⁶ *Ibid.*, 83.

akhirat lebih mementingkan dan menumpukan perhatian kepada ilmu-ilmu yang dapat menyucikan jiwa dan membersihkan hati karena itu semua akan membuka pintu ilham dan makrifat daripada Allah.⁴⁷ Kelapan: selalu prihatin untuk memantapkan keyakinan dan keimanan.⁴⁸ Kesembilan: selalu berperilaku sederhana dan tawaduk dalam segala tingkah laku.⁴⁹ Kesepuluh: Fokus membahaskan tingkah laku dan perangai dan hal-hal yang dapat merosakkannya serta mengganggu kesucian jiwa.⁵⁰ Kesebelas: Dasar pegangan keilmuannya bersandarkan kepada cahaya penglihatan (*baṣīrah*) yang didasari dengan ketulusan hati, bukan karena kitab tertentu atau gara-gara mendengar suatu pendapat orang lain. Mereka akan selalu berusaha untuk mengetahui rahsia-rahsia di sebalik ilmu yang di pegang nya.⁵¹ Kedua belas: Mereka sangat berhati-hati dalam menghadapi masalah-masalah kontemporari.⁵²

Inilah dua belas penanda aras yang digariskan oleh Hujjatu al-Islām al-Ghazāly untuk menjelaskan dan membezakan antara ulama yang berpaksikan keduniaan dengan ulama yang benar-benar menjadi pewaris para nabi. Huraian al-Ghazāly sangat jelas menunjukkan bahawa seorang yang bergelar ulama adalah orang yang memiliki cukup syarat yang melekat pada dirinya dari segi keunggulan keperibadian dan ketinggian ilmu.

2.2.4. Ulama dalam Pandangan Masyarakat Aceh

Secara amnya, makna ulama dalam pemahaman masyarakat Indonesia telah berubah menjadi sempit hanya kepada orang yang memiliki pengetahuan ilmu agama dalam bidang fikah sahaja. Dengan demikian ulama disamakan dengan fuqaha, bahkan dalam fahaman masyarakat awam, ulama adalah fuqaha yang hanya pakar dalam bidang

⁴⁷ *Ibid.*, 85.

⁴⁸ *Ibid.*, 88.

⁴⁹ *Ibid.*, 90.

⁵⁰ *Ibid.*, 92.

⁵¹ *Ibid.*, 93.

⁵² *Ibid.*, 94.

fikah ibadah sahaja. Namun demikian, orang yang dianggap sebagai ulama mesti beragama Islam dan memiliki ciri khas bahawa ilmu yang dimiliki akan diajarkan kerana *Khasyyah* kepada Allah. Sementara orang yang baru mempelajari ilmu agama seperti orientalis tidak dianggap sebagai ulama.⁵³

Dalam kalangan masyarakat Aceh, ulama digelar dengan *Teungku*. *Teungku* merupakan gelaran yang melambangkan kedalaman pengetahuan tentang Islam serta keluhuran budi dan akhlak orang yang menyandangnya.⁵⁴ Selain untuk ulama, perkataan *teungku* juga diguna pakai untuk penghormatan kepada seseorang walaupun ia bukanlah ulama.⁵⁵ Dengan demikian setiap ulama sudah pasti *teungku* akan tetapi belum tentu setiap *teungku* adalah ulama.

Gelaran *Teungku* dalam masyarakat Aceh memiliki tingkatan-tingkatan pemahaman sesuai dengan kepakaran mahupun kewenangan dalam tatanan masyarakat. Ulama dalam masyarakat Aceh juga dipanggil dengan sebutan Abu, Abon, *Teungku Syhik*, *Teungku Bale*, *Teungku Rangkang*, *Teungku Meunasah* dan sekarang juga ada yang digelar ustaz.⁵⁶ Selain untuk menunjukkan ketinggian ilmu, gelaran *Teungku* juga diguna pakai untuk orang yang menjawat suatu jawatan yang berkenaan dengan hal ehwal keagamaan dalam pemerintahan ataupun dalam masyarakat. Contohnya *Teungku Maunasah*, gelar untuk imam kampung, *Teungku Kadi* untuk hakim agama, *Teungku Keuchik* untuk ketua kampung dan *Teungku Khatib* untuk orang yang bertugas sebagai ketua imam masjid dan penyampai khutbah.⁵⁷ Penanda aras yang dipakai untuk

⁵³ Azyumardi Azra et al., *Ensiklopedi Islam*, 155.

⁵⁴ Syukri, *Ulama Membangun Aceh: Kajian tentang Pemikiran, Peran Strategis, Kiprah dan Kesungguhan Ulama dalam Menentukan Kelangsungan Pembangunan dan Pengembangan Syrari'at Islam di Aceh* (Medan: IAIN Press, 2012), 67.

⁵⁵ Baihaqi, AK, "Ulama dan Madrasah Aceh", dalam *Agama dan Perubahan Sosial*, ed. Taufik Abdullah (Jakarta: CV. Rajawali, 1983), 139.

⁵⁶ Untuk lebih jelas mengenai istilah ulama dan penggunaannya dalam masyarakat Aceh, baca Kamaruzzaman Bustamam Ahmad, "A Current Portrait of Islamic Education in Aceh", *Islamika Indonesiana*, Vol. 1, Issue 1 (2014), 1-18.

⁵⁷ Syukri, *Ulama Membangun Aceh: Kajian tentang Pemikiran*, 68.

mengetahui kelayakan seseorang digelar sebagai *teungku* biasanya dilihat dari latar belakang pengajian yang ditempuh, biasanya dari *Dayah* dengan ukuran penguasaan kitab tertentu yang telah dipelajari. Selain dari segi penguasaan kitab tertentu, dalam kehidupan sehari-hari selalu menjaga adab kesopanan. Sementara orang yang berlatar belakang pendidikan formal atau dari institusi pondok moden biasa lebih dikenali dengan intelektual dan dipanggil dengan ustaz.

Definisi ulama secara rasmi dalam Qanun Aceh No. 2 tahun 2009 tentang MPU, ulama didefinisikan sebagai tokoh yang dapat dijadikan teladan oleh masyarakat, memiliki integriti moral dan memahami secara mendalam ajaran Islam dari sumber asal al-Qur'an dan hadis serta mengamalkannya.⁵⁸ Dengan demikian, seseorang baru dapat dianggap sebagai ulama jika memiliki kapasiti untuk memahami Islam secara mendalam dari al-Qur'an dan Hadis serta mengamalkannya dalam kehidupan sehari-hari. Selain itu juga harus menjadi teladan dalam kehidupan nyata tanpa membezakan asal tempat ia menuntut, sama ada berasal dari pondok mahupun institusi pendidikan lainnya.

2.3. Asas Peranan Ulama dalam Pemerintahan

Peranan ulama dalam pemerintahan Islam berasas kepada pemahaman tentang ketaatan umat kepada *ulū al-Amr* sebagaimana disebut dalam al-Qur'an. Dalam pemikiran Islam perintah Allah dalam beberapa ayat yang menyuruh untuk mentaati *ulū al-Amr* disejajarkan dengan perintah untuk mentaati Allah dan rasul-Nya. Dalam mentafsirkan siapa yang patut disebut dengan *ulū al-Amr*, terdapat beberapa pandangan ulama dalam menjelaskannya.

⁵⁸ Qanun Aceh No. 2 tahun 2009 tentang Majelis Permusyawaratan Ulama, Bab I, Fasal 1 (12).

2.3.1. Pandangan Mufasirin

Istilah ”*ulū al-Amr*“ dengan maksud orang yang mempunyai kekuasaan ke atas rakyat dalam sesebuah negara disebut dua kali dalam al-Qur’an. Pertama dalam surah al-Nisā’, Allah berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ
al-Nisā’ 4: 59

Bermaksud: Hai orang-orang yang beriman, taatlah kepada Allah dan taatlah kepada Rasul-Nya dan juga ulu al-Amr (orang-orang yang berkuasa dari kalangan kamu).

Perkataan *ulū al-Amr* juga didapati pada ayat lain dalam surah yang sama, Allah berfirman:

وَإِذَا جَاءَهُمْ أَمْرٌ مِنَ الْأَمْنِ أَوْ الْخَوْفِ أَذَاعُوا بِهِ وَلَوْ رَدُّوهُ إِلَى الرَّسُولِ وَإِلَى أُولِي الْأَمْرِ مِنْهُمْ لَعَلِمَهُ الَّذِينَ يَسْتَنبِطُونَهُ مِنْهُمْ
al-Nisā’ 4: 83

Bermaksud: Dan apabila datang kepada mereka sesuatu berita mengenai keamanan dan kecemasan, mereka terus menghebahkannya; padahal kalau mereka kembalikan sahaja hal itu kepada rasulullah dan kepada ulu al-amr (orang yang berkuasa) di antara mereka, tentulah hal itu dapat diketahui oleh orang-orang yang layak mengambil keputusan mengenainya di antara mereka.

Merujuk kepada pendapat para mufasirin dalam mentafsirkan firman Allah di atas, istilah “*ulū al-Amr*“ memberi pelbagai maksud dan pengertian. Di kalangan ahli tafsir setidaknya ada empat pentafsiran teras terhadap istilah *ulū al-Amr*.

Pertama: *ulū al-Amr* di tafsirkan sebagai pemimpin tentera. Pendapat yang menyatakan bahawa maksud dari perkataan *ulū al-Amr* adalah pemimpin tentera berdasarkan beberapa riwayat. Mengikut Abū Bakr al-Jaṣṣāṣ, pendapat ini berdasarkan

kepada salah satu riwayat Ibn ‘Abbās dan Abi Hurayrah.⁵⁹ Hal yang sama juga dinukilkan oleh Ibn ‘Arabī, bahawa pandangan ini berasakan kepada riwayat daripada ‘Abd Allāh ibn ‘Abbās dan Abū Hurayrah.⁶⁰

Kedua: *Ulū al-Amr* ditafsirkan sebagai ahli fikah, al-Qur’an dan ulama. Al-Qurṭubī menukikan beberapa pendapat mengenai *ulū al-Amr*, menurutnya, mengikut kepada riwayat Jābir bin Abdullah dan Mujāhid, *ulū al-Amr* adalah “*ahl al-Qur’an wa al-‘ilm*,” orang yang memiliki pengetahuan tentang al-Qur’an dan berilmu pengetahuan. Menurut lagi, pendapat ini dipilih oleh imam Malik. Pendapat yang serupa juga diungkapkan oleh al-Ḍahhāk, beliau berpandangan bahawa *ulū al-Amr* adalah “*al-Fuqahā’ wa al-‘Ulamā’*“. Imam al-Qurṭubī juga menukikan pendapat ibn Kaysan yang menyatakan bahawa *ulū al-Amr* adalah “*ulū al-‘Aql wa al-Ra’y*“, pemikir dan intelektual yang mentadbir urusan manusia.⁶¹ Pendapat ini juga diperakui sebagai pandangan sah yang dipegang oleh al-Qurṭubī.⁶² Pendapat al-Qurṭubī ini di jelaskan oleh beliau sendiri dalam mentafsirkan ayat 83 surah al-Nisā’, dengan ungkapan bahawa yang di maksud dengan *ulū al-Amr* adalah *ahl al-‘ilm wa al-Fiqh*, iaitu orang yang memiliki kepakaran dalam bidang ilmu pengetahuan dan ilmu fikah.

Merujuk kepada Abū Bakr al-Jaṣṣās, pendapat yang menyatakan bahawa yang dimaksud dengan *ulū al-Amr* adalah ahli fikah dan ulama juga dikemukakan oleh Jabir, Malik dan para *tābi’īn mutaakkhirīn*.⁶³ Berasaskan kepada riwayat selain mereka, para pemimpin dan pemimpin perang juga dapat digolongkan kepada *ulū al-Amr* mengikut riwayat Hasan, Qatādah, al-Suday dan Ibn Zayd.⁶⁴

⁵⁹ Abū Bakr Aḥmad bin ‘Alī al-Rāzī al-Jaṣṣās, *Aḥkām al-Qur’an* (Beirut: Dār Iḥyā’ Turāth al-‘Arabī, 1992), 3: 177.

⁶⁰ Abū Bakr Muḥammad Ibn ‘Abd Allāh, Ibn al-‘Arabī, *Aḥkām al-Qur’an* (Kaherah: Dār al-Fikr, t.tp), 1: 451-452.

⁶¹ Abī Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad al-Anṣāry al-Qurṭubī, *al-Jāmi’ li Ahkām al-Qur’an* (Beirut: al-Maktabah al-‘Aṣriyah, 2011), 3: 176.

⁶² *Ibid.*

⁶³ Abū Bakr Aḥmad bin ‘Alī al-Rāzī al-Jaṣṣās, *Aḥkām al-Qur’an*, 2: 210-211.

⁶⁴ *Ibid.*, 196.

Ketiga: *Ulū al-Amr* ditafsirkan sebagai ulama sahaja. Imam Fakhr al-Rāzī menukilkan beberapa pendapat tersebut dalam tafsirnya, akan tetapi hati beliau mantap dengan pandangan bahawa yang di maksud dengan *ulū al-Amr* dalam ayat 59 surah al-Nisā' adalah ulama. Fakhr al-Rāzī menyatakan: tidak lagi diragui bahawa segolongan dari Sahabat dan Tābi'īn membawa firman Allah “*wa ulū al-Amr minkum*“ kepada “ulama“.⁶⁵ Fakhr al-Rāzī juga menyimpulkan bahawa segala apa yang diperbuat oleh para pemimpin dan sultan harus mengikuti kepada apa yang difatwakan oleh para ulama, sehingga menurutnya lagi, ulama sebenarnya adalah pemimpinnya para pemimpin.⁶⁶

Dalam mentafsirkan ayat 83 surah al-Nisā', Imam Fakhr al-Rāzī menukilkan bahawa terdapat dua pandangan dalam mentafsirkan pengertian *ulū al-Amr*. Pertama ditafsirkan dengan “*zawī al-‘ilm wa al-Ra’y*“, orang yang memiliki ilmu dan pandangan. Kedua ditafsirkan dengan “*umarā al-Sarāya*“, pimpinan pasukan perang. Namun demikian ia kembali menyatakan bahawa perkataan *ulū al-Amr* lebih tepat ditafsirkan dengan ulama, kerana ulama mengetahui tentang perintah dan larangan Allah, maka wajiblah keatas orang awam untuk mengikuti pendapat mereka, dengan demikian dapat dikatakan sebagai *ulū al-Amr*. Pendapat ini dikuatkan dengan firman Allah dalam surah al-Tawbah:

وَمَا كَانُوا الْمُؤْمِنُونَ لِيَنْفِرُوا كَآفَّةً فَلَوْلَا نَفَرَ مِنْ كُلِّ فِرْقَةٍ مِّنْهُمْ طَائِفَةٌ لِّيَتَفَقَّهُوا فِي الدِّينِ وَلِيُنذِرُوا قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوا إِلَيْهِمْ لَعَلَّهُمْ يَحْذَرُونَ ﴿١٢٢﴾

Al-Taubah 9: 122

Bermaksud: Dan tidaklah (betul dan elok) orang-orang yang beriman keluar semuanya (pergi berperang), oleh itu hendaklah keluar sebahagian sahaja dari tiap-tiap puak di antara mereka supaya orang-orang (yang tinggal) itu mempelajari secara mendalam ilmu yang dituntut dalam agama, dan supaya mereka dapat mengajar kaumnya

⁶⁵ Muhammad al-Rāzī Fakhr al-Dīn ibn al-‘Allāmah Diyā’ al-Dīn Umar, *Tafsīr al-Fakhr al-Rāzī* (Beirut: Dār al-Fikr, 1994), 9: 150.

⁶⁶ *Ibid.*, 151.

(yang keluar berjuang) apabila mereka kembali kepada mereka, mudah-mudahan mereka dapat berjaga-jaga (dari melakukan larangan Allah).

Ayat ini memberi tumpuan untuk menyeru orang menuntut ilmu seiring dengan kewajipan jihad, bahkan dinyatakan tidak sepatutnya semua orang keluar untuk berjihad berperang dengan meninggalkan menuntut ilmu. Bila semua orang keluar berperang dikhuatiri tidak ada lagi yang dapat menunjuk ajar umat manusia. Dengan demikian mempelajari ilmu agama sebenarnya juga merupakan jihad dengan tujuan supaya sentiasa ada orang yang dapat memberi peringatan kepada manusia. Secara mafhum mukhalafah, ayat ini mewajibkan untuk mengambil berat dengan apa yang diperingatkan oleh ulama, maka jelaslah mereka dapat disebut dengan *ulū al-Amr*.⁶⁷

Keempat: *Ulū al-Amr* adalah ulama dan umara. Pandangan ini dikemukakan oleh Ibnu al-Qayyim al-Jawziyah. Dalam mentafsirkan ayat 59 surah al-Nisā', ibn al-Qayyim menyebutkan bahawa terjadi perbezaan riwayat daripada imam Ahmad berkenaan pentafsiran *ulū al-Amr*, disebutkan ada dua buah riwayat daripada beliau. Riwayat pertama menyebutkan bahawa yang di maksud dengan *ulū al-Amr* adalah "ulama", sedang riwayat kedua menyebutkan "umara". Kedua-dua pandangan ini dapat dipastikan bersumber dari pentafsiran para sahabat. Ibn Qayyim al-Jawziyah mengambil kesimpulan bahawa pendapat yang sahih menurut beliau, kalimat *ulū al-Amr* mencakupi ulama dan umara.⁶⁸

Al-Alūsī memiliki pandangan yang lebih terperinci dalam menjelaskan maksud dari perkataan *ulū al-Amr* dan memberikan sebuah klasifikasi mengikut periode masa. Menurutnya, *ulū al-Amr* pada masa Rasulullah adalah para pemimpin umat Islam, selepas

⁶⁷ *Ibid.*, 206.

⁶⁸ Ibn Qayyim al-Jawziyah, *Badāi' u al-Tafsīr*, j. 1. (Saudi Arabia: Dār ibn al-Jawzy, 2006), 278-279.

masa Rasulullah, masuk ke dalam kategori *ulū al-Amr* para Khalifah, Sultan dan para Qāḍī serta lainnya.⁶⁹

Pendapat yang senada dengan al-Alūsi juga dikemukakan oleh al-Syawkānī, menurut beliau *ulū al-Amr* adalah mencakupi para pemimpin (*al-Aimmah*), Sultan dan Qāḍī serta siapa sahaja yang memiliki kekuasaan mengikut lunas-lunas syariah.⁷⁰

2.3.2. Pandangan Ulama Kontemporari

Selain tafsiran yang dibuat oleh para mufasirin, ulama kontemporari memiliki beberapa pandangan dalam menentukan siapa sebenarnya yang dapat diperkatakan sebagai *ulū al-Amr*.

Muḥammad Abū Zahrah berpandangan bahawa kebanyakan ahli fikah di kalangan al-Tabi‘īn dan orang selepasnya berpendapat, *ulū al-Amr* adalah para ‘ulama’.⁷¹ Al-Syaykh Maḥmūd Syaltūt pula menegaskan bahawa *ulū al-Amr* ialah orang yang mampu memberikan pandangan, mengetahui segala aspek tentang ummah serta boleh menentukan mana yang baik atau tidak untuk ummah. Urusan yang berkaitan dengan ummah termasuklah yang berkaitan dengan pertahanan negara, kehakiman, kewangan, hubungan luar dan berbagai-bagai aspek lain lagi. Setiap bidang itu diwakili oleh seorang pakar dalam bidang tersebut. Wakil itulah yang dikenali sebagai “*ulū al-Amr*”. Mereka merupakan anggota *ijma‘* yang mana keputusan yang mereka buat hendaklah dipatuhi oleh semua orang.⁷²

Mengikut Zāfir al-Qāsimī, Dr. Muḥammad Sa‘īd Ramaḍān al-Būṭī berpendapat bahawa *ulū al-Amr* adalah orang yang dikenali sebagai *al-Mujtahidūn*. Mengikut istilah

⁶⁹ Abī al-Faḍl Shihāb al-Dīn al-Sayyid Maḥmūd al-Alūsi al-Baghdādī (1999), *Rūḥ al-Ma‘ānī fī Tafsīr al-Qur‘an al-‘Azīm wa al-Sab‘u al-Mathānī* (t.t: t.p, 1999), 5: 86-87.

⁷⁰ Muḥammad bin ‘Alī bin Muḥammad al-Syawkānī, *Fathḥ al-Qadīr al-Jāmi‘ Bayna Fannai al-Riwāyah wa al-Dirāyah min ‘Ilm al-Tafsīr* (Beirut: Dār al-Ma‘rifah, 1995), 5: 614.

⁷¹ Zakariyyā ‘Abd al-Mun‘im Ibrāhīm al-Khaṭīb, *Nizām al-Syūrā Fī al-Islām Wa Nuḥum al-Ḍimuqrāṭiyyah al-Mu‘āṣirah* (t. tp., t.p., 1985), 243.

⁷² *Ibid.*

Usul al-Fiqh dan dalam istilah fikah ia dikenali sebagai *ahl al-Ḥal wa al-‘Aqd*. Kemudian beliau menjelaskan ada dua ciri baik yang terdapat pada *ahl al-Ḥal wa al-‘Aqd*, iaitu memberi pembaiatan kepada sesiapa yang dianggap layak untuk dilantik menjadi Imam dan berijtihad menentukan hukum sehingga sampai ke tahap *ijmā’*.⁷³

Muḥammad Ṭāhir ‘Āshūr menyifatkan *ahl al-Ḥal wa al-‘Aqd* sebagai para ilmuwan dan pakar yang amanah, termasuk di dalamnya ketua tentera dan berkedudukan di ibu negara.⁷⁴ Dengan demikian beliau tidak hanya mensyaratkan kepakaran dalam bidang tertentu sebagai syarat untuk menjadi anggota kepada *ahl al-Ḥal wa al-‘Aqd*, akan tetapi menambahkan syarat lain, iaitu amanah dan berkedudukan di ibu negara di mana khalifah duduk memerintah.

Dr. Maḥmūd Ḥilmī menjelaskan bahawa Syaykh Aḥmad Huraydi berpendapat, *ulū al-Amr* di kalangan ummah ialah orang yang mempunyai ide yang cekap dan pemikiran yang tajam dalam semua lapangan kehidupan. *Ulū al-Amr* juga orang yang mempunyai pengkhususan dalam sesuatu bidang dan dapat berbincang serta memberikan pandangan dalam berbagai-bagai bidang yang lain. Orang ramai mengenali mereka dan menyedari akan kebolehan, keberkesanan dan ketinggian ilmu mereka seterusnya melantik mereka mewakili orang ramai dengan penuh kepercayaan dan sepenuh penyerahan.⁷⁵

Dr. ‘Abd al-Ḥamīd Mutwallī memberikan ciri yang lebih terperinci bagi *ulū al-Amr* dengan membagi kepada dua golongan: Pertama ialah “*ulū al-Amr al-Dīnī*” yang dikaitkan dengan urusan agama. Mereka ialah ‘ulama’ mujtahidin dan ahli Majlis Fatwa. Kedua “*ulū al-Amr al-Duniawi*” yang dikaitkan dengan urusan dunia, iaitu yang menjadi

⁷³ Zāfir al-Qāsimī, *Nizām al-Ḥukm Fī al-Syarī‘ah Wa al-Tārīkh* (Beirut: Dār al-Nafāis, 1974), 230.

⁷⁴ Muḥammad Ṭāhir ibn ‘Ashūr, *Usūl al-Nizām al-Mujtama’ fī al-Islām* (Tunisia: Maktabah al-Qawmiyyah li al-Nashr wa al-Tawzī’, 1964), 209

⁷⁵ Maḥmūd Ḥilmī, *Nizām al-Ḥukm al-Islāmī, Muqārinan Bi al-Nuzum al-Mu‘āshirah*, c. ke-2. (Kaherah: Dār al-Fikr al-‘Arabī, 1973), 68.

pemerintah dalam sesebuah negara. Mereka ialah golongan yang memegang dua kuasa sama ada kuasa perundangan atau kuasa pemerintahan.⁷⁶

‘Abd al-Wahhāb Khallāf berpendapat bahawa lafaz *al-Amr* memberi pengertian urusan, iaitu berbentuk umum termasuklah urusan agama dan urusan keduniaan. “Ulū al-Amr” yang bercorak keduniaan ialah Raja-raja, para-para ketua dan pemerintah. “Ulū al-Amr” yang berkaitan dengan urusan agama pula ialah para ‘ulama’ mujtahid serta ahli-ahli majlis fatwa.⁷⁷ Hal ini berasaskan kepada tafsiran ayat 59 surah al-Nisā’ oleh sebahagian ahli tafsir yang dapat disimpulkan bahawa *ulū al-Amr* menurut mereka adalah orang yang wajib ditaati dalam mana-mana komuniti atau institusi seperti ketua negara, ketua negeri, ketua masyarakat dan ketua keluarga.⁷⁸

Syed Muḥammad Rashīd Ridā (1354 H.) berpendapat, *ulū al-Amr* ialah anggota badan perundangan yang sepatutnya menggubal undang-undang. Mengikut pendapat beliau, *ulū al-Amr* bukanlah mencipta undang-undang, tetapi mereka adalah orang yang mempunyai kewibawaan untuk menjelaskan undang-undang yang terdapat di dalam *naṣ al-Qur’an*.⁷⁹ Beliau juga menjelaskan, Muḥammad ‘Abduh (1324 H.) telah memberikan pengertian yang lebih luas terhadap *ulū al-Amr*, iaitu termasuklah para pemimpin, hakim, ulama dan para pemimpin yang menjadi tempat rujukan orang ramai.⁸⁰ Muḥammad Salām Madkūr pula menjelaskan bahawa *ulū al-Amr* yang disebutkan disini juga memberi maksud pemerintah yang memegang kekuasaan. Pemerintah tersebut adalah dilantik oleh orang ramai dengan memberi baiat taat setia kepada mereka.⁸¹

⁷⁶ ‘Abd al-Ḥamīd Mutwallī, *Mabādi’ Niẓām al-Hukm fī al-Islām*, c. ke-3. (Iskandariyah: Mansya’ah al-Ma’ārif, 1975), 47-48.

⁷⁷ Zakariyyā ‘Abd al-Mun’im Ibrāhīm al-Khaṭīb, 51.

⁷⁸ *Ibid.*,

⁷⁹ Muḥammad Rashīd Ridā, *Tafsīr al-Manār*, (Lubnan: Dār al-Ma’rifah, 1993) 147, lihat juga Z.A. Ahmad, *Membentuk Negara Islam*, (Djakarta: Widjaya, 1956), 254.

⁸⁰ Muḥammad Rashīd Ridā (1993), 148-149.

⁸¹ Muḥammad Salām Madkūr, 119.

Dr. Muḥammad ‘Alī Jarīshah berpendapat *ulū al-Amr* adalah anggota badan perundangan dalam sesebuah negara Islam. Beliau berpendapat sedemikian kerana peranan *ulū al-Amr* itu telah dinaskan secara jelas oleh Allah s.w.t. di dalam al-Qur’an al-Karim. Mengikut pandangan beliau, mereka yang berpendapat badan perundangan adalah dianggotai oleh golongan rakyat (ummah) semata-mata adalah terpengaruh dengan teori politik demokrasi. Begitu juga pendapat yang menyatakan bahawa anggota badan perundangan merupakan anggota perwakilan yang dipilih oleh rakyat secara bebas, telah terpengaruh dengan sistem politik berparlimen yang telah diperkenalkan oleh sistem politik barat.⁸²

Alasan lain yang beliau berikan ialah, *ulū al-Amr* merupakan orang yang paling layak untuk menjalankan pemerintahan kerana pelantikan beliau itu melengkapinya syarat-syarat sebagai penggubal undang-undang mengikut pandangan Islam. *Ulū al-Amr* juga mempunyai kuasa untuk menyusun dan menubuhkan badan perundangan dalam sesebuah negara Islam.⁸³ Beliau juga berpendapat, *ulū al-Amr* adalah orang yang melaksanakan kekuasaan yang ditetapkan oleh naṣ syara‘. Mereka ialah pemegang kekuasaan dalam negara iaitu imam atau pemimpin. Selain itu gelaran tersebut juga diberikan kepada *ahl al-Ijtihād* dan *ahl al-Ḥal wa al-‘Aqd* yang mempunyai kuasa dalam pemerintahan negara. Mereka adalah orang yang diberi kuasa untuk menegakkan syari‘ah Allah berdasarkan beberapa kelayakan tertentu yang ada pada diri mereka. Oleh sebab itu segala tafsiran ‘ulama’ tentang maksud ayat-ayat di atas boleh dijadikan sebagai panduan kepada umat Islam kini bagi membentuk badan perundangan mengikut perspektif Islam yang sebenar.

Wahbah al-Zuḥaily menjelaskan bahawa *ulū al-Amr* termasuk semua yang terbabit dengan pemerintahan dari pemimpin politik, pemimpin tentera, urus tadbir

⁸² Muḥammad ‘Alī Jarīshah, *al-Masyrū‘iyyah al-Islāmiyyah al-‘Ulyā*, (kaherah: Maktabah Wahbah, 1976), 41-42.

⁸³ *Ibid.*

negara dan ulama.⁸⁴ Pendapat ini juga selari dengan pandangan Ibn Arabī yang menurut beliau, *ulū al-Amr* adalah gabungan dari pada ulama dan umara.⁸⁵

Pandangan yang selari juga dikemukakan oleh Fathy al-Duraynī, menurutnya *ulū al-Amr* tidak hanya terbatas di kalangan para mujtahid atau pemerintah sahaja, akan tetapi meliputi setiap pakar dari pelbagai bidang yang berhubung kait dengan urusan negara dan bidang kehidupan masyarakat.⁸⁶ Lebih lanjut beliau mengulas bahawa hukum syariat selalu berkait dengan spesifikasi keilmuan tertentu dalam kehidupan, dengan demikian antara syariat dan bidang keilmuan adalah saling berkait rapat dan tidak dapat diasingkan.

Mengikut kepada pandangan yang dikemukakan oleh para ulama kontemporari, golongan *ulū al-Amr* ianya tidak hanya semata-mata pemerintah sahaja, akan tetapi *ulū al-Amr* mencakupi di dalamnya ulama, para cerdik pandai, pemuka masyarakat dan para pakar yang dapat memberikan pandangan dalam menyelesaikan sebarang masalah dan isu berbangkit dalam suatu masyarakat untuk mencapai kemaslahatan yang dikehendaki oleh syariat Islam. Dengan demikian perintah untuk taat kepada ulu al-Amr juga menunjukkan kepada perintah untuk mentaati ulama.

2.3.3. Proses Legitimasi Peranan Ulama

Manusia adalah makhluk sosial yang selalu berinteraksi antara satu sama lain dan tidak dapat melepaskan diri dari keperluan kepada kumpulan dalam kehidupannya. Hal ini juga merupakan sifat semula jadi pada awal mula penciptaan manusia. Tujuan asas penciptaannya adalah untuk dijadikan sebagai khalifah (pemimpin) bagi seluruh alam dalam rangka memakmurkan kehidupan dunia. Allah berfirman:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلٰئِكَةِ اِنِّيْ جَاعِلٌ فِى الْاَرْضِ خَلِيْفَةً

Al-Baqarah 2: 30

⁸⁴ Wahbah al-Zuhaily, *al-Tafsīr al-Munīr* (Beirut: Dār al-Fikr al-Mu'āshir. 1991), 5: 126.

⁸⁵ *Ibid.* dan *Aḥkām al-Qur'an*, 452.

⁸⁶ Fathy al-Duraynī, *Khaṣā'isu al-Tasyrī' al-Islāmy fi al-Siyāsah wa al-Ḥukm* (Beirut: Muassasah al-Risālah, 1987), 416.

Bermaksud: Dan ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada para Malaikat, sesungguhnya, Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi.

Aspek utama tugas yang di galas oleh manusia sebagai khalifah adalah untuk menjadi pemimpin demi memakmurkan alam semesta, terutama sekali pemimpin ke atas sesama manusia yang merupakan makhluk paling mulia Allah ciptakan di antara makhluk-Nya yang lain.

Dalam ayat lain dijelaskan bahawa Allah mengutus para nabi untuk menjadi pemimpin di muka bumi dan menjaga kemaslahatan manusia dengan menegakkan keadilan berasaskan kepada hukum Tuhan. Dalam hal ini Allah berfirman kepada Nabi Daud:

يٰۤاٰدٰوۡدُ اِنَّا جَعَلْنٰكَ خَلِيۡفَةً فِى الْاَرْضِ فَاَحْكُمۡ بَيْنَ النَّاسِ بِالْحَقِّ وَلَا تَتَّبِعِ الْهَوٰى فَيُضِلَّكَ عَنْ سَبِيۡلِ اللّٰهِ

Şad 38: 26

Bermaksud: Wahai Daud! sesungguhnya Kami menjadikan kamu sebagai khalifah di muka bumi, maka berilah keputusan di antara manusia dengan adil dan janganlah kamu mengikuti hawa nafsu kerana akan menyesatkan kamu dari jalan Allah.

Dalam ayat ini lebih spesifik disebutkan bahawa tugas utama pemimpin adalah untuk menegakkan keadilan. Jalan untuk menegakkan keadilan adalah dengan membuat keputusan secara adil dan tidak mengikuti hawa nafsu, kerana akan menyebabkan ia tersesat dari jalan Allah.

Berlaku adil merupakan hal yang penting dalam segala aspek kehidupan, sehingga ia dijadikan sebagai syarat untuk menjadi seorang pemimpin. Penetapan adil sebagai syarat pemimpin dapat dilihat pada penjelasan Allah s.w.t dalam kisah Ibrahim Alaihissalam, bahawa manusia hanya akan dijadikan sebagai pemimpin sekiranya ia berlaku adil. Dengan demikian, asas penguasaan ke atas bumi dan mengimarahkannya adalah berlaku adil. Allah berfirman:

وَإِذْ أُنزِلَتْ آيَاتُنَا عَلَىٰ إِبْرَاهِيمَ رَبُّهُ بِكَلِمَاتٍ فَأَتَمَّهُنَّ قَالَ إِنِّي جَاعِلُكَ لِلنَّاسِ إِمَامًا

Al-Baqarah 2: 124

Bermaksud: Dan ingatlah ketika Ibrahim di uji Tuhannya dengan beberapa kalimah (perintah dan larangan), lalu Ibrahim menunaikannya. Allah S.W.T berfirman, “sesungguhnya aku akan menjadikan kamu imam bagi seluruh manusia.

Janji Allah kepada para Nabi-Nya, juga Allah janjikan kepada orang yang beriman, bahawa mereka akan dijadikan sebagai pemimpin sekiranya mereka berbuat amal salih dalam kehidupan dunia. Allah berfirman:

وَعَدَ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنكُمْ وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ لَيَسْتَخْلِفَنَّهُمْ فِي الْأَرْضِ كَمَا أَصْلَحْنَا
الَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ وَلَيُمَكِّنَنَّ لَهُمْ دِينَهُمُ الَّذِي ارْتَضَىٰ لَهُمْ وَلَيُبَدِّلَنَّهُم مِّن بَعْدِ خَوْفِهِمْ أَمْنًا
يَعْبُدُونَنِي لَا يُشْرِكُونَ بِي شَيْئًا وَمَن كَفَرَ بَعْدَ ذَلِكَ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْفَاسِقُونَ

Al-Nur 24: 55

Bermaksud: Dan Allah telah berjanji kepada orang-orang beriman dan melakukan amal salih bahawa Allah bersungguh-sungguh akan menjadikan mereka berkuasa di muka bumi sebagaimana Allah telah menjadikan orang-orang sebelum mereka berkuasa dan menjadikan agama mereka sebagai ikutan dan mengganti rasa takut mereka dengan keamanan. Mereka menyembah-Ku dan tidak menyekutukan akan Aku dengan sesuatu apa pun. Sesiapa yang kufur setelah itu, merekalah orang-orang fasiq.

Berasaskan kepada beberapa ayat ini, Lukman Thaib berpendapat, bahawa persoalan pemimpin dan kepimpinan telah diabadikan oleh Allah seiring dengan kejadian manusia sekaligus manusia bertanggung jawab untuk mengurus dan mentadbir alam dengan baik.⁸⁷ Mentadbir sesuai dengan kehendak garis panduan yang telah diberikan dengan berlaku adil dan tidak mengikuti arahan hawa nafsu.

Dari beberapa ayat di atas juga jelas dapat difahami bahawa kuasa pemimpin dapat dimiliki oleh perorangan sebagaimana yang telah diberikan Allah kepada Nabi Daud dan Nabi Ibrahim. Kuasa juga dapat dimiliki oleh kumpulan, sebagaimana

⁸⁷ Lukman Thaib, *Politik Menurut Perspektif Islam* (Kuala Lumpur: Synergymate Sdn. Bhd, 2001), 225.

diberikan kepada orang-orang yang beriman dan melakukan amal salih dalam kehidupan mereka. Dengan demikian, penguasaan dan kepemimpinan itu walaupun ianya suatu pemberian (*given*) kepada para Nabi, intinya tetap untuk berlaku adil. Hal serupa juga ditujukan bagi kepemimpinan dan penguasa secara berkumpulan. Dalam menjalankan amanah tidak terlepas dari batasan bahawa ia mestilah untuk membawa kebaikan kepada umat manusia.

Dalam sejarah Islam, pada fasa Nabi Muhammad S.A.W di Madinah selepas penghijrahan dari Makah, semua bentuk kuasa berpusat pada diri Rasulullah s.a.w, sama ada *Tashrī'iyah*, *Qadā'iyah* mahupun *Tanfīdhiyyah*.⁸⁸ Sistem pengagihan kuasa sebagaimana yang dikenali dalam sistem moden dengan sebutan *Trias Politika*, iaitu pembahagian kuasa kepada kuasa undang-undang (legislatif), kuasa kehakiman dan eksekutif belum lagi dikenali .

Sistem kepemimpinan yang berlaku adalah sistem sentralisasi kuasa pada diri Nabi Muhammad S.A.W sebagai Rasulullah. Beliau memegang jawatan eksekutif sebagai ketua kerajaan dalam menjalankan urus tadbir sebuah pemerintahan. Dalam hal undang-undang, Rasulullah S.A.W adalah pemegang autoriti undang-undang berasaskan kepada wahyu yang diterima daripada Allah S.W.T. Dalam masalah kehakiman, Rasulullah bertindak sebagai rujukan utama dalam menyelesaikan segala persengketaan dan perselisihan yang berlaku dalam masyarakat. Hal ini kerana masa itu masih pada tahap peletakan asas dan pembinaan kaedah yang memerlukan kepada contoh praktikal amaliah. Keadaan ini untuk memberi contoh nyata yang dapat dilihat oleh para sahabat tentang tata cara pelaksanaan dan penguatkuasaan syariah serta menjadi ikutan bagi manusia pada setiap zaman dan tempat.⁸⁹

⁸⁸ Naṣr Farīd Muḥammad Wāṣil, *al-Sulṭah al-Qadā'iyah wa Niẓām al-Qadā' fī al-Islām* (Kaḥerah: Maktabah al-Tawfīqiyah, 1403 H), 43.

⁸⁹ *Ibid.*, 43-44.

Namun demikian, Rasulullah juga memberikan sebahagian kuasa kehakiman dan penguatkuasaan undang-undang kepada para utusannya dan orang yang diangkat sebagai pemimpin di suatu wilayah dalam wilayah kekuasaan Islam. Hal ini jelas terlihat dalam kes Mu'ādh ibn Jabal ketika dia diutus oleh Rasulullah untuk menjadi penguasa atau Gabenor di wilayah Yaman.⁹⁰

Paradigma ini menunjukkan bahawa pembahagian kekuasaan atau mewakilkan seseorang untuk melaksanakan kuasa yang dimiliki oleh seseorang bukanlah hal yang dilarang. Hal ini dikuatkan lagi dengan pembahasan berkenaan dengan bab wakalah secara panjang lebar dalam kitab-kitab fikah. Bertolak dari hal ini, maka ulama yang memiliki kemampuan untuk menyelesaikan permasalahan umat dan bersikap adil yang ditunjukkan dalam sikap dan perbuatan juga wajar mendapat kuasa untuk menjadi unsur pemimpin dalam suatu pemerintahan.

2.4. Pola Peranan Ulama Dalam Sistem Pemerintahan

Peranan ulama dalam sistem pemerintahan Islam telah mengalami transformasi yang berlaku secara semula jadi mengikuti perkembangan sosio politik yang terjadi dalam sejarah perkembangan politik Islam.

Dari segi pola peranan yang dimainkan oleh para ulama dalam sebuah sistem pemerintahan, setidaknya ada tiga pola utama yang dimainkan. Pertama: Pemerintah merupakan ulama, kedua: ulama mengambil sikap berkecuali dan ketiga: ulama merupakan bahagian dari pemerintah. Pola ini bukanlah pola terasing antara satu dengan yang lain, bahkan pada satu-satu masa seorang ulama kadangkala dapat memainkan

⁹⁰ Pada masa Rasulullah, wilayah kehakiman (judiciary) disatukan dengan wilayah *'ammah* atau eksekutif yang dilantik oleh Rasulullah. Hal ini kerana belum meluasnya permasalahan yang muncul pada masa itu. Muḥammad Ra'fat 'Uthmān, *Riyāsat al-Dawlah fī al-Fiqh al-Islāmy* (Kaherah: Dār al-Kitāb al-Jāmi'y, t.t), 373-374.

ketiga-tiga pola tersebut secara bersamaan. Pola-pola ini dapat dikesan dalam perjalanan sejarah umat Islam.

2.4.1. Pemerintah Merupakan Ulama.

Konsep asas dan amalan pada masa awal kekhalifahan Islam (*Khulafāu al-Rāsyidīn*), belum ada pemisahan antara ulama dengan pemimpin politik kerana Sahabat Rasul secara amnya memiliki pengetahuan agama sekaligus pelaku politik.⁹¹ Kekuasaan masih terpusat pada orang tertentu,⁹² seorang ketua negara sama ada ia bergelar khalifah, Amirul Mukminin dan lain sebagainya, dialah yang menjadi ketua negara, dia juga menjadi pimpinan tertinggi ketenteraan, dia juga menjawat sebagai kadi. Dengan demikian maka dapat dianggap bahawa pemimpin dalam suatu pemerintahan merupakan seorang ulama.

Selepas masa pemerintahan *Khulafāu al-Rāsyidīn* terutama sekali semenjak masa pemerintahan Bani Umayyah mulai berlaku perubahan. Telah mulai ada penamaan secara khas bagi kepakaran tertentu sehingga penyebutan ulama mulai mengarah kepada kepakaran dalam bidang ilmu masing-masing.⁹³ Dari segi pemimpin pun mulai berlaku perubahan dengan adanya sistem pewarisan kekuasaan. Namun demikian mereka masih sangat dekat dan berpegang teguh dengan ajaran Islam.

Mengikut perkembangan ini, maka mulai muncul pemikiran untuk menetapkan syarat kelayakan bagi seorang calon pemimpin negara. Di antara syarat yang ditetapkan ialah seorang pemimpin tertinggi atau ketua negara hendaklah seorang yang berkelayakan sebagai mujtahid. Pensyaratan berkelayakan sebagai mujtahid dapat dilihat dari syarat yang diletakkan oleh al-Māwardī bagi seorang calon ketua negara. Seorang ketua negara

⁹¹ Azyumardi Azra et al., *Ensiklopedi Islam*, 155.

⁹² Mutohharun Jinan MA, "Relasi Ulama dan Umara dalam Sejarah Islam," *Suara Muhammadiyah*, 16-28 February 2011, 24.

⁹³ Azyumardi Azra et al., *Ensiklopedi Islam*, 155.

mengikut al-Māwardī dikehendaki memiliki kapasiti keilmuan yang boleh mencapai derajat ijtihad dalam persoalan semasa.⁹⁴

Jumhur Ulama *ahl al-Sunah* mensyaratkan bahawa seorang ketua negara (Khalifah) adalah seorang yang berkelayakan sebagai mujtahid,⁹⁵ yang terkumpul padanya sifat-sifat seorang mufti, sebarang perbezaan pandangan dalam masalah ini dianggap tidak akan memberi apa-apa kesan pada syarat ini.⁹⁶ Imam al-Juwayny bahkan menyifatkan bahawa telah berlaku kesepakatan di antara para ulama mengenai hal ini⁹⁷. Pandangan ini juga merupakan pendapat Imam al-Shafi'ī, Abū Ya'lā al-Farrā', Ibn Khaldūn, 'Abd al-Qāhir al-Baghdādī, Qurṭūby dan al-Qalqasyandy.⁹⁸ Alasan yang di pakai ialah, para pemimpin atau khalifah akan melaksanakan tugas sebagai Qādī dalam segala hal, termasuk masalah hukuman ke atas nyawa, maka ianya mestilah seorang yang mencapai peringkat darjat mujtahid untuk menjadi ketua negara.

Paradigma pemerintahan dan pentadbiran terus berkembang seiring dengan meluasnya kekuasaan negara Islam. Kemampuan manusia dalam menguasai bidang ilmu agama juga terjadi perubahan dan penurunan sehingga tidak ramai lagi dapat dijumpai

⁹⁴ Abī al-Ḥasan 'Alī Muḥammad bin Ḥabīb al-Baṣry al-Baghdādy al-Māwardī, *al-Aḥkām al-Sultāniyyah wa al-Wilāyat al-Diniyyah* (Beirut: al-Maktab al-Islāmy, 1996), 15.

⁹⁵ Kayd Yūsuf Maḥmūd Qar'usy, *Turuq Intihā' Wilāyah al-Ḥukkām fī al-Sharī'ah al-Islāmiyyah wa Nuzum al-Dustūriyyah* (Beirut: Muassasah al-Risālah, 1987), 114.

⁹⁶ 'Abd al-Malik bin 'Abd Allāh bin Yūsuf bin Muḥammad bin 'Abd Allāh bin Hayawaih al-Juwayny al-Ḥaramayn, *Ghiyāth al-Umam fī al-Itiyāth al-Zulam* (Iskandariah: Dār al-Da'wah li al-Ṭab' wa al-Nashr wa al-Tawzī', 1979), 65-66.

⁹⁷ 'Abd al-Malik bin 'Abd Allāh bin Yūsuf bin Muḥammad bin 'Abd Allāh bin Hayawaih al-Juwayny al-Ḥaramayn, *al-Irshād ilā Qawāṭi' al-Adillah fī Uṣūl al-I'tiqād*, Tahqiq Dr. Muhammad Yusuf Musa (Kaherah: Maktabah al-Khanjy, 1950), 426. Akan tetapi sebahagian ulama tidak mensyaratkan Ijtihad sebagai syarat kelayakan bagi seorang ketua negara, pendapat ini dikemukakan oleh al-Jurjāny. Al-Jurjāny berhujah bahawa pada masanya tidak ada orang yang mampu memenuhi standard syarat seorang mujtahid untuk diangkat sebagai pemimpin, sehingga syarat ini dianggap tidak perlu atau sia-sia sahaja bahkan dapat dikategorikan kepada taklif dengan sesuatu yang di luar batas kemampuan manusia, sila rujuk; 'Alī bin Muḥammad al-Jurjāny, *Syarḥ al-Mawāqif* (Kaherah: Maṭba'ah al-Sa'ādah, 1325 H), 8: 349. Rujuk juga, Abū Ishāq Ibrahim bin Mūsā bin Muḥammad al-Shāṭiby, *al-I'tisām* (Kaherah: Maktabah al-Tijāriyyah al-Kubrā, T.tt), 2: 126-127. Lihat juga al-Qādī Abī Ya'lā Muhammad bin al-Ḥusīn al-Farrā' al-Ḥambalī, *al-Aḥkām al-Sultāniyyah* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2000), 20-21. Kebanyakan pandangan yang tidak mensyaratkan ijtihad sebagai syarat pemimpin, menghendaki pemimpin tersebut merujuk kepada mufti atau orang yang pakar dalam ilmu keislaman dalam memutus permasalahan.

⁹⁸ 'Abd Allāh bin 'Umar bin Sulaymān al-Dāmijī, *al-Imāmah al-Uzmā 'inda Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* (Riyāḍ: Dār al-Tayyibah li al-Nashr wa al-Tawzī', 1408 H), 248.

bilangan manusia yang dapat mencapai derjat mujtahid. Dengan demikian seorang pemimpin tidak lagi dapat melakukan semua tanggung jawabnya seorang diri atau *one man show*. Maka muncullah berbagai institusi pemerintahan dan pentadbiran yang menjalankan kuasa yang diberikan oleh ketua pemerintahan termasuk ulama untuk memberikan pandangan kepada pemimpin.

2.4.2. Ulama Berkecuali.

Keberadaan ulama berkecuali dalam sejarah Islam juga sangat banyak ditemui. Merujuk kepada peranan imam mazhab dalam sistem pemerintahan, tidak sedikit dijumpai bahawa sebahagian dari mereka dan ulama pada masa tersebut berperanan sebagai ulama berkecuali dan memisahkan diri dari sistem pemerintahan. Namun demikian, mereka tetap ikut mengambil bagian dalam menyelesaikan pelbagai permasalahan yang dihadapi oleh masyarakat dengan cara masing-masing.

Tawfiq al-Shāwy malah menyebut secara terang bahawa sepanjang sejarah Islam, para imam mujtahid selalunya terpisah dari sebuah sistem pemerintahan, sama ada secara keanggotaan, politik dan sosial budaya. Menurutnya, inilah dasar paling utama untuk memberi jaminan tidak berat sebelah dan memastikan keberkecualian fikah dan bebasnya syariah dari para pemimpin dan segala sistemnya.⁹⁹ Jaminan lain yang tidak kalah pentingnya ialah kepimpinan ulama hanyalah dalam urusan fatwa dan keilmuan sahaja bukan kekuasaan, adapun dalam penguatkuasaan hukum ialah urusan eksekutif.

Pandangan model ini muncul akibat perkembangan politik dan sikap represif sebahagian penguasa pada zaman dahulu yang membuat ulama menjaga jarak dengan pemerintah. Paradigma ini secara terang dapat dilihat sebagaimana digambarkan oleh imam al-Suyūṭī dalam kitabnya “*Mā Rawāhu al-Asāṭīn fī ‘Adami al-Majī’ Ilā al-Salāṭīn*”,

⁹⁹ Tawfiq al-Shāwy, *Fiqh al-Syūrah wa al-Istishārah* (Manṣūrah: Dār al-Wafā li al-Ṭibā’ah wa al-Nashr), 372.

yang merupakan tindak balas beliau terhadap kezaliman pemerintahan Mamluk.¹⁰⁰ Dalam kitabnya, al-Suyūṭī berharap agar ulama tidak mahu dijadikan sebagai alat legitimasi pemerintah dalam membuat polisi yang bercanggah dengan ajaran Islam seperti perampasan tanah dan penyalahgunaan harta waqaf. Imām al-Suyūṭī juga cenderung kepada pandangan imam al-Ghazaly yang melarang ulama untuk bersekutu (*mukhālaṭah*) dengan pemerintah ataupun mencampuri urusan mereka (*tadākhul*).¹⁰¹

Sikap berkecuali terhadap pemerintah sebegini dari kalangan ulama bukanlah hal yang baru dalam sejarah Islam. Lembaran sejarah telah mencatat bagaimana imam Aḥmad ibn Hanbal berseberangan dengan pemerintahan al-Ma'mūn dan Mu'tasim, kerana beliau menghormati kebebasan akademik yang diyakini akan kebenarannya. Imam Ahmad juga menolak sebarang pemberian penguasa, sebagaimana yang diberikan oleh al-Mutawakkil selepas imam Ahmad dibebaskan dari tahanan.¹⁰²

Pelarangan untuk mendekati para penguasa juga dapat dilihat dari pelbagai sumber rujukan ilmu tasawuf yang sangat mengecam sikap ulama yang berusaha mendekati diri dengan umara. Ibn Huzaifah berkata: berhati-hatilah engkau dari prinsip-prinsip Fitnah!, lalu seseorang berucap: apakah itu?, ia menjawab: pintu-pintu pemimpin, seseorang di antara kamu masuk menemui seorang pemimpin lalu membenarkan kebohongannya dan berucap yang tidak sepatutnya.¹⁰³ Peringatan yang lebih tegas lagi di ucapkan oleh Said ibn al-Musayyab ketika menyifatkan ulama yang tidak baik, beliau berkata: jika sekiranya engkau melihat seorang alim (ulama) memuji-

¹⁰⁰ Ahmad Mubarak, S. TH.I, "Sinergitas Ulama dan Umara dalam Perspektif Hadis (Studi Kritis atas Pemikiran Al-Suyūṭī dalam Kitab Mā Rawāhu al-Asaṭin fi 'Adami al-Majī' ilā al-Salāṭin)" (Tesis Magister, Universitas Islam Negeri, Yogyakarta, 2011), 122.

¹⁰¹ *Ibid.*, 122-123.

¹⁰² Mannā' Khalīl al-Qaṭṭān, *Tārīkh al-Tasyrī' al-Islāmy: al-Tasyrī' wa al-Fiqh* (Riyād: Maktabah al-Ma'ārif li al-Nashr wa al-Tawzī', 1996), 382-383.

¹⁰³ Aḥmad bin 'Abd al-Raḥmān bin Qudāmah al-Maqdisī, *Mukhtaṣar Minhaj al-Qāsidīn* (Kaherah: Dār Ihyā' al-Kutub al-'Arabiah, t.t), 29.

muji para pemimpin maka berhati-hatilah dengan mereka!, sesungguhnya ia hanyalah seorang pencuri, bukan ulama.¹⁰⁴

Fenomena tindakan ulama mengasingkan diri dari pemerintah tidak terlepas dari sikap penguasa pada masa tersebut yang disifatkan berkeinginan memanfaatkan ulama untuk menjustifikasikan kekuasaan mereka. Selain itu, sokongan penguasa terhadap mazhab tertentu mengakibatkan tindakan yang keras diambil terhadap ulama yang memiliki pandangan berseberangan dengan penguasa. Hal ini sebagaimana berlaku kepada Imam Ahmad ibn Hambal yang dipaksa untuk mengikuti fahaman yang disokong oleh penguasa al-Wāthiq Billāh pada masa itu tentang hal al-Quran makhluk atau bukan makhluk.¹⁰⁵

Dari pemaparan di atas jelas terlihat ulama memiliki sikap yang tegas terhadap para penguasa dan memilih untuk tidak terlibat dalam pemerintahan yang dianggap tidak sejalan dengan ilmu dan pemikiran yang dimiliki. Namun dalam masyarakat mereka terus menabur bakti dan tidak mengasingkan diri. Walaupun berseberangan pandangan dengan pemerintah, jalan mengangkat senjata terhadap pemimpin bukanlah jalannya para ulama dalam sejarah umat Islam.

2.4.3. Ulama Merupakan Bahagian dari Pemerintah

Keterbaitan ulama dalam sistem pemerintahan adalah pendapat ramai mufasirin dan ulama kontemporari ketika mentafsir dan membahaskan maksud dari perkataan *ulū al-Amr* dalam al-Qur'ān. Sebagaimana telah diperjelas pada awal pembahasan bab ini bahawa yang di maksud *ulū al-Amr* yang perlu ditaati dalam sebuah sistem pemerintahan termasuklah di dalamnya para ulama.

¹⁰⁴ *Ibid.*

¹⁰⁵ Khālid Ḍaḥwy Faddān al-Zufayry, *Ḍawābit Mu'āmalatu al-Ḥukkām 'Inda Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah wa Aṭāruha 'alā al-Ummah* (Madinah: Wizāratu Ta'lim al-'Ālī al-Jāmi'ah al-Islāmiyah, 2009), 505-506.

Dari pemahaman kebanyakan ulama terhadap nas syariat sebagaimana telah di paparkan dalam membahaskan sumber legitimasi ulama dalam pemerintahan di atas, menunjukkan bahawa ia merupakan pandangan yang diperakui oleh ramai pemikir. Seinggalah mereka berpendapat bahawa sejahteranya sebuah negara adalah akibat dari wujud kesefahaman antara ulama dan umara. Bila hal ini tidak dapat dicapai maka ketenteraman dan kestabilan suasana tidak akan dapat dirasai oleh masyarakat dalam sesebuah negara.

Pola peranan ulama secara langsung dalam pentadbiran kerajaan juga bukanlah hal yang baharu dalam konteks sejarah Islam. Abū Yūsuf menerima untuk dilantik sebagai hakim agung (*Qāḍī al-Quḍāh*) pada masa pemerintahan Harun al-Rashid.¹⁰⁶ Masa pemerintahan Harun al-Rashid merupakan salah satu penggal puncak kegemilangan dalam pentadbiran kerajaan Islam. Selain daripada itu sangat banyak dijumpai hadis mahupun *athar* yang membincangkan akan kelebihan ulama dan umara. Ulama disifatkan bagaikan bintang-bintang di langit yang dapat dijadikan sebagai petunjuk arah dalam kegelapan malam sama ada di darat mahupun ketika berada di lautan. Ada juga riwayat yang menyatakan bahawa kelebihan ulama ke atas ahli ibadat bagaikan kelebihan bulan ke atas cakerawala lain, bahkan makhluk yang ada di langit dan bumi serta ikan-ikan yang berada di lautan pun ikut beristighfar untuk para ulama.¹⁰⁷

Sementara umara pula disifatkan bagaikan perisai dalam sebuah riwayat Imam Bukhari, di mana rakyat berlindung dan berperang di belakangnya. Oleh sebab itu, umara juga dijanjikan kedudukan yang sangat tinggi di akhirat kelak. Sekiranya umara itu berlaku adil, maka ia akan masuk dalam salah satu dari tujuh golongan yang dijanjikan mendapat perlindungan Allah pada hari akhirat, sebagaimana diriwayatkan oleh imam

¹⁰⁶ Naṣr Farīd Muḥammad Wāṣil, *al-Sulṭah al-Qadāiyyah wa*, 69.

¹⁰⁷ Lihat Bab al-‘Ilm, Kitāb al-Hath ‘alā Talabi al-‘Ilm, Hadith No. 3641,3643, Abī Daud Sulaymān bin al-Ash’ath al-Sijistāny al-Azdy, *Sunan Abi Daud* (Beirut: Dar Ibn Hazm, 1998), 4: 39.

Bukhari dan Muslim. Sementara sekiranya umara berlaku zalim, maka mereka akan menjadi golongan yang sangat dibenci oleh Allah dan ditempatkan pada suatu tempat yang sangat jauh dengan-Nya.

Berasaskan riwayat-riwayat ini, dapat disimpulkan bahawa golongan ulama dan umara adalah faktor yang membawa kepada kebaikan umat sekiranya ulama menjalankan fungsinya sebagai penasihat kepada umara, dan umara mendengar serta melaksanakan nasihat para ulama sebagaimana telah tercatat dengan tinta emas dalam sejarah Islam. Hal ini turut diakui oleh Mahmud Zuhdi.¹⁰⁸

2.5. Bentuk Institusi Ulama dan Peranannya dalam Negara Islam

Institusi ulama dalam kerajaan Islam dikenali dengan berbagai istilah, di antaranya adalah Syaikhul Islam, Qadi Malikul Adil, Mufti, Qadi, Dewan Ulama, Majlis Ulama, Persatuan Ulama dan berbagai nama sebutan lainnya. Namun demikian, peranan mereka berbeza-beza, ada yang hanya menjadi pelengkap kepada perangkat pemerintahan sahaja, ada juga yang memainkan peranan penting dalam pembuatan polisi.

Peranan yang dimainkan oleh ulama dalam sistem pemerintahan Islam ada kalanya dengan terbabit langsung dalam pemerintahan dengan menjadi sebagai salah satu pegawai pemerintah. Peranan lain yang dimainkan adalah dengan memberi nasihat sama ada melalui tulisan mahupun lisan bagi setiap permasalahan dalam masyarakat yang memerlukan kepada sentuhan ulama untuk mencarikan jalan keluarnya. Selain itu, ulama juga menjadi pentadbir dalam menyelaraskan hal-hal yang berkenaan dengan pentadbiran hal ehwal keislaman.

Ulama yang terlibat secara langsung dalam sistem pemerintahan, biasanya akan menjadi rujukan utama pemerintah dalam segala hal yang berhubung dengan masalah

¹⁰⁸ Mahmood Zuhdi Haji Abul Majid, "Hubungan antara Ulama dan Umara" (Kertas Kerja Seminar Tajdid Pemikiran Islam, Bukit Tinggi, Padang, 17 March 2009)

keagamaan, sama ada melalui pandangan peribadi atau nasihat mahupun dengan fatwa rasmi yang dikeluarkan. Namun demikian, sepatutnya ulama terbebas dari pengaruh kekuasaan untuk menghindari bias dan penyimpangan dalam menerbitkan nasihat mahupun fatwa. Akan tetapi dalam realitinya, peranan kerajaan dalam membentuk autoriti hukum begitu kuat.¹⁰⁹ Kuatnya peranan pemerintah dalam masalah agama dapat dilihat dari nama yang disematkan kepada ulama yang diangkat oleh pemerintah sebagai pemegang autoriti keagamaan dalam negara seperti mufti dengan gelaran “mufti kerajaan”. Hal ini membuat Jakob Skovgaard mendefinisikan mufti kerajaan sebagai “*an employee of the state, a bureaucrat, and a key figure of its religious administration*”.¹¹⁰

Dalam masalah peranan ulama dalam pemerintahan, Mesir memiliki sejarah panjang tentang ini. Masalah fatwa keagamaan telah dimulai semenjak zaman “Fath Maṣr” dan dilakukan secara suka rela oleh beberapa orang sahabat Rasulullah, seperti Uqbah bin ‘Āmir dan Abdullah bin Amrū ibn al-‘Āṣ. Peranan ini mulai berubah menjadi peranan rasmi semasa pemerintahan Mamluk menguasai Mesir dengan mengaitkan jawatan ini dengan Qāḍī. Peranan ini terus berubah bentuk dan caranya mengikut perubahan pemerintah yang berkuasa dari Uthmāniyah sampailah ke hari ini.¹¹¹ Akan tetapi, walau apa pun perubahan yang berlaku, Mufti tetap merupakan sebuah jawatan rasmi dalam sistem pemerintahan di Mesir.

Di Saudi Arabia, para ulama yang terhimpun dalam *al-Lajnah al-Dāimah li al-Buḥūth al-‘Ilmiyah wa al-Iftā’*, di lantik oleh pemerintah. Peranan dan kewujudan mereka berada dalam kawalan dan pengaruh kuat pemerintah. Pengaruh ini dapat dilihat bahawa

¹⁰⁹ Rusli, “Tipologi Fatwa di Era Modern: Dari Offline ke Online”, *Hunafa: Jurnal Studia Islamika*, Vo. 8, No. 2 (Disember 2011), 275.

¹¹⁰ Jakob Skovgaard-Petersen, “A Typology of State Muftis” dalam *Islamic Law and The Challenge of Modernity*, ed. Yvonne Yazbeck Haddad dan Barbara Freyer Stowasser (CA: AltaMira Press, 2004), 81.

¹¹¹ “*Nash-ah Dār al-Iftā’ al-Miṣriyyah wa Istiqlāluha Rukyātun Tārīkhiyyatun*”, Official Website Dar al-Ifta al-Masriyah dicapai 2 Mac 2015 <http://www.dar-alifta.org/ViewGeneral.aspx?ID=101>.

fatwa yang dikeluarkan tidak akan terkeluar dari mazhab rasmi negara. Selain itu juga tidak terkeluar dari kebijakan dan stabiliti politik pemerintah.¹¹²

Malaysia sebagai contoh, memiliki keunikan tersendiri, di mana Malaysia memiliki 14 orang Mufti. Setiap Negeri memiliki Mufti tersendiri. Dalam rangka istimbat hukum, mufti dibantu oleh Jawatan Fatwa yang juga memiliki nama yang berbeza mengikut Negeri. Fatwa yang dikeluarkan dapat dikategorikan kepada tiga: Fatwa yang diwartakan, Fatwa yang diputuskan dalam mesyuarat jawatankuasa fatwa dan ketiga adalah fatwa yang dikeluarkan mufti secara persendirian, sama ada secara bertulis ataupun lisan. Namun demikian, hanya fatwa yang diwartakan sahaja yang memiliki implikasi hukum, sementara yang lain tidak.¹¹³ Untuk menyelaras dan menyeragamkan fatwa-fatwa yang ada di seluruh negara, pada tahun 1970 dibentuk jawatankuasa fatwa peringkat kebangsaan, iaitu jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam (MKI).¹¹⁴

Di Indonesia, ulama yang terhimpun dalam Majelis Ulama Indonesia (MUI) bukan ulama yang harus dirujuk oleh pemerintah dalam masalah keagamaan. Masalah hukum hakam dibiarkan terbuka untuk diterjemahkan oleh organisasi masyarakat yang bercorak keislaman walaupun dalam masalah ekonomi fatwa Dewan Syariah Nasional MUI menjadi rujukan dalam praktik perbankan Islam

Dari beberapa model penglibatan ulama secara resmi dalam pemerintahan di pelbagai negara Islam, dapat dilihat bahawa pemerintah selalu memiliki keinginan untuk mengikutsertakan ulama dalam urusan tadbir negara walau apa jua haluan politik yang dijalankan. Penglibatan ulama dalam pemerintahan Islam paling tidak adalah dalam hal

¹¹² Rusli, "Tipologi...", 277.

¹¹³ Muhammad Ikhlas Roseli dkk, "Konflik fatwa di Malaysia: Satu Kajian Awal", *Journal Fiqh* No. 10 (2013), 33-34.

¹¹⁴ Mohd. Muhadis Yasin, "Pengurusan dan Penyelarasan Fatwa: Pelaksanaan dan Cabaran di Malaysia", *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa* 1, No. 1 (2007), 125.

yang berhubungan dengan hal ehwal keislaman ataupun urusan tadbir masalah keislaman mahupun kehakiman.

2.5.1. Model Peranan Institusi Ulama Dalam Negara

Institusi ulama memainkan beberapa peranan penting dalam sistem pemerintahan sebuah negara Islam. Jika kita merujuk kepada Mesir sebagai contoh, Mufti sebagai ulama rujukan pemerintah memiliki dua peranan utama; peranan keagamaan dan peranan Undang-undang.

Peranan keagamaan adalah menjawab segala soalan dan menerbitkan fatwa dalam berbagai-bagai bahasa. Selain itu, mufti juga berperanan dalam memberikan tanggapan terhadap peristiwa yang berkenaan dengan umat Islam, menyiapkan kajian ilmiah tertentu, menjawab segala penyelewengan dan tuduhan terhadap Islam, menentukan awal bulan hijriah, melatih pelajar yang dihantar khas untuk mempelajari tentang fatwa dan mempersiapkan Mufti melalui pendidikan jarak jauh.¹¹⁵

Sementara peranan perundangan adalah memberi pertimbangan berasaskan agama kepada mahkamah berkenaan dengan hukuman mati. Mahkamah yang memutuskan hukuman mati terhadap penjenayah, wajib menyerahkan kertas siasatan perkara kepada mufti untuk dilakukan tinjauan dan penilaian mengikut hukum syara'. Tinjauan dan penilaian Mufti adalah untuk menentukan sama ada hukuman mati tersebut sesuai dengan aturan syara' atau tidak. Pelimpahan kertas siasatan perkara ini setelah dilakukan rayuan di peringkat peradilan tertinggi dan sebelum keputusan mahkamah dibacakan kepada penjenayah.¹¹⁶ Proses penilaian dari pihak Mufti sesuai dengan undang-undang perkara Jenayah Mesir fasal 382 (2).

¹¹⁵ "Mahām al-Dār", Laman Sesawang Rasmi Dār al-Iftā' Mesir, dicapai 2 Mac 2015 <http://www.dar-alifta.org/ViewGeneral.aspx?ID=100>.

¹¹⁶ "Mahām al-Dār", Laman Sesawang Rasmi Dār al-iftā', dicapai 2 Mac 2015 <http://www.dar-alifta.org/ViewGeneral.aspx?ID=100>.

Sementara di Malaysia, Fungsi Mufti di antaranya adalah:

- Sebagai penasihat kepada Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong dan kerajaan Persekutuan dalam perkara-perkara kefahaman Islam meliputi semua aspek termasuk Akidah, Syariah, ibadah dan isu-isu semasa,
- Mengkaji dan mengeluarkan fatwa atas perintah Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong atau atas inisiatif Mufti atau soalan yang dikemukakan oleh orang awam kepada Mufti,
- Mengeluarkan panduan-panduan kefatwaan untuk masyarakat Islam di Wilayah Persekutuan,
- Membentuk keselarasan kefahaman Islam di kalangan umat Islam di Wilayah Persekutuan terhadap isu-isu atau persoalan yang timbul dikalangan masyarakat,
- Mengawal selia perkembangan Islam agama Islam di Wilayah Persekutuan,
- Menentukan dan mengesah Taqwim hijrah, Taqwim Solat dan penentuan arah kiblat di Wilayah Persekutuan berdasarkan kaedah-kaedah falak Syari'e¹¹⁷.

Untuk Aceh, dalam sejarahnya pernah dikenali beberapa institusi ulama iaitu:

Syaikhul Islam, Qāḍī Malikul Adil dan Faqih. Syaikhul Islam dan Qāḍī Malikul Adil adalah gelaran yang diberikan kepada pemegang autoriti tertinggi dalam hal ehwal keagamaan pada masa pemerintahan Islam di Aceh suatu ketika dulu.¹¹⁸ Sementara Faqih adalah sebuah jawatan yang agak lebih rendah dari Syaikhul Islam dan Qāḍī Malikul Adil.

Di antara peranan yang dimainkan oleh Syaikhul Islam pada masa pemerintahan Aceh adalah ia sebagai pimpinan tertinggi birokrasi dalam masalah keagamaan. Syaikhul Islam juga sebagai pemimpin keagamaan tertinggi dalam negara. Selain itu, Syaikhul Islam juga memimpin upacara-upacara keagamaan dan perayaan Islam, seperti menjadi imam solat hari raya, menyembelih haiwan Korban pada hari raya Aidiladha. Peranan lain yang dimainkan ialah berperanan sebagai diplomat untuk melakukan perundingan dengan pihak luar, penasihat raja, guru agama dan sekali gus menerbitkan fatwa.¹¹⁹

¹¹⁷ "Fungsi Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan", Laman Sesawang Rasmi Mufti Wilayah, dicapai 2 Mac 2015 http://muftiwp.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=78&Itemid=285.

¹¹⁸ Muliadi Kurdi, *Aceh di Mata Sejarawan, Rekonstruksi Sejarah Sosial Budaya* (Banda Aceh: LKAS. 2009), 193.

¹¹⁹ Amirul Hadi, *Islam and State in Sumatra: A Study of Seventeenth Century Aceh* (Leiden: Brill Academic Publisher), 165 <http://site.ebrary.com/id/10090516?ppg=165>.

Di sini jelas dapat dilihat bahawa ulama terjun langsung dalam pentadbiran kerajaan sama ada pada peringkat mengurus birokrasi hal ehwal keagamaan mahupun dalam mengendalikan pelaksanaan prosesi ibadah selaku pemegang autoriti tertinggi dalam hal ehwal keagamaan.

2.5.2. Cara Institusi Ulama Memainkan Peranan dalam Negara

Selain terlibat langsung dalam sistem pemerintahan dengan mendampingi penguasa, memberi pandangan dan menerangkan hukum hakam secara lisan, ulama juga memilih metode tulisan untuk memberi nasihat kepada pemerintah. Model penulisan karya untuk memberikan panduan kepada pemerintah adalah cara yang cukup banyak dilakukan oleh ulama dan bukanlah model baru dalam sejarah keilmuan Islam. Berbagai-bagai karya telah ditulis sama ada atas perintah atau permintaan penguasa atau atas inisiatif ulama sendiri dalam menjalankan tanggung jawab keilmuannya.

Peranan ulama terhadap pemerintah dengan cara menulis nasihat kepada umara tentang tatacara melaksanakan pemerintahan dan memerintah dapat dilihat dari banyaknya karya yang dihasilkan oleh ulama pada masa pemerintahan Islam untuk memberikan garis panduan kepada raja.

Gaya penulisan seperti ini dalam khazanah keilmuan Islam sudah bermula sejak abad ke 9 M dan ia berterusan sehinggalah abad ke 20 M. Ia dimulai oleh Ibn Muqaffā' di Parsi (Iran), al-Farābī, Ibnu Sīnā, Nizām al-Mulk, Ibn Abī Rabi', al-Māwardī (364-450H/975-1059M), al-Juwaynī (1028-1087M), al-Ghazālī (1058-1111M) dan para sarjana Islam yang lain. Ibn Abī Rabi' misalnya menulis *kitāb Sulūk al-Mālik fi Tadbīr al-Mamālik*, al-Farābī menulis *Arā' Ahl al-Madīnah al-Faḍīlah*, *Tahṣīl al-Sa'ādah* dan *al-Siyāsah al-Madaniyyah*. Al-Māwardī (450) menulis *al-Aḥkam al-Sulṭāniyyah*, *Qawānin al-Wizārah* dan *Siyāsah al-Mālik*. Al-Ghazālī (550) menulis *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn*, *al-Iqtisād fī al-I'tiqād* dan *al-Tibr al-Masbuq fi Naṣīhah al-Muluk*, Ibn Taymiyyah

(1262-1328M) menulis *al-Siyāsah al-Shar'iyah* dan Ibn Khaldūn menulis *Muqaddimah*.¹²⁰ *Ghiyāth al-Umam* karya imam al-Ḥaramayn al-Juwaynī (476 H), *Thuruq al-Ḥukmiyah* karya Ibn al-Qayyim (751), *Tahrīr al-Aḥkām fī Tadbīr ahl al-Islām* karya Ibn Jamaah (749).¹²¹

Pada era kegemilangan Kerajaan Aceh Dar al-Salam, aktiviti keilmuan, penyebaran Islam dan penulisan kitab dalam semua aspek kehidupan masyarakat telah berkembang. Karya-karya politik rumpun Melayu muncul satu demi satu seperti *Tāj al-Salātin* (1603/1604) oleh Bukhari al-Jauhari, *Sulalah al-Salatin* (1612-1617) oleh Tun Seri Lanang, dan *Bustan al-Salatin* (1638-1641) oleh Nuruddin al-Raniri, kemudian kitab *Safīnatu al-Hukkām* pada abad ke 18 yang isi kandungannya dipenuhi dengan ilmu kepemimpinan yang berasaskan Islam. Peranan ulama melalui pola penulisan ini tidak hanya memberi manfaat semasa kepada para pemimpin akan tetapi telah meninggalkan khazanah keilmuan yang sangat berharga bagi generasi berikutnya.

2.6. Kesimpulan

Dari perbincangan yang telah dipaparkan dapat diambil kesimpulan bahawa ulama adalah orang yang memiliki kepakaran dalam bidang ilmu agama serta para intelektual yang dapat memberikan jalan keluar bagi setiap permasalahan yang dihadapi masyarakat serta menjadi teladan dalam kehidupan sehari-hari.

Dalam masyarakat, ulama berperanan sebagai penyampai dan penjelas perintah-perintah Allah. Selain itu, juga memberikan jalan keluar mengikut ketentuan syariat ke

¹²⁰ Shah Rul Anuar bin Nordin, *Pemikiran Politik Islam di Aceh Abad Ke 17: Kajian Perbandingan Antara Kitab Taj al-Salatin, Sulalah al-Salatin dan Bustan al-Salatin* (Tesis Doktorat Fakulti Pengajian Islam, University Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2012), 17.

¹²¹ Yusuf al-Qardhawī, *al-Siyāsah al-Syariyyah fī Dhawī Nushus al-Syariah wa Maqashidiha* (Kaherah: Maktabah Wahbah, 1998), 15-16.

atas setiap permasalahan umat serta menunjukkan contoh teladan dalam kehidupan sehari-hari supaya dapat diikuti oleh orang rama sesuai dengan syariat Islam.

Seseorang baru dapat digelar sebagai ulama apabila ia memiliki kapasiti secara personal mahupun kapasiti secara keilmuan. Kapasiti personal berupa ia adalah orang Islam, telah baligh, berakal dan adil. Sementara kapasiti keilmuan dapat dilihat dengan penguasaan ilmu keislaman dari sumber-sumber yang autentik.

Asas peranan ulama dalam pemerintahan adalah merujuk kepada pemahaman istilah *ulu al-amr* sebagaimana yang terdapat dalam surah al-Nisa sama ada ayat 59 mahupun ayat 83. Berasaskan pemahaman mufasir dan para ulama kontemporari, maka dapat disimpulkan bahawa yang di maksud dengan *ulu al-amr* yang wajib ditaati, termasuklah di dalamnya para ulama dan pemuka kaum serta cerdik pandai yang dapat memecahkan permasalahan umat.

Dari segi pola peranan, dalam sejarah Islam dapat dilihat tiga pola utama bentuk peranan ulama; pemimpin itu sendiri adalah ulama, ulama bersikap berkecuali dan mengambil bahagian langsung dalam pentadbiran.

Adapun cara yang ditempuh untuk menjayakan suatu pentadbiran adalah dengan cara membabitkan diri secara langsung dalam pentadbiran pemerintahan ataupun dengan menulis nasihat ataupun kitab-kitab yang dapat dijadikan panduan oleh pemimpin pemerintahan dalam mengurus tadbir sebuah kerajaan.

BAB 3: PERANAN ULAMA DALAM SEJARAH PEMERINTAHAN ACEH

3.1. Pengenalan

Peranan ulama dalam sejarah Aceh telah berlangsung sangat lama. Bermula seawal pemerintahan Islam mulai menancapkan kekuasaan dan bertapak di bahagian paling hujung pulau Sumatera ini, iaitu sebelum kerajaan Aceh Darussalam wujud lagi.

Dalam bab ini akan di bahas mengenai peranan yang telah dimainkan oleh ulama Aceh sepanjang perjalanan sejarah. Bermula semenjak pemerintahan negara masih dalam bentuk pemerintahan dengan sistem beraja, sampai kepada masa penjajahan Belanda, Jepun dan selepas menjadi bahagian daripada Indonesia sama ada fasa pra dan pasca autonomi Aceh.

Aceh sebagai sebuah entiti telah mengalami dan menjalani beberapa perubahan sistem pemerintahan yang berlaku dalam sejarahnya. Berbagai perubahan sistem ini tidak menyurutkan ulama untuk memainkan peranan signifikan dalam tatanan kenegaraan. Namun demikian, peristiwa sejarah yang dijadikan fokus pembahasan dalam kajian ini adalah sejarah yang berhubung kait dengan pembabitan ulama sahaja dalam penggal-penggal sejarah Aceh termasuk lahirnya MPU dan peranan mereka pada tahap awal penubuhan. Dengan demikian, kajian ini tidak mendalami peristiwa sejarah Aceh yang sangat luas dan kaya dengan pelbagai peristiwa sejarah.

Pembahasan ini dianggap penting kerana akan menjelaskan bagaimana kehadiran ulama di tengah-tengah masyarakat begitu diterima dengan sangat baik. Peranan mereka sangat berkesan, sama ada secara rasmi ataupun secara tidak rasmi. Pembahasan lintas sejarah ini juga untuk melihat bagaimana peranan ulama dalam pemerintah serta pergeseran peranan mereka dari masa ke semasa. Pembahasan ini nantinya dijadikan

sebagai bahan analisis terhadap peranan Majelis Permusyawaratan Ulama Aceh pada masa kini.

Fasa selepas kemerdekaan telah memberi warna yang sangat beragam bagi peranan ulama dalam mempertahankan kemerdekaan, bahkan telah menunjukkan bahawa kepentingan agama berada di atas kepentingan kemerdekaan itu sendiri. Fasa ini juga ditandai dengan antiklimaks perjuangan kemerdekaan, di mana ulama yang dulunya pejuang kemerdekaan yang sangat gigih, berbalik haluan mengangkat senjata terhadap Republik kerana telah menepikan peranan agama dalam kehidupan bernegara.

Peranan ulama dalam sejarah Aceh akan dibahas secara ringkas dengan melihat berbagai pergolakan yang berlaku dan cara ulama memainkan peranan dalam peristiwa tersebut. Sorotan dalam bab ini akan berakhir pada tahapan usaha penyelesaian konflik dengan lahirnya Undang-undang No. 44 tahun 1999 dan berlakunya penanda tangan kesefahaman (MOU) antara Gerakan Aceh Merdeka dengan pemerintah Republik Indonesia di Helsinki sebagai titik temu antara Aceh dan pemerintah Jakarta. Berikutan penandatanganan kesefahaman damai ini, maka lahirlah undang-undang No. 11 tahun 2006 tentang Pemerintahan Aceh. Undang-undang inilah yang kemudian dijadikan sebagai rujukan bagi segala bentuk peraturan (Qanun) yang akan berlaku di Aceh, termasuk Qanun yang mengatur tentang peranan ulama dalam sistem pemerintahan.

Penandatanganan kesefahaman ini masih menyisakan pelbagai masalah dalam memahami peranan yang akan dimainkan oleh masing-masing pihak, baik Jakarta mahupun Aceh, sama ada dalam masalah praktik mahupun undang-undang. Permasalahan yang muncul dan berkembang selepasnya tidak menutup kemungkinan kepada terciptanya konflik baru antara Aceh dan Jakarta.

3.2. Peranan Ulama Pada Masa Kegemilangan Aceh

Sebelum lahirnya kerajaan Aceh Darussalam pada abad ke XVI, terlebih dahulu telah berdiri kerajaan-kerajaan kecil di hujung paling barat pulau Sumatera.¹ Di antara kerajaan-kerajaan tersebut yang paling terkenal dan berpengaruh besar di rantau ini pada masa itu ialah kerajaan Pasai pada abad ke tiga belas yang terletak di pesisir utara Aceh sekarang.² Selain kerajaan Pasai, Kesultanan Aceh Darussalam merupakan kemuncak kegemilangan masa lalu Aceh.

3.2.1. Peranan Ulama Pada Masa Kerajaan Pasai

Pada masa kekuasaan Pasai ulama memainkan peranan yang sangat signifikan dan memiliki pengaruh yang sangat besar. Di Pusat kerajaan Islam Pasai pada waktu itu, kegiatan keagamaan begitu semarak dan berkembang dengan sangat pesat. Hal ini dapat diketahui melalui kegiatan keagamaan yang berlangsung di dalam kawasan istana. Pada masa pemerintahan Malik al-Zāhir, baginda selalu dikelilingi oleh para ulama. Salah seorang di antara mereka adalah Qāḍi Syarīf Amir Sayid dari Shiraz dan Tāj al-Dīn dari Iṣfahān.³ Kedua orang ini kemudian memegang jawatan penting sebagai orang besar dalam kerajaan Pasai.⁴

Selain daripada itu, ulama juga memainkan peranan yang amat signifikan dalam masalah kehakiman dengan memegang jawatan tertinggi kehakiman. Demikian juga

¹ Untuk lebih jelas berkenaan dengan catatan perjalanan ke Sumatra sebelum abad ke-16, sila baca Anthony Reid, *Witnesses to Sumatra: A Traveler's Anthology* (Singapore: OUP, 1994).

² Menurut Ajidat Matsyah, kerajaan Samudera Pasai berdiri pada tahun 433 H/1042 M bukan pada tahun 1297 M, seperti yang tertulis dalam sebahagian buku sejarah, kerana tahun 1297 merupakan tahun mangkatnya raja Pasai, Sultan Malik al-Shaleh. Ajidar Matsyah, *Jatuh Bangun Kerajaan Islam di Aceh* (Jogyakarta: Kaukaba, 2013), 31.

³ Muhammad Gade Ismail, *Pasai dalam Perjalanan sejarah: Abad ke-13 sampai Awal Abad ke-16* (Jakarta: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan dan CV. Manggala Bhakti), 27. Keberadaan ulama dari pelbagai negara di Pasai pada waktu itu diperakui oleh Yusny Saby. Bahkan menurutnya, kebanyakan ulama memang berasal dari luar Pasai. Keragaman asal para ulama pada masa kerajaan Pasai dapat diketahui melalui nama mereka ataupun gelaran (*Laqab*) yang di guna pakai padanya, mahupun nama daerah asal (*nisbah*) mereka. Nama-nama mereka seperti: Makhдум Sadar Jahan, Tun Hasan, Syaikh Ismail Makkah, Faqir al-Ma'abri. Yusny Saby, "Islam and Social Change: The Role of The 'Ulama' in Acehnese Society" (Disertasi Doctor of Philosophy Temple University, USA, 1995), 51.

⁴ Muhammad Gade Ismail, *Pasai dalam Perjalanan sejarah*, 40.

setiap ada perbincangan berkenaan permasalahan keagamaan, ulama selalu di undang oleh pihak kerajaan untuk memberikan pandangan. Pada masa pemerintahan kerajaan Pasai, ulama dijaga kemaslahatan mereka dengan memberikan kemudahan kewangan sebagaimana yang diberikan kepada pegawai kanan kerajaan.⁵

Keberadaan ulama dalam kerajaan Pasai selain menjadi penasihat kepada raja juga menjadi sebagai sumber rujukan dalam masalah keagamaan, bukan hanya dalam kalangan kerajaan Pasai sahaja bahkan sampai ke Melaka. Dalam *Sulalat al-Salatin* atau Sejarah Melayu, sebagaimana dijelaskan oleh Muhammad Gade Ismail, disebutkan bahawa di Tanah Arab ada seorang ulama terkenal dalam bidang kajian Tasawuf bernama Maulana Abu Ishak. Maulana Abu Ishak menulis sebuah kitab dengan tajuk *Durru al-Manzūm*. Kitab inilah yang kemudian oleh muridnya yang bernama Maulana Abu Bakar diajarkan kepada Baginda Raja Melaka Sultan Mansur Syah. Sultan Mansur Syah kemudian menghantar salinan kitab *Durru al-Manzūm* kepada Kerajaan Pasai untuk diterjemahkan. Sultan Pasai kemudian memerintah Makhdum Petakan, salah seorang alim ulama Kesultanan Pasai untuk menterjemahkan kitab berkenaan. Hasil terjemahan kemudian dihantar kembali kepada sultan Mansur Syah. Baginda amat berkenan dengan terjemahan tersebut, bahkan menunjukkan kepada maulana Abu Bakar, yang ikut memuji hasil terjemahan ulama Pasai tersebut.⁶

Selain penterjemahan kitab *Durru al-Manzūm*, juga dicatat dalam sejarah bahawa Sultan Melaka juga pernah menghantar utusan untuk mencari jawapan berkenaan masalah kekal atau tidaknya ahli syurga dan neraka. Sultan Mansur Syah mengutus Tun Bija Wangsa untuk menanyakan hal itu kepada kerajaan Pasai. Lalu Sultan Pasai bertitah kepada Makhdum Muda untuk menyiapkan jawapan dan dibawakan kepada Maulana

⁵ Yusny Saby, "Islam and Social Change, 55.

⁶ Muhammad Gade Ismail, *Pasai dalam Perjalanan Sejarah*, 28.

Abu Bakar. Sultan Melaka memuji Makhdum Muda dan kepadanya diberikan hadiah emas tujuh tahlil dan dua orang sahaya perempuan.⁷

Selain hubungan keilmuan antara Pasai dan Melaka dalam bentuk tanya jawab dan penterjemahan kitab, tidak banyak informasi di jumpai mengenai peranan ulama dalam sistem pemerintahan semasa kesultanan Pasai. Hal yang banyak dibincangkan adalah mengenai hubungan dagang antara bangsa. Dalam hubungan dagang antara bangsa tersebut, Pasai dijadikan sebagai *hub* serta *entry port* utama pada masa itu di kawasan Selat Melaka selain kesultanan Melaka.⁸

Namun demikian, pada abad XIV Pasai merupakan pusat pendidikan pengajian ilmu keislaman yang banyak didatangi oleh ulama dari pelbagai daerah untuk berdiskusi mengenai pelbagai masalah agama. Pusat studi Keislaman di Pasai pada masa itu layaknya Dayah atau sekolah Pondok sekarang. Selain itu, masjid dan surau juga ikut dijadikan sebagai tempat pengajian ilmu agama. Kuatnya peranan Islam di Pasai terbukti dengan penyebaran Islam ke berbagai wilayah Nusantara di mulai dari Pasai. Seperti ke Jawa dengan Sunan Gunung Jati sebagai salah satu Wali Songo yang berasal dari Pasai.⁹ Sunan Gunung Jati yang juga dikenali dengan Fatahillah inilah yang kemudian mengislamkan Banten, mendirikan kesultanan Banten dan menggagalkan serangan Portugese terhadap Sunda Kelapa pada tahun 1527. Tempat ini kemudian diberi nama olehnya dengan sebutan “Jayakarta” yang bermakna kemenangan yang penuh dan sempurna.¹⁰

⁷ *Ibid.* lihat juga T. Ibrahim Alfian, “Pasai dan Islam”, (Makalah seminar tentang Pasai, Cisarua 25-27 September 1992), 4.

⁸ Amirul Hadi, “Aceh and The Portuguese: A Study of The Struggle of Islam in Southeast Asia, 1500-1579” (A Thesis, Institute of Islamic Studies, McGill University, Montreal, Canada, 1992), 14-18.

⁹ *Ibid.*, 16.

¹⁰ Ibrahim Alfian, “Wajah Rakyat Aceh Dalam Lintasan Sejarah” (Prasaran pada seminar Kebudayaan dalam rangka PKA-II dan Dies Natalis ke XI Universitas Syiah Kuala, Banda Aceh, 21-25 Ogos 1972), 4.

Sebelumnya, Pasai juga telah mengirim Mawlana Ishaq ke kerajaan Blambangan di Jawa Timur untuk mengembangkan ajaran Islam.¹¹ Hasil dari dakwah yang dikembangkan oleh mubaligh dari Pasai juga, maka tertubuh pula kerajaan Pattani (selatan Thai sekarang) pada abad ke-13 dan 14 M.¹²

Dengan demikian dapat disimpulkan bahawa peranan utama yang dimainkan oleh ulama dalam masa pemerintahan kesultanan Pasai yang paling mencuri tumpuan adalah peranan dakwah dengan misi menyebarkan Islam ke seluruh Nusantara dan menjadikan Pasai sebagai pusat keilmuan Islam. Sementara penglibatan mereka secara langsung dalam sistem pemerintahan tidak dijumpai keterangan yang jelas yang menceritakan hal tersebut.

3.2.2. Peranan Ulama Pada Masa Kesultanan Aceh Darussalam

Kekuasaan kesultanan Aceh Darussalam adalah dalam rentang masa dari abad ke enam belas sampai ke abad sembilan belas Masihi. Peranan ulama dalam pemerintahan sangat banyak dijumpai dalam fasa pemerintahan kesultanan Aceh Darussalam. Selain itu, pada masa-masa penghujung kekuasaan pemerintahan kesultanan Aceh Darussalam, peranan ulama Aceh sangat menonjol dalam menentang penjajahan Belanda. Peranan mereka dapat dikesan melalui sikap patriotisme yang ditunjukkan dalam melakukan perlawanan terhadap pencerobohan penjajah.

Sepanjang masa kekuasaan kesultanan Aceh Darussalam setidaknya dikenali empat orang ulama yang berkaliber tidak hanya untuk kerajaan Aceh Darussalam, bahkan untuk kawasan Nusantara dan alam Melayu. Mereka adalah Hamzah Fanshuri,

¹¹ S.M.N al-Attas, *Preliminary Statement on a General Theory of the Islamization of The Malay-Indonesian Archipelago* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1969), 11.

¹² Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid dan Paizah Ismail, *Pengantar Pengajian Syariah* (Kuala Lumpur: Al Bayan Corporation Sdn. Bhd, 2012), 224.

Syamsuddin al-Sumatrani (w. 1040/1630), Nuruddin al-Raniry (w. 1068/1658) dan Abdul Rauf al-Singkily (1024-1105/1615-1693).

Peranan yang dimainkan oleh ulama dalam sistem pemerintahan kesultanan Aceh Darussalam melintasi berbagai rejim pemerintahan. Pada masa Iskandar Muda, ulama yang paling berpengaruh adalah Syamsuddin al-Sumatrani atau dikenali juga dengan Shamsuddin Pasai. Pada masa Iskandar Thani sampai kepada masa Tajul Alam Safiatuddin, ulama yang paling berperanan adalah Nuruddin al-Raniry sama ada sebagai Qāḍī Malik al-Adil mahupun sebagai *Mufti Muadḍam*. Pada masa pemerintahan empat orang ratu berkuasa di Aceh Darussalam, ulama yang dijadikan sebagai penaung adalah Abdul Rauf Singkil.¹³

Selain dari empat orang ini, juga disebutkan ada seorang lagi ulama yang berpengaruh antara fasa Nuruddin al-Raniry dan Abdul Rauf al-Singkily, iaitu Saiful Rijal. Ia adalah seorang ulama yang disyaki berasal dari daerah Minangkabau, Sumatera Barat. Saiful Rijal juga merupakan murid kepada Hamzah Fansury dan Syamsuddin al-Sumatrany.¹⁴

Mengikuti Teuku Iskandar, Syeikh Syamsuddin Pasai merupakan orang yang paling berpengaruh di kalangan istana Iskandar Muda.¹⁵ Pengaruh Syeikh Syamsuddin Pasai telah pun bermula semenjak zaman kekuasaan nenenda Sultan Iskandar Muda, ‘Ala ad-Din. Kedudukan syeikh Syamsuddin Pasai menempati urutan pertama dalam senarai

¹³ Hasbi Amiruddin, *Ulama Aceh di tengah Konflik* (Jogyakarta: Ceninnets Press, 2004) 44-45.

¹⁴ Yusny Saby, *Islam and Social*, 60. Lihat juga Muliadi Kurdi, *Aceh di Mata Sejarawan; Rekonstruksi Sejarah Sosial Budaya* (Banda Aceh: LKAS, 2009), 191. Kedatangan kembali Saiful Rijal ke Aceh di sebutkan oleh Azyumardi Azra dengan mengutip apa yang ditulis oleh Takeshi Ito berasakan kepada laporan dari Peter Sourij mengenai perdebatan antara Saiful Rijal dengan al-Raniry yang kemudian menghantar Saiful Rijal ke suatu kedudukan dalam Istana Ratu Shafiyah al-Din. Azyumardi Azra, *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII* (Jakarta: Kencana Prenada Media Group, 2013), 222-224.

¹⁵ Iskandar Muda juga dikenali dengan gelaran Mahkota Alam, Tung Pangkat, Darmawangsa, dan Seri Perkasa Alam Johan berdaulat. Lihat M. Yunus Jamil, *Tawarich Raja-raja Atjeh* (Banda Aceh: Kodam Iskandar Muda, 1968), 45. Muhammad Said, *Aceh Sepanjang Abad* (Medan: Penerbit Waspada, 1961), 145

Orang-orang besar Aceh, diikuti selepasnya oleh Perdana Menteri Maharaja Seri Maharaja dan *Qādhī Malik al-‘Ādil*.¹⁶

Mengikut Hikayat Aceh, Syamsuddin al-Sumatrani tidak memegang jawatan rasmi dalam kerajaan Sultan Iskandar Muda. Namun demikian, kerana ia sebagai guru tasawuf yang sangat ulung dan juga merupakan guru kepada Sultan, maka ia mempunyai pengaruh yang sangat kuat.¹⁷ Dalam tulisannya yang lain, Teuku Iskandar memberi penekanan bahawa Syamsuddin bukan seorang Qadi ataupun Mufti: “*He was not a qādhī or muftī as many researchers suppose, but a learned man and religious advisor who would sometimes also comment on political matters at the court. He was always present at court ceremonies. As the chief qādhī of the Sultanate was Qadhī Malik al-‘Ādil*”.¹⁸

Sebagai penasihat Sultan, pengaruh Syeikh Syamsuddin tidak hanya dalam bidang politik dalam negeri sahaja, tetapi juga dalam politik luar negeri. Pengaruh ini dapat diketahui melalui kemampuan Syeikh dalam membaca surat yang dibawa oleh utusan Portuguese pada masa pemerintahan Syah Alam (Sultan ‘Ala ad-Din Sayid al-Mukammil).¹⁹

Suatu hal yang menarik dikesan dalam penulisan Teuku Iskandar, bahawa Syamsuddin digelar dengan *Syaikhul Islam*. Pada masa sama juga dijumpai jawatan *Qādhī Malik al-‘Ādil*.²⁰ Mengikut Jajat Burhanuddin, *Qadi Malikul Adil* merupakan jawatan rasmi kehakiman yang memiliki dua peringkat jabatan. Pertama adalah pada peringkat kebangsaan yang digelar dengan Qadi Malikul Adil dan yang kedua adalah Qadi Wilayah

¹⁶ Teuku Iskandar, *Hikayat Aceh* (Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan, 2001), xxvi.

¹⁷ *Ibid.*

¹⁸ Teuku Iskandar, “Aceh as a Muslim-Malay Cultural Centre 14th-19th Century” (Paper presented at First International Conference of Aceh and India Ocean Studies, Banda Aceh, 24-27 February 2007), 16.

¹⁹ Teuku Iskandar, *Hikayat Aceh*, xxvii, untuk lebih lanjut mengenai peranan Syamsuddin al-Sumatrani dalam urusan diplomasi, sila rujuk Azyumardi Azra, *Jaringan Ulama Timur Tengah*, 207-208.

²⁰ Teuku Iskandar, *Hikayat Aceh*, xxvi-xxvii.

atau disebut dengan *Kadi Nanggroe*. *Kadi Nanggroe* dalam melaksanakan keputusan ia adalah sebagai wakil kepada Qadi Malikul Adil.²¹

Jawatan *Syaikhul Islam* merupakan jawatan penasihat kepada Sultan. Kewenangan yang dimiliki oleh *Syaikhul Islam* tidak terhad kepada masalah agama sahaja, bahkan juga meliputi bidang politik, ekonomi dan lainnya.²² Institusi *Syaikhul Islam* di Aceh merupakan satu-satunya yang ada dalam sistem pemerintahan Islam Nusantara. Aceh sepertinya dalam hal ini mengikut sistem pemerintahan Islam Turkey Usmani.²³ Dengan demikian, kedudukan *Syaikhul Islam* melebihi dari kedudukan jawatan *Qadi Malikul Adil*.

Pandangan lain dikemukakan oleh Jabbar Sabil. Menurutnya, *Qadi Malikul Adil* adalah penasihat kepada Raja. Selain sebagai penasihat, *Qadi Malikul Adil* juga memegang jawatan sebagai ketua Mahkamah Agung.²⁴

Di sini dapat diambil suatu kesimpulan bahawa gelaran *Syaikhul Islam* merupakan gelaran yang diberikan kepada seorang alim walaupun ia tidak menjawat jawatan rasmi dalam kerajaan ataupun penasihat kepada sultan. Sementara gelaran *Qadi Malikul Adil* merupakan jawatan rasmi bidang kehakiman dalam sistem kerajaan pada masa itu. Pada masa sama tidak menutup kemungkinan *Syaikhul Islam* juga dapat menjawat jawatan rasmi sebagai *Qādi*.

Pada masa pemerintahan Iskandar Muda, ulama yang dalam hal ini di wakili oleh *Syaikhul Islam* dengan gelaran *Qadi MalikulAdil* mempunyai tugas untuk melantik dan mengambil sumpah sultan. *Qadi Malikul Adil* juga orang yang menyampaikan ucapan

²¹ Jajat Burhanuddin, *Ulama dan kekuasaan Pergumulan Elite Politik Muslim Dalam Sejarah Indonesia* (Jakarta: Mizan Publika, 2012), 38.

²² Muhammad Iqbal, "Akar Tradisi Politik Sunni di Indonesia Pada Masa Kerajaan Islam di Nusantara", *Jurnal Islamica* Vol. 6, No. 1 (September 2011), 61.

²³ Jajat Burhanuddin, *Ulama dan Kekuasaan*, 41.

²⁴ Jabbar Sabil, "Peranan Ulama Dalam Taqin di Aceh", *Jurnal Tranformasi Administrasi* Vol. 2, No. 1 (tahun 2012), 205.

dan alu-aluan serta nasihat selepas raja ditabalkan.²⁵ Dengan kewenangan ini, terangnya dapat difahami bahawa *Qadi Malikul Adil* adalah jawatan rasmi dalam struktur kerajaan.

Selain peranan yang telah disebutkan di atas, para ulama pada masa pemerintahan kerajaan Aceh Darussalam juga memainkan peranan yang sangat signifikan dalam bidang undang-undang. Peranan mereka dapat dilihat dari beberapa karya mereka yang diguna pakai sebagai dasar perundangan negara. Kitab-kitab karya ulama ikut menjadi rujukan utama para Qadi dalam proses penghakiman dan memutuskan perkara di mahkamah.

Pada masa itu tingkat pemahaman dan penerimaan terhadap berbagai pandangan mazhab telah pun diguna pakai sebagai asas dalam menentukan hukum dan menyelesaikan silang sengketa dalam masyarakat. Kenyataan ini dapat dilihat sebagaimana yang terungkap dalam kitab *Safīnatu al-Hukkām fi Takhlīṣ al-Khaṣṣām*, karya Jalal al-Din al-Tursani yang ditulis atas perintah Sultan ‘Ala al-Din Johan Syah (1735-1760).²⁶

Selain atas perintah sultan, ada juga kitab yang ditulis atas permintaan dari para *Qadi* untuk mereka jadikan sebagai rujukan dan pegangan dalam beracara di mahkamah. Model karya sebegini terlihat pada kitab *Hujjah Balīghah* yang ditulis oleh Jalāl al-Dīn ibn Kamāl al-Dīn al-Qāḍī pada masa pemerintahan Sultan ‘Alā al-Dīn Johan Syah (1735-1760 M).²⁷

²⁵ H. M. Zainuddin, *Singa Atjeh: Biographi Seri Sulthan Iskandar Muda* (Medan: Pustaka Iskandar Muda, 1957), 75. Di antara pesan khutbah yang disampaikan ialah: “Hari inilah kepercayaan rakyat diserahkan kepada Duli Tuanku untuk memimpin mereka itu dengan hukum yang adil, Katahulah oleh Tuanku, syarat-syarat yang harus diingat oleh Raja iaitu: rakyat menyembah raja dalam zahir, tetapi raja menyembah rakyat dalam batin, sebab adanya rakyat barulah ada raja. Sebesar-besar dosa pula kepada Raja, bila memerintah tidak adil. Rajalah yang menanggung jawab di muka Tuhan kita yang Esa pada hari Kiamat. Oleh sebab itu pimpinlah rakyat dengan sempurna adil dan supaya tidak menyimpang ke garisan yang salah, pergunakanlah segala hukum dan ilmu yang telah diatur dalam Kitabullah dan ikut segala pertunjuk Rasul kita Nabi Muhammad s.a.w dan teladani segala pekerjaan sahabat-sahabatnya dan keempat imamnya. *Ibid.*, 75-76.

²⁶ Jabbar Sabil, “Fiqh Muqaran di Aceh Masa Lalu”, *Jurnal Jurisprudensi* (July-Disember 2012), 67.

²⁷ *Ibid.*, 68.

Karya lain ulama yang dijadikan sebagai dasar negara pada masa pemerintahan kerajaan Aceh Darussalam adalah kitab *Tazkirāt al-Ṭabaqāt al-Qānūn al-Syar'ī* Kerajaan Aceh. Mengikut Ibrahim Alfian, naskhah kitab ini ditemukan di kampung Kedah Banda Aceh. Kitab *Tazkirāt al-Ṭabaqāt* disusun oleh Syeikh Syams al-Baḥr pada masa pemerintahan Sultan 'Ali Mughayat Syah. Naskhah ini kemudian disalin kembali oleh Sayid Abd Allah al-Jamal al-Layl yang dikenal dengan gelaran Tengku di Mulek pada tahun 1272 H/1855 M atas perintah Tuanku Ibrahim al-Mulaqqab Paduka Sri Sultan 'Ala al-Din Mansur Syah (1858-1870 M).²⁸

Pada masa kejayaan kerajaan Aceh Darussalam, kegiatan penulisan dan penterjemahan berkembang dengan sangat pesat atas sokongan padu kerajaan. Sikap kerajaan menyokong penerbitan naskhah keagamaan dalam bahasa Melayu-jawi, mengukuhkan bahasa Melayu-Jawi sebagai bahasa kesatuan Islam formal pertama di kawasan Asia Tenggara. Campur tangan kerajaan dalam penghasilan karya-karya dan proses alih bahasa keilmuan dari bahasa asing ke bahasa Melayu dapat dikesan melalui pemberian penanda rasmi kerajaan oleh sultan pada salinan-salinan karya ulama.²⁹

Selain peranan yang telah disebutkan di atas, ulama dalam masa pemerintahan kesultanan Aceh Darussalam juga ikut serta dalam menyelesaikan konflik dan perbezaan pandangan dalam masalah keagamaan. Penyelesaian konflik keagamaan ini dapat dilihat melalui peranan yang dimainkan oleh al-Singkily dalam menyelesaikan konflik akibat fatwa yang dikeluarkan oleh Nuruddin al-Raniry. Semasa menjawat sebagai *Qadi*, Al-Raniry menerbitkan fatwa tentang kesesatan ajaran *wahdatu al-Wujūd* yang diajarkan oleh Hamzah al-Fanshury. Kesan dari fatwa al-Raniry adalah berlakunya pelarangan ke

²⁸ Ibrahim Alfian, "Refleksi Terhadap Bencana Nasional Gempa-Tsunami di Aceh," (makalah, Seminar Memperingati Seratus Hari Bencana Alam Gempa dan Tsunami Aceh, Banda Aceh, Gedung AAC Dayan Dawood, 8 April 2005), 21.

²⁹ Reza Idria, "Membaca Peta Keilmuwan Aceh: Senarai Produksi Pengetahuan dan Relasi Kebijakan dalam Literatur tentang Aceh dari Masa ke Masa," dalam *Dimensi Metodologis Ilmu Sosial dan Humaniora*, ed. Hermansyah (Banda Aceh, Fakultas Adab dan Humaniora Uin Ar-Raniry, 2013), 112.

atas fahaman *wahdatu al-Wujūd*. Pengikut-pengikut ajaran ini yang tidak mahu bertaubat dihukum bunuh. Bersamaan dengannya, kitab-kitab karya Fanshury di bakar di halaman masjid raya Baiturrahman.³⁰

Persoalan yang muncul ini kemudian ditanyakan oleh Sultanah Safiatuddin kepada al-Singkily melalui *Keurukon Katibul Muluk*, Setia Usaha Sulit Sultanah. Al-Singkily waktu itu baru sahaja kembali dari Jazirah Arab setelah 19 tahun menuntut ilmu di sana. Setelah berkonsultasi dengan Syeikh Ibrahim al-Qurany sebagai gurunya, Abdul Rauf al-Singkily memberi jawapan bahawa umat Islam dilarang untuk mengkafirkan orang lain. Hal ini kerana sekiranya orang yang dikafirkan itu tidak terbukti akan kekafirannya, maka orang yang mengkafirkan itulah yang akan menjadi kafir. Jawapan ini dapat dilihat dalam karya al-Singkily *Daqāiq al-Hurūf*.³¹

3.3. Peranan Ulama Pada Masa Penjajahan

Masa penjajahan Belanda merupakan babak baru bagi peranan ulama Aceh. Peranan ulama yang sebelumnya selalu menjadi rujukan kepada penguasa dan banyak berperanan di sekitar pusat kekuasaan, sedikit demi sedikit beralih kepada peranan yang lebih mencabar. Ulama selain sebagai penuntun umat dalam bidang keagamaan, juga berperanan ganda sebagai pemimpin perang dalam melawan penjajah. Fasa ini oleh sebahagian kalangan penyelidik dinamakan dengan fasa *Ulama Perang Sabi*.³² Penamaan ini mengingati *tag line* yang diguna pakai adalah berperang di jalan Allah (*Jihad fi Sabilillah*) untuk melawan kaum kafir.

³⁰ Hasbi Amiruddin, *Ulama Aceh*, h. 45. Lihat juga Taufik Abdullah, *Islam dan Masyarakat: Pantulan sejarah Indonesia*, (Jakarta: LP3ES, 1996), 167. Azyumardi Azra, *Jaringan Ulama Timur Tengah*, 228.

³¹ *Ibid.*, 265.

³² Lihat klasifikasi fasa perjuangan Aceh yang dibuat oleh Yusny Saby, *Islam and Social*, 58.

3.3.1. Peranan Ulama Pada Masa Penjajahan Belanda

Belanda pertama kali menginjakkan kakinya sebagai penjajah³³ di tanah Serambi Makah pada 26 Mac 1873,³⁴ yang dikenali dengan “ekspedisi pertama” di bawah pimpinan Jeneral Kohler. Ekspedisi pertama ini dapat dianggap gagal, kerana Jeneral Kohler terbunuh dalam pertempuran dengan pasukan Aceh. Selepas 45 hari pertempuran, pada 10 Mei 1873 pasukan Belanda dapat dipukul mundur untuk kembali ke kapal perang mereka. Ekspedisi kedua dilakukan oleh Belanda di bawah pimpinan Jeneral Van Swieten dan mendarat di Aceh pada 9 Disember 1873 di Ujong Batee. Setelah melakukan perlawanan yang begitu hebat, pada 24 Januari 1874 Keraton Aceh jatuh ke tangan Belanda. Van Swieten mengisytiharkan, bahawa Aceh berada ke bawah taklukan Belanda, walaupun rajanya tidak dapat ditangkap.³⁵

a. Ulama Mengisytiharkan *Prang Sabi*

Setelah Belanda berhasil merebut Masjid Raya sebagai pusat pemerintahan Aceh pada ketika itu, sejumlah tokoh pemuka masyarakat yang berjumlah sekitar 500 orang mengadakan suatu musyawarah di bawah pimpinan Teungku³⁶ Imum Lueng Bata dan Teuku³⁷ Lamnga. Musyawarah yang dilakukan menghasilkan sebuah ikrar dan sumpah mewajibkan peperangan total terhadap penjajahan Belanda yang dinamakan dengan

³³ Sebelumnya Belanda sudah pernah datang ke Aceh pada 21 Jun 1595 dengan beberapa kapal dagang di bawah pimpinan Houtman bersaudara, Cornelis dan Frederik de Houtman untuk urusan perniagaan. M. Isa Sulaiman, dkk, *Belanda dan Aceh Sebuah Bibliografi Sejarah* (Banda Aceh: Dinas Kebudayaan Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, 2003), 5.

³⁴ Peristiwa penyerangan ini dimulai dengan surat pernyataan perang yang di tulis oleh Komisararis Pemerintah Belanda Nieuwenhuijzen di atas kapal perang “Citadel Van Antwerpen” yang berlabuh di Aceh Besar pada hari rabu, 23 Mac 1873. Surat tersebut diserahkan kepada Sultan Aceh pada 1 April 1873. Mohammad Said, *Aceh Sepanjang Abad* (Medan: P.T. Percetakan dan Penerbitan Waspada, 1981), 750-753.

³⁵ Ismail Jakub, *Tengku Tjihik Di Tiro (Muhammad Saman) Pahlawan Besar Dalam Perang Aceh 1881-1891* (Jakarta: Penerbit bulan Bintang, 1960), 14.

³⁶ *Teungku* adalah sebutan yang diberikan kepada orang yang alim dalam bidang ilmu agama, biasa di singkat dengan akronim Tgk.

³⁷ *Teuku* adalah gelaran bagi yang bergaris keturunan bangsawan, biasa di singkat dengan akronim T.

Perang *Sabi*.³⁸ Konsep “*Perang Sabi*” inilah yang kemudian dilihat sebagai penglibatan ulama secara langsung dalam menggelorakan perlawanan terhadap penjajah ke pusaran perang suci.³⁹ Sebuah perang yang didasari oleh keyakinan untuk mendapatkan syahid dalam membela agama Allah. Berasaskan kepada ikrar ini, maka para ulama mulai aktif mengambil peranan penting sama ada sebagai pemimpin dalam peperangan mahupun sebagai pengawas dan penyelaras perlawanan rakyat secara penuh terhadap Belanda.⁴⁰

Di antara pertemuan yang dilakukan adalah pertemuan rahsia di Lamsie. Pertemuan ini adalah rapat rahsia antara Teuku Panglima Polem, Teungku Chik Abdul Wahab Tanoh Abee berserta dengan ulama-ulama lain dan Hulu Balang yang masih setia dengan perjuangan untuk menggiatkan jihad terhadap musuh. Sementara itu para pejuang yang tersebar di kaki pergunungan Seulawah mengadakan rapat rahsia di Gunung Biram untuk mengatur strategi jihad dengan pola serangan hendap terhadap serdadu Belanda. Selain itu juga disepakati mengirim delegasi ke wilayah Pidie untuk menemui Tengku Muhammad Amin selaku pimpinan Dayah⁴¹ Cut Tiro yang sangat berpengaruh pada masa itu.⁴²

Hidup para pejuang terus berpindah-randah ke dalam hutan dan kaki pergunungan Seulawah. Sampai akhirnya mengirim utusan ke wilayah Tiro untuk meminta bantuan kepada Tengku Thjik Dayah Cut. Utusan ini dikenali dengan nama “utusan gunung Biram”. Setelah melalui proses musyawarah, Syeikh Muhammad Saman yang kemudian hari dikenali dengan Tengku Chik di Tiro dipilih sebagai pemimpin perang.⁴³ Beliau di

³⁸ A. Hasjmy, *Apa Sebab Rakyat Aceh Sanggup Berperang Puluhan Tahun Melawan Agresi Belanda* (Jakarta: Bulan Bintang, 1977), 38. Lihat juga C. Snouck Hurgronje, *The Acehnese*, A.W.S.O’Sullivan (terj.) (Leiden: E.J. Brill, 1906). Vol. I, 177.

³⁹ Ibrahim Alfian, *Perang di Jalan Allah* (Jakarta: Pustaka Sinar Harapan, 1987), 151.

⁴⁰ A. Hasjmy, *Apa Sebab*, 40.

⁴¹ Dayah adalah berasal dari kata bahasa Arab *Zawiyah* yang bermakna sudut. *Zawiyah* ini merupakan suatu sistem pendidikan agama yang diambil dari sistem pendidikan di penjuru masjid yang berlaku di Arab. Dayah dalam bahasa Aceh sama maknanya dengan istilah Pondok dalam bahasa Melayu sekarang.

⁴² A. Hasjmy, *Apa Sebab*..., 41.

⁴³ Ismail Jakub, *Teungku Tjhik Di Tiro*, 47-48.

utus ke Aceh Besar untuk menghidupkan kembali sekaligus memimpin perang suci guna mengusir kafir penjajah.

Tengku haji Syeikh Muhammad Saman merupakan seorang pemidato hebat, melalui khutbah dan ceramahnya, beliau mengobarkan semangat perang suci, selain itu beliau juga seorang yang alim. Al-Quran ia pelajari langsung dari ibunya, sementara menulis tulisan Arab ia pelajari dari ayahnya.⁴⁴ Masa kecilnya ia habiskan dengan menuntut pelbagai ilmu agama, sama ada fikah, tauhid, tasawuf, mantik, ilmu bumi dan lain-lain. Muhammad Saman juga belajar di Tanah Suci Makah ketika menunaikan ibadah haji. Selama pelaksanaan haji, ia berinteraksi dengan ramai orang Islam dari berbagai-bagai negara dan memantau serta mempelajari pergerakan keislaman yang sedang berlangsung pada waktu itu. Masyaikh yang mengajar di Masjidilharam ia jadikan sebagai guru dan sumber inspirasi dengan meminta pandangan berkenaan keadaan yang sedang berlangsung di Aceh.⁴⁵

Perjuangan yang dikobarkan oleh Tengku Chik di Tiro kemudian dibantu oleh ulama-ulama lain yang cukup ternama. Di antara ulama-ulama yang terbabit secara langsung membantu adalah: Teungku Chik Abdul Wahab Tanoeh Abee, Teungku Chik Kuta Karang,⁴⁶ Teungku Chik di Lam U, Teungku Chik Pante Kulu,⁴⁷ Teungku Haji Muhammad Tahir Cot Plieng, termasuk seorang perempuan yang alim bernama Tengku Paki (Fakinah) dan lain lagi. Sebagai penaung dan pengirim bantuan serta rujukan dalam

⁴⁴ *Ibid.*, 51.

⁴⁵ *Ibid.*, 56-57.

⁴⁶ Namanya adalah Syeikh Muhammad Ibnu Abbas, beliau menulis sebuah kitab yang bertajuk *Tadkirat al-Rakidin*. Tengku Chik Kuta Karang juga dilantik sebagai penerus perjuangan Tengku Chik di Tiro selepas beliau Meninggal dunia.

⁴⁷ Beliau adalah ulama sekali gus sasterawan, menulis hikayat dengan tajuk "Hikayat Perang Sabi". Sebuah hikayat yang sangat berkesan dalam membangkitkan semangat perjuangan dan perlawanan tentera Aceh terhadap penjajah. Lebih lanjut lihat Ibrahim Alfian, *Sastera Perang; Sebuah Pembicaraan Mengenai Hikayat Perang Sabil* (Jakarta: Balai Pustaka, 1992), lihat juga A. Hasjmy, *Hikayat Perang Sabi Menjiwai Perang Aceh Lawan Belanda* (Banda Aceh: Pustaka Faraby, 1971), 37.

segala hal untuk diminta pendapat dan pandangan adalah Tengku Chik di Tiro Dayah Cut, Muhammad Amin.

Garis perjuangan Tengku Chik di Tiro sangat jelas, matlamatnya adalah untuk mengusir penjajah. Dengan terusir penjajah yang digelar dengan “*Kafee*” (orang kafir) dari tanah Aceh, umat Muslimin di Aceh akan dengan selesa dapat melaksanakan segala perintah Allah. Sementara untuk urusan pemerintahan, tetap akan dibiarkan diurus tadbir oleh sultan dan para hulu balang yang memang sudah menjadi pemimpin pemerintahan sejak dahulu lagi.⁴⁸ Tidak ada sedikit pun terlintas niat untuk berkuasa dan memerintah Aceh selepas berjihad memerangi kafir Belanda.

Selepas lebih kurang 40 tahun berperang, tahun 1913 dapat dikatakan bahawa Belanda telah menguasai Aceh dengan mengawal jalannya roda pemerintahan, perniagaan dan persenjataan serta memaksakan saman dan denda ke atas penduduk. Hal ini nyata juga setelah Belanda dapat menundukkan keluarga penguasa, sama ada dari kalangan raja mahupun para hulu balang ke bawah kekuasaan mereka pada tahun 1903. Namun demikian peperangan dengan sistem serangan hendap terus berkecamuk di berbagai kawasan.⁴⁹

Peperangan dengan semangat jihad *fi sabilillah* terus berterusan tanpa henti. Kegigihan pejuang dalam berjihad diakui oleh Reid, ia menyebutkan bahawa semangat perang *fi sabilillah* untuk mengusir kafir penjajah dan harapan untuk mati syahid terus berkobar di berbagai-bagai daerah Aceh, terutama sekali di daerah Tengah dan Tenggara Aceh sampai tahun 1932. Keadaan ini membuat Belanda tidak selesa memerintah di Aceh. Semangat perang yang begitu dahsyat membara dengan memanfaatkan senjata apa yang ada, seperti rencong dan kelewang, membawa Belanda kepada satu kesimpulan

⁴⁸ Ismail Jakub, *Teungku Thjik*, 102. Lihat juga James T. Siegel, *The Rope of God* (Berkeley: University of California, 1969), 71.

⁴⁹ Anthony Reid, *The Blood of The People; Revolution and the End of Traditional Rule in Northern Sumatra* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1979), 7.

bahawa orang Aceh mengalami gangguan psikologi yang dikenal dengan nama *Atjeh-Moord*.⁵⁰

Melihat gigihnya perjuangan dan peperangan yang terus menerus tanpa henti, Ali Hasjmy mengutip seorang penulis Belanda Paul Van't Veer, ia menyatakan: "Perang Aceh tidak berakhir pada tahun 1913 atau 1914, kerana dari tahun 1914, masih memanjang benang merah yang tidak pernah putus sampai ke tahun 1942".⁵¹

Sementara itu, kewujudan Pemerintahan kolonial Belanda di Aceh telah meninggalkan warisan "adu domba" dan pecah belah antara kalangan ulama dengan *Ulee Balang* (hulubalang) sebagai para penguasa. Warisan ini pada kemudian hari memunculkan peristiwa yang disebut sebagai revolusi sosial oleh Anthony Reid⁵² atau perang Cumbok yang berlaku antara ulama dengan *Ulee Balang*. Peristiwa Cumbok ini kemudian hari mengakhiri peranan Ulee Balang dalam sistem pemerintahan Aceh. Peristiwa Cumbok ini juga dapat dianggap sebagai momentum kembalinya peranan Ulama dalam kehidupan bernegara.

b. Ulama Mentransformasikan Pendidikan Agama

Salah satu strategi Belanda untuk terus berkuasa adalah melemahkan pendidikan agama dengan cara mengawal pelaksanaan pendidikan agama. Sehingga sukatan kurikulum yang ingin diajarkan mengalami pengurangan dari kurikulum yang sedia diajarkan. Untuk menambah dan mengajarkan hal-hal tertentu harus meminta kebenaran Belanda, terutama yang berkenaan dengan jihad dan hal yang dianggap dapat membangkitkan semangat jihad.

⁵⁰ *Ibid.*, 11.

⁵¹ A. Hasjmy, "Peranan Agama Islam dalam Perang Aceh Perjuangan Kemerdekaan Indonesia", *Sinar Darussalam*, (No. 69, t.t), 6. Lihat juga Anthony Reid, *An Indonesian Frontier Acehnese and Other Histories of Sumatra* (Singapore: Singapore University Press, 2005), 339-340.

⁵² Anthony Reid, *The Indonesian National Revolution 1945-1950* (Australia: Longman, 1974), 65.

Politik mengawal sukatan kurikulum institusi pendidikan agama mengakibatkan penurunan kapasiti lulusan pendidikan agama. Persoalan ini kemudian menyedarkan beberapa ulama dan cendekiawan untuk melihat dan menyusun semula konsep pendidikan agama yang lebih moden dan dianggap mengikuti perkembangan zaman.

Pergerakan keilmuan ulama ditandai dengan berdirinya berbagai-bagai institusi pendidikan Islam di Aceh pada waktu itu. Berdirinya berbagai institusi pendidikan Islam ini juga sebagai wujud perlawanan terhadap keberadaan sekolah-sekolah yang dibina oleh Belanda. Sekolah yang dibina oleh penjajah ini hanya diperuntukkan bagi kalangan mereka sendiri dan para pembesar yang dianggap pro kepada mereka. Lulusan dari sekolah ini nantinya diharap dapat menjadi kaki tangan mereka, atau menjadi penyokong polisi penjajah.

Institusi pendidikan yang didirikan oleh para ulama, selain mengajarkan ilmu agama, juga turut mengajarkan ilmu-ilmu umum seperti geografi, ilmu hisab dan menulis tulisan Latin (rumi) selain ilmu agama yang berteraskan bahasa Arab. Salah satu sebab berubahnya pola pendidikan dari sistem pondok tradisional kepada sistem yang lebih modern adalah kerana adanya interaksi Aceh dengan dunia pendidikan di luar Aceh. Terutama sekali pengaruh Pondok Thawalib Padang Panjang Sumatera Barat yang begitu ketara terasa. Lebih-lebih lagi selepas berdirinya cawangan Madrasah Sumatera Thawalib di kota Tapaktuan dan beberapa kota lainnya di Pantai Barat Aceh.⁵³

Reformasi dalam bidang pendidikan ini juga ditandai dengan berdirinya organisasi “Perguruan Islam”, yang didirikan oleh Tengku Abdul Wahab Seulimum pada tahun 1926. Di daerah Idi didirikan “*Madrasah Ahlu’s Sunah wa al-Jama’ah*” oleh Syed Husein pada tahun 1928. Tengku Muhammad Daud Beureueh mendirikan “*Jam’iyat al-*

⁵³ M. Isa Sulaiman, *Sejarah Aceh; Sebuah Gugatan Terhadap Tradisi* (Jakarta: Pustaka Sinar Harapan, 1997), 36-37.

Dinyah” di Garot pada 1928. Di Matang Geulumpang Dua didirikan “Al-Muslim Peusangan” oleh Tengku Abdul Rahman, dibuka pada tahun 1930. Di daerah Montasik berdiri “DJADAM” (*Jamiah Diniyah al-Montasiah*) oleh Tengku Syeikh Ibrahim pada tahun 1931.⁵⁴ Untuk memimpin Madrasah ini, dipercayakan kepada Hj. Muhammad Arief, seorang pendatang dari Minangkabau yang telah belajar di Darul Ulum, Cairo.⁵⁵ Di Indrapuri, Tengku Hj. Hasballah Indrapuri dan Tengku Abdullah Umar Lam U mendirikan Madrasah Hasbiyah dan Madrasah Diniyah di Lamjampok pada tahun 1927.⁵⁶ Kewujudan berbagai institusi pendidikan Islam dengan model pembaharuan pada akhirnya melahirkan sebuah Persatuan Ulama Seluruh Aceh yang dikenali dengan sebutan PUSA pada 5 Mei 1939.⁵⁷

Melihat kerjasama antara Hulubalang dengan Belanda yang begitu rapat, sehingga dapat dikatakan hulubalang merupakan tali barut Belanda dalam melaksanakan tugas-tugas pentadbiran. Lebih-lebih lagi keterbabitian golongan Hulubalang dengan pendidikan Belanda. Hal ini dianggap oleh Ulama sebagai suatu hal yang tidak dapat diterima. Pada akhirnya hubungan yang dulunya harmoni antara kedua kelompok ini mulai merenggang kerana perbezaan kepentingan.⁵⁸

Pada masa sama, Jepun telah mempropagandakan sikap anti kepada Barat sebagai cara utama mereka dalam melakukan pendudukan, dan lebih menerima Islam dan pemerintahan yang sedia ada.⁵⁹ Oleh sebab itu tidaklah menghairankan bila jauh sebelum pendaratan Jepun, ulama yang tergabung dalam PUSA ikut aktif melakukan propaganda penghancuran Belanda dan akan bekerja sama dengan Jepun bila Mendarat kelak di

⁵⁴ Hasbi Amiruddin, *Ulama Dayah Pengawal Agama Masyarakat Aceh* (Lhokseumawe: Nadiya Foundation, 2003), 22.

⁵⁵ M. Isa Sulaiman, *Sejarah Aceh*, 39.

⁵⁶ *Ibid.*

⁵⁷ Ismuha, *Pengaruh PUSA Terhadap Reformasi di Aceh*, Laporan Penelitian (Banda Aceh: Lembaga Research dan Survey IAIN Jami'ah Ar-Raniry Darussalam, 1978), 28.

⁵⁸ Ratna, “Perang Saudara di Aceh (1945)”, *Jurnal Historisme* (Edisi No. 2, Tahun X, Ogos, 2005), 39.

⁵⁹ John Bastin, *The Emergence of Modern Southeast Asia: 1511=1957* (USA: Prentice Hall, Inc., Englewood, N.J, 1967), 152.

Aceh.⁶⁰ Bahkan telah menjalin kontak dengan Jepun dengan beberapa kali PUSA mengirim utusan ke Pulau Pinang untuk membincangkan situasi semasa di Aceh.⁶¹

3.3.2. Peranan Ulama Pada Masa Penjajahan Jepun

Jepun secara rasmi mendarat di Aceh pada 12 Mac 1942 di dua tempat pendaratan, iaitu Pantai Timur dan Ujong Batee. Waktu itu rakyat bersorak gembira menyambut kedatangan bala tentera Jepun dengan memekikkan kata-kata: “Asia buat Asia, Peperangan Asia Timur Raya adalah untuk kemakmuran bersama, Jepun adalah pembebas”.⁶² Sebelum datang ke Aceh, Jepun melalui Mayor Fujiwara telah melakukan kegiatan mata-mata dan membina hubungan dengan sejumlah tokoh Aceh. Kegiatan mereka kemudian dikenali dengan kata sandi *Fujiwarakikan*.⁶³

Berasaskan kepada hal ini, keberadaan Jepun di Aceh dianggap oleh sesetengah kalangan atas jemputan para ulama yang terhimpun di dalam Persatuan Ulama Seluruh Aceh. Hal ini kerana sebelum Jepun mendarat di Aceh, telah terjadi hubungan antara orang yang dianggap sebagai utusan PUSA dengan perwakilan Jepun di Pulau Pinang. Utusan tersebut adalah Said Abu Bakar yang kemudian menetap di Yan Kedah sebagai guru agama.⁶⁴

Maksud dari para ulama mengajak tentera Jepun datang ke Aceh adalah untuk menghalau dan mencegah kembalinya Belanda dalam penyerangan militer kedua mereka. Namun demikian, setelah bertapak di Aceh, Jepun yang diharap dapat membantu dalam

⁶⁰ M. Junus Jamil, *Riwayat Barisan F Fujiwara Kikan* (Banda Aceh: PLPIIS, 1975), 4-6.

⁶¹ *Ibid.*, 17. Baca juga Anthony Reid, *The Blood of*, 81-90.

⁶² Said Abubakar, *Berjuang untuk Daerah; Autonomi Hak Azasi Insani, 70 tahun H. Said Abubakar* (Banda Aceh: Yayasan Naga Sakti, 1995), 22.

⁶³ Jamhir, “Kedatangan Jepang dan Dilematika Bagi Aceh”, dalam *Riak-riak Sejarah di Aceh, Mengungkap Perjuangan Masyarakat Mempertahankan Jati diri*, ed. Misri A. Muchsin (Banda Aceh: Ar-Raniry Press dan AK Group, 2007), 116.

⁶⁴ Anthony Reid, *The Blood*, 85.

menahan kembalinya Belanda didapati mulai berubah haluan. Kawan yang diharapkan ternyata penjajah yang di dapat.

Mengetahui berubahnya sikap Jepun tersebut maka para ulama mulai menyusun ulang pola berfikir terhadap Jepun. Terutama setelah mereka menyedari diperlakukan sebagai anak jajahan. Seperti perintah Jepun supaya rakyat Aceh menunduk (*keirei*)⁶⁵ sebagai pemberian rasa hormat. Sebuah sikap yang sangat tidak dapat diterima dalam keyakinan orang Aceh, kerana dalam keyakinan orang Aceh, tunduk itu hanya kepada Allah semata. Pada waktu itu lahirlah sebuah pameo "*tapeucrok bui jiteuka asei*", kita kejar babi datang pula anjing.⁶⁶ Perlawanan demi perlawanan mulai digerakkan oleh para ulama sebagai usaha untuk mengusir Jepun. Berlakulah dua peperangan yang dipimpin oleh ulama terhadap Jepun. Pertama adalah Perang bayu yang dipimpin oleh Tengku Abdul Jalil, dan kedua adalah perang Pandrah.⁶⁷

Selain membawa mudarat, keberadaan jepun juga memberi sedikit kesan positif kerana mereka telah melatih sekitar 5000 pemuda Aceh ilmu ketenteraan. Sehingga tentera terlatih ini nantinya juga mengadakan perlawanan terhadap Jepun sendiri dan mempertahankan Aceh dari cubaan semula Belanda untuk menguasai Aceh melalui usaha pencerobohan militer mereka kali yang kedua.

Jepun menyerah tanpa syarat kepada sekutu pada bulan Ogos 1945 setelah bom kimia dijatuhkan di atas dua buah kota utama Jepun pada masa itu, Nagasaki dan Hiroshima.⁶⁸ Kesan bom yang dijatuhkan di Hiroshima dan Nagasaki amat memeritkan dan telah meluluh lantakan serta membuat kehidupan masyarakat Jepun porak-peranda

⁶⁵ Dalam literature lain dijumpai perkataan *SEIKEREI*, suatu gerakan rukuk ke arah matahari terbit tempat bersemayam Tenno Heika.

⁶⁶ Babi adalah tamsilan untuk Belanda dan anjing adalah tamsilan untuk Jepun. Said Abu Bakar, *Berjuang untuk*, 24.

⁶⁷Hasbi Amiruddin, *Ulama Dayah*, 24-25.

⁶⁸ John Bastin and Harry j. Benda, *A History of Modern Southeast Asia, Colonialism, Nationalism and Decolonization* (Kuala Lumpur: Federal Publication Sdn. Bhd, T.t), 150.

dan kalah perang. Secara psikologi, apa yang berlaku di Jepun turut memberi kesan buruk bagi pasukan Jepun yang sedang berada di Aceh. Kekalahan Jepun dalam peperangan melawan Amerika dan sekutunya turut memberi impak kepada kawasan jajahan Jepun, termasuk Indonesia. Soekarno dan Hatta mengambil kesempatan ke atas peristiwa ini dan mengisytiharkan kemerdekaan Indonesia pada 17 Ogos 1945, 3 hari selepas pengeboman ke atas kota Nagasaki dan Hiroshima.

15 Oktober 1945, ulama Aceh mengeluarkan pernyataan menyokong penuh Soekarno-Hatta. Ulama juga menganggap bahawa perjuangan mempertahankan kemerdekaan Indonesia adalah perjuangan suci yang dapat disebut sebagai perang sabil. Perang sabil merupakan kelanjutan dari perang yang pernah dikobarkan oleh *Teungku Chik Di Tiro* terhadap Belanda. Pernyataan ini di tanda tangani oleh ulama terkemuka pada masa itu: Tengku Haji Muhammad Hasan Krueng Kalee, Tengku. Muhammad Daud Bereueh, Tengku Muhammad Jakfar Sidik Lamjabat dan Tengku Haji Ahmad Hasballah Indra Puri.⁶⁹ Pernyataan sikap dan sokongan ini, perlu dilakukan oleh para ulama pada masa itu untuk membangkitkan semangat jihad dan membendung pencerobohan Belanda tahap ke dua terhadap Indonesia. Untuk mengawal dan melaksanakan pernyataan sikap ulama ini, maka dibentuk Lasykar Mujahidin pada 17 November 1945 di Masjid Raya Baiturrahman yang diketuai oleh Tengku Muhammad Daud Bereueh.

Dari segi politik, Jepun masih memainkan politik pecah belah yang dimainkan oleh Belanda. Jika Belanda melindungi kepentingan Ulee Balang sebagai kaki tangannya. Jepun mulai menyeimbangkan hal ini. Sebahagian kewenangan yang berada di tangan Ulee Balang mulai diserahkan kepada ulama terutama sekali dalam masalah peradilan agama. Hal ini kemudian memancing kecemburuan Ulee Balang yang menganggap sebahagian kewenangan mereka telah dialihkan.

⁶⁹ Sri Suyanta, *Dinamika Peran Ulama Aceh* (Yogyakarta: Ak Group, 2008), 84.

3.4. Peranan Ulama Pada Masa Pra Autonomi

Fasa masa pra autonomi bagi Aceh dimulai selepas proklamasi kemerdekaan pada 17 Ogos 1945 sampai sebelum berlakunya Undang-undang No. 44 tahun 1999 tentang Penyelenggaraan Keistimewaan Daerah Istimewa Aceh dan secara khasnya sampai terbitnya Undang-undang No. 11 tahun 2006 tentang Pemerintahan Aceh. Pada fasa ini telah berlaku berbagai peristiwa akibat dari proses sejarah dalam menentukan hala tuju Indonesia dan Aceh secara khasnya. Pada fasa ini juga terlihat tarik menarik kepentingan secara nasional antara Islam dengan nasionalis. Tarik menarik ini kemudian menimbulkan kekecewaan di sesetengah pihak sehingga menimbulkan pergolakan dan pemberontakan.

Aceh selaku daerah yang tidak pernah sepi dengan perjuangan, memperlihatkan sikap dan pendirian mereka yang menyokong secara padu terhadap Republik Indonesia pada masa-masa awal perjuangan kemerdekaan. Sokongan yang diberikan dengan pandangan dan harapan yang tidak sepenuhnya sama dengan pandangan pihak nasionalis pada masa itu. Hal ini kemudian mengakibatkan kekecewaan di pihak Aceh yang akhirnya memilih jalan melawan terhadap kemerdekaan yang mereka turut berperanan besar dalam mencapainya.

3.4.1. Pemberontakan DI/TII (1953-1959)

Konflik antara Aceh dan Jakarta memiliki riwayat yang sangat panjang. Sebuah pertikaian yang membabitkan banyak aspek. Mulai dari aspek janji yang tidak dikotakan yang kemudian menimbulkan kekecewaan yang mendalam sehingga melahirkan pertentangan yang tidak berkesudahan. Selain itu, konflik antara Aceh dan Jakarta juga akibat dari *self-actualization* yang ingin ditunjukkan oleh “orang Aceh”, bahawa agama, harkat, martabat dan harga diri itu sangat tinggi nilainya. Bila harga diri ini kemudian tidak dihargai, maka apa pun akan dipertaruhkan.

Peristiwa pemberontakan Darul Islam/Tentera Islam Indonesia atau yang lebih dikenal dengan DI/TII di Aceh meletus pada 21 September 1953. Semenjak tanggal tersebut, Teungku Daud Beureueh memproklamkan bahawa Aceh dan wilayah sekitarnya adalah menjadi bagian dari pada Negara Islam Indonesia⁷⁰ dan tidak tunduk kepada hukum Indonesia atau hukum sekular.⁷¹ Padahal tiga bulan sebelum peristiwa ini meletus, pada bulan May 1953, Daud Beureueh masih memimpin Kongres Ulama di Medan. Di antara hasil Kongres ulama adalah mengadakan kerjasama yang erat antara jawatan pemerintah dan organisasi-organisasi lain untuk amar makruf dan nahi mungkar.⁷² Melihat kepada hal ini, tentu pemberontakan yang dikobarkan oleh Teungku Daud Beureueh memiliki alasan yang cukup kukuh. Pemberontakan Darul Islam di bawah pimpinan Tengku Muhammad Daud Beureueh, seorang ulama besar, pemimpin rakyat, bekas Gabenor Militer Aceh, Langkat dan Tanah Karo, bekas Gabenor Aceh pertama, merupakan kemuncak kekecewaan atas pengingkaran janji yang tidak pernah dikotakan bagi rakyat Aceh.

Dari segi sejarah perjuangan kemerdekaan Indonesia, Aceh adalah daerah terakhir yang mempertahankan kedaulatan Indonesia setelah seluruh kawasan Indonesia kembali di kuasai oleh Belanda. Aceh adalah satu-satunya daerah yang luput dari penguasaan Belanda secara penuh, sama ada dalam pencerobohan pada tahap pertama mahupun kedua 1947 dan 1948.⁷³ Untuk menyatakan Indonesia masih wujud pada masa itu, Aceh mendirikan pemancar radio Rimba Raya guna membendung propaganda Belanda yang dilancarkan melalui Radio Batavia dan Radio Halversum. Radio Rimba Raya juga dikenali sebagai Radio Indonesia Kutaradja dan Suara Indonesia Merdeka. Dengan siaran

⁷⁰ M. Nur El Ibrahimy, *Teungku Daud Beureueh, Peranannya dalam Pergolakan Aceh* (Jakarta: Gunung Agung), 1.

⁷¹ Hasanuddin Yusuf Adan, *Tamadun dan Sejarah: Etnografi Kekerasan di Aceh* (Yogyakarta: Ar-Ruzz Media, 2003), 55-71. Taufik Abdullah, "Teungku Daud Beureueh: Pejuang Kemerdekaan yang Berontak", *Tempo*, 24 Ogos 2003, 26-27.

⁷² M. Nur el Ibrahimy, *Teungku Daud Beureueh*, 20.

⁷³ Nazaruddin Sjamsuddin, *Pemberontakan Kaum Republik, Kasus Darul Islam Aceh* (Jakarta: P.T. Pustaka Utama Grafiti, 1990), 33.

menjangkau seluruh tanah air, Penang, Kuala Lumpur, Manila bahkan New Delhi, radio ini menyiarkan berita dan pesan dari Markas Besar Angkatan Bersenjata Republik Indonesia yang berpindah-pindah di pulau Jawa dan Pemerintah Darurat Republik Indonesia di Sumatera Tengah.⁷⁴

Sokongan rakyat Aceh terhadap Indonesia bukan hanya dengan berjihad secara fizikal semata, bahkan rakyat Aceh turut menyumbang harta benda untuk membantu pemerintahan Sukarno. Dalam satu lawatan Sukarno ke Aceh pada 16 Jun 1948, Sukarno merayu rakyat Aceh untuk membeli kapal terbang yang sangat diperlukan untuk urusan negara.⁷⁵ Rakyat Aceh secara serta-merta mengumpul harta benda mereka dan terkumpul sebanyak 20 kg emas. Dua puluh kilogram emas cukup untuk membeli dua buah kapal terbang jenis Dakota. Baki wang rakyat Aceh bahkan cukup untuk membiayai keperluan duta Indonesia di Luar negeri. Pesawat ini diberi nama dengan Seulawah RI-001 dan Seulawah RI-002 yang merupakan kekuatan pertama Tentera Udara Indonesia dalam menerobos sekatan Belanda.⁷⁶

Selain daripada itu, Indonesia pada masa itu juga sangat bergantung dengan Aceh. Kerana Aceh merupakan wilayah yang terlepas dari pengaruh Belanda, sehingga ia dijadikan sebagai markas operasi militer Republik Indonesia untuk wilayah Sumatera. Selain itu, ketergantungan Indonesia kepada Aceh dari segi ekonomi juga sangat kuat, kerana usaha diplomasi Indonesia di luar Negeri dibiayai oleh Aceh dari hasil

⁷⁴ Abdul Karim Jakobi, *Aceh dalam Perang Mempertahankan Proklamasi Kemerdekaan 1945-1949 dan Peranan Teuku Hamid Azwar* (Jakarta: Gramedia Pustaka Utama, 2008), 282.

⁷⁵ Derma rakyat Aceh untuk membeli kapal terbang adalah atas permintaan Sukarno dalam sebuah jamuan makan malam dengan Teungku Daud Bereueh dan saudagar Aceh yang terhimpun dalam GASIDA (Gabungan Saudagar Daerah Aceh). Untuk lebih jelas sila lihat, Mawardi Umar dan Al Chaidar, *Darul Islam Aceh Pemberontak atau Pahlawan?* (Banda Aceh: Dinas Kebudayaan Pemerintah Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, 2006), 69-70.

⁷⁶ Abdul Jalil Salam, "Jejak Integrasi Indonesia dari Kilo Meter Nol: Melacak Akar Budaya Nasional Bangsa", *Jurnal Legitimasi*, Vol. 3. No. 1 (2014), 430-431.

perdagangan antara Aceh dan Malaya serta dari harta rampasan milik Ulee Balang dan penjualan obligasi nasional yang sangat berjaya di Aceh.⁷⁷

Perjuangan penuh patriotik dan pengorbanan masyarakat Aceh dalam membela Indonesia didasari sebuah harapan untuk dapat melaksanakan hukum Islam selepas mengusir penjajah dan Indonesia Merdeka. Namun, lain harapan, lain pula kenyataannya. Permintaan Tengku Daud Beureueh kepada Sukarno untuk membubuh tanda tangan sebagai persetujuan pelaksana syariat Islam di Aceh dibalas dengan tangisan dan deraian air mata oleh Sukarno. Sambil menangis ia berucap: “Kanda tidak percaya padaku?, buat apa aku menjadi Presiden kalau aku tidak dipercayai”.⁷⁸ Sebagai orang yang jujur, Daud Beureueh percaya begitu sahaja terhadap ucapan dan janji Sukarno.

Selepas kemerdekaan Indonesia pada tahun 1945, Aceh ditetapkan sebagai sebuah provinsi di bawah pimpinan seorang Gabenor militer yang disandang oleh Tgk Muhammad Daud Beureueh. Pengangkatan beliau sebagai Gabenor Militer mendapat bantahan terutama dari pihak Pesindo (Pemuda Sosialis Indonesia). Bantahan kerana mereka beranggapan bahawa Daud Beureueh tidak memiliki kelayakan secara formal ketenteraan sebab berasal dari ulama.⁷⁹

Mengikut Hasjmy, Selaku Gabenor militer, Daud Beureueh berjaya melakukan empat hal penting. Pertama: mempersatukan berbagai kesatuan pejuang ke dalam Tentera Nasional Indonesia. Kedua: atas permintaan Soekarno, pada bulan Jun 1948, Daud Beureueh berhasil mengumpul sumbangan untuk membeli dua buah kapal terbang dan disumbangkan kepada pemerintah Republik Indonesia. Ketiga: membuat kesepakatan dengan Soekarno supaya Aceh diberikan hak untuk mengurus rumah tangga sendiri

⁷⁷ *Ibid.*,33.

⁷⁸ H.M. Kaoy Syah dan Lukman Hakiem, *Keistimewaan Aceh Dalam Lintasan Sejarah* (Jakarta: Pengurus Besar al-Jam'iyatul Washliyah, 2000), 3.

⁷⁹ Nazaruddin Sjamsuddin, *Pemberontakan Kaum*, 29-30. Ezki Widiarti, “The Ulama in Aceh In Time of Conflict, Tsunami And Peace Process An Ethnographic Approach”, (Thesis Master, The Center for International Studies, Ohio University, 2006), 27.

berasaskan kepada syariat Islam. Keempat: menyatakan Aceh akan tetap setia dalam Negara Kesatuan Republik Indonesia dan menolak ajakan untuk membentuk Negara Republik Federasi Sumatera oleh Sultan Mansur.⁸⁰

Penolakan untuk membentuk Negara Republik Federasi Sumatera sebenarnya mendapat bantahan dari seorang ulama karismatik waktu itu, Teungku Haji Hasan Krueng Kalee. Teungku Haji Hasan Krueng Kalee mengusulkan, pada masa itulah saat yang tepat bagi Aceh untuk berdiri sendiri, kerana pemerintahan Indonesia tengah lumpuh dan Aceh berkemampuan untuk berdiri sendiri. Akibat dari tidak diambil kira terhadap pandangan ini oleh Teungku Daud Bereueh dalam musyawarah pada tanggal 20 Mac 1949, kemudian membuat Tengku Haji Hasan Krueng Kalee menolak untuk menyokong ajakan Daud Bereueh mendirikan negara Islam pada tahun 1953. Tengku Haji Hasan berkata: “*Ta peuk geulayang watee na angen*” (ertinya menaikkan layang-layang semasa angin berhembus). Maknanya, gerakan yang dilakukan oleh Tengku Daud Beureueh pada masa itu dianggap tidak munasabah dengan keadaan yang tengah berlaku, sehingga ia akan mengikat kesengsaraan di pihak rakyat.⁸¹

Kekecewaan Aceh terhadap Jakarta berpunca dan bermula dari peleburan Provinsi Aceh dengan Sumatera Utara, atau dengan kata lain Provinsi Aceh dihilangkan berasaskan Peraturan pemerintah Pengganti Undang-undang (Perpu) No. 5 tahun 1950. Penggabungan ini mengakibatkan seluruh perangkat Provinsi berpindah ke Sumatera Utara. Tentera yang hebat-hebat dipindah dan ditugaskan ke Maluku, Sulawesi dan Kalimantan.⁸²Jangankan untuk menerapkan syariat Islam, kekuasaan pemerintahan yang berada di tingkat Provinsi pun ikut lebur seiring dengan penggabungan Provinsi Aceh dengan Sumatera Utara. Hal ini menambah lagi rasa kecewa rakyat Aceh, selain sikap

⁸⁰ A. Hasjmy, *Bunga Rampai Revolusi Dari Tanah Aceh* (Jakarta: Bulan Bintang, 1978), 22-27.

⁸¹ Mutiara Fahmi Razali, “Teungku Haji Hasan Krueng Kalee; Dari Tarekat al-Haddadiyah Hingga Fatwa Syahid Membela Kemerdekaan”, dalam *Ensiklopedi Pemikiran Ulama Aceh* (Banda Aceh: Ar-Raniry Press, 2004), 84.

⁸² H.M. Kaoy Syah dan Lukman Hakiem, *Keistimewaan Aceh*, 15.

kasar yang diterima ketika proses pengumpulan sisa senjata semasa perang kemerdekaan oleh pihak berkuasa.

Sebab lainnya selain penggabungan Aceh ke dalam Sumatera Utara sebenarnya adalah kekecewaan Daud Beureueh kerana wilayah kekuasaannya diperkecil. Dulunya ia menjawat sebagai Gabenor Militer untuk Aceh, Tanah Karo dan Langkat. Kemudian kekuasaannya diperkecil dengan pembentukan Provinsi Aceh. Ketika Provinsi Aceh baru berumur 8 bulan, ia digabungkan dengan Sumatera Utara.⁸³

Setidak-tidaknya ada sebelas sebab kenapa Daud Bereueh berpaling tadah terhadap pemerintah Indonesia. Pertama: kerana Soekarno ingkar janji untuk menjalankan hukum Islam di Indonesia yang pada masa itu 99% penduduk adalah beragama Islam. Kedua: Soekarno ingkar kepada janjinya untuk menjadikan Aceh sebagai daerah autonomi dalam penerapan Syariat Islam secara penuh. Ketiga: Secara terang Soekarno mendukung, membantu dan berpihak kepada parti Komunis dan menghina Islam. Keempat: menepikan syariat Islam dan menjalankan sistem sekular. Kelima: Menghancurkan struktur pemerintahan Aceh dengan memindahkan putera-putera Aceh ke luar daerah dan menggantikannya dengan orang dari daerah lain. Keenam: menurunkan pangkat Kolonel Husin Yusuf sebagai orang PUSA dari jawatannya sebagai Panglima Divisi X menjadi Komander Brigade dengan pangkat Leftenan Kolonel. Ketujuh: Pemindahan ketua Polis Aceh, Muhammad Insyah dan Komisaris Muda ke Medan. Kelapan: pemindahan semua Batalion tentera yang dipimpin oleh putera Aceh keluar Aceh dan digantikan oleh orang luar yang kebanyakan tidak beragama Islam. Kesembilan: Pembubaran Provinsi Aceh oleh Perdana Menteri Muhammad Nasir. Kesepuluh: Operasi Ogos 1951 atau dikenal dengan Razia Sukiman untuk mencari saki

⁸³ Jamaluddin, "Konflik Aceh pada zaman Kemerdekaan RI: Muncul Gerakan DI/TII", dalam *Riak-riak Sejarah di Aceh, Mengungkap Perjuangan Masyarakat Mempertahankan Jati Diri*, ed. Misri A. Muchsin, dkk, (Banda Aceh: Ar-Raniry Press dan AK Group, 2007), 134-5.

baki senjata di tangan orang Aceh yang telah menginjak-injak harkat dan martabat ulama dan bangsa Aceh selaku pejuang kemerdekaan. Kesebelas: Pelucutan secara paksa terhadap kereta rasmi yang tengah dipakai oleh Gabenor Aceh, Teungku Muhammad Daud Beureueh oleh Gabenor Sumatera Utara, Abdul Hakim.⁸⁴

Pemberontakan DI/TII di Aceh juga menampakkan bagaimana perseteruan dan perbezaan pandangan antara ulama yang dianggap moden dan tradisional. Ulama tradisional bernaung di bawah Persatuan Tarbiyah Islamiyah (PERTI) dipimpin oleh ulama karismatik Abuya Mudawali. Sementara ulama moden berhimpun di bawah PUSA (Persatuan Ulama Seluruh Aceh) yang dipimpin oleh Abu Daud Bereueh. Dalam menanggapi peperangan antara DI/TII dengan pemerintah Pusat, Pimpinan PERTI mengeluarkan Fatwa bahawa pemberontakan DI/TII terhadap pemerintahan Muslim yang sah (baca: Soekarno) termasuk ke dalam golongan *bughat*.⁸⁵

Setelah empat tahun pergolakan, pemerintah pusat mulai sedar bahawa perjuangan Teungku Daud Beureueh sangat sulit dipadamkan kerana dibantu oleh masyarakat, sama ada secara terang-terangan mahupun secara sembunyi-sembunyi. Maka timbullah kesedaran untuk mengembalikan wilayah Aceh sebagai sebuah Provinsi. Melalui Undang-undang No. 24 tahun 1956 dibentuk Provinsi Aceh dan A. Hasjmy dilantik sebagai Gabenor Kepala Daerah.⁸⁶ Seiring dengan itu supremasi ketenteraan sedikit demi sedikit mulai dikembalikan ke Aceh dengan peningkatan status Resimen TNI di Kutaraja menjadi KDMA (Komando Daerah Militer Aceh) dengan panglima yang ditunjuk adalah Syamaun Gaharu.⁸⁷

⁸⁴ Hasanuddin Yusuf Adan, *Tamadun dan Sejarah: Etnografi Kekerasan di Aceh* (Yogyakarta: Ar-Ruzz Media, 2003), 63-4, M. Nur el-Ibrahimi, *Teungku Daud Beureueh*, 20-25.

⁸⁵ Eka Sri Mulyani, "Islam, Perempuan dan Resolusi Konflik di Aceh (2000-2005)", *Jurnal Analisis* (Vol. XII, Nomor 2, Disember, 2012), 271. Lihat juga Muhibbuddin Waly, *Ayah Kami: Maulana Haji Muhammad Waly al-Khalidy* (Singapore: Jew Printers & Binders PTE LTD, 1993).

⁸⁶ H. M. Kaoy Syah dan Lukman Hakim, *Keistimewaan Aceh*, 19.

⁸⁷ *Ibid.*, 20.

Perundingan-perundingan untuk mengakhiri konflik terus dilakukan oleh A. Hasjmy dan Syamaun Gaharu selaku Penguasa Perang Daerah (PEPERDA) sehingga melahirkan *Ikrar Lamteh* pada tahun 1958. Sebuah ikrar bersama dan janji setia antara PEPERDA dan pihak DI/TII untuk mengakhiri perang dan permusuhan.⁸⁸ Pada bulan May tahun 1959, pemerintah Indonesia kemudian mengirim Wakil Perdana Menteri Mr. Hardi untuk memimpin misi pemerintah ke daerah Aceh untuk merasmikan pemulihan keamanan dan menyambut kembalinya kaum Republikan yang selama 6 tahun membangkang kepada Republik.⁸⁹

Melalui Misi Hardi inilah kemudian Aceh diberikan status sebagai Daerah Istimewa pada tanggal 26 May 1959 dengan Keputusan Perdana Menteri Republik Indonesia No. 1/Missi/1959. Keistimewaan yang diberikan adalah melaksanakan autonomi daerah yang seluas-luasnya dalam bidang agama, pendidikan, dan adat istiadat. Hak keistimewaan ini kemudian hari dalam perjalanan sejarah tidak semuanya ditepati, bahkan dapat diperkatakan ia hanya indah di atas kertas tapi tidak demikian halnya dalam pelaksanaan. Hal ini dibuktikan dengan tidak terlaksananya beberapa peraturan daerah yang berkenaan dengan pelaksanaan syariat Islam di Aceh. Pada tahun 1960, turunya Daud Bereueh disambut dengan pengisytiharan pelaksanaan unsur-unsur syariat Islam bagi Daerah Istimewa Aceh. Pada tahun 1961 terbit Peraturan daerah No. 30 tentang pembatasan penjualan minuman dan makanan di bulan Ramadan. Tahun 1962 Komando Daerah Militer I Iskandar Muda mengeluarkan keputusan tentang pelaksanaan unsur-unsur syariat Islam yang pelaksanaannya diserahkan kepada daerah.⁹⁰ Tahun berikutnya 1963, terbit peraturan Daerah No. 1 tahun 1963 tentang Pelaksanaan Syiar Islam di Aceh.

⁸⁸ *Ibid.*, 22.

⁸⁹ *Ibid.*, 23.

⁹⁰ Taufik Adnan Amal dan Samsu Rizal Panggabean, *Politik Syariat Islam dari Indonesia hingga Nigeria* (Jakarta: Pustaka Alvabet, 2004), 23.

Peraturan-peraturan ini semua tidak dapat dilaksanakan kerana tidak mendapat sambutan dan pengesahan dari pemerintah pusat.⁹¹

3.4.2. Lahirnya MPU

Latar belakang sejarah lahirnya Majelis Permusyawaratan Ulama Aceh berkait rapat dengan situasi politik Indonesia pada era tahun enam puluhan pasca perdamaian antara DI/TII dengan Indonesia. Selain itu, lahirnya MPU juga sangat berkait rapat dengan perkembangan fahaman komunis yang merebak dengan begitu pantas. Kemuncaknya adalah berlaku pemberontakan Parti Komunis Indonesia (PKI) pada tahun 1965. Dalam pemberontakan yang meletus pada tahun 1965, tujuh orang Jeneral tentera menjadi mangsa penculikan dan dibunuh. Mereka dibunuh selepas mengalami penyiksaan yang amat teruk dan tidak berperikemanusiaan oleh Parti Komunis Indonesia (PKI) di Jakarta. Mayat-mayat mereka disumbat ke dalam lubang di sebuah kawasan yang terkenal dengan nama Lubang Buaya. Peristiwa ini dikenali dalam sejarah Indonesia dengan Gerakan 30 September atau G.30.S/PKI.⁹² Pergerakan kaum komunis ini kemudian menyebarkan hampir ke seluruh pelosok Indonesia.

Sebagai tindak balas terhadap peristiwa yang berlaku dan kegawatan yang ditimbulkan, Pemerintah Militer di Aceh melihat perlu mengambil tindakan pantas untuk menghapuskan gerakan komunis. Panglima Komando Daerah (KODAM) I/Iskandar Muda, selaku penguasa perang untuk kawasan Aceh, meminta pandangan kepada beberapa orang ulama secara berasingan.⁹³ Panglima meminta pandangan ulama untuk

⁹¹ *Ibid.*

⁹² Lihat Sekretariat Negara, R. I., *Gerakan 30 September Pemberontakan Partai Komunis Indonesia, Latar Belakang, Aksi, dan Penumpasannya* (Jakarta: Sekretariat Negara R.I., 1994).

⁹³ Situasi yang berlaku pada masa itu adalah amat tidak menentu, sesiapa sahaja yang disyaki ataupun dianggap sebagai ahli dari parti komunis atau disebut dengan PKI dapat terus sahaja di bunuh tanpa ada unsur periksa dan selidik. Padahal kadang-kadang yang dituduh itu adalah orang kampung yang tak tahu menahu dengan politik yang sedang berlangsung, akan tetapi namanya ikut tersenarai dalam ahli parti PKI, gara-gara memberikan nama untuk mendapatkan bantuan tertentu dan ia menjadi mangsa keadaan. Muslim Ibrahim (Profesor dalam bidang Fiqh Muqaran, UIN Ar-Raniry Banda Aceh, bekas ketua MPU Aceh) dalam temu bual dengan penulis, 2 Mac 2013.

menjelaskan tentang hukum Islam berkenaan gerakan komunis ini. Ketiga ulama yang diminta pendapat adalah: *Teungku* Hj. Abdullah Ujong Rimba selaku ketua Mahkamah Syar'iyah, *Teungku* Hj. Hasan sebagai Ketua Jawatan Agama Islam Aceh dan Drs. Hj. Ismuha, Rektor Institut Agama Islam Negri (IAIN) Ar-Raniry.⁹⁴

Walaupun ketiga orang yang diminta pandangan ini tidak pernah bertemu dan membincangkan persoalan yang ditanya oleh Penguasa Perang, namun jawapan mereka adalah sama. Mengikut pendapat mereka, untuk menjawab soalan tersebut perlu diadakan suatu musyawarah ulama Aceh bagi membincangkan permasalahan yang muncul, kerana perkara ini amatlah besar. Pendapat yang dikemukakan oleh ketiga-tiganya kemudian dipersetujui oleh pihak tentera.⁹⁵

Untuk melaksanakan musyawarah ulama pada masa tersebut, Leftenan Kolonel M. Syah Asyik yang bertugas sebagai Kepala Staf KODIM (Komando Distrik Militer) Banda Aceh/Aceh Besar, melakukan tindakan dengan menghubungi orang yang dipandang patut untuk duduk dalam musyawarah tersebut. Setelah dilakukan rapat secara berterusan dari tanggal 26, 27, 28 dan 29 November 1965, maka terbentuk panitia penyelenggara musyawarah yang diberi nama Panitia Musyawarah Alim Ulama se-Daerah Istimewa Aceh.⁹⁶ Musyawarah dilaksanakan pada tanggal 17-18 Disember 1965.⁹⁷

Pelaksanaan musyawarah berlangsung di Hotel Krueng Daroey Banda Aceh dengan dihadiri oleh 57 orang alim ulama dari seluruh Aceh. Musyawarah di pengaruhi oleh 7 orang Presidium sidang yang terdiri dari: *Teungku* Haji Abdullah Ujong Rimba,

⁹⁴ Drs. H. Ismuha. SH, *Sejarah Singkat Majelis Ulama Propinsi Daerah Istimewa Aceh* (Banda Aceh: Sekretariat Majelis Ulama Propinsi Daerah Istimewa Aceh, 1983), 1.

⁹⁵ *Ibid.*, 2.

⁹⁶ *Ibid.*

⁹⁷ <http://mpu.acehprov.go.id/index.php/news/read/2014/04/28/6/mpu-aceh-bahas-penerapan-qanun-aceh-nomor-2-tahun-2009.html> dicapai pada 26 November 2014.

Teungku Haji. Hasan, Drs. Haji. Ismail Muhammmad Syah, Ibrahim Husin, MA, M. Yasin, Teungku Zamzami Yahya dan Teungku Abdul Jalil Takengon.⁹⁸

Salah satu dari keputusan Musyawarah Ulama ini dalam bidang persatuan umat adalah perlunya dibentuk persatuan ulama yang dinamakan dengan Majelis Permusyawaratan Ulama Daerah Istimewa Aceh. Hasil musyawarah ini kemudian diteruskan dengan pembentukan Majelis Permusyawaratan Ulama yang ditetapkan oleh Panglima Pertahanan Daerah Aceh No. Kep/Pepelrada-4/1/1966 bertarikh 8 Januari 1966.⁹⁹

Majelis Permusyawaratan Ulama ini kemudian dikukuhkan oleh Dewan Perwakilan Rakyat yang pada masa itu dikenali dengan Dewan Perwakilan Rakyat Daerah Gotong-royong (DPRDGR) Daerah Istimewa Aceh dengan Peraturan Daerah (Perda) No. 1 tahun 1966 tentang Pedoman Dasar Majelis Permusyawaratan Ulama. Sebuah organisasi ulama yang kemudian hari mengilhami bagi pembentukan Majelis Ulama Indonesia (MUI) pada peringkat kebangsaan.¹⁰⁰

Mengikut catatan sejarah, penubuhan Majelis Permusyawaratan Ulama Aceh sangat berkait rapat dengan perdamaian yang terbina antara Teungku Daud Beureueh dengan Republik Indonesia. Majelis Ulama merupakan implementasi nyata dari hasil perdamaian antara pihak Darul Islam di bawah pimpinan Tengku Daud Beureueh dengan pihak Republik Indonesia. Dapat juga di simpulkan bahawa, Institusi Majelis Ulama sebagai satu-satunya institusi yang dapat diwujudkan dari beberapa janji keistimewaan Aceh yang diberikan oleh pemerintah Indonesia kepada Aceh berasaskan kepada Misi Hardi.¹⁰¹ Pembentukan Majelis Ulama di Aceh pada tahun 1966, juga

⁹⁸ Majelis Ulama Propinsi Daerah istimewa Aceh, *Memorie Majelis Ulama daerah Istimewa Aceh dalam Rangka Serah Terima Jabatan Gubernur Kepala Daerah Istimewa Aceh 1968-1977* (Banda Aceh: Sekretariat Majelis Ulama Daerah Istimewa Aceh, T.Tp), 3.

⁹⁹ *Ibid.*, 5.

¹⁰⁰ H.M. Kaoy Syah dan Lukman Hakiem, *Keistimewaan Aceh*, 34.

¹⁰¹ M. Isa Sulaiman, "From Autonomy to Periphery: A Critical Evaluation of the Acehnese Nationalist Movement", dalam *Verandah Of Violence The Back Ground to the Aceh Problem*, ed. Anthony Reid

merupakan pintu gerbang bagi pelaksanaan Syariat Islam di Aceh secara rasmi dibawah seliaan pemerintah. Bukti nyata dari ini adalah dengan dibuatnya rang undang-undang pada tahun 1968 berkenaan dengan unsur-unsur syariat Islam, ibadat, akhlak, larangan minuman beralkohol dan amar makruf nahi mungkar.¹⁰²

Namun sangat disayangkan, Majelis Permusyawaratan Ulama Aceh ini akhirnya tidak dapat berjalan dengan baik kerana ia tidak termasuk dalam struktur pemerintah Aceh sebagaimana ditetapkan dalam sistem pemerintahan rasmi Indonesia pada masa itu. Sementara dalam hal kewangan juga tidak mendapat peruntukan secara rasmi dari pihak pemerintah.¹⁰³ Selaras dengan penubuhan Majelis Permusyawaratan Ulama juga ditubuhkan satu biro di Jabatan Sekretariat Daerah yang diberi nama dengan Biro Pelaksanaan Unsur-unsur syariat Islam atau dikenali dengan Biro UUSI atau Biro Sembilan. Biro ini pun terpaksa dibubarkan kerana tidak wujud tempat baginya dalam sistem pemerintahan Daerah Indonesia.¹⁰⁴

Majelis Permusyawaratan Ulama sempat berevolusi dengan bertukar nama mengikut langgam politik yang berlaku dalam sejarah perjalanan bangsa Indonesia. Dari Majelis Permusyawaratan Ulama, pada tahun 1968 namanya berubah menjadi Majelis Ulama. Ketika Jakarta menubuhkan Majelis Ulama Indonesia (MUI) pada tahun 1975

(Singapore: NUS Publishing, 2006), 133. Misi Hardi merupakan usaha mendamaikan antara Daud Beureueh dengan Jakarta yang membawa Aceh kembali kepada status wilayah autonomi dengan sebutan Daerah Istimewa Aceh, berasaskan Keputusan Perdana Menteri Republik Indonesia Nomor I/Missi 1959. Keputusan ini kemudian dikuatkan dengan Undang-undang Nomor 18 tahun 1965, keistimewaan yang diberikan meliputi bidang agama, adat istiadat dan pendidikan. Muhibbuthabry, Kelembagaan Wilayah al-Hisbah dalam Konteks Penerapan Syariat Islam di Provinsi Aceh, *Jurnal Ilmiah Peuradeun* Vol. II, No. 2 (May, 2014), 64.

¹⁰² R. Michael Feener, *Shari'a and Social Engineering: The Implementation of Islamic Law in Contemporary Aceh, Indonesia* (United Kingdom: Oxford University Press, 2013), 133-134.

¹⁰³ Al Yasa' Abubakar, *Syari'at Islam di Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, Paradigma, Kebijakan dan Kegiatan* (Banda Aceh: Dinas Syari'at Islam Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, 2006), 35.

¹⁰⁴ *Ibid.*, 36.

melalui musyawarah ulama seluruh Indonesia, Majelis Ulama Aceh menjadi bahagian dari MUI dan sebutannya pun disamakan dan menjadi cawangan kepada MUI.¹⁰⁵

3.4.3. Peranan MPU Pada Masa Awal Penubuhan

Musyawah alim ulama yang dilakukan pada tanggal 17-18 Disember 1965 menghasilkan 8 (lapan) keputusan berkenaan dengan ajaran komunis dan hukum Islam terhadap orang-orang yang terbabit dengannya. Selain itu juga diputuskan tentang kedudukan orang yang mengambil tindakan dalam menumpas gerakan komunis.

Selain daripada perkara di atas, musyawarah ini juga memutuskan beberapa fungsi ulama sama ada dalam bidang pemerintahan, bidang kemasyarakatan dan persatuan umat. Dalam bidang kenegaraan diputuskan bahawa fungsi ulama adalah sebagai berikut:

- a. Penggali dan pengolah hukum, mufti dan Qadi.
- b. Ulama adalah sebagai penasihat bagi penguasa dan alat-alat pemerintah.
- c. Menentukan sikap dalam hukum syara' terhadap haditsah¹⁰⁶ dan perkembangan masyarakat dan tanah air.
- d. Aktif mempertahankan dasar dan falsafah Negara Pancasila dan Negara Kesatuan dan menyelesaikan revolusi Indonesia menuju masyarakat sosialis Indonesai yang di ridhai Allah S.W.T.
- e. Menyatukan potensi-potensi Islam dalam mensukseskan revolusi Indonesia.¹⁰⁷

Sementara dalam bidang kemasyarakatan, fungsi Ulama adalah:

- a. Ulama adalah bendaharawan ilmu pengetahuan dan penyuluh umat.
- b. Mengimarahkan masjid, Meunasah dan tempat-tempat ibadat lainnya.
- c. Penuntun dan pembimbing umat dalam merealisasikan Piagam Jakarta dan berlakunya Syari'at Islam di Daerah Istimewa Aceh.
- d. Menegakkan dan melaksanakan amar makruf dan nahi mungkar.¹⁰⁸

¹⁰⁵ Syukri, *Ulama Membangun Aceh: kajian tentang Pemikiran, Peran Strategis, Kiprah dan Kesungguhan Ulama dalam Menentukan Kelangsungan Pembangunan dan Pengembangan Syari'at Islam di Aceh* (Medan: IAIN Press, 2012), 73-74.

¹⁰⁶ Peristiwa semasa.

¹⁰⁷ Ismuha, *Sejarah Singkat Majelis*, 12.

¹⁰⁸ *Ibid.*, 12-13.

Dalam bidang persatuan umat, musyawarah memandang perlu untuk membentuk suatu organisasi ulama dengan nama “Majelis Permusyawaratan Ulama Daerah Istimewa Aceh”.¹⁰⁹ Organisasi ulama yang dibentuk berasaskan kepada Islam dan tujuan untuk mempersatukan potensi ulama dan umat Islam. Selain itu, musyawarah juga memutuskan berkenaan dengan dana perjuangan umat. Dalam keputusan disebutkan bahawa: semua harta-harta agama perlu segera ditertibkan. Pelaksanaannya diserahkan kepada Majelis Permusyawaratan Ulama Daerah Istimewa Aceh.¹¹⁰

Dalam Peraturan Daerah No. 1 tahun 1966 tentang Pedoman Dasar Majelis Permusyawaratan Ulama secara tegas disebutkan bahawa fungsi utama Majelis Permusyawaratan Ulama adalah sebagai lembaga pemersatuan umat, penasihat Pemerintah daerah dalam bidang keagamaan dan sebagai lembaga fatwa yang dapat dijadikan pedoman bagi umat Islam dalam kehidupan sehari-hari.¹¹¹

3.4.4. Pemberontakan Hasan Di Tiro (1976-2005).

Pergerakan yang dipelopori oleh Teungku Daud Beureueh kemudian diikuti oleh kelompok lain yang dipimpin oleh salah satu pengikut beliau iaitu, Hasan Di Tiro¹¹² yang memproklamkan Aceh sebagai daerah yang tidak termasuk dalam kekuasaan Republik Indonesia pada 4 Disember 1976.

Mengikuti Lukman Thaib, Gerakan Aceh merdeka yang lebih dikenal dengan *The Aceh-Sumatra National Liberation Front* (ASNLF) diasaskan pada 29 November 1976.

¹⁰⁹ Menurut Prof. Dr. Tgk. H. Muslim Ibrahim, nama pertama bagi Majelis Permusyawaratan Ulama adalah: Majelis Permusyawaratan Ulama Daerah Swatantra Tingkat Satu Aceh, disingkat dengan MPUA. Prof. Dr. Tgk. H. Muslim Ibrahim (Professor bidang Fiqh Muaqaran, UIN Ar-Raniry Banda Aceh dan Bekas Ketua MPU Aceh), dalam temu bual dengan penulis, 2 Mac 2013.

¹¹⁰ Ismuha, *Sejarah Singkat Majelis*, 13.

¹¹¹ *Ibid.*, 34.

¹¹² Untuk biografi dan sepak terajang Hasan di Tiro secara ringkas, sila rujuk “Kilas Singkat Hasan Tiro”, dalam Tengku Hasan M. di Tiro, *Aceh di Mata Dunia* (Banda Aceh: Bandar Publishing, 2013), 105-110. Walaupun bukan seorang yang digelar ulama, pemberontakan yang dilakukan oleh Hasan Di Tiro patut untuk dibincangkan kerana pemberontakan ini menjadi titik tolak perubahan yang berlaku di Aceh pasca Tsunami dan perdamaian pada tahun 2005, termasuk melahirkan peranan ulama dalam sistem pemerintahan Aceh.

Didirikan untuk mengajak rakyat Aceh berjuang kembali untuk memperoleh kemerdekaan mereka dari Belanda sejak agresi mereka pada tahun 1873. Agresi Belanda tersebut kini diteruskan oleh pengganti mereka yang bernama Indonesia.¹¹³

Walaupun dianggap oleh Indonesia sebagai gerakan keagamaan, namun Damien Kingsbury mengklasifikasikan Gerakan Aceh Merdeka sebagai organisasi nasionalis dengan matlamat yang jelas berasaskan kepada wilayah dan bukannya agama. Hal ini juga untuk melawan propaganda Jakarta yang selalu memainkan isu agama sebagai usaha untuk memecah pandangan masyarakat dari isu utama konflik.¹¹⁴

Dalam pergerakannya, Hasan Di Tiro lebih menonjolkan sikap ingin memisahkan diri dari Indonesia daripada penerapan Syariat Islam.¹¹⁵ Dalam kempen pergerakannya, ia membangkitkan kembali semangat nasionalisme klasik ke-Acehan kepada rakyat Aceh.¹¹⁶ Selain dari itu, Hasan Di Tiro juga membangkitkan semangat anti kepada Jawa, kerana menganggap Jawa telah menjajah Aceh selama 23 tahun dari tahun 1945-1968. Menurutnya lagi, kemampuan Jawa untuk menjajah Aceh bukan kerana orang Aceh kalah dalam berperang, tetapi kerana Jawa berjaya menipu Aceh ketika Jepun kalah dan kembali ke negeri mereka.¹¹⁷

Isa Sulaiman mempunyai pandangan yang berlainan dengan pendapat di atas. Tidak disebut masalah Islam sebagai asas perjuangan Hasan Di Tiro tidak bermakna ia tidak memberi tumpuan kepada hukum Syariah. Sikap ini semata-mata diambil untuk menghindari Islam-phobia barat terhadap perjuangan yang berasaskan kepada ideologi Islam. Hal ini dapat dibuktikan dengan proses *bai'at* yang dilakukan Hasan di Tiro

¹¹³ Lukman Thaib, *Aceh's Case, A Historical Study of the National Movement for the Independence of Aceh-Sumatra* (Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 2002), 258.

¹¹⁴ Damien Kingsbury, "The Free Aceh Movement: Islam and Democratisation", *Journal of Contemporary Asia* Vol. 37, No. 2, (May 2007), 166.

¹¹⁵ Ezki Widiarti, "The Ulama", 28.

¹¹⁶ Kamaruzzaman Bustamam Ahmad, "The Application of Islamic Law in Indonesia: The Case Study of Aceh", *Journal of Indonesian Islam*, Volume 01, Number 01, (June, 2007), 155.

¹¹⁷ Tengku Hasan M. di Tiro, *Aceh di Mata*, 86.

terhadap pengikutnya. Dalam banyak pidato dan mengambil sumpah setia (*bai'at*) ia selalu mengingatkan dan memberi penekanan bahawa melaksanakan Syariat Islam adalah suatu kebanggaan bagi orang Aceh.¹¹⁸

Keberadaan pemerintah Orde Baru dibawah pimpinan Soeharta semenjak tahun 1969 membawa angin segar perkembangan ekonomi dengan banyak membawa masuk penanaman modal asing untuk membina projek di Indonesia. Perkembangan ini membawa kepada cari gali minyak dan gas bumi, Aceh termasuk salah satu kawasan pembangunan pada waktu itu. Di Aceh di bina kilang Gas Arun pada tahun 1970 di kawasan Lhokseumawe. Pada kawasan yang sama kemudian juga di bangun Syarikat pengeluar Pupuk Urea P.T. Asean Aceh Fertilizer (AAF), P.T. Pupuk Iskandar Muda (PIM), P.T. Kertas Kraft Aceh (KKA).

Namun demikian, suatu hal yang sangat ironi pula berlaku dengan begitu terbuka. Hasil kekayaan bumi Aceh jangankan untuk membuat rakyat Aceh sejahtera, masyarakat yang berada di sekitar projek pembangunan sendiri masih banyak yang belum menikmati kesejahteraan. Hasil yang diambil dari perut bumi Aceh dibawa ke Jakarta sementara Aceh hanya mendapat sedikit sahaja.¹¹⁹ Hal ini kemudian membangkit semangat untuk melawan kezaliman Jakarta, ditambah lagi dengan janji autonomi semasa penyelesaian konflik DI/TII yang tidak ditepati.¹²⁰

Untuk menyelesaikan konflik yang berlaku di Aceh, pemerintah Soeharto melakukan tindakan tegas dengan beberapa siri operasi ketenteraan. Dimulai dengan operasi dengan kata sandi *Sadar* dan *Siwah* (1977-1982), Operasi Jaring Merah atau yang lebih dikenali dengan Daerah Operasi Militer (DOM) dari tahun 1989-1998. Sebutan

¹¹⁸ M. Isa Sulaiman, "From Autonomy", 134.

¹¹⁹ Tim Kell, *The Root of Acehnese Rebellion 1989-1992* (New York: Cornell University, 1995), 53.

¹²⁰ Fajri Chairawati, "Konflik Aceh Masa Orde Baru: Latar Historis Muncul AM/GAM, dalam *Riak-riak Sejarah di Aceh, Mengungkap Perjuangan Masyarakat Mempertahankan Jati Diri*, ed. Misri A. Muchsin, dkk, (Banda Aceh: Ar-Raniry Press dan AK Group, 2007), 155.

untuk Gerakan Aceh Merdeka di ubah dengan Gerakan Pengacau Keamanan (GPK) sehingga Gerakan Pengacau Liar (GPL) atau Gerombolan Sipil Bersenjata (GSB). Semasa operasi militer inilah berbagai-bagai kekejaman berlaku di Aceh sehingga ada yang mengatakan bahawa di Aceh sedang berlaku genosid (penghapusan etnik) dan Aceh juga diberi nama *The Killing Field*.¹²¹

Pada masa sama Soeharto melalui parti Golkar cuba mendapatkan sokongan ulama Aceh dengan memberikan bantuan kewangan dan pembangunan melalui MUI (Majelis Ulama Indonesia) perwakilan Aceh. Aceh merupakan satu-satunya daerah yang dalam pemilihan raya selalu dikuasai oleh Partai Persatuan Pembangunan (PPP).¹²² Parti Persatuan Pembangunan merupakan satu-satunya parti Islam pada waktu itu dan juga dicap sebagai parti “pembanggang”.

Pada masa ini, ulama di dekati oleh pemerintah bahkan ramai juga yang dijadikan sebagai juru kempen untuk memenangkan parti Golkar. Posisi ulama semakin tersepit ketika konflik sedang berkecamuk hebat pada tahun 90-an. Ulama mengalami dilema sama ada menyokong pemerintah di satu pihak dan membela perjuangan yang sedang menuntut keadilan. Tidak jarang juga ulama mendapat ancaman keganasan bahkan ada yang di bunuh berserta dengan muridnya, seperti kes pembunuhan terhadap Teungku Bantaqiah dan 56 muridnya pada July 1999.¹²³

Dalam menyelesaikan pertikaian yang berlaku, ulama berbeza pandangan, ada yang secara terang-terangan menyokong GAM, ada yang menyokong secara sembunyi-sembunyi. Akan tetapi kebanyakan sepakat bahawa pertikaian harus diselesaikan. Majelis Ulama yang dipimpin oleh Teungku Abdullah Ujong Rimba yang kemudian di teruskan

¹²¹ *Ibid.*, 159-160. Lihat juga Gordon P. Means, *Political Islam in Southeast Asia* (Petaling Jaya: SIRD, 2009), 261-262

¹²² Ezki Widiyanti, “The Ulama”, 30.

¹²³ Edward Espinal, “Violence and Identity Formation in Aceh under Indonesian Rule”, dalam *Verandah of Violence, The Background to the Aceh Problem*, ed. Anthony Reid (Singapore: NUS Publishing, 2006), 163.

oleh Ali Hasjmy, mengajak Gerila untuk berunding dengan pemerintah guna menghentikan pertikaian. Ulama pondok menyatakan bahawa saling berbalah dan merosak persatuan adalah hal yang dilarang oleh agama. Bahkan ada ulama yang membangkitkan kembali fatwa yang menyatakan bahawa melawan kerajaan yang sah adalah *bughah*.¹²⁴

Pada masa Reformasi selepas kejatuhan rejim Soeharto, pemerintah Indonesia secara rasmi mengisytiharkan pencabutan Aceh dari status Daerah Operasi Militer. Suara-suara yang membincangkan masalah kekejaman rejim militer bermunculan. Idea-idea dan usaha untuk mengakhiri konflik bermunculan.

Mengikut Nur Ichwan, untuk mengakhiri konflik berkepanjangan ada beberapa gagasan yang muncul. *Pertama*: adalah merdeka dan lepas dari Indonesia, idea ini merupakan matlamat dari perjuangan GAM. *Kedua*: mengadakan Referendum, memberikan hak kepada rakyat untuk memilih sama ada tetap bersama Indonesia ataupun pisah. Idea ini disuarakan oleh pelajar yang terhimpun dalam SIRA (Sentral Informasi referendum Aceh), Rabitah Taliban Aceh (RTA) yang merupakan organisasi santri Dayah. Idea ini juga mendapat sokongan dari Ulama Dayah yang terhimpun dalam HUDA. *Ketiga*: menjadikan Aceh sebagai negara bagian (federasi) Indonesia dengan wewenang untuk menerapkan syariat Islam. Idea ini dikemukakan oleh Syamsuddin Mahmud selaku Gabenor Aceh pada masa itu dan turut disokong oleh Dewan Undangan Negeri. *Keempat*: adalah idea pemberian autonomi khas kepada Aceh dengan hak melaksanakan Syariat Islam bagi pemeluknya. Idea ini merupakan cetus cendekiawan muslim yang terpengaruh dengan prinsip nasionalis Indonesia.¹²⁵ Nampaknya idea yang

¹²⁴ M. Isa Sulaiman, "From Autonomy", 136.

¹²⁵ Muhammad Nur Ichwan, "Official Ulama and The Politics of re-Islamization: The Majelis Permusyawaratan Ulama, Shari'atization and Contested Authority in Post-New Order Aceh", *Jurnal of Islamic Studies* 22, Bil. 2 (April, 2011), 189-190. Untuk melihat proses perdamaian Aceh sila lihat, Gunnar Stange dan Roman Patock, "From Rebels to Rulers and Legislators: the Political Transformation of The Free Aceh Movement (GAM) in Indonesia", *Journal of Current Southeast Asian Affairs*, 29.1 (2010), 95-120.

keempat inilah yang kemudian diambil oleh pemerintah Indonesia sebelum lahirnya kesepakatan damai Helsinki.

Dalam usaha untuk mengakhiri konflik bersenjata di Aceh, beberapa ulama Aceh datang menjumpai pimpinan GAM, Hasan Tiro di Sweden. Di antara yang berangkat adalah Prof. Muslim Ibrahim yang ketika menjabat sebagai ketua Majelis Ulama Indonesia Provinsi Aceh, Prof. Alyasa Abu Bakar, akademisi IAIN Ar-Raniry dan juga pernah menjabat sebagai Kepala Dinas Syariat Islam. Termasuk dalam rombongan adalah Teungku Imam Syuja', ketua organisasi Muhammadiyah Aceh sekali gus ahli Dewan Undangan Negeri Aceh.¹²⁶ Sementara itu, ulama yang tergabung dalam Himpunan Ulama Dayah menggagas Kongres masyarakat Aceh, walaupun kemudian gagal.

3.5. Peranan Ulama Pasca Autonomi

Pasca berlakunya autonomi seluas-luasnya di Aceh selepas perjanjian damai dicapai pada tahun 2005, ulama memainkan peranan yang sangat signifikan dalam mengisi perdamaian. Selain terus memperkuat posisi ulama secara rasmi dalam sistem pemerintahan dengan beberapa Qanun yang khas berkenaan dengan MPU, ulama juga turut berperanan secara aktif dalam mempersiapkan pelaksanaan hukum syari'at Islam. Ulama dengan kewenangan yang dimiliki bekerjasama dengan semua pemangku kekuasaan menyokong sepenuhnya bahkan terbabit secara aktif dalam melahirkan beberapa Qanun yang berkenaan langsung dengan pelaksanaan syari'at Islam di Aceh.

¹²⁶ Eka Sri Mulyani, "Islam, Perempuan", 281.

3.5.1. Penguatkuasaan Syariat Islam

Syariat Islam bukan hal yang baru bagi Aceh, Anthony Reid menulis bahawa hukum Islam telah dilaksanakan secara ketat di Aceh sejak awal abad ke-17 Masihi seperti hukum potong tangan terhadap pencuri.¹²⁷

Syariat Islam dan Aceh adalah dua hal yang sangat *identic*. Mengikut kepada perjalanan sejarah, sangat susah untuk memisahkan antara identiti ke-Acehan dan ke-Islaman yang melekat pada mereka. Bahkan, bila terjadi pertembungan antara ke-Acehan dan ke-Islaman, orang Aceh lebih memilih identiti Ke-Islaman daripada ke-Acehannya.¹²⁸ Kesimpulan lain dapat dilihat bahawa, ketika Aceh mempertahankan identiti ke-Islamannya, maka di situlah kejayaan diperoleh. Kejayaan yang sekarang hanya dilihat sebagai nostalgia semasa pemerintahan Islam Pasai, Pereulak, Aceh Darussalam. Kemudian Islam juga yang sanggup membangkitkan semangat jihad dalam sanubari orang Aceh dalam menentang penjajah dengan gigihnya.¹²⁹ Islam juga yang telah membuat orang Aceh berani melawan kezaliman Jakarta ketika Islam tidak diizinkan untuk dipraktikkan dalam kehidupan sehari-hari secara resmi.

Pelaksanaan syariat Islam dalam sistem pemerintahan di Aceh juga menjadi salah satu sebab perdamaian Aceh dalam konflik Darul Islam dan kembalinya Tengku Daud Beureueh ke pangkuan ibu Pertiwi. Selepas sembahyang Jumaat pada bulan Ramadhan tahun 1960, di halaman Masjid Raya Baiturrahman diumumkan konsep pelaksanaan unsur-unsur Syariat Islam bagi daerah Istimewa Aceh di hadapan ribuan jemaah kaum Muslimin. Pengumuman ini dimulai dengan pidato pengantar oleh Teungku Daud Beureueh sendiri.¹³⁰

¹²⁷ Anthony Reid, *Southeast Asia in The Age of Commerce 1450-1680. Vol. 1: The Lands Below the Winds* (New Haven: Yale university Press, 1988), 143.

¹²⁸ Hasanuddin Yusuf Adan, *Politik dan Tamadun Aceh* (Banda Aceh: Adnin Foundation, 2006), 165.

¹²⁹ *Ibid.*, 179.

¹³⁰ H. M. Kaoy Syah dan Lukman Hakiem, *Keistimewaan Aceh*, 28.

Berasaskan kepada hal ini, Aceh secara nasional Indonesia di anggap paling siap untuk melaksanakan syariat Islam dalam bingkai hukum sivil Republik Indonesia. Tuntutan masyarakat Aceh terhadap pelaksanaan Syariat Islam di sambut oleh pemerintah Republik Indonesia dengan menerbitkan Undang-undang No. 44 tahun 1999 tentang penyelenggaraan keistimewaan Provinsi daerah Istimewa Aceh. Setelah keluarnya UU No. 44 tahun 1999 ini, keluarlah berbagai peraturan (Qanun) tentang syariat Islam di Aceh.¹³¹

Penguatkuasaan Syariat Islam juga mendapat sokongan dari parlimen Indonesia, termasuk dari Partai Demokrasi Indonesia Perjuangan (PDI-P) yang terkenal dengan sikap nasionalis. Kerana menurut mereka, menyelesaikan masalah Aceh tidak cukup hanya dengan kekuatan militer, akan tetapi perlu juga pendekatan agama.¹³² Penguatkuasaan kembali syariat Islam secara formal di Aceh secara resmi dilakukan pada tahun 2000, tepatnya pada 1 Muharram 1422 H. Penguatkuasaan Syariat Islam merupakan kelanjutan dari penerbitan beberapa undang-undang dalam rangka penyelesaian konflik berkepanjangan yang tengah berlaku di Aceh pada masa itu.

Undang-undang tersebut adalah undang-undang No. 22 tahun 1999 tentang pemerintahan daerah, undang-undang no. 25 tentang perimbangan kewangan antara pemerintah pusat dan daerah dan undang-undang No. 44 tahun 1999 tentang penyelenggaraan keistimewaan Provinsi Daerah Istimewa Aceh. Undang-undang ini kemudian disusuli dengan terbitnya undang-undang No. 18 tahun 2001 tentang Autonomi Khusus bagi Provinsi Daerah Istimewa Aceh.

Berasaskan kepada kewenangan yang ada, maka diterbitkan beberapa peraturan undang-undang di wilayah Aceh yang dikenali dengan *Qanun Syariah*. Qanun-qanun

¹³¹ M. Zainal Anwar, "Formalisasi Syari'at Islam di Indonesia: Pendekatan Pluralisme Politik Islam Dalam Kebijakan Publik", *Jurnal Millah*, Vol. X, No. 2 (Februari 2011), 201.

¹³² Kamaruzzaman Bustamam Ahmad, *The Application*, 160.

tersebut adalah Qanun no. 5 tahun 2000 tentang pelaksanaan Syariat Islam, Perda No. 33 tahun 2001 tentang Susunan Organisasi dan tata kerja Dinas Syariat Islam, Qanun No. 10 tahun 2002 tentang Peradilan Syariat Islam, Qanun No. 11 tahun 2002 tentang Pelaksanaan Syariat Islam di bidang Aqidah, ibadah dan syiar Islam. Pada tahun 2003 terbit Qanun No. 12,13 dan 14, masing-masing tentang Khamar, Maisir dan khalwat. Tahun 2009 terbit Qanun No. 10 tentang Baitul Mal.¹³³ Penguatkuasaan Syariat Islam juga diperkuat dalam UU No. 11 tahun 2006 tentang Pemerintahan Aceh.

3.5.2. MPU Kembali ke Status Awal Penubuhan

Perubahan politik selepas pengunduran diri Presiden Soeharto pada tahun 1988 dan konflik berkepanjangan antara Aceh dan Jakarta ikut memberi kesan kepada institusi Majelis Ulama Aceh. Pada masa pemerintahan Suharto, ulama begitu di eksploitasi untuk menyokong pemerintah dan polisi yang dijalankan. Pemerintah selalu berusaha untuk mendekati para ulama, bahkan menjadikan mereka sebagai justifikasi dalam segala bentuk kebijakan yang akan di ambil. Keterbabituan ulama juga dengan begitu nyata dapat terlihat dalam bentuk penyertaan dalam berbagai-bagai kempen pilihan raya untuk memenangkan parti penyokong pemerintah.¹³⁴ Sementara ulama yang menyokong parti yang dianggap tidak pro kepada pemerintah dapat dianggap sebagai pembangkang dan nantinya tidak akan mendapat aliran bantuan dari pihak yang akan memerintah, selain mengalami kesulitan dan tekanan dalam kehidupan sehari-hari. Bantuan kerajaan semasa itu di urus tadbir dan diagihkan oleh orang Parti Golkar dan tentera di bawah pimpinan Gabenor Aceh masa itu, Ibrahim Hasan.¹³⁵

¹³³ Abdul Gani Isa, "Paradigma Syariat Islam dalam Kerangka Autonomi Khusus (Studi Kajian di Provinsi Aceh)", *Jurnal Media Syariah* Vol. XIV, No. 1, (Januari-Jun 2012), 6.

¹³⁴ Nirzalin, "Islamic Shari'a Politics and Teungku Dayah's Political Authority Crisis in Aceh", *Jurnal Studi Pemerintahan* Vol. 3, No. 2 (Ogos 2012), 224.

¹³⁵ Iskandar, Heri (ed), *Namaku Ibrahim Hasan, Menebah Tantangan Zaman* (Jakarta: Yayasan Malem Putera, 2003), 221-305.

Kejatuhan rejim Soeharto dijadikan sebagai titik awal bermulanya rejim Reformasi di Indonesia turut memberi kesan bagi seluruh tatanan kehidupan bernegara, tidak terkecuali Majelis Ulama. Perlembagaan Indonesia (UUD 1945) mengalami beberapa kali pindaan (amendemen). Pindaan perlembagaan membawa impak kepada undang-undang yang berada di bawahnya. Sehingga semua perundangan yang dianggap tidak selari dengan semangat reformasi ikut mengalami perubahan dan pengubah suaian.

Suasana politik, terutama sekali di Aceh juga berubah mengikuti irama perubahan yang berlaku di Jakarta. Aceh yang sebelumnya dikenali dengan Daerah Operasi Militer (DOM), sebuah status yang memberi wewenang penuh kepada pasukan tentera untuk melakukan apa sahaja yang dianggap perlu dalam rangka menumpas Gerakan Aceh Merdeka, berubah selepas status DOM di cabut oleh Jakarta pada 8 Ogos 1998.¹³⁶

Berbagai-bagai cara diusahakan untuk mengakhiri konflik yang tak berkesudahan. Berbagai-bagai cadangan dan idea bermunculan untuk mengakhiri pertumpahan darah. Dari perundingan damai, penghentian permusuhan dan gencatan senjata sampai kepada pendekatan undang-undang ditempuh. Namun usaha-usaha ini kerap menemui jalan buntu setelah beberapa waktu berjalan.

Di antara usaha untuk menghadirkan perdamaian di Aceh yang dilakukan adalah dengan pemberian pakej undang-undang yang dimulai dengan Undang-undang No. 44 tahun 1999 tentang Penyelenggaraan Keistimewaan Provinsi Daerah Istimewa Aceh. Inti dari undang-undang ini adalah memberikan kembali keistimewaan Aceh yang meliputi bidang agama, adat istiadat, pendidikan dan ditambah dengan peranan ulama dalam pemerintahan. Kemudian diikuti dengan Undang-undang No. 18 tahun 2001 tentang autonomi khusus bagi Provinsi Daerah Istimewa Aceh sebagai Provinsi Nangroe Aceh

¹³⁶ Untuk lebih jelas berkenaan dengan status Aceh sebagai Daerah Operasi Militer (DOM), sila rujuk Al-Chaidar et. al, *Aceh Bersimbah Darah: Mengungkap Penerapan Status Daerah Operasi Militer (DOM) di Aceh 1989-1998* (Jakarta: Al-Kauthar,1999).

Darussalam.¹³⁷ Undang-undang No. 44 tahun 1999 dan No. 18 tahun 2001 ini kemudian dijadikan sebagai asas dan rujukan dalam melahirkan berbagai Peraturan Daerah (*Qanun*) di Aceh termasuk yang berkenaan dengan peranan ulama. Sebelum adanya undang-undang No. 44 tahun 1999 dan No. 18 tahun 2001, peranan MPU dalam sistem pemerintahan tidak disebutkan dalam undang-undang.

Melihat perkembangan politik yang berlaku, Ulama Aceh ikut mengambil peranan dalam menata kembali tatanan politik dalam kehidupan bernegara. Inisiatif pemerintah untuk mengakhiri permusuhan dengan menempuh berbagai-bagai cara, termasuk salah satu di dalamnya penerapan syariat Islam membawa angin segar bagi MPU untuk mengembalikan harkat dan kewibawaan Ulama Aceh sebagai bahagian yang berkecuali dalam sistem pemerintah. Prinsip ini kemudian dikenali dengan istilah “*mitra sejajar*” atau *equal partnership* antara MPU dengan pemerintah.

Untuk mengembalikan kedudukan Ulama Aceh sebagai institusi yang berkecuali, maka Majelis Ulama Indonesia Daerah Istimewa Aceh berkesimpulan untuk kembali ke asal mula penubuhan Majelis Ulama Aceh. Perubahan ini menjadikan MPU sebagai organisasi berkecuali dan bukan lagi bahagian dari MUI. Kerana sememangnya fungsi dan peranan MPU berbeza dengan MUI. Pengembalian ini berlaku pada malam 17 bulan Ramadan 1422 H bersamaan dengan 3 Disember 2001 melalui suatu ikrar sumpah untuk masa bakti tahun 2001-2006.¹³⁸

Dengan pembentukan MPU, bermakna ulama Aceh yang pada asalnya berdiri sendiri sebelum digabung dan menjadi bahagian dari Majelis Ulama Indonesia, kini ia kembali ke asas penubuhannya. Sebuah organisasi ulama yang merupakan bahagian dari

¹³⁷ Arskal Salim, “Politics, Criminal Justice and Islamisation in Aceh,” dalam *ARC Federation Fellowship, Islam, Syariah and Governance Back Ground Paper Series* (Australia: Melbourne Law School University of Melbourne, 2009), 5.

¹³⁸ Profil Majelis Permusyawaratan Ulama Aceh, <https://ppid.acehprov.go.id/v2/view/225> dicapai pada 2 Mac 2015.

pemerintahan Aceh dan bersifat berkecuali. Maksudnya ia bukan salah satu dari institusi kerajaan: Eksekutif, legislatif dan Kehakiman, akan tetapi bekerja sama dengan semua institusi kerajaan dan mempunyai kedudukan yang sama dengan mereka dalam sistem pemerintahan.

3.5.3. Aceh di Bawah Undang-undang No. 11 tahun 2006

Undang-undang No. 11 tahun 2006 tentang Pemerintah Aceh atau sering di singkat dengan UUPA, merupakan undang-undang Republik Indonesia yang diterbitkan selepas tercapai perjanjian damai antara pihak Gerakan Aceh Merdeka dengan Republik Indonesia di Helsinki, Finland. Kesepakatan damai ini dicapai selepas gempa bumi dan gelombang tsunami melanda Aceh pada 26 Disember 2004.

Undang-undang inilah yang kemudian hari dijadikan sebagai rujukan dalam segala hal yang berkenaan dengan pelaksanaan sistem pemerintahan di Aceh. Ia juga menjadi asas kepada *Qanun* Aceh, sebagai peraturan yang diterbitkan oleh ahli dewan undangan negeri Aceh (DPRA).

Sebelum lahirnya Undang-undang No. 11 tahun 2006, proses damai Aceh telah dilalui dengan beberapa usaha rundingan dan penghentian permusuhan sementara. Pada 12 May 2000 telah ditandatangani gencatan senjata yang disebut “*jeda kemanusiaan*” atau *humanitarian ceasefire* untuk beberapa bulan selepas operasi militer dikuatkuasakan di seluruh Aceh. Pada masa pemerintahan Abdurrahman Wahid, usaha untuk itu dengan melibatkan Henry Dunant Centre (HDC) sebagai mediator. Perundingan yang ditengahi oleh HDC melahirkan *Cessation of Hostilities Agreement* (COHA) pada Disember 2002,¹³⁹ namun di lapangan pertempuran tetap berterusan. Selain usaha penghentian

¹³⁹ Damien Kingsbury, “The Free Aceh”, 171.

permusuhan, pemerintah Indonesia juga memberikan autonomi khas kepada Aceh dengan kewenangan pelaksanaan syariat Islam.

Musibah gempa bumi dan gelombang tsunami yang menimpa Aceh pada 24 Disember 2004 membuat Aceh menjadi wilayah terbuka bagi pihak internasional untuk memberikan bantuan atas tragedi alam dan kemanusiaan tersebut. Musibah ini membuka nurani kedua pihak yang bertikai untuk mengakhiri permusuhan. Atas bantuan *Crisis Management initiative* (CMI) yang diketuai oleh Martti Ahtisaari sebagai orang tengah, pada 15 Ogos 2005, kesepakatan damai antara Gerakan Aceh Merdeka dengan Republik Indonesia tercapai.¹⁴⁰ Kesepakatan damai ini diikuti dengan pembentukan sebuah misi pengawas yang diberi nama *Aceh Monitoring Mission* (AMM). Misi perdamaian AMM membabitkan wakil dari negara Uni Eropah, Negara-negara Asean, Republik Indonesia dan dari pihak Gerakan Aceh Merdeka (GAM). Aceh Monitoring Mission diketuai oleh Pieter Feith, seorang perwira tinggi tentera kerajaan Belanda.¹⁴¹

Penandatanganan kesepakatan damai Helsinki, menandakan babak baru dalam kehidupan orang Aceh. Kesepakatan damai kemudian melahirkan sebuah Undang-undang Republik Indonesia no. 11 tahun 2006 tentang Pemerintahan Aceh pada 1 Ogos 2006. Undang-undang ini mengatur tentang partisipasi politik masyarakat Aceh dengan kebenaran untuk mendirikan parti politik lokal. Kebenaran ini hanya berlaku di Aceh untuk memberikan ruang politik bagi mantan pejuang GAM.

Undang-undang Pemerintahan Aceh juga menegaskan beberapa kewenangan pemerintah Aceh dalam mengatur autonomi khusus di Aceh. Namun sampai Susilo

¹⁴⁰ Abdul Hadi, "Penyelesaian Konflik Aceh Dalam Era Reformasi", dalam *Riak-riak Sejarah di Aceh, Mengungkap Perjuangan Masyarakat Mempertahankan Jati Diri*, ed. Misri A. Muchsin, dkk, (Banda Aceh: Ar-Raniry Press dan AK Group, 2007), 174.

¹⁴¹ Edward Aspinall, *Islam and Nation: Separatist Rebellion in Aceh, Indonesia* (Singapore: NUS Press, 2009), 226-229. Lihat juga, Makmun, "Perdamaian dan Undang-undang Pemerintahan Aceh", dalam *Riak-riak Sejarah di Aceh, Mengungkap Perjuangan Masyarakat Mempertahankan Jati Diri*, ed. Misri A. Muchsin, dkk, (Banda Aceh: Ar-Raniry Press dan AK Group, 2007), 196.

Bambang Yudhoyono digantikan oleh Jokowi sebagai Presiden republik Indonesia, belum semua amanah Undang-undang No. 11 tahun 2006 ini direalisasikan. Bagi Majelis Permusyawaratan Ulama, undang-undang ini menegaskan secara terang peranan mereka dalam sistem pemerintahan Aceh dan dalam masyarakat.

3.6. Kesimpulan

Dari pemaparan bab ini dengan jelas dapat dilihat peranan yang dimainkan oleh Ulama Aceh sepanjang perjalanan sejarah.

Pada masa Aceh masih dalam bentuk kerajaan, ulama berperanan dalam bidang penyiaran agama Islam ke Nusantara. Selain dari pada itu mereka juga telah menciptakan sebuah legacy keilmuan yang patut dibanggakan dalam alam Melayu dengan meninggalkan berbagai kitab ilmu dan telah memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu pengetahuan. Selain daripada itu, mereka juga ikut terlibat dalam pemerintahan tidak hanya dalam bidang agama semata-mata, bahkan dalam masalah politik.

Ketika penjajah datang, peranan ulama semakin terlihat dengan terjun langsung memimpin dan mengatur strategi di barisan hadapan perjuangan. Ulama selain memimpin perang juga mengeluarkan fatwa berkenaan dengan jihad *fi sabilillah* serta mengarang karya sastra yang dapat membangkitkan semangat peperangan. Kerana kepimpinan ulama juga sehingga penjajah tidak dapat menguasai Aceh dan mengalami kerugian teruk dalam sejarah peperangan Belanda. Ulama juga telah mengambil peranan yang sangat signifikan dalam mereformasi pendidikan agama di Aceh sehingga ia dapat mengejar keciciran yang diakibatkan oleh peperangan dan politik pendidikan Belanda.

Selepas kemerdekaan, ulama yang bermati-mati membela kemerdekaan Indonesia, kemudian kerana merasa kecewa terhadap pemerintah, mereka mengangkat senjata terhadap republik yang mereka ikut mendirikan. Hal ini tidak terlepas dari

perlakuan tidak adil yang diterima setelah Indonesia merdeka. Pada suatu tahap mereka mengalah dengan menerima janji pemerintah untuk menjadikan Aceh sebagai Daerah Istimewa dengan kewenangan melaksanakan hukum syariah. Sebuah janji yang kemudian di rasa sebagai janji kosong. Salah satu kewujudan dari keistimewaan Aceh adalah penubuhan Majelis Permusyawaratan Ulama, yang penubuhannya sangat berkait rapat dengan proses perdamaian DI/TII. Suasana politik dan sistem pemerintahan yang dipakai pada masa itu kemudian mengakibatkan peleburan MPU ke dalam MUI.

Dalam usaha menghentikan permusuhan dan menciptakan perdamaian di Aceh, ulama turut berperanan aktif dengan berbagai-bagai usaha termasuk dengan menjumpai Hasan di Tiro di Sweden. Selain itu, ulama juga aktif dalam proses damai dan merancang undang-undang yang berkenaan dengan pelaksanaan autonomy khusus di Aceh dan untuk melaksanakan hukum Syariat Islam.

Dengan demikian dapat dilihat peranan ulama dalam sejarah Aceh melepasi peranan dakwah, pendidikan, penerangan kepada masyarakat, pengembangan ilmu pengetahuan melalui penulisan karya dan pengembangan bahas keilmuan sehinggalah keterbabitian dalam politik dan mencipta serta menjaga perdamaian.

BAB 4: STATUS KEDUDUKAN MPU DALAM PEMERINTAHAN ACEH

4.1. Pengenalan

Bab empat ini akan dimulai dengan pembahasan secara ringkas tentang pemerintahan Aceh yang disusuli dengan pembahasan berkenaan dengan status kedudukan Majelis Permusyawaratan Ulama (MPU) dalam undang-undang Indonesia. Pembahasan akan diteruskan dengan perbincangan berkenaan hierarki perundangan di Indonesia. Perbincangan ini untuk melihat kekuatan perundangan yang menaungi institusi Majelis Permusyawaratan Ulama Aceh di bawah perundangan yang sedia ada. Dengan diketahui kekuatan perundangan yang menaunginya, maka akan dapat dikesan peranan yang akan dimainkan berasaskan kepada kuasa yang dimiliki.

Pembahasan dalam bab ini juga akan menyentuh berkenaan status organisasi MPU yang melibatkan perbincangan berkenaan dengan visi dan misi MPU, fungsi dan kewenangan serta tugas termasuk status keahlian dan pentadbiran MPU. Selain dari pada itu, juga akan ikut dibahaskan berkenaan dengan kedudukan dan hubungan antara MPU dengan institusi pemerintahan yang ada di Aceh, sama ada dengan Eksekutif, Legislatif, Kehakiman mahupun institusi pemerintah pusat yang berada di Aceh.

Secara rasmi dalam sistem kenegaraan, Majelis Permusyawaratan Ulama adalah institusi yang mengumpulkan ulama dan cendekiawan yang diakui peranannya sebagai institusi ulama yang terbabit dalam sistem pemerintahan Aceh berasaskan undang-undang.¹ Namun dalam sosio kemasyarakatan turut wujud institusi ulama lain yang begitu mengakar dalam masyarakat. Dalam bab ini juga ikut dibincangkan mengenai hubungan

¹ Bab III, Fasal 3, poin 2 (d) Undang-undang Republik Indonesia No. 44 tahun 1999. Kedudukan ini diperkuat oleh Fasal 138, poin 3 Undang-undang Republik Indonesia No. 11 tahun 2006 tentang Pemerintah Aceh. Lihat juga Elidar Sari, Gambaran Umum Kedudukan Majelis Permusyawaratan Ulama (MPU) di Aceh Dalam Sistem Pemerintahan Daerah, *Jurnal Nanggroe* Vol. 1, No. 1 (Jun 2013), 18.

MPU dengan organisasi ulama lain di Aceh yang pada hakikatnya juga merupakan unsur dari komponen MPU. Semua perbincangan dibahasakan berasas kepada peruntukan undang-undang yang berlaku.

Pembahasan bab ini dianggap penting untuk melihat status dan kedudukan Majelis Permusyawaratan Ulama dan peranannya dalam pemerintahan Aceh. Demikian juga dengan asas perundangan yang memayungi Majelis Permusyawaratan Ulama yang meliputi fungsi, tugas dan kewenangan yang dimilikinya. Dengan mendalami status kedudukan MPU dalam sistem perundangan Indonesia, sistem hierarki undang-undang yang menaungi, serta kuasa yang dimiliki, diharapkan akan terlihat status dan kedudukan serta pola peranan dan interaksi yang wujud antara Majelis Permusyawaratan Ulama dalam sistem pemerintahan Aceh.

4.2. Pemerintahan Aceh

Aceh sebagai wilayah yang masuk ke dalam bagian Negara Kesatuan Republik Indonesia merupakan daerah yang diperakui kewujudannya oleh undang-undang Indonesia sebagai wilayah yang bersifat khusus dan istimewa. Dalam pandangan undang-undang Indonesia, Aceh juga dilihat sebagai sebuah Pemerintahan Daerah yang bersifat khusus dan istimewa berdasarkan watak semangat perjuangan yang memiliki daya juang tinggi dan ketahanan yang digeruni.² Daya juang dan kemampuan untuk terus berperang dalam kalangan masyarakat Aceh dapat dipastikan bersumberkan kepada Syariat Islam. Keupayaan dalam berjuang berasaskan Syariat ini dianggap sebagai modal utama bagi Indonesia dalam perjuangan mempertahankan kedaulatan Indonesia dari pencerobohan penjajah sehingga layak diberikan keistimewaan.

² Lihat poin a, b dan c Undang-undang republik Indonesia No. 11 tahun 2006.

4.2.1. Wilayah Aceh

Aceh merupakan bagian paling barat dari wilayah Republik Indonesia. Secara geografi, sebelah timur dan utara berbatasan dengan Selat Melaka, sebelah selatan berbatasan dengan Sumatera Utara, sebelah barat dengan Samudera Indonesia atau Lautan Hindi. Bila dilihat dari batasan wilayah, Aceh hanya dihubungkan dengan Sumatera utara melalui bahagian daratan, sementara wilayah lainnya adalah berbatasan dengan lautan.

Letak geografi Aceh yang berada di bahagian paling hujung kepulauan Indonesia membuat ia begitu strategis sebagai pintu gerbang sebelah barat bagi Indonesia. Demikian juga, Aceh dianggap penting bagi lalu lintas internasional kerana ia berbatasan langsung dengan selat Melaka. Pentingnya selat Melaka, kerana ia merupakan salah satu laluan utama selain laluan melalui darat bagi pergerakan bangsa-bangsa di Asia. Selat Melaka juga merupakan jalan penghubung utama antara dua pusat kebudayaan iaitu China dan India suatu ketika dahulu.³

Jalan laut dari China ke India melalui selat Melaka ini dianggap sangat strategik, kerana dari sini perjalanan ada yang menuju ke Teluk Persia, melalui Syria ke Laut Tengah, ada yang menuju Laut Merah melalui Mesir dan sampai juga ke Laut Tengah. Perhubungan laut antara Laut Merah, India, China, dan kerajaan-kerajaan di Selat Melaka merupakan hal yang lazim dilalui pada abad pertama setelah Masihi.⁴

Aceh secara rasmi kenegaraan dikenali dengan nama sebutan Provinsi Aceh. Memiliki keluasan sebesar 5.6 77.081 ha. Sebahagian besar dari luas wilayahnya

³ Zakaria Ahmad, *Sekitar Keradjaan Atjeh dalam tahun 1520-1675* (Medan: Penerbit Monora, 1972), 16-17.

⁴ *Ibid*, lihat juga J.A.E Morley, "The Arabs and The Eastern Trade", *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* Vol. XXII (Pt. 1, 1949), 143.

merupakan kawasan hutan seluas 2.290.874 ha, diikuti dengan lahan perkebunan rakyat seluas 800.553 ha dan lahan industri 3.928 ha.⁵

Aceh yang memperoleh status sebagai Daerah Autonomi Khas, wilayahnya juga mencakupi 119 pulau, 35 buah gunung, 73 sungai utama, 18 buah Kabupaten (wilayah), 5 buah Pemerintahan kota (bandar), 289 sub district, 778 Mukim dan 6493 buah desa atau yang lebih dikenali dengan *Gampoeng*.⁶

Secara struktur pemerintahan, *Gampoeng* atau desa merupakan satuan pemerintahan terkecil dalam sistem pemerintahan Aceh. Kumpulan dari beberapa *Gampoeng* akan menjadi sebuah Mukim. Gabungan dari beberapa Mukim disebut dengan Kecamatan (*sub district*). Kumpulan dari beberapa Kecamatan dikenali dengan Kabupaten atau Pemerintah Kota. Pemerintah Aceh merupakan pemerintahan yang di bawahnya terhimpun 18 Kabupaten dan 5 pemerintahan kota.

Dari segi jumlah penduduk, akhir tahun 2009 rakyat Aceh tercatat berjumlah 4.363.477 jiwa dengan jumlah keluarga sebanyak 1.073.481 keluarga dengan peringkat pertambahan penduduk sebanyak 1.66% setahun. Daerah yang paling ramai penduduk adalah kawasan Aceh Utara sebanyak 532.535 orang dan kota Sabang dengan jumlah penduduk paling sedikit, dengan jumlah 29.184 jiwa.⁷

Masyarakat Aceh terdiri dari tiga belas suku bangsa dengan Aceh sebagai majoriti. Selain Aceh juga ada suku *Tamiang*, *Alas*, *Aneuk Jamee*, *Naeuk laot*, *Simeulue* dan *Sinabang*, *Gayo*, *Pakpak*, *Lekon*, *Haloban*, *Singkil* dan *Kluet*. Masing-masing memiliki karakter dan pola berfikir yang berbeza-beza.

⁵ Pemerintah Daerah Aceh, "Geografis Aceh", Laman Sesawang Acehprov.go.id, dicapai 15 May 2014, <http://acehprov.go.id/index.php/profil/read/2014/01/30/11/geografis-aceh.html>.

⁶ *Ibid.*

⁷ Pemerintah Aceh, Rencana Pembangunan Jangka Panjang Aceh (RPJP Aceh tahun 2005-2025) (Banda Aceh: Pemerintah Aceh, 2005), 26. Boleh juga dicapai melalui http://www1media.acehprov.go.id/uploads/BAB_II_GAM_UMUM_KONDISI_ACEH_FINAL_6012011_edi_26012011.pdf

4.2.2. Pemerintah di Aceh

Aceh selaku bagian dari Republik Indonesia, maka Aceh dalam menyelenggarakan pentadbiran dan penerapan hukum tunduk dibawah undang-undang Indonesia. Gabenor sebagai kepala wilayah merupakan perwakilan pemerintah Indonesia.

Dalam ketentuan umum Undang-undang Pemerintahan Aceh (UU-PA) dengan terang di sebutkan bahawa;

Aceh adalah Provinsi yang merupakan kesatuan masyarakat hukum yang bersifat istimewa dan diberi kewenangan khusus untuk mengatur dan mengurus sendiri urusan pemerintahan dan kepentingan masyarakat setempat sesuai dengan peraturan perundang-undangan dalam sistem dan prinsip Negara Kesatuan Republik Indonesia berdasarkan Undang-undang Dasar Negara Republik Indonesia tahun 1945, yang dipimpin oleh seorang Gubernur.⁸

Pelaksana pemerintahan di Aceh adalah pemerintah Daerah Aceh dan Dewan Perwakilan Rakyat Daerah Aceh sesuai dengan fungsi dan kewenangan masing-masing.⁹ Pemerintah Aceh menjalankan tugas eksekutif, sementara Dewan Perwakilan Rakyat Aceh menjalankan tugas legislatif.¹⁰ Dalam pelaksanaan, Pemerintahan Aceh berwenang untuk mengatur dan mengurus segala urusan pemerintahan dalam semua sektor awam kecuali urusan pemerintahan yang menjadi kewenangan pemerintah pusat.¹¹

Dalam melaksanakan tugas pentadbiran, Gabenor Aceh dibantu oleh seorang naib Gabenor dan perangkat daerah lainnya.¹² Perangkat lainnya adalah terdiri atas Sekretariat

⁸ Fasal 1 (2) UUPA

⁹ Fasal 1 (5) UUPA, lihat juga fasal 21 (1).

¹⁰ Penjelasan Fasal 21 (1).

¹¹ Fasal 7 (1) UUPA. Yang dimaksud dengan kewenangan pemerintah pusat adalah urusan pemerintahan yang bersifat nasional, politik luar negeri, pertahanan, keamanan, perundangan, moneter dan fiskal nasional serta urusan tertentu dalam bidang agama. Lihat Fasal 7 (2) UUPA. Dalam penjelasannya, yang di maksud dengan urusan pemerintahan yang bersifat nasional dalam fasal 7 (2) termasuk kebijakan di bidang perencanaan nasional, kebijakan pengendalian pembangunan nasional, perimbangan kewangan, administrasi negara, lembaga perekonomian negara, pembinaan dan pengembangan sumber manusia, teknologi tinggi yang strategik, serta pemeliharaan dan standardisasi nasional. Sementara yang di maksud dengan kebijakan adalah kewenangan pemerintah untuk melakukan pembinaan, pemudahan, penetapan dan pelaksanaan urusan pemerintahan yang bersifat kebangsaan.

¹² Fasal 39 (1,2) UUPA.

(Pejabat setia usaha negeri) Daerah Aceh,¹³ Sekretariat DPRA,¹⁴ Dinas¹⁵ Aceh dan lembaga teknis yang diatur dengan Qanun Aceh.¹⁶ Lembaga teknis¹⁷ Aceh merupakan unsur penyokong tugas Gubernur dalam menyusun dan melaksanakan kebijakan Aceh yang bersifat spesifik.¹⁸ Gubernur selaku ketua pemerintahan juga sebagai wakil pemerintah pusat dan bertanggung jawab kepada Presiden Republik Indonesia.¹⁹ Gubernur dalam penyelenggaraan pemerintahan Aceh berpedoman pada asas umum pemerintahan yang terdiri atas: asas Islam, kepastian hukum, kepentingan umum, asas tertib penyelenggaraan pemerintahan, keterbukaan, terukur, profesionalisme, akauntabiliti, efisien, keberkesanan dan asas kesetaraan.²⁰

Masalah kehakiman, Mahkamah Syar'iyah Aceh merupakan pengadilan sebagai pelaksana kekuasaan kehakiman dalam lingkungan peradilan agama yang merupakan bagian dari sistem peradilan nasional.²¹ Mahkamah Syar'iyah merupakan pengadilan bagi setiap orang beragama Islam dan berada di Aceh.²²

Dari segi kewenangan, Mahkamah Syariah dapat memeriksa, mengadili, memutus dan menyelesaikan perkara yang meliputi bidang *Ahwal al-Syakhsiyah* (hukum keluarga), muamalah (hukum perdata) dan jinayah (hukum pidana) yang didasarkan atas syariat Islam.²³ Selain Mahkamah Syar'iyah, di Aceh juga ada Mahkamah sivil dengan peringkat-peringkatnya.

Selain perangkat pentadbiran yang telah disebut di atas, Pemerintah Aceh juga *bermitra* (bekerja sama) dengan ulama yang terhimpun dalam Majelis Permusyawaratan

¹³ Setia Usaha Pemerintah.

¹⁴ Setia Usaha Dewan Undangan Negeri Aceh.

¹⁵ Exco Negeri.

¹⁶ Fasal 100 (1) UUPA.

¹⁷ Pelaksana bidang khas atau Biro

¹⁸ Fasal 111 (1) UUPA.

¹⁹ Fasal 40 (1,2) UUPA.

²⁰ Lihat Fasal 20 UUPA.

²¹ Fasal 1 (5) UUPA.

²² Fasal 128 (2) UUPA.

²³ Fasal 128 (3) UUPA.

Ulama Aceh dan lembaga Wali Nanggroe sebagai lembaga adat pemersatuan segala komponen ke-Acehan.²⁴

Untuk membantu tugas-tugas pentadbiran, Wilayah Aceh dibagi kepada 23 wilayah pentadbiran yang dikenal dengan Kabupaten/Kota. Kabupaten dipimpin oleh seorang ketua daerah yang disebut dengan Bupati. Sementara kota atau bandar dipimpin oleh seorang Datuk Bandar yang dikenali dengan Walikota. Jumlah Kabupaten di Aceh sebanyak 18 Kabupaten dan 5 pemerintahan Kota; Kota Banda Aceh, Kota Langsa, Sabang, Lhokseumawe dan Subulussalam.²⁵

Pada peringkat lebih kecil lagi, Kabupaten/kota terdiri dari beberapa Kecamatan. Kecamatan terdiri dari beberapa Mukim, sementara Mukim merupakan gabungan beberapa desa yang disebut dengan Gampoeng. Kecamatan dipimpin oleh seorang Camat, Mukim dipimpin oleh seorang Imam Mukim dan Gampoeng dipimpin oleh seorang ketua kampung yang dipanggil Geuchik.²⁶ Secara tanggung jawab, semua pemimpin wilayah bertanggung jawab kepada pemimpin yang lebih tinggi darinya, dimulai dari ketua kampung sampai kepada Gabenor yang bertanggung jawab kepada Presiden.

4.3. Status MPU Dalam Undang-undang Indonesia

Majelis Permusyawaratan Ulama sebagai institusi yang diperakui kewujudannya dalam sistem perundangan Indonesia melalui *Qanun* Aceh perlu ditinjau statusnya dalam sistem perundangan Indonesia. Hal ini kerana *Qanun* merupakan undang-undang yang bersifat daerah dan ada beberapa undang-undang yang lebih tinggi di atasnya. Melihat peranan yang diberikan oleh undang-undang kepada Majelis Permusyawaratan Ulama Aceh, maka tidak akan terlepas dari sistem hierarki perundangan Indonesia. Dengan mengetahui hierarki sistem perundangan yang ada, akan dapat dikesan status kedudukan,

²⁴ Lihat fasal 1 (15, 16) UUPA.

²⁵ Profil Kabupaten/Kota Aceh, <http://acehprov.go.id/kota/index/20.html> dicapai pada Jumaat 24/10/14.

²⁶ Lihat fasal 1 (18,19,20) UUPA.

kekuatan dan kewenangan yang dimiliki oleh MPU mengikut lunas-lunas perundangan yang sedia ada.

4.3.1. Hierarki Perundangan Indonesia

Sumber hukum dasar perundangan Indonesia adalah Pancasila sebagaimana yang termaktub dalam pembukaan Undang-Undang Dasar 1945, iaitu: “Ketuhanan yang Maha Esa, Kemanusiaan yang adil dan beradab, persatuan Indonesia, Kerakyatan yang dipimpin oleh hikmat kebijaksanaan dalam permusyawaratan/perwakilan, serta dengan mewujudkan suatu keadilan sosial bagi seluruh rakyat Indonesia, dan batang tubuh Undang-undang Dasar 1945”.²⁷

Sesuai dengan ketetapan MPR No. III tahun 2000 tentang Sumber hukum dan tata urutan perundang-undangan, maka urutan dan tingkatan perundangan di Indonesia adalah sebagai berikut: pertama: Undang-undang Dasar 1945; kedua: Ketetapan Majelis Permusyawaratan Rakyat Republik Indonesia; ketiga: Undang-undang; keempat: Peraturan Pemerintah Pengganti Undang-undang (Perpu); kelima: Peraturan Pemerintah; keenam: Keputusan Presiden; ketujuh: Peraturan Daerah.²⁸

Mengikut kepada Undang-undang No. 12 tahun 2011, hierarki perundangan Indonesia²⁹ adalah: 1. Undang-undang Dasar 1945, 2. Ketetapan MPR, 3. Undang-

²⁷ Fasal 1 (3) Ketetapan MPR No. III tahun 2000 tentang Sumber Hukum dan Tata Urutan Peraturan Perundang-undangan

²⁸ Fasal 2 Ketetapan MPR No. III tahun 2000. Undang-undang Dasar 1945 merupakan hukum dasar tertulis Negara republik Indonesia, memuat dasar dan garis besar hukum dalam penyelenggaraan negara. Ketetapan Majelis Permusyawaratan Rakyat merupakan putusan MPR sebagai pelaksana kedaulatan rakyat yang ditetapkan dalam sidang-sidang MPR. Undang-undang dibuat oleh Dewan Perwakilan Rakyat bersama Presiden untuk melaksanakan Undang-undang Dasar 1945 serta Ketetapan MPR-RI. Peraturan pemerintah pengganti undang-undang dibuat oleh Presiden dalam hal ehwal kegentingan yang memaksa dengan ketentuan: harus diajukan kepada DPR, DPR dapat menerima atau menolak dengan tidak mengadakan perubahan, jika ditolak oleh DPR harus ditarik balik. Peraturan Pemerintah dibuat oleh pemerintah untuk melaksanakan perintah undang-undang. Keputusan Presiden yang bersifat mengatur dibuat oleh Presiden untuk menjalankan fungsi dan tugasnya berupa pengaturan pelaksanaan administrasi negara dan administrasi pemerintah. Peraturan Daerah merupakan peraturan untuk melaksanakan peraturan hukum di atasnya dan menampung kondisi khusus dari daerah yang bersangkutan. Lihat Fasal 3 (1,2,3,4,5,6,7) Ketetapan MPR No. III tahun 2000.

²⁹ Perkembangan Hierarki Perundangan Indonesia mengalami perubahan mengikut kepada perubahan rejim yang berkuasa. Semasa rejim Orde Lama, hierarki perundangan berasaskan kepada Surat Presiden tanggal 20 Ogos 1959, pada masa transisi Orde Lama ke Orde Baru berasas kepada TAP MPRS NO.

undang/Peraturan Pemerintah Pengganti Undang-undang (Perpu), 4. Peraturan Pemerintah, 5. Peraturan Presiden, 6. Peraturan Daerah Propinsi, dan 7. Peraturan Daerah Kabupaten.³⁰ Segala perundangan di Indonesia mestilah tidak bercanggah dengan Undang-undang Dasar 1945 atau yang biasa di sebut dengan UUD 1945. Ia merupakan perlembagaan Indonesia dan sumber dasar dan garis besar hukum tertulis dalam penyelenggaraan negara.³¹

Kewujudan pemerintah daerah dalam sistem ketatanegaraan Indonesia merupakan amanah Undang-undang Dasar Republik Indonesia tahun 1945. Dalam UUD 1945 dinyatakan bahawa: “Negara Kesatuan Republik Indonesia dibagi atas daerah-daerah provinsi dan daerah provinsi itu dibagi atas kabupaten dan kota, kabupaten, dan kota itu mempunyai pemerintahan daerah, yang diatur dengan undang-undang”.³²

Pengakuan undang-undang terhadap keberadaan pemerintah daerah diikuti dengan kewenangan menerbitkan undang-undang untuk skop daerah tertentu. Ia dijelaskan dalam fasal berikutnya: “Pemerintah daerah berhak menetapkan peraturan daerah dan peraturan-peraturan lain untuk melaksanakan autonomi dan tugas pembantuan”.³³

Dalam menjalankan roda pemerintahan diperlukan adanya hubungan yang baik antara pemerintah pusat dengan pemerintah daerah. Untuk merealisasikan hubungan dua hala yang harmoni antara pemerintah pusat dengan daerah perlu aturan undang-undang

XX/MPRS/1966. Masa transisi Reformasi berasas kepada TAP MPR NO. 3/MPR/2000. Masa Reformasi berpegang kepada Undang-undang No. 10 tahun 2004 dan Undang-undang No. 12 tahun 2011.

³⁰ Fasal 7 (1) Undang-undang No. 12 tahun 2011. Undang-undang Dasar 1945 ditetapkan dan disahkan oleh Majelis Permusyawaratan Rakyat (MPR) yang terdiri dari anggota Dewan Perwakilan Rakyat (DPR) dan Dewan Perwakilan Daerah (DPD). Undang-undang dibentuk oleh Dewan Perwakilan Rakyat bersama Presiden. Peraturan Pemerintah pengganti Undang-undang (Perppu) ditetapkan oleh Presiden ketika negara berada dalam keadaan kegentingan yang memaksa. Peraturan Daerah ditetapkan oleh Dewan Perwakilan Rakyat daerah (DPRD). Ali Salmande, SH, “Hirarki Peraturan Perundang-undangan”, laman sesawang Hukum online, dicapai 6 Feb 2015, <http://www.hukumonline.com/klinik/detail/cl4012/hierarki-peraturan-perundang-undangan>.

³¹ Fasal 3 (1) Ketetapan MPR No. III tahun 2000.

³² Fasal 18 (1) Undang-undang Dasar 1945.

³³ Fasal 18 (6) Undang-undang Dasar 1945.

yang mengatur kedua belah pihak. Dalam undang-undang disebutkan bahawa: “Hubungan wewenang antara pemerintah pusat dan pemerintahan daerah provinsi, kabupaten, dan kota, atau antara provinsi dan kabupaten dan kota, diatur dengan undang-undang dengan memperhatikan kekhususan dan keragaman daerah”.³⁴

Mengikuti pandangan seorang pakar hukum tatanegara ternama Indonesia, Jimly Asshiddiqie menjelaskan, bahawa yang dimaksud dengan “kekhususan daerah” adalah kekhususan atau keistimewaan yang dijumpai di masing-masing daerah. Sementara “keragaman daerah” adalah keragaman antar daerah yang berbeza antara satu dengan yang lain.³⁵ Mengingat ada daerah dengan status kekhususan dalam melaksanakan autonomi, maka undang-undang dengan terang menyatakan memperakui kekhususan tersebut. Sebagaimana termaktub dalam Undang-undang Dasar tahun 1945, “Negara mengakui dan menghormati satuan-satuan pemerintahan daerah yang bersifat khusus atau bersifat istimewa yang diatur dengan undang-undang”.³⁶ Selari dengan pengakuan terhadap satuan daerah yang bersifat khas, undang-undang juga turut memperakui hukum adat istiadat yang masih terus hidup dalam masyarakat selama tidak bercanggah dengan perundangan yang ada.³⁷

Status kekhususan Aceh mengikuti undang-undang Indonesia dapat dilihat dalam undang-undang No. 11 tahun 2006 tentang Pemerintahan Aceh. Dalam perenggan menimbang (b), dinyatakan bahawa: “berdasarkan perjalanan ketatanegaraan Republik Indonesia, Aceh merupakan satuan pemerintahan daerah yang bersifat khusus atau istimewa terkait dengan salah satu karakter khas sejarah perjuangan masyarakat Aceh

³⁴ Fasal 18A (1) Undang-undang Dasar 1945.

³⁵ Jimly Asshiddiqie, *Konsolidasi Naskah UUD 1945 Setelah Perubahan Keempat* (Jakarta: Pusat Studi Hukum Tata Negara, Fakultas Hukum Universitas Indonesia, 2002), 21.

³⁶ Fasal 18B (1) Undang-undang Dasar 1945.

³⁷ Lihat fasal 18B (2) Undang-undang Dasar 1945.

yang memiliki ketahanan dan daya juang tinggi”³⁸ Hal ini kemudian dinyatakan lagi secara terang dalam Undang-undang No. 11 tahun 2006 tentang pemerintahan Aceh;

Aceh adalah daerah provinsi yang merupakan kesatuan masyarakat hukum yang bersifat istimewa dan diberi kewenangan khusus untuk mengatur dan mengurus sendiri urusan pemerintahan dan kepentingan masyarakat setempat sesuai dengan peraturan perundang-undangan dalam sistem dan prinsip Negara Kesatuan Republik Indonesia berdasarkan Undang-undang Dasar Negara Republik Indonesia Tahun 1945, yang dipimpin oleh seorang Gubernur.³⁹

Dalam melaksanakan tugasnya sebagai kepala daerah, Gubernur akan diawasi oleh Dewan Perwakilan Rakyat Aceh (DPRA). DPRA selaku Dewan Undangan Negeri memiliki fungsi legislatif, anggaran dan pengawasan.⁴⁰ Di antara kewenangan yang dimiliki oleh Dewan Undangan Negeri Aceh dan tugasnya adalah membentuk *Qanun* Aceh yang dibahasakan dengan Gubernur untuk mendapat persetujuan bersama.⁴¹

Sementara *Qanun* Aceh adalah peraturan perundang-undangan sejenis peraturan daerah provinsi yang mengatur penyelenggaraan pemerintahan dan kehidupan masyarakat Aceh.⁴² Dengan demikian dapat difahami bahawa *Qanun* ini merupakan nama bagi peraturan daerah khas yang berlaku di Aceh.

Di antara urusan yang wajib dilaksanakan oleh pemerintah Aceh adalah melaksanakan keistimewaan Aceh yang antara lain meliputi:

“a. Penyelenggaraan kehidupan beragama dalam bentuk pelaksanaan syari’at Islam bagi pemeluknya di Aceh dengan tetap menjaga kerukunan hidup antar umat beragama; b. Penyelenggaraan kehidupan adat yang bersendikan agama Islam; c. Penyelenggaraan pendidikan yang berkualiti serta menambah materi muatan lokal sesuai dengan syari’at Islam; d. Peran ulama dalam penetapan kebijakan Aceh; dan e. Penyelenggaraan dan pengelolaan ibadah haji sesuai dengan peraturan perundang-undangan”⁴³

³⁸ Pembukaan UU No. 11 Tahun 2006, menimbang (b). Dinas Syariat Islam Aceh, *Himpunan Undang-undang, Keputusan presiden, Peraturan daerah/Qanun, Instruksi Gubernur, Edaran Gubernur, Berkaitan Pelaksanaan Syariat Islam* (Banda Aceh: Dinas Syariat Islam Aceh, 2010), 75.

³⁹ Fasal 1 (2) Undang-undang No. 11 tahun 2006. Dinas Syariat Islam, *Himpunan...*, 78.

⁴⁰ Fasal 22 (1) UUPA tahun 2006.

⁴¹ Fasal 23 (1) UUPA tahun 2006.

⁴² Fasal 1 (21) UUPA tahun 2006.

⁴³ Fasal 16 (2) UUPA tahun 2006.

Mengikuti perintah undang-undang sebagaimana disebut di atas, dengan jelas dapat diketahui bahawa salah satu urusan yang wajib dilakukan oleh pemerintah Aceh adalah memberikan ruang kepada ulama untuk mengambil peranan dalam menentukan segala bentuk polisi pemerintah di Aceh.

4.3.2. Kedudukan MPU Dalam Perundangan Indonesia

Berasaskan kepada sistem urutan perundangan yang berlaku di Indonesia, maka kewujudan MPU dalam melaksanakan kewenangannya selain berpedoman kepada perlembagaan Indonesia yang memungkinkan untuk penubuhan MPU, juga berpegang kepada beberapa undang-undang lain sebagai berikut:

- a. Undang-undang Republik Indonesia No. 44 tahun 1999 tentang Penyelenggaraan Keistimewaan Provinsi Daerah Istimewa Aceh. Undang-undang ini merupakan titik tolak pengakuan rasmi negara terhadap peranan ulama dalam pemerintahan. Dalam bab 3 fasal 3 dengan jelas disebut bahawa salah satu bentuk keistimewaan Aceh adalah adanya peranan ulama dalam penetapan polisi pemerintahan di Aceh.⁴⁴ Dalam fasal 9 disebutkan bahawa Daerah membentuk sebuah badan yang anggotanya terdiri dari ulama dan bersifat berkecuali dengan fungsi memberi pertimbangan terhadap kebijakan daerah termasuk bidang pemerintahan, pembangunan dan kemasyarakatan serta tatanan ekonomi Islam.⁴⁵ Hak keistimewaan ini nantinya dijadikan asas kepada peraturan yang mengatur MPU berikutnya.
- b. Undang-undang republik Indonesia No. 11 tahun 2006 tentang Pemerintahan Aceh. Undang-undang yang sering disebut dengan UUPA merupakan penguat kepada undang-undang No. 44 tahun 1999. UUPA juga merupakan

⁴⁴ Bab III, Fasal 3, poin 2 (d) Undang-undang Republik Indonesia No. 44 tahun 1999.

⁴⁵ Fasal 9.

perwujudan dari kesepakatan damai antara pihak Aceh Merdeka dengan Republik Indonesia. Dalam undang-undang ini disebutkan bahawa salah satu kewajipan pemerintah adalah memberi peranan kepada ulama dalam penetapan kebijakan Aceh.⁴⁶ Undang-undang ini juga menjelaskan tentang kedudukan MPU sama ada di ibu negeri mahupun di wilayah Aceh lainnya.⁴⁷ Selain itu juga menerangkan tentang fungsi MPU untuk memberikan fatwa kepada pemerintah sama ada diminta ataupun tidak serta hak untuk mengangkat tenaga pakar yang diperlukan.⁴⁸

- c. Peraturan Menteri Dalam Negeri (Permendagri) No. 18 tahun 2008 tentang Organisasi dan Tata Kerja Sekretariat Lembaga Keistimewaan Provinsi NAD. Peraturan Menteri Dalam Negeri ini menjabarkan teknik pembentukan sekretariat MPU termasuk gred pegawai kerajaan yang ditempatkan sebagai pentadbir di MPU.
- d. *Qanun* Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam No. 9 tahun 2003 tentang Hubungan Tata Kerja Majelis Permusyawaratan Ulama dengan Eksekutif, Legislatif dan instansi lainnya. Dalam *Qanun* ini dijelaskan tentang kewenangan dan hubungan MPU untuk memberikan pertimbangan, saranan/fatwa kepada eksekutif, legislatif, polis, pendakwa raya, tentera dan jawatan pemerintah Aceh lainnya.⁴⁹
- e. *Qanun* Aceh No.5 tahun 2007 tentang Susunan Organisasi dan Tata Kerja Dinas, Lembaga Teknis Daerah dan Lembaga Daerah Provinsi NAD. Dalam *Qanun* ini juga dijelaskan tentang pembentukan sistem pentadbiran di institusi MPU yang disebut dengan sekretariat MPU.⁵⁰

⁴⁶ Fasal 16, poin 2 (d), Undang-undang No. 11 tahun 2006.

⁴⁷ Fasal 138 poin 1,2,3, dan 4, Undang-undang No. 11 tahun 2006.

⁴⁸ Fasal 139, poin 1 dan 2, fasal 140 poin 1, dan 2, Undang-undang No. 11 tahun 2006.

⁴⁹ Bab II, fasal 2, Bab V, fasal 9-15.

⁵⁰ Fasal 2 poin 3.

- f. Qanun Aceh No. 2 tahun 2009 tentang Majelis Permusyawaratan Ulama. Qanun ini menghimpun segala hal yang berkenaan dengan MPU sama ada dari segi pembentukan, kewenangan, fungsi dan tugas dan struktur MPU serta kedudukan dalam atur cara rasmi pemerintahan.
- g. Peraturan Gabenor (Pergub) no. 33 tahun 2008 tentang Susunan Organisasi dan Tata Kerja Sekretariat Lembaga Keistimewaan Aceh. Peraturan Gabenor Aceh ini menerangkan tugas pokok, fungsi dan kewenangan sekretariat MPU sebagai pengurus tadbir administrasi MPU.⁵¹
- h. Keputusan Gabenor Aceh No. 451.7/465/2012 tanggal 15 Jun 2012 tentang Penetapan Pengurus Majelis Permusyawaratan Ulama Aceh Periode 2012-2017. Menjelaskan tentang penetapan pengurus MPU masa kerja dari tahun 2012-2017.
- i. Keputusan MPU Aceh No. 6 tahun 2012 tentang Peraturan Tatatertib MPU Aceh.⁵²

Dari sini jelas terlihat bahawa keberadaan MPU dalam sistem pemerintahan Aceh disokong oleh payung hukum yang kuat. Asas pembentukannya tidak bercanggah dengan perlembagaan negara dan undang-undang Republik Indonesia lainnya serta sesuai dengan hierarki perundangan yang berlaku. Sementara pada tahapan penjabaran dan pelaksanaannya MPU di sokong oleh *Qanun* dan peraturan lainnya pada peringkat daerah selaku perundangan yang diiktiraf dalam hierarki perundangan Indonesia.

⁵¹ Bab III, Fasal 3-24.

⁵²“Dasar Hukum”, Laman rasmi MPU Aceh, dicapai 10 January 2015 <http://mpu.acehprov.go.id/index.php/page/9/dasar-hukum>.

4.4. Status Organisasi MPU

Untuk dapat menjalankan fungsi sebagaimana yang diharap, Majelis Permusyawaratan Ulama memiliki susunan organisasi yang diatur melalui Qanun mahupun mekanisme dalaman MPU sendiri. Dari segi struktur organisasi, MPU mempunyai struktur yang cukup jelas, demikian juga berkenaan dengan keahlian dalam MPU juga mempunyai syarat-syarat kelayakan dan proses pemilihan tersendiri. Dari segi pentadbiran, MPU memiliki pegawai tadbir dan tatacara bekerja serta penyelenggaraan yang sangat jelas.

4.4.1. Visi Dan Misi MPU

Majelis Permusyawaratan Ulama Aceh selepas pertukaran nama daripada Majelis Ulama Indonesia, memiliki visi dan misi yang tersendiri. Visi dari organisasi Majelis Permusyawaratan Ulama Aceh adalah "*Terwujudnya peran ulama dalam pembangunan berbasis syariat Islam*".⁵³ Dilihat dari segi Visi, MPU memiliki hala tuju dan sasaran yang sangat jelas bahawa pembangunan yang sedang giat dijalankan di Aceh harus dapat dipastikan berlandaskan Syariat Islam. Untuk memastikan pembangunan yang berlandaskan Syariat tercapai, ulama mesti memainkan peranannya.

Berasakan kepada Misi di atas, MPU membawa misi untuk ikut terbabit secara langsung dalam batas kewenangan yang mereka miliki sama ada pada tahap persiapan mahupun melakukan pengawasan pada tahap akhir suatu proses pembangunan yang berjalan di Aceh. Pada tahapan perancangan suatu polisi di Aceh, MPU memiliki misi untuk memberi masukan, pertimbangan, bimbingan, nasihat, dan saranan dalam penentuan kebijakan daerah, serta pemantauan terhadap pelaksanaan kebijakan daerah. Pada tahapan berikutnya, MPU memiliki misi untuk melakukan pengawasan terhadap penyelenggaraan pemerintahan, kebijakan daerah berdasarkan syariat Islam. Selain

⁵³“Visi dan Misi MPU”, Laman rasmi MPU, dicapai 26 November 2014 <http://mpu.acehprov.go.id/index.php/page/2/visi-dan-misi>.

daripada itu MPU juga memiliki misi untuk menetapkan fatwa. Dalam hal penyusunan Qanun, MPU membawa misi untuk menggagas dan berperanan sama ada dalam penyusunan mahupun pengawasan terhadap Qanun.

Dalam aspek pelaksanaan Syariat Islam, MPU selalu berusaha untuk menggalakkan pelaksanaan Syariat Islam dalam setiap sendi kehidupan masyarakat dan mencegah berlakunya perbuatan mungkar. Untuk menjamin peranannya berlangsung secara berterusan, MPU akan mempersiapkan sumber manusia dalam bidang keulamaan dan melakukan penyelidikan, pengembangan, penterjemahan, penerbitan dan pendokumentasian terhadap naskhah-naskhah yang berkenaan dengan syariat Islam.⁵⁴

4.4.2. Fungsi, Kewenangan dan Tugas MPU

Merujuk kepada undang-undang No. 11 tahun 2006 tentang Pemerintahan Aceh, MPU berfungsi untuk menetapkan fatwa yang dapat menjadi salah satu pertimbangan terhadap kebijakan pemerintahan daerah⁵⁵ dalam bidang pemerintah, pembangunan, pembinaan masyarakat, dan ekonomi.⁵⁶

Fungsi ini kemudian dijelaskan secara lebih terperinci dalam *Qanun* Aceh No. 2 tahun 2009. Dalam *Qanun* ini dinyatakan bahawa MPU mempunyai dua buah fungsi. Fungsi pertama adalah: memberikan pertimbangan⁵⁷ terhadap kebijakan daerah, meliputi bidang pemerintahan, pembangunan, ekonomi, sosial budaya dan kemasyarakatan. Kedua adalah untuk memberikan nasihat dan bimbingan kepada masyarakat berdasarkan ajaran Islam.⁵⁸

⁵⁴ *Ibid.*

⁵⁵ Kebijakan Daerah adalah kebijakan yang bersifat mengatur penyelenggaraan pemerintahan, pembangunan dan pembinaan masyarakat yang dituangkan dalam Qanun Aceh dan Peraturan Gubernur. Lihat Lihat fasal 1 (p) keputusan Majelis Permusyawaratan Ulama Aceh No. 6 tahun 2012 tentang Tata tertib Majelis Permusyawaratan Ulama Aceh.

⁵⁶ Lihat fasal 139 Undang-undang Republik Indonesia No. 11 tahun 2006 tentang Pemerintahan Aceh.

⁵⁷ Pertimbangan adalah pokok-pokok fikiran MPU yang berhubungan dengan kebijakan daerah yang disampaikan secara bertulis. Fasal 1 (22) Qanun No. 2 tahun 2009.

⁵⁸ Lihat Fasal 4 Qanun Aceh No. 2 tahun 2009 tentang MPU.

Berasaskan fungsi yang telah disebutkan, maka kewenangan yang dimiliki oleh MPU mengikut Undang-undang Republik Indonesia No. 11 tahun 2006 tentang Pemerintahan Aceh adalah: memberikan Fatwa, baik diminta ataupun tidak diminta terhadap persoalan pemerintahan, pembangunan, pembinaan masyarakat dan ekonomi. Selain itu, MPU juga berwenang untuk memberikan arahan terhadap perbezaan pendapat pada masyarakat dalam masalah keagamaan.⁵⁹

Fungsi ini juga dijabarkan dalam *Qanun* no. 2 tahun 2009 tentang MPU. Berasaskan kepada *Qanun* ini, kewenangan MPU adalah menetapkan Fatwa⁶⁰ terhadap masalah pemerintahan, pembangunan, ekonomi, sosial budaya dan kemasyarakatan,⁶¹ bukan hanya sekadar memberikan fatwa sebagaimana termaktub dalam UU no. 11 tahun 2006. *Qanun* No. 2 tahun 2009 juga lebih memperhalus berkenaan dengan perkara arahan terhadap perbezaan pendapat. Dalam perkara ini, wewenang MPU diperincikan dengan kewenangan memberi arahan terhadap perbezaan pendapat dalam masalah keagamaan, sama ada berlaku sesama umat Islam mahupun antar umat beragama lainnya.⁶²

Adapun berkenaan dengan tugas-tugas, MPU mempunyai empat tugas utama sebagai berikut:

Pertama: memberikan masukan, pertimbangan, dan saranan kepada pemerintah Aceh dan DPRA dalam menetapkan kebijakan berdasarkan Syari'at Islam.

Kedua: melakukan pengawasan terhadap penyelenggaraan pemerintahan, kebijakan daerah berdasarkan syari'at Islam.

⁵⁹ Lihat fasal 140 (1 dan 2) Undang-undang Republik Indonesia No. 11 tahun 2011.

⁶⁰ Fatwa adalah keputusan MPU yang berhubungan dengan Syari'at Islam terhadap masalah pemerintahan, pembangunan, ekonomi, sosial budaya dan kemasyarakatan. Fasal 1 (21) *Qanun* No. 2 tahun 2009.

⁶¹ Lihat fasal 5 (1a), *Qanun* Aceh No. 2 tahun 2009.

⁶² Lihat Fasal 5 (1b), *Qanun* Aceh No. 2 tahun 2009.

Ketiga, melakukan penyelidikan, pengembangan, penterjemahan, penerbitan, dan pendokumentasian terhadap naskhah-naskhah yang berkenaan dengan syariat Islam.

Keempat, melakukan *pengkaderan* ulama.⁶³

Dari pembahasan ini dengan jelas dapat diketahui bahawa fungsi, wewenang dan tugas MPU dapat dikatakan sangat spesifik dan menyentuh segala sendi kebijakan yang akan diambil oleh pemerintah Aceh mahupun institusi pemerintah *vertikal*⁶⁴ yang berada di daerah Aceh.

Fungsi, kewenangan dan tugas MPU ini kemudian dirumuskan ke dalam visi dan misi MPU dengan tujuan utama adalah wujudnya peranan ulama dalam pembangunan di Aceh yang berasaskan kepada Syariat Islam. Untuk tahap pelaksanaan, MPU menetapkan misi mereka adalah untuk memberi masukan, bimbingan, nasihat dan saranan dalam penentuan polisi di Aceh. Selain itu, MPU juga memiliki misi untuk mengawasi penyelenggaraan pemerintahan di Aceh supaya menepati kehendak syariat. Cara yang ditempuh adalah sama ada dengan mengeluarkan fatwa atau terbabit secara langsung dalam penyusunan Qanun serta mengawal jalannya pemerintahan.

Berasaskan kepada fungsi, kewenangan dan tugas yang dimiliki, sejak dari tahun 2009 sampai dengan tahun 2014, MPU telah berjaya menghasilkan berbagai *output* kerja, sama ada dalam bentuk fatwa mahupun *taushiyah*⁶⁵ yang berkaitan dengan pelbagai masalah yang dihadapi dalam kehidupan sebagaimana dapat dilihat dalam jadual dibawah ini.

⁶³ Lihat Fasal 6 (1a, b, c, d) Qanun Aceh No. 2 tahun 2009

⁶⁴ Institusi Vertikal adalah institusi pemerintahan yang tidak berada di bawah kewenangan gabenor Aceh akan tetapi bertanggung jawab langsung kepada pemerintah pusat Jakarta, seperti Jawatan Agama Islam di bawah Kementerian Agama, Kehakiman, Polis, Tentera dan lain-lain.

⁶⁵ Tausiyah adalah pesan-pesan yang bernilai Syar'i. Lihat fasal 1 (o) keputusan Majelis Permusyawaratan Ulama Aceh No. 6 tahun 2012 tentang Tata tertib Majelis Permusyawaratan Ulama Aceh. Tausiyah dapat dalam bentuk tazkirah, pernyataan sikap, seruan ataupun sumbangan pemikiran.

Jadual 4.1: Output kerja MPU dari tahun 2009-2014

No	Jenis	Tentang	Jumlah	Total
1	Fatwa	Hukum Keluarga	3	
		Keamanan/ Keganasan	1	
		Aqidah/Aliran Pemikiran	7	
		Ekonomi dan Zakat	7	
		Makanan dan Kesihatan	6	
		Sosial kemasyarakatan	3	
		Politik/ Pemerintahan	3	
2	Taushiyah	Keharmonian Masyarakat	1	
		Pelaksanaan Syariat	2	
		Akhlakul Karimah	1	
		Pilihan Raya	1	
		Hubungan Ulama Umara	1	
		Perayaan	2	
		Dadah	1	

Sumber: Dari pelbagai hasil kerja MPU

Melihat hasil kerja MPU selama 5 tahun dari 2009 sampai 2014, maka rata-rata setiap tahunnya MPU mengeluarkan 6 fatwa dan 1.8 dalam bentuk taushiyah. Dengan demikian, untuk satu fatwa memerlukan waktu kurang lebih dua bulan. Hasil ini cukup masuk akal kalau dilihat proses terbitnya suatu fatwa dan prinsip berhemah yang diamalkan oleh MPU. Akan tetapi jika melihat kepada perkembangan semasa maka jumlah ini masih terasa kurang kerana permasalahan dalam kehidupan selalu berkembang dengan begitu pantas.

4.4.3. Status Keahlian dalam MPU

Dalam ketentuan umum Qanun Aceh No. 2 tahun 2009 tentang Majelis Permusyawaratan Ulama dan Undang-undang No. 11 tahun 2006 dinyatakan bahawa, Majelis Permusyawaratan Ulama Aceh adalah suatu Majelis yang berahlikan para ulama dan cendekiawan Islam dengan memberi ruang kepada adanya wakil pihak perempuan

dalam ahli jawatankuasanya.⁶⁶ Sementara kedudukan Majelis Permusyawaratan Ulama Aceh adalah merupakan “*mitra kerja*”⁶⁷ atau rakan sekerja pemerintah Aceh dan Dewan Perwakilan Rakyat Aceh.⁶⁸

Ulama yang dimaksud sebagai ahli MPU adalah tokoh yang dapat dijadikan sebagai teladan oleh masyarakat, memiliki integriti moral dan memahami secara mendalam ajaran Islam dari al-Quran dan Hadis serta mengamalkannya.⁶⁹ Sementara cendekiawan pula adalah para ilmuwan Islam yang mempunyai integriti moral dan memiliki kepakaran tertentu secara mendalam serta mengamalkan ajaran Islam.⁷⁰

Berasaskan kepada peruntukan *Qanun* ini, dapat diketahui bahawa ahli MPU terdiri dari dua golongan, iaitu: golongan ulama dan golongan cendekiawan. Dari segi keilmuan disyaratkan mampu memahami secara mendalam ajaran Islam dari sumber asal. Sementara cendekiawan disyaratkan memiliki kepakaran keilmuan tertentu. Selain itu, ulama dan cendekiawan kedua-duanya disyaratkan mesti memiliki integriti moral dan mengamalkan ajaran Islam dalam kehidupan seharian.

Secara struktur, organisasi MPU terdiri atas: Majelis Syuyukh, Pimpinan, Komisi, Panitia Musyawarah (Panmus)⁷¹, Badan autonom⁷² dan Panitia Khusus.⁷³ Majelis

⁶⁶ Fasal 138 (1), Undang-undang Republik Indonesia No. 11 tahun 2006.

⁶⁷ Maksud dari perkataan “mitra” kerja adalah kebersamaan dan kesejajaran dalam pemberian pertimbangan yang berkaitan dengan kebijakan dan penyelenggaraan pemerintahan Aceh. Sila rujuk penjelasan Fasal 138, poin 3. Undang-undang No. 11 tahun 2006 tentang Pemerintah Aceh. Kesetaraan juga bermaksud kesamaan hak dengan pemerintah dan dewan undangan negeri dalam menetapkan kebijakan dan perundangan serta ketentuan-ketentuan lain yang berlaku di Aceh sesuai dengan Syari’at Islam. Mursyidin, *Membuat Syariat Islam Bekerja: MPU dan Peranannya dalam Pembentukan Qanun Jinayat di Aceh* (Langsa: Zawiyah Serambi Ilmu Pengetahuan, 2105), 5.

⁶⁸ Lihat Fasal 138 (3) Undang-undang No. 11 tahun 2006 dan Fasal 1 (10) Qanun Aceh No. 2 tahun 2009.

⁶⁹ Lihat Fasal 1 (12) Qanun Aceh No. 2 tahun 2009.

⁷⁰ Lihat Fasal 1 (13) Qanun Aceh No. 2 tahun 2009.

⁷¹ Merupakan alat kelengkapan MPU yang bersifat tetap, ditubuhkan pada masa awal penggal jawatan pimpinan MPU. *Panmus* juga merupakan forum pertimbangan sebelum suatu keputusan dibuat oleh MPU. Ahli *Panmus* terdiri dari pimpinan MPU, ketua komisi dan ahli-ahli MPU lainnya yang berjumlah paling banyak 15 orang. Lihat Fasal 18 dan 19 Qanun Aceh No. 2 tahun 2009.

⁷² Jawatan Khas yang dibentuk oleh pimpinan MPU untuk menangani masalah-masalah yang bersifat khas. Jawatan ini bersifat kekal terdiri dari Lembaga Pengkajian Pangan Ubat-ubatan dan Kosmetik (LPPOM), Badan Kajian Hukum dan Perundangan serta lain-lain yang dianggap perlu seperti Muslimat MPU. Fasal 28 Qanun Aceh No. 2 tahun 2009.

⁷³ Lihat Fasal 7 (1) Qanun Aceh No. 2 tahun 2009

Syuyukh adalah lembaga kehormatan yang berfungsi memberi pertimbangan dan nasihat kepada pimpinan MPU.⁷⁴ Ahli Majelis Syuyukh adalah terdiri dari ulama karismatik yang bukan ahli MPU,⁷⁵ berjumlah sebanyak-banyaknya 9 (sembilan) orang yang ditetapkan dengan keputusan MPU.⁷⁶

Majelis Permusyawaratan Ulama Aceh dipimpin oleh seorang ketua dan didampingi oleh tiga orang timbalan ketua yang bersifat kolektif⁷⁷ atau berkumpul dalam mengambil keputusan. Ketua dan naibnya dipilih dari kalangan ahli MPU oleh ahli itu sendiri dalam sebuah rapat khas yang diberi nama dengan *paripurna* khas⁷⁸ untuk memilih ketua dan naibnya. Ketua dan naib ketua terpilih yang kemudian disebut dengan pimpinan MPU ditetapkan dengan surat keputusan Gubernur dan dirasmikan dengan mengangkat sumpah dalam rapat paripurna istimewa dengan disaksikan oleh ketua Mahkamah Syar'iyah Aceh.⁷⁹

Untuk dapat menjadi pimpinan MPU, seorang calon harus memenuhi syarat-syarat berikut: Warga negara Indonesia, setia kepada Pancasila dan UUD 1945, bertakwa kepada Allah, sihat jasmani dan rohani, berintegriti dan berakhlak mulia, usia minimum 40 tahun, berlaku adil terhadap semua golongan umat Islam, mampu memahami ajaran Islam dari sumber asal dan menjadi penduduk Aceh selama 2 tahun terakhir.⁸⁰ Sementara satu penggal masa kerja adalah selama 5 tahun dan dapat dipilih kembali untuk penggal

⁷⁴ Lihat Fasal 8 (1) Qanun Aceh No. 2 tahun 2009. Maksud dari kolektif adalah setiap keputusan yang diambil mesti dibuat oleh semua pimpinan, ketua MPU dan naibnya, tidak boleh membuat keputusan secara persendirian.

⁷⁵ Ahli Majelis Syuyukh dilantik daripada ulama yang berkarisma atau ulama yang disegani di tengah-tengah masyarakat, akan tetapi ia tidak di utus sebagai perwakilan daerah untuk menjadi ahli MPU sehingga disifatkan sebagai bukan ahli MPU. Majelis Syuyukh berperanan sebagai tempat ketua MPU meminta nasihat dan pandangan dalam kes tertentu. Untuk menjaga sifat kebebasan dalam memberi pandangan hubungan Majelis Syuyukh dengan MPU adalah hubungan pembinaan sahaja. Jumlah mereka maksimum 9 orang akan tetapi biasanya ditetapkan seramai 5 orang .

⁷⁶ Lihat Fasal 8 (2) Qanun Aceh No. 2 tahun 2009

⁷⁷ Lihat Fasal 10 (1) Qanun Aceh No. 2 tahun 2009

⁷⁸ Sidang yang melibatkan seluruh ahli MPU dengan tujuan menetapkan ketua MPU. Sila rujuk Bab VIII, fasal 38 (1), Qanun No. 2 tahun 2009.

⁷⁹ Lihat fasal 10 (3, 4) Qanun Aceh No. 2 tahun 2009

⁸⁰ Fasal 30 Qanun Aceh No. 2 tahun 2009.

berikutnya.⁸¹ Dalam acara-acara resmi kerajaan, pimpinan MPU mendapat tempat duduk yang sejajar dengan gabenor dan juga berhak mendapat penghormatan sesuai dengan yang diberikan kepada pegawai rasmi kerajaan.⁸²

Ketua MPU terpilih bertanggung jawab memimpin seluruh kegiatan MPU.⁸³ Dalam hal ketua MPU berhalangan, maka tanggung jawab dilaksanakan oleh naib ketua yang ditentukan berasas kepada hasil musyawarah pimpinan secara kolektif.⁸⁴

Naib ketua menyelia bidang-bidang tertentu yang menjadi bidang seliaannya. Naib ketua I menyelia bidang fatwa dan kajian perundang-undangan.⁸⁵ Naib ketua II menyelia bidang pendidikan, penyelidikan dan pengembangan serta ekonomi umat.⁸⁶ Sementara Naib ketua III menyelia bidang dakwah, pemerksaan keluarga dan generasi muda.⁸⁷ Selain tugas-tugas seliaan di atas, Naib ketua juga melaksanakan tugas-tugas lain yang diberikan oleh ketua MPU Aceh.⁸⁸

Dari segi asal keahlian, ahli-ahli MPU berasal dari utusan Aceh yang juga disebut dengan utusan provinsi dan utusan kabupaten/kota. Calon ahli MPU utusan Aceh ditetapkan oleh MPU dengan mempertimbangkan kelayakan dan tempat tinggal. Mereka kemudian dipilih melalui Musyawarah Besar Ulama yang diikuti oleh seluruh pimpinan MPU Aceh, utusan MPU Kabupaten/Kota masing-masing 2 orang dan seluruh calon anggota MPU sebanyak-banyaknya 3 kali jumlah yang dipilih.⁸⁹ Adapun tahapan-tahapan pemilihan dan proses pemilihan secara lebih terperinci akan diperhalusi dan ditentukan dalam tata tertib Musyawarah Besar Ulama Aceh.

⁸¹ Fasal 31 Qanun Aceh No. 2 tahun 2009.

⁸² Fasal 34 dan 35 Qanun Aceh No. 2 tahun 2009

⁸³ Lihat fasal 11 (1) Qanun Aceh No. 2 tahun 2009.

⁸⁴ Lihat fasal 11 (2) Qanun Aceh No. 2 tahun 2009.

⁸⁵ Lihat fasal 11 (3) Qanun Aceh No. 2 tahun 2009.

⁸⁶ Lihat fasal 11 (4) Qanun Aceh No. 2 tahun 2009.


⁸⁷ Lihat fasal 11 (5) Qanun Aceh No. 2 tahun 2009.

⁸⁸ Lihat fasal 11 (6) Qanun Aceh No. 2 tahun 2009.

⁸⁹ Fasal 16 (1,2,3) Qanun Aceh No. 2 tahun 2009.

Struktur organisasi MPU lebih jelas sebagaimana terlihat dalam gambar struktur berikut yang di ambil dari lampiran *Qanun Aceh* tentang MPU:

Rajah 4.1: Struktur Organisasi Majelis Permusyawaratan Ulama



Sumber: Qanun Aceh No. 2 tahun 2009

Dari struktur di atas dapat diketahui bahawa ketua dan wakil ketua bersifat satu kesatuan (*collegial*) dan menjaga bidang masing-masing. Secara amnya ketua MPU melakukan konsultasi dengan *Majelis Syuyukh* yang digambarkan dengan garisan putus-putus yang membawa makna penyelarasan. Sementara terhadap komisi, panitia Musyawarah, Badan Autonom dan Panitia Khas, ketua MPU memiliki kewenangan untuk memberi arahan dan perintah yang digambarkan melalui garisan bersambung.

Merujuk kepada hasil Musyawarah Besar ulama Aceh yang diadakan pada 26-29 Mac 2012 dan kemudian ditetapkan oleh Keputusan Gabenor Aceh,⁹⁰ MPU Aceh masa khidmat 2012-2017 dipimpin oleh:

1. Drs. Tgk. H. Gazali Mohd. Syam sebagai ketua,
2. Prof. Dr.Tgk. H. Muslim Ibrahim, MA sebagai naib ketua satu,
3. Tgk. H. Daud Zamzamy sebagai naib ketua dua, dan
4. Tgk. H. Faisal Ali sebagai naib ketua tiga.

Selain itu juga ditetapkan 43 orang sebagai anggota MPU sebagai berikut:

1. Drs. H.M. Ali Wari,
2. Tgk. H. Marhaban Adnan,
3. Dr. Hj. Nurjannah Ismail, M. Ag,
4. Tgk. H. Muhammad Nuruzzahri,
5. Prof. Dr. Tgk. H. Azman Ismail, MA,
6. Dr. Tgk. Muhibbuththabari, MA,
7. Prof. Dr. H. Alyasa' Abu Bakar, MA,
8. Prof. Dr. H. Warul Walidin, AK, MA,
9. Tgk. H. Hasanoel Basri, HG ,
10. Tgk. Syarifuddin, MA,
11. Dr. H. Syamsul Rijal, MA,
12. Tgk. H. Buchari Husni, MA
13. Dra. Hamdiah A. Latief, MA,
14. Drs. Tgk. Zulkifli Dayyan,
15. Dra. Salami Mahmud, MA,

⁹⁰ Keputusan Gubernur Aceh No. 451.7/465/2012 tentang Penetapan Pengurus Majelis Permusyawaratan Ulama Aceh Periode 2012-2017.

16. Drs. Tgk. H, Jamaluddin Waly,
17. Tgk. Hasbi Al-Bayuni,
18. Drs. Tgk. H. Muhammad Ismi, Lc,
19. Dra. Hj. Tri Qurnati, MA,
20. Tgk. H. Amin Keumala,
21. Tgk. H. Syukri Daud, BA (wakil Banda Aceh),
22. Tgk. M. Amin Kadmi, BA (wakil Kota Sabang),
23. Tgk. Ibrahim Hasyem Samahani (wakil Aceh Besar),
24. Tgk. H. Mustaffa Habli, Lc (wakil Aceh Barat),
25. Drs. H. Mahmud Ibrahim (wakil Aceh Tengah),
26. Tgk. Busairi Yahya (wakil Bireuen),
27. Tgk. H. Marhaban Husni (wakil Aceh Tenggara),
28. Drs. Tgk. H. Mukhtar Wahab (wakil Pidie),
29. Tgk. H. M. Yunus Adami (wakil Aceh Utara),
30. Tgk. H. Zulkarnain Juned (wakil Lhokseumawe),
31. Tgk. H. M. Daud Al-Yusufi (wakil Aceh Selatan),
32. Ustaz. H. Kasman Chaniago (wakil Aceh Singkil),
33. Tgk. Alamsyah, S. Ag (wakil Simeulue),
34. Tgk. Abu Yazid Al-Yusufi (wakil Abdya),
35. Tgk. Ziauddin (wakil Aceh Tamiang),
36. Tgk. H. Asnawi (wakil Aceh Jaya),
37. H. Budiman, BA (wakil Bener Meriah),
38. Tgk. Amiruddin (wakil Gayo Luwes),
39. Tgk. Samidan (wakil Kota Langsa),
40. Tgk. Ramli Elma (wakil wakil Nagan Raya),
41. Drs. Abd. Razak Naufal (wakil Kota Subulussalam),

42. Tgk. H. Abdullah Ibrahim (wakil Pidie Jaya) dan

43. Tgk. H. Abdullah Rasyid (wakil Aceh Timur).

Penama yang namanya disenaraikan dari nombor 1 (satu) sampai dengan nombor 20 (dua puluh) merupakan wakil dari Provinsi Aceh, sementara selebihnya merupakan wakil setiap wilayah yang ada di Aceh.

Merujuk kepada senarai nama-nama ahli MPU, dapat dilihat bahawa hampir kesemua nama yang disenaraikan adalah mewakili unsur ulama. Sementara jika melihat kepada institusi asal ahli MPU, maka penama nombor 1, 3, 5, 6, 7, 8, 11, 13, 15 dan 19 dapat dianggap sebagai cendekiawan kerana berasal dari kampus universiti atau juga disebut dengan istilah ulama intelektual.⁹¹ Ada juga di antara mereka yang dapat dikategorikan sebagai ulama sekaligus sebagai cendekiawan kerana diakui sebagai intelektual dan juga disegani sebagai ulama seperti penama no. 2, 5 dan 7. Hal ini kerana Cendekiawan yang dimaksud dalam Qanun No. 2 tahun 2009 adalah ilmuwan muslim yang mempunyai *integrity* moral dan memiliki kepakaran tertentu secara mendalam serta mengamalkan ajaran Islam.⁹² Dari senarai nama ahli-ahli MPU juga dapat terlihat unsur dari kalangan perempuan: Dr. Hj. Nurjannah, Dra. Hamdiah A. Latif dan Dra. Salami Mahmud.

Status keahlian dalam MPU dapat terhenti kerana disebabkan oleh kematian, menarik diri, bertempat tinggal di luar daerah Aceh dan kerana sebab-sebab lain yang sah menurut pandangan syara'.⁹³

⁹¹ Ulama intelektual adalah ulama yang menguasai ilmu-ilmu umum selain ilmu agama. Syukri, *Ulama Membangun Aceh, Kajian tentang Pemikiran, Peran Strategis, Kiprah dan Kesungguhan Ulama dalam Menentukan Kelangsungan Pembangunan dan Pengembangan Syari'at Islam di Aceh* (Medan: IAIN Press, 2012), 71.

⁹² Fasal 1 (13) Qanun No. 2 tahun 2009.

⁹³ Fasal 32 Qanun Aceh No. 2 tahun 2009.

4.4.4. Pentadbiran (Sekretariat) MPU

Dalam rangka melicinkan tugas, fungsi dan kewenangan, MPU dibantu oleh sebuah sekretariat sebagai pelaksana segala proses pentadbiran dan kewangan yang diperlukan oleh MPU. Sekretariat MPU adalah merupakan unsur staf yang melayani MPU dalam rangka melaksanakan tugas dan kewajibannya.⁹⁴ Sekretariat MPU dipimpin oleh seorang sekretaris (setiausaha) MPU yang bertanggung jawab kepada pimpinan MPU dan secara pentadbiran ia diarahkan oleh setia usaha negeri (Sekretaris Daerah/ SEKDA).⁹⁵

Tugas utama dari Sekretariat MPU adalah melaksanakan kegiatan dalam urusan umum, kewangan, persidangan, urusan rumah tangga MPU, hubungan dengan masyarakat dan protokol, hukum dan perundangan dalam lingkungan sekretariat MPU dan melakukan koordinasi dengan pemerintah Aceh.⁹⁶

Sementara untuk melaksanakan tugas sebagaimana termaktub dalam fasal 210, sekretariat MPU mempunyai fungsi sebagai pelaksana kegiatan kesetiausahaan sekretariat MPU, penyusunan program kerja tahunan dan jangka menengah serta jangka panjang, penyiapan keperluan mesyuarat MPU, menyiapkan keperluan tugas MPU dan pelaksanaan urusan keamanan dalam lingkungan sekretariat dan perjalanan Dinas Pimpinan dan anggota MPU.⁹⁷

Untuk melaksanakan fungsi-fungsi sebagaimana termaktub dalam fasal 211, Sekretariat MPU diberikan wewenang untuk: a. melaksanakan koordinasi, integrasi dan sinkronisasi dalam penyelenggaraan kegiatan sekretariat MPU. b. Menelaah dan mengkoordinasi penyiapan perumusan kebijakan pimpinan MPU. c. Melakukan kegiatan

⁹⁴ Fasal 209 (1) Qanun Aceh No. 5 tahun 2007 tentang Susunan Organisasi dan Tata kerja Dinas, Lembaga Teknis Daerah dan Lembaga Daerah Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam.

⁹⁵ Lihat fasal 209 (2), Qanun Aceh No. 5 tahun 2007.


⁹⁶ Lihat Fasal 210 Qanun Aceh No. 5 tahun 2007.

⁹⁷ Lihat Fasal 211 (a, b, c, d, e) Qanun No. 5 tahun 2007

kesetiausahaan, kepegawaian, kewangan, hubungan masyarakat dan protokol, hukum dan perundang-undangan serta perlengkapan MPU. d. Menyiapkan keperluan persidangan dan membuatkan risalah mesyuarat-mesyuarat yang di adakan MPU. e. Memelihara dan membina keamanan serta ketertiban di lingkungan MPU. f. Melaksanakan tugas-tugas pejabat lainnya yang diberikan oleh pimpinan MPU.⁹⁸

Untuk lebih jelasnya struktur Sekretariat MPU Aceh, silah lihat rajah organisasi ini sebagai mana diambil dari peraturan Gabenor Aceh nombor 33 tahun 2008 sebagai berikut:

Rajah 4.2: Susunan organisasi dan tata kerja sekretariat MPU Aceh



Sumber: Lampiran Keputusan Gabenor Aceh No. 33 tahun 2008

⁹⁸ Lihat Fasal 212 (a, b, c, d, e dan f) Qanun No. 5 tahun 2007

4.5. Kedudukan dan Hubungan MPU Dengan Institusi Pemerintahan di Aceh

Pemerintah Aceh dalam menjalankan roda pemerintahan memiliki pelbagai institusi atau agensi pemerintahan untuk melicinkan tugas yang dijalankan. Agensi-agensi pemerintah di Aceh ada yang berstatus di bawah seliaan gabenor dan ada juga yang langsung dibawah kendali pemerintah pusat. Namun demikian semua agensi ini adalah untuk menjaga kemaslahatan masyarakat Aceh. Dengan demikian perlu untuk menjalin hubungan dengan pelbagai agensi pemerintahan ini untuk memastikan segala kewenangan, fungsi dan tugas MPU berjalan dengan baik dalam pemerintahan.

4.5.1. Kedudukan dan Hubungan MPU dengan Agensi Pemerintah di Aceh

MPU merupakan salah satu dari lembaga keistimewaan dalam sistem pemerintahan Aceh. Dalam menjalankan tugas dan fungsinya terhadap institusi pemerintahan yang lain, MPU mempunyai aturan tersendiri yang diatur dalam *Qanun* Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam. Hubungan yang diatur adalah mekanisme hubungan fungsional antara MPU dengan badan eksekutif, legislatif dan instansi lainnya yang berkaitan dengan fungsi dan tugas MPU dalam penentuan kebijakan daerah.⁹⁹ Hal ini untuk saling menjaga dan menciptakan suasana harmoni antara sesama institusi pemerintahan di Aceh.

Selain pelaksana pemerintahan Aceh yang terdiri dari Eksekutif dan Dewan Perwakilan Rakyat Aceh (DPRA), serta mahkamah di peringkat Negeri, di Aceh juga ada institusi yang berada langsung di bawah kendali pemerintah pusat Jakarta. Institusi-institusi ini dikenali dengan nama institusi vertikal. Institusi vertikal ini bertanggung jawab langsung kepada pimpinan mereka yang beribu pejabat di Jakarta, dan hanya melakukan penyelarasan kerja (koordinasi) dengan pihak pemerintah Aceh.

⁹⁹ Fassal 1 (8), Qanun Aceh No. 9 tahun 2003.

Sesuai dengan pentakrifan yang diberi dalam *Qanun* Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam No. 9 tahun 2003 tentang Hubungan Tata kerja Majelis Permusyawaratan Ulama Dengan Eksekutif, Legislatif dan Instansi lainnya. Instansi vertikal pemerintah pusat di Aceh adalah terdiri dari: Komando Daerah Militer (KODAM) Iskandar Muda, Kepolisian Daerah Aceh (POLDA Aceh) dan Kejaksaan Tinggi Aceh (pendakwa raya).¹⁰⁰

Merujuk kepada *Qanun* ini, MPU berwenang memberikan pertimbangan, saran/fatwa baik diminta mahupun tidak diminta kepada Badan Eksekutif, Legislatif, Kepolisian Daerah Nanggroe Aceh Darussalam, Kejaksaan, KODAM Iskandar Muda dan lain-lain Badan/Lembaga pemerintah lainnya.¹⁰¹

Dalam *Qanun* No. 9 ini juga diatur dengan sangat terang hubungan antara MPU dengan institusi pemerintah lainnya. Dalam kaitannya dengan eksekutif, MPU merupakan *mitra kerja (partner)* Badan Eksekutif dalam penentuan kebijakan daerah terutama sekali yang berhubung kait dengan masalah Syari'at Islam.¹⁰² Sebagai rakan kerja, MPU berkewajiban untuk memberikan masukan, pertimbangan dan saranan kepada Badan Eksekutif dalam mereka merumuskan dan menjalankan kebijakan daerah sama ada dalam bidang pemerintahan, pembangunan, kemasyarakatan dan tatanan hukum serta tatanan ekonomi Islam.¹⁰³

Sebagai hubungan timbal balik antara kedua institusi, Badan Eksekutif dalam menjalankan kebijakan Daerah berkewajiban untuk menempatkan MPU sebagai institusi berkecuali dan rakan kongsi sedarjat terutama yang berkenaan dengan bidang syariah Islam. Selain itu, juga berkewajiban untuk meminta masukan, pertimbangan dan saranan MPU dalam menjalankan kebijakan. Sementara dalam hal fatwa yang dikeluarkan oleh

¹⁰⁰ Bab 1, Fasal 7 *Qanun* Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam Nomor 9 tahun 2003 tentang Hubungan Tata Kerja Majelis Permusyawaratan Ulama dengan Eksekutif, Legislatif dan Instansi lainnya.

¹⁰¹ Bab II, Fasal 2, *Qanun* Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam Nomor 9 tahun 2003 tentang Hubungan Tata Kerja Majelis Permusyawaratan Ulama dengan Eksekutif, Legislatif dan Instansi lainnya.

¹⁰² Lihat Fasal 3 (1) *Qanun* Aceh No. 9 tahun 2003.

¹⁰³ Lihat Fasal 3 (2) *Qanun* Aceh No. 9 tahun 2003.

MPU, Badan Eksekutif wajib mendengarkannya yang berkenaan dengan bidang pemerintahan, pembangunan, kemasyarakatan, tatanan hukum dan tatanan ekonomi yang Islami.¹⁰⁴

Sebagaimana dengan Badan Eksekutif, *Qanun* juga mengatur hubungan antara MPU dengan Badan Legislatif dalam menjalankan fungsinya sebagai dewan undangan negeri, perancangan *budget* dan pengawasan kebijakan daerah, terutama dalam bidang syariat Islam. MPU juga berkewajiban untuk memberi masukan, pertimbangan dan saran-saran kepada badan legislatif. Hubungan antara keduanya adalah hubungan timbal balik, di mana satu pihak wajib memberi berkewajiban memberi masukan, sementara di pihak lain wajib meminta masukan dan pertimbangan. Hal ini jelas sebagaimana termaktub dalam fasal 5 *Qanun* Aceh No. 9: Badan Legislatif dalam menjalankan fungsinya yang berkenaan dengan Syari'at Islam wajib meminta masukan, pertimbangan dan saranan dari MPU. Fatwa dan pertimbangan MPU juga wajib diminta dan dipertimbangkan oleh legislatif dalam menjalankan fungsinya dalam bidang legislasi, penganggaran dan pengawasan kebijakan daerah yang berkenaan dengan Hukum Islam.¹⁰⁵

Sementara dengan pihak kepolisian, MPU berkewajiban untuk memberikan pertimbangan dan saranan kepada kepala Kepolisian Aceh dalam melaksanakan kebijakan dalam bidang keamanan, tugas fungsional kepolisian, ketertiban, ketenteraman masyarakat serta dalam bidang Pendidikan Kepolisian. Dari pihak Kepolisian pula wajib untuk memperhatikan/mempertimbangkan apa yang disampaikan oleh MPU dan keduanya tidak saling mengabaikan¹⁰⁶. Polis Aceh juga diwajibkan untuk bekerja sama dengan MPU dalam rangka pendidikan dan pembinaan Kepolisian, khususnya dalam bidang penegakan Syari'at Islam, ketertiban dan ketenteraman masyarakat.¹⁰⁷

¹⁰⁴ Lihat Fasal 4 (1, 2, 3) Qanun Aceh Mo. 9 tahun 2003

¹⁰⁵ Fasal Fasal 5 dan 5 (1,2) Qanun Aceh No. 9 tahun 2003

¹⁰⁶ Sila rujuk Fasal 9 dan 10 Qanun Aceh No. 9 tahun 2009

¹⁰⁷ Sila rujuk Fasal 11, Qanun No. 9 tahun 2009

Selain hubungan dengan badan Legislatif dan Eksekutif serta Kepolisian, Qanun juga mengatur hubungan antara MPU dengan kejaksaan (pendakwa raya). Hubungan antara MPU dengan kejaksaan adalah dalam bidang penuntutan/pendakwaan dan pelaksanaan putusan Peradilan Syariat Islam serta pengawasan terhadap aliran/fahaman sesat. Dalam hal-hal ini, pendakwa raya wajib memperhatikan dengan sungguh-sungguh pertimbangan/Fatwa MPU.¹⁰⁸

MPU juga bekerjasama dengan Komando Daerah Militer (KODAM) Iskandar Muda dan berkewajiban untuk memberikan saranan atau pertimbangan kepada Kodam Iskandar Muda dalam hal penetapan kebijakan dalam bidang pertahanan Provinsi Aceh. Dari pihak KODAM pula, dalam menyelenggarakan kebijakan pertahanan negara di Provinsi Aceh wajib memperhatikan sungguh-sungguh nilai-nilai agama, budaya, adat serta saranan dan Fatwa MPU.¹⁰⁹

Dari pembahasan di atas dengan terang terlihat bagaimana sistem hukum mengatur hubungan yang sepatutnya berlaku antara MPU dengan institusi pemerintahan di Aceh. Sebuah hubungan yang begitu indah dibuat secara jelas untuk menciptakan suatu hubungan yang harmoni antara ulama dengan umara yang meliputi semua elemen pemerintahan.

4.5.2. Kedudukan dan Hubungan MPU Dengan Organisasi Ulama Lain Di Aceh.

Selain Majelis Permusyawaratan Ulama (MPU), di Aceh juga wujud beberapa organisasi keagamaan selain MPU. Organisasi ulama ini sama ada yang kewujudannya hanya khas berada di Aceh sahaja mahupun sebagai cawangan dari organisasi keagamaan yang bersifat kebangsaan.

¹⁰⁸ Lihat Fasal 12, 13 Qanun No. 9 tahun 2003

¹⁰⁹ Lihat Fasal 14, 15 Qanun Aceh No. 9 tahun 2003

Organisasi ulama yang khas dan beribu pejabat di Aceh selain MPU adalah seperti Himpunan Ulama Dayah (HUDA), Rabithah Thaliban Aceh (RTA),¹¹⁰ Inshafuddin¹¹¹ dan Majelis Ulama Nanggroe Aceh (MUNA).¹¹² Selain dari organisasi ulama ini, di Aceh juga ada Nahdhatul Ulama (NU), Muhammadiyah, Hizbut Tahrir, Front Pembebasan Islam (FPI), al-Washliyah, dan lain-lain¹¹³ yang merupakan cawangan dari organisasi keagamaan peringkat kebangsaan .

Dari aspek sejarah, himpunan ulama tertua di Aceh selain MPU adalah persatuan ulama Dayah Inshafuddin. Persatuan ini dinamakan dengan “*Jam’iyyah*” Persatuan Dayah Inshafuddin, kemudian lebih dikenali dengan Inshafuddin. Inshafuddin merupakan organisasi kemasyarakatan yang ahli-ahlinya adalah ulama sekali gus pimpinan Dayah di Provinsi Aceh. Organisasi ini didirikan pada 4 February 1968 di Seulimum Aceh Besar.¹¹⁴

Tujuan utama dari pendirian organisasi ini adalah untuk membina dan mengembangkan Dayah. Selain itu juga sebagai wadah menghimpun segala potensi umat dan menampung semua aspirasi yang muncul dan berkembang di tengah-tengah mereka.¹¹⁵ Selain itu, mengikut Anggaran Dasar disebutkan:

“Persatuan Dayah Inshafuddin bertujuan untuk membentuk umat manusia menjadi hamba Allah yang sedar dan insaf akan kewajipan mengimani, menghayati dan mengamalkan ajaran Islam, guna mendapatkan keselamatan dan kebahagiaan yang hakiki di dunia dan akhirat serta ikut membela dan mempertahankan negara, guna mewujudkan cita-cita bangsa seperti termaktub dalam pembukaan Undang-undang dasar 1945”¹¹⁶.

¹¹⁰ Organisasi santri (pelajar) pondok seluruh Aceh, tidak ada kena mengena dengan pertubuhan di Afghanistan walaupun namanya serupa.

¹¹¹ Himpunan ulama yang berasal dari Dayah Aceh dengan tumpuan utama dalam bidang pendidikan.

¹¹² Organisasi Ulama yang berafiliasi dengan Parti Aceh, Parti yang didirikan oleh mantan pejuang kemerdekaan Aceh.

¹¹³ Yusny Saby, “Persoalan Sosial Keagamaan di Aceh”, (*Hand Out Seminar Nasional Studi Sosiologi Agama dan Persoalan Keagamaan di Aceh*, Fakultas Ushuluddin dan Filsafat UIN Ar-Raniry, Banda Aceh, 20 Ogos 2014), 5

¹¹⁴ <https://dayahinshafuddin.wordpress.com/organisasi/pb-inshafuddin/> dicapai pada 23/2/2015, lihat juga Hasil Muktamar Persatuan Dayah Inshafuddin 1-3 Oktober 2010 di Banda Aceh.

¹¹⁵ *Ibid.*

¹¹⁶ Bab III, Fasal 7, Anggaran Dasar Persatuan Dayah Inshafuddin.

Inshafuddin adalah sebuah organisasi kemasyarakatan yang tidak berafiliasi dengan mana-mana organisasi sosial politik. Asas yang diguna pakai sebagai dasar organisasi adalah Islam. Dari segi Aqidah, secara jelas dinyatakan bahawa Inshafuddin adalah berfahaman Ahlu Sunnah Waljamaah (sunni) dan berpegang kepada mazhab Syafi'i dalam hal ibadah.¹¹⁷

Sementara Himpunan Ulama Dayah (HUDA) merupakan organisasi tempat berhimpun ulama-ulama yang berasal dari Dayah¹¹⁸ di seluruh Aceh. Pencetusan idea terbentuknya HUDA adalah selepas dilakukan acara Zikir Akbar di kompleks Kuburan Syiah Kuala di Banda Aceh pada 14 bulan April tahun 1999.¹¹⁹ Zikir Akbar dilakukan sebagai salah satu usaha untuk mencari jalan keluar dari kemelut konflik antara Aceh dan Jakarta yang tidak berkesudahan.

HUDA berasaskan Islam dengan memegang teguh akidah Ahlu Sunnah Waljama'ah/sunni, bermazhab dengan mazhab Imam Syafi'i dan mazhab lainnya dengan tidak melakukan *talfiq* antara mazhab tersebut.¹²⁰ Tujuan dari penubuhan HUDA adalah untuk memperkukuh silaturahmi antara ulama Aceh untuk dapat membina umat manusia sesuai dengan ajaran Islam melalui pengembangan kegiatan yang bersifat Islam.¹²¹ Peranan yang hendak dicapai HUDA dalam masyarakat adalah memperjuangkan penegakan amar makruf dan nahi mungkar dan tegaknya Syari'at Islam secara kaffah di Aceh.¹²² HUDA membahagikan ahli mereka dalam tiga kategori: ahli biasa, ahli luar biasa dan ahli kehormat. Ahli biasa adalah ulama Aceh yang masih aktif dalam Dayah, ahli luar biasa adalah ulama Aceh yang tidak lagi aktif dalam Dayah, sementara Ahli

¹¹⁷ Bab II, Fasal 4,5 dan 6, Anggaran Dasar Persatuan Dayah Inshafuddin.

¹¹⁸ Sebutan untuk Pondok di Aceh.

¹¹⁹ Sri Suyanta, *Dinamika Peran Ulama Aceh* (Banda Aceh: Ar-Raniry Press, 2008), 107.

¹²⁰ Fasal 3 Anggaran Dasar dan Anggaran Rumah Tangga Himpunan Ulama Dayah.

¹²¹ Fasal 5 Anggaran Dasar dan Anggaran Rumah Tangga Himpunan Ulama Dayah.

¹²² Fasal 10 Anggaran Dasar dan Anggaran Rumah Tangga Himpunan Ulama Dayah.

kehormat adalah orang yang dianggap berjasa kepada HUDA yang ditetapkan oleh pengerusi HUDA.

Kehadiran HUDA tidak terlepas dari keruntuhan rejim pemerintahan Suharto dan datangnya orde reformasi dan kebebasan dalam menyampaikan pendapat. HUDA dapat dikatakan sebagai perwujudan eksistensi ulama berkecuali yang selama ini tidak berapa dominan peranan mereka, sementara MUI dianggap sebagai ulama yang berafiliasi dengan pemerintah.

Menurut Nur Ichwan, keberadaan HUDA tidak berapa disenangi oleh Pemerintah waktu itu kerana menyokong Referendum Aceh. Kesan dari ini adalah, Gabenor Syamsuddin Mahmud tidak menyokong berbagai-bagai agenda besar HUDA pada waktu itu, termasuk rencana pelaksanaan Kongres Rakyat Aceh pada April 2000.¹²³

Sementara itu, Majelis Ulama Nanggroe Aceh yang disingkat dengan MUNA sangat sedikit informasi yang didapat berkenaan dengan institusi ulama ini. Namun demikian dalam web rasmi mereka dengan jelas disebutkan bahawa peranan MUNA adalah sebagai berikut:

Pertama: Sebagai wadah musyawarah ulama, Zu'ama dan cendekiawan muslim dalam mengayomi umat dan pengembangan kehidupan yang Islami. Kedua: sebagai wadah silaturahmi para ulama, zuama dan cendekiawan muslim untuk mengamalkan ajaran Islam dan menggalang ukhuwah Islamiyah. Ketiga: Sebagai wadah yang mewakili umat Islam dalam hubungan dan konsultasi antar umat beragama. Keempat: sebagai pemberi masukan fatwa kepada umat Islam dan pemerintah, baik diminta mahupun tidak diminta.¹²⁴

¹²³ Muhammad Nur Ichwan, "Official Ulama and The Politics of re-Islamization: The Majelis Permusyawaratan Ulama, Shari'atization and Contested Authority in Post-New Order Aceh", *Jurnal of Islamic Studies* 22, Bil. 2 (April, 2011), 196-197

¹²⁴ Dewan Pimpinan Majelis Ulama Nanggroe Aceh, <http://pb-muna-aceh.blogspot.com/2013/01/majelis-ulama-nanggroe-aceh-pb-muna.html>, dicapai pada 16 Mac 2015.

Secara sekali imbas, peranan MUNA adalah serupa dengan peranan MPU dalam sistem pemerintahan Aceh. Bahkan dalam Qanun Wali Nanggroe,¹²⁵ disebutkan bahawa MUNA merupakan salah satu Majelis fungsional Wali Nanggroe dan berada langsung dibawah seliaan Wali Nanggroe.¹²⁶ Keberadaan MUNA juga dapat dianggap sebagai institusi yang ingin menggantikan posisi MPU dalam sistem pemerintahan Aceh, apalagi dengan akan ditubuhkan jawatan Mufti di bawah Wali Nanggroe.

Dari kesemua institusi ulama di atas, hanya MPU sahaja yang secara rasmi memiliki kewenangan dalam sistem pemerintahan di Aceh berasaskan peruntukan undang-undang. Sementara organisasi keagamaan lainnya adalah sebagai pertubuhan kemasyarakatan yang berdaftar. Fungsi mereka adalah sebagai organisasi kemasyarakatan atau organisasi bukan kerajaan yang dapat melakukan pengawasan bahkan memberi tekanan terhadap pemerintah secara tidak rasmi. Sementara dari aspek kewangan dan pentadbiran tidak mendapat sokongan peruntukan secara rutin dari pemerintah.

4.6. Kesimpulan

Dari pembahasan Bab ini, dapat diambil kesimpulan bahawa MPU memiliki status dan kedudukan yang diperakui oleh undang-undang yang berlaku di Indonesia. Kejelasan status ini memberikan suatu kepastian kewenangan kepada MPU untuk melaksanakan peranannya tanpa merasa ragu. Dengan adanya undang-undang yang menaungi peranan MPU, segala hal berkenaan dengan MPU semakin jelas. Termasuk yang berkenaan dengan organisasi MPU itu sendiri, fungsi, wewenang dan tugas-tugas MPU.

¹²⁵ Qanun Aceh No. 8 tahun 2012 tentang Wali Nanggroe adalah sebuah Qanun yang masih dianggap kontroversi oleh pemerintah pusat yang mengatur tentang lembaga kepemimpinan adat yang diharapkan dapat menjadi alat pemersatuan masyarakat.

¹²⁶ Lihat Fasal 8 (1, 2, 3) Qanun Aceh No. 8 tahun 2012 tentang Wali Nanggroe

Dari segi fungsi, tugas, wewenang dan peranan dalam sistem pemerintahan, undang-undang memberi ruang bergerak yang cukup selesa bagi MPU untuk melaksanakan fungsi, wewenang dan tugasnya dalam sistem pemerintahan di Aceh. Demikian juga dari segi kesahan, MPU untuk setakat ini masih merupakan satu-satunya institusi ulama yang diperakui peranannya secara sah dalam pemerintahan Aceh. Besar harapan, MPU tetap menjadi institusi ulama dan mewarnai sistem pemerintahan Aceh yang lebih bercirikan Islam.

Selain itu juga turut diatur berkaitan hubungan MPU dengan agensi kerajaan lainnya sama ada yang bersifat lokal mahupun agensi pemerintah pusat yang menjalankan fungsi pemerintahan di Aceh. Selain daripada itu turut juga dijelaskan tentang tata hubungan antara MPU dengan organisasi keulamaan lain di Aceh.

BAB 5: ANALISIS TERHADAP PERANAN MAJELIS PERMUSYAWARATAN ULAMA DI ACEH

5.1. Pengenalan

Ulama memiliki tempat tersendiri yang utama dalam segala sendi kehidupan masyarakat Aceh. Keberadaan ulama dan institusi mereka telah memainkan peranan untuk memberikan penerangan tentang hukum hakam yang diperlukan oleh masyarakat. Ulama bahkan dianggap sebagai pemilik kata putus terhadap segala permasalahan yang dihadapi masyarakat. Pada sudut pandang yang lain, ulama yang berada dalam institusi keulamaan kerap dianggap pro kepada pemerintah yang berkuasa oleh sesetengah masyarakat. Pada masa berlakunya konflik dengan Jakarta di Aceh, ulama dianggap kurang berpihak kepada pejuang,¹ terutama sekali Gerakan Aceh Merdeka sebelum berlakunya perdamaian Helsinki. Masalah ini berlaku kerana ulama dianggap pemilik usulan autonomi khusus dengan memberikan kepada mereka peranan yang lebih besar dalam sistem pemerintahan ketika proses damai berlangsung.

Ketika fasa-fasa awal para mantan pejuang menguasai pemerintahan Aceh, tampak sekali ulama yang tergabung dalam Majelis Permusyawaratan Ulama tidak berapa diberikan peranan dalam sistem pemerintahan sebagaimana mestinya. Hal ini kemudian memunculkan kelompok ulama yang dianggap sejalan dengan “perjuangan” yang dinamakan dengan MUNA, Majlis Ulama Nanggroe Aceh yang berafiliasi dengan mantan *combatant*. Kumpulan ulama ini kemudian menjadi bahagian atau sayap ulama dalam parti Aceh yang berahlikan ramai bekas gerila Gerakan Aceh Merdeka.

Sementara, kelahiran MPU pada tahap awalnya adalah hasil inisiatif pemerintah terutama sekali pihak pemerintahan tentera di Aceh. Dalam hal ini adalah Panglima Militer Indonesia Wilayah Swatantra Aceh untuk menghalang meluasnya fahaman

¹ Tim Kell, *The Roots of Acehnese Rebellion 1989-1992* (New York: Cornell University, 1995), 77-79.

komunis yang ketika itu berkembang dengan pesat melalui parti komunis Indonesia pada tahun 1965.

Dari segi format institusi, peranan ulama terus berevolusi dari peranan individualistik kepada peranan secara berkumpulan (*jama'i/collegial*). Perubahan peranan ini mengikut kepada perkembangan semasa dan pertimbangan kemaslahatan serta perubahan bidang kepakaran yang terus berkembang.

Dalam bab ini akan dibincangkan berkenaan dengan analisis peranan Majelis Permusyawaratan Ulama di Aceh mengikut kepada pembahasan yang telah di sampaikan dalam bab-bab sebelumnya. Selain daripada itu, pembahasan dalam bab ini juga bertujuan untuk memenuhi objektif dari kajian yang di jalankan. Analisis akan ditumpukan kepada beberapa isu utama bersesuaian dengan landasan teori dan perkembangan semasa. Analisis juga akan dilakukan dengan melihat kepada visi, misi, fungsi, wewenang dan tugas MPU sebagaimana termaktub dalam undang-undang yang berkenaan dengan MPU. Berasaskan kepada ini, nantinya diharapkan dapat menghasilkan sebuah natijah yang komprehensif berkenaan dengan peranan MPU dalam sistem pemerintahan Aceh dari segi konsep teoretikal dan amalannya.

5.2. Asas Peranan MPU Dalam Pemerintahan Aceh

Peranan ulama dalam sistem pemerintahan dari segi asas teori adalah merupakan aplikasi dari konsep *ulū al-Amri*. Sebuah konsep utama dalam al-Quran berkenaan dengan sistem pemerintahan. Konsep ini telah banyak diinterpretasi oleh para mufasir sejak zaman dahulu lagi sampai kepada era terkini.

Bersandarkan kepada pendapat beberapa ulama, Hashim Kamali menyatakan bahawa perintah untuk mentaati para pemimpin dalam ayat yang ia namakan dengan “ayat al-Umara” adalah secara umum. Dari segi politik, ayat ini menunjukkan bahawa

sistem pemerintahan dalam Islam adalah bersifat *collective* dan kekuasaan itu tidak berpusat pada mana-mana satu individu sahaja.²

Berangkat dari konsep pemerintahan *collective* ini, maka ulū al-Amr dalam sebuah pemerintahan adalah para penguasa, ahli-ahli hukum, para ulama, panglima-panglima perang, para pemimpin dan para *zuama*'. Mereka inilah yang diharapkan dapat mengembalikan manusia kepada ajaran dan ketentuan-ketentuan agama yang diajarkan oleh Rasulullah.³ Dengan kata lain, pemerintah merupakan usaha sama antara semua komponen masyarakat yang dianggap berkelayakan untuk mewujudkan kesejahteraan hidup secara bersama.

Namun demikian, sistem pemerintahan yang berasaskan kepada demokrasi menghendaki hanya tiga komponen utama yang menjadi pemerintah sesuai dengan fungsinya masing-masing. Ketiga komponen pemerintah itu atau kuasa negara adalah: Pertama, badan perundangan yang berwenang membuat undang-undang (*rulemaking function*). Kedua adalah eksekutif sebagai pelaksana undang-undang (*application function*) dan ketiga adalah kehakiman yang mengadili terhadap pelanggaran undang-undang (*rule adjudication function*).⁴ Keterlibatan pihak-pihak lain dalam pentadbiran dianggap berada dibawah pemerintah dan hanya sebagai penyokong dalam menjayakan sebuah pemerintah.

Sistem demokrasi yang berlaku di Indonesia terpaksa akur dengan situasi dan keadaan tempatan yang berlaku di Aceh sehingga terjadilah beberapa pengubah suaian, termasuk pengakuan terhadap peranan ulama di Aceh. Hal ini perlu ditegaskan kerana

² Mohammad Hashim Kamali, "The Ruler and Ruled in Islam: A Legal and Historical Perspective", dalam Abdul Munir Yaacob dan Suzalie Mohamad, "*Konsep dan Peranan Ulil Amri di Malaysia*", (Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 2004), xxvi.

³ Nooh Gadot, "Ulil Amri: Takrif dan Konsep", dalam Abdul Munir Yaacob dan Suzalie Mohamad, "*Konsep dan Peranan Ulil Amri di Malaysia*", (Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 2004), 4.

⁴ Lebih lanjut berkenaan dengan pembahagian kekuasaan sila rujuk Miriam Budiarmo, *Dasar-dasar Ilmu Politik* (Jakarta: PT. Gramedia Pustaka Utama, 2003), 151-158.

Indonesia bukanlah negara yang berasaskan Islam, walaupun ia merupakan negara dengan penduduk Islam teramai dan mengakui Islam sebagai salah satu agama rasmi dalam negara.

Budaya dan amalan tempatan ini memberi kesan kepada kedudukan MPU dalam sistem pemerintahan di Aceh, di mana MPU tidak berada dibawah pemerintah dan juga tidak di atas pemerintah. MPU di tempatkan sebagai “mitra” pemerintah.⁵ Diperakui sebagai sebuah institusi yang bertaraf sama dengan komponen pemerintah, dinamakan dengan “mitra sejajar” atau dalam bahasa Inggeris dapat disebut dengan *equal partnership* pemerintah. MPU juga lebih dari setakat institusi konsultasi, akan tapi tidak lebih tinggi dari pemerintah. Hal ini membuat MPU mempunyai kedudukan yang sama taraf dengan pemerintah dari segi struktur pemerintahan. Selain itu, MPU memiliki fungsi undang-undang dalam rangka pengusulan rang undang-undang mahupun ikut bersama dengan Dewan Perwakilan Rakyat Aceh dalam membincangkan rang undang-undang yang akan disahkan, terutama sekali yang berkenaan dengan penerapan hukum syariat Islam.

Walaupun dari segi undang-undang MPU memiliki status yang setara atau sama taraf dengan pemerintah, akan tetapi dalam kehidupan bernegara status ini belum begitu nampak terlihat. Bahkan ada yang menganggap kesetaraan ini tidak mungkin berlaku kerana banyaknya hal yang mesti di urus oleh pemerintah tidak sebanding dengan kerja-kerja dan kepakaran yang tersedia dalam MPU. Selain itu kehadiran ahli MPU untuk membincangkan permasalahan umat juga menjadi permasalahan tersendiri. *Equal partnership* ini dianggap lebih kepada nostalgia masa lalu berkenaan dengan peranan ulama dalam Pemerintahan Aceh. Bentuk kesamaan yang boleh mudah terlihat setakat ini adalah kesamaan dalam acara rasmi, gaji dan elaun serta kemudahan lain yang diterima

⁵ Fasal 138 (3), Undang-undang No. 11 tahun 2006 dan penjelasannya.

oleh ulama.⁶ Namun demikian patut disyukuri, undang-undang telah memberi kewenangan yang begitu besar kepada ulama, tinggal sahaja diusahakan supaya dapat terlaksana dengan baik.

Sementara itu, untuk melaksanakan kerja-kerja dan fungsinya, sebuah institusi memerlukan kepada autoriti atau kewenangan, sehingga apa pun yang dilakukan dan diperbuat selain memiliki kekuatan hukum atau dianggap sah juga berautoriti. Autoriti ini juga menjadi topik utama pembahasan dalam bidang ilmu politik. Max Weber mengklasifikasikan sumber autoriti kepada tiga sumber: undang-undang (*legal authority*), traditional atau sejarah (*traditional authority*) dan karisma (*charismatic authority*).⁷ Autoriti berasas undang-undang adalah kuasa yang ditulis dan digubal dalam undang-undang berasaskan keyakinan kepada pengeluar undang-undang. Sementara autoriti traditional adalah kuasa yang berasaskan tradisi, kepercayaan dan adat resam yang ada dalam masyarakat. Adapun Karisma merupakan kuasa yang disahkan berasaskan kepada kebolehan sifat peribadi yang luar biasa yang menimbulkan kesetiaan dan ketaatan.⁸ Bila mengguna pakai teori ini, maka wewenang atau autoriti yang dimiliki oleh MPU, akan terlihat dengan jelas ia berasaskan kepada autoriti undang-undang, sejarah dan karisma. Sejarah panjang peranan ulama di Aceh dan karisma mereka dalam menyelesaikan pelbagai persoalan kemudian diberikan ruang kuasa dalam perundangan yang ada.

5.2.1. Peranan Berasaskan Undang-undang

Undang-undang merupakan salah satu dari sumber kuasa untuk memerintah. Kuasa undang-undang merupakan kuasa asas dalam sebuah sistem politik. Sehingga, atas

⁶ Prof. Rusjdi Ali Muhammad, SH. MH (Pakar Perundangan Islam dan Pengarah Pasca Sarjana UIN Ar-Raniry), temu bual dengan penulis 13 May 2016.

⁷ Max Weber, *The Theory of Social and Economic Organization*, terj. A. M. Henderson and Talcott Parson (New York: Oxford University Press, 1974), 328. Abdul Rashid Moten dan Syed Serajul Islam, *Introduction To Political Science* (Singapore: Thomson, 2005), 47.

⁸ Max Weber, *The Theory*, 328.

nama undang-undang seseorang atau sebuah institusi dapat memerintah dan menggunakan kewenangan yang ia miliki. Atas nama undang-undang pula rakyat dipaksa untuk mematuhi pemerintah dengan segala bentuk peranan kuasa yang ia miliki.

Kewenangan yang diberikan oleh syariat kepada ulama untuk mengambil peranan dalam sebuah sistem pemerintahan memberikan justifikasi kepada ulama yang bergabung dalam wadah MPU untuk berperanan secara aktif dalam sistem pemerintahan Aceh. Autoriti keagamaan ini, bila dilihat dari konsep sumber kuasa dalam ilmu politik, merupakan bagian dari kekuasaan undang-undang, terutama sekali dari segi ia adalah undang-undang Allah sebagai autoriti tertinggi bagi umat Islam.⁹ Inilah hakikat dari keimanan dan tauhid mengikut pandangan Mannā' al-Qaṭṭān.¹⁰

Selain dari ketentuan *naṣ* syariat, penglibatan ulama dalam sistem pemerintahan di Aceh juga diperakui oleh undang-undang yang berlaku. Urutan perundangan dari perlembagaan, undang-undang sampai kepada Qanun memberi kuasa dan mengatur akan peranan ulama dalam sistem pemerintahan.¹¹

Secara perundangan yang berlaku di Indonesia, keberadaan MPU adalah merupakan amanah undang-undang dari peringkat paling tinggi sampai ke peringkat paling bawah. Undang-undang paling tinggi dalam sistem hukum Indonesia adalah UUD 1945 sebagai perlembagaan. Kewujudan MPU justeru merupakan pelaksanaan fasal 18B (1) berkenaan satuan pemerintahan yang bersifat khusus dan istimewa. Dalam pelaksanaannya, untuk Aceh diterbitkan UU no. 44 tahun 1999 tentang penyelenggaraan keistimewaan Provinsi Daerah Istimewa Aceh. Salah satu bentuk keistimewaan yang disebutkan dalam Undang-undang ini adalah peranan ulama dalam menetapkan polisi

⁹ Omar Sulaiman al-Asyqar, *Al-Syarī'ah al-Ilāhiyyah Lā al-Qawānin al-Jāhiliyah* (Jordan: Dār al-Nafaīs, 1991), 24.

¹⁰ Mannā' Khalīl al-Qaṭṭān, *Wujūb Taḥkīm al-Syarī'ah al-Islāmiyyah* (Saudi Arabia: Jāmi'ah al-Imām Muḥammad Bin Su'ūd al-Islāmiyyah, 1985), 60.

¹¹ Sila rujuk pembahasan bab empat untuk melihat hierarki perundangan Indonesia berkenaan MPU.

daerah. Undang-undang ini juga dijadikan sebagai landasan lahirnya beberapa institusi keistimewaan Aceh seperti Dinas Syariat Islam, *Wilayatul Hisbah* (WH) atau Polis Syariah, Majelis Permusyawaratan Ulama (MPU), Majelis Pendidikan Daerah (MPD), Majelis Adat Aceh (MAA) dan Baitul Mal.¹² Undang-undang ini kemudian disusuli dengan Undang-undang No. 18 tahun 2001 tentang Autonomi Khusus bagi Provinsi Daerah Istimewa Aceh sebagai Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam.

Untuk melaksanakan Undang-undang No. 4 tahun 1999 khusus yang berkaitan dengan MPU diterbitkan peraturan Daerah Istimewa Aceh No. 3 tahun 2000 tentang Pembentukan Organisasi dan Tata kerja Majelis Permusyawaratan Ulama Provinsi Daerah Istimewa Aceh. Kewujudan MPU dianggap sebagai sebuah instrumen pelaksanaan status keistimewaan Aceh dalam bidang peranan ulama dalam menentukan polisi daerah sebagai termaktub dalam Fasal 3 ayat (2) point (d) UU no. 44 tahun 1999 tentang penyelenggaraan keistimewaan Aceh.¹³

Peraturan Daerah No. 3 tahun 2000 kemudian diubah dengan Peraturan Daerah Istimewa Aceh No. 43 tahun 2001. Untuk mengatur hubungan kerja antara MPU dengan institusi pemerintah yang lain, pada tahun 2003 diterbitkan Qanun No. 9 tentang Hubungan Tata kerja Majelis Permusyawaratan Ulama dengan Eksekutif, Legislatif dan jabatan pemerintah lainnya. Kedudukan MPU kemudian dikuatkan dalam UU No. 11 tahun 2006 tentang Pemerintahan Aceh. Akhirnya pada tahun 2009 secara khas diterbitkan Qanun No. 2 tahun 2009 tentang Majelis Permusyawaratan Ulama yang mencabut Peraturan Daerah No. 3 tahun 2000 dan Peraturan daerah No. 43 tahun 2001.

Berasakan kepada kenyataan ini, maka peranan MPU dalam sistem pemerintahan Aceh dapat dikatakan sebagai peranan yang memiliki landasan undang-undang yang

¹² Kurniawan, "Aspek Hukum Fatwa Majelis Permusyawaratan Ulama (MPU) Tentang Aliran Sesat", *Jurnal Dinamika Hukum*, Vol. 14, No. 2 (Mei 2014) 313.

¹³ Zainal Abidin, "Pemberlakuan Syariat Islam Sebagai Hukum Positif di Provinsi Aceh", *Jurnal Ilmiah Ilmu-ilmu Sosial dan Kemasyarakatan MONDIAL*, Vol 12 No. 21 (January –Juni 2010), 134.

sangat kuat, sama ada dari segi perundangan Islam mahupun undang-undang yang berlaku di Indonesia.

5.2.2. Peranan Berasaskan Sejarah

Jika dilihat dari sudut pandang sejarah, peranan MPU dalam pemerintahan Aceh merujuk kepada akar sejarah peranan ulama yang sangat lama dan berliku di Aceh. Dalam sejarah pemerintahan di Aceh semenjak zaman dengan sistem beraja sampai era kemerdekaan dan reformasi, ulama telah memainkan pelbagai peranan dalam sistem pemerintahan.

Pada masa raja-raja berkuasa di Aceh, di antara peranan yang dimainkan adalah sebagai penasihat penguasa, sebagai guru bagi pemimpin, sebagai Qāḍī, sebagai pelaksana upacara-upacara keagamaan, sebagai panglima perang, bahkan sebagai juru runding dengan pihak luar dan sebagai diplomat dan utusan rasmi pemerintah kepada negara-negara sahabat.

Peranan ini terus berkembang mengikuti rentak perjalanan sejarah, dari peranan sedia ada, ulama beralih jadi pemimpin perang dalam menghadapi penjajah. Ulama juga memainkan peranan politik dalam rangka proses kemerdekaan, ikut mencerdaskan anak bangsa setelah kemerdekaan dikecapi, bahkan ikut mencari alternatif penyelesaian konflik ketika rakyat Aceh berseteru dengan pemerintah Jakarta.¹⁴ Sejarah juga menulis bahawa semangat dari perjanjian damai antara Daud Beureueh dengan pemerintah Indonesia dalam mengakhiri pemberontakan DI/TII adalah berlakunya penerapan hukum Islam di Aceh yang disokong penuh oleh ulama secara institusi.

Kuatnya latar belakang keterlibatan ulama dalam sejarah Aceh, membuat pemerintah pusat tidak dapat menepikan ulama dalam sistem pemerintahan Aceh. Hal ini

¹⁴ Sila rujuk bab III.

dengan tegas dapat dilihat pada dasar pemikiran lahirnya Undang-undang No, 44 tahun 1999 tentang keistimewaan Aceh. Dalam Undang-undang No. 44 tahun 1999 tentang Penyelenggaraan Keistimewaan Provinsi Daerah Istimewa Aceh dengan terang disebutkan: *“bahawa kehidupan masyarakat Aceh yang religious, menjunjung tinggi adat, dan telah menempatkan ulama pada peran terhormat dalam kehidupan bermasyarakat, berbangsa, dan bernegara perlu dilestarikan dan dikembangkan bersama dengan pengembangan pendidikan”*.¹⁵

Dengan demikian, peranan MPU dalam sistem pemerintahan Aceh bukanlah peranan baru yang di ada-adakan. Ia merupakan peranan yang memiliki akar sejarah yang cukup kuat dalam sejarah masyarakat Aceh. Peranan yang begitu lama dan mengakar ini telah menjelma sebagai sebuah kuasa yang berasaskan kepada sejarah bagi peranan MPU dalam sistem pemerintahan Aceh.

5.2.3. Kewenangan Berasaskan Karisma

Karisma adalah kualiti atau suatu daya kepimpinan, daya penarik atau sifat-sifat tertentu pada seseorang individu yang menjadikannya berupaya mempengaruhi atau menjadi perangsang kepada khalayak ramai.¹⁶ Sementara karismatik merupakan sifat berkarisma atau menunjukkan karisma.¹⁷ Karisma ini juga menjadi salah satu sumber kewenangan yang dimiliki oleh MPU, sama ada beras kepada karisma yang dimiliki oleh individu tertentu di dalamnya mahupun karisma institusi ulama itu sendiri

Karisma institusi berupa karisma yang menganggap bahawa institusi ulama adalah institusi terhormat dan patut dihormati. Hal ini menyebabkan apa pun tanggapan masyarakat terhadap MPU, MPU tetap diharapkan hadir oleh masyarakat sekiranya

¹⁵ Poin (c) dalam pertimbangan penerbitan UU No. 44 tahun 1999, Dinas Syariat Islam Aceh, Himpunan Undang-undang, edisi ke lapan (Banda Aceh: Dinas Syariat Islam, 2010), 1.

¹⁶ Kamus Dewan, ed. Ke-3 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002), 578, entri “karisma”.

¹⁷ *Ibid.*, 579.

berlaku permasalahan di tengah-tengah mereka. Memang ada sebahagian yang mempertikaikan fatwa yang dikeluarkan oleh MPU, terutama sekali dari segi kewenangnya.¹⁸ MPU dianggap tidak berwenang untuk menentukan sesat tidaknya suatu aliran ataupun fahaman, sebab hal itu tidak termaktub dalam Qanun No. 2 tahun 2009 tentang MPU. Akan tetapi secara prinsip tidak pernah mempersoalkan keberadaan MPU itu sendiri. Persoalan yang menjadi sorotan adalah kewenangan MPU dalam memberikan fatwa terutama dalam menentukan sesat tidaknya suatu ajaran atau fahaman yang dianggap bercanggah dengan aqidah ahlu sunah wal jamaah ataupun mengganggu ketertiban dalam masyarakat.

Sementara dari segi individu, orang yang duduk dalam MPU merupakan perwakilan dari ulama yang berasal dari seluruh Aceh. Kehadiran wakil ulama dari seluruh pelosok Aceh membuat kewujudan MPU sebagai perwakilan ulama dari pelbagai daerah. Wujudnya perwakilan ulama di MPU dari seluruh Aceh dapat memberi kesan positif kepada semua masyarakat yang ada di Aceh kerana mereka merasa ada wakil mereka dalam pembuatan suatu dasar polisi dalam pemerintah.

Selain itu, individu yang terbabit dalam institusi MPU juga mewakili orang yang dianggap berwibawa dari pelbagai unsur organisasi keagamaan. Ada yang berasal dari kampus keislaman, kampus umum, Dayah, Organisasi Muhammadiyah, Nahdatul Ulama dan berbagai-bagai lagi. Mereka adalah tokoh yang memiliki karisma tersendiri, paling tidak dalam kelompok dan golongan masing-masing. Namun demikian, karisma MPU juga sudah ada yang berani mencabar walaupun tidak secara terang-terangan. Hal ini dengan ditemukan surat layang yang tidak diketahui siapa yang membuatnya. Surat

¹⁸ Sila baca Kurniawan, "Aspek Hukum Fatwa", 320-322. Perlu diberi catatan bahawa kewenangan MPU untuk mengeluarkan fatwa terutama sekali dalam masalah ajaran sesat dan menyempal adalah termaktub dalam Qanun No. 11 tahun 2002 tentang Pelaksanaan Syariat Islam Bidang Aqidah, Ibadah dan Syi'ar Islam. Fasal 6 secara jelas menyatakan bahawa bentuk-bentuk fahaman dan atau aliran yang sesat ditetapkan melalui fatwa MPU. Dinas Syariat Islam Aceh, Qanun No. 11 tahun 2002 (Banda Aceh: Dinas Syariat Islam Aceh, 2010), 304.

layang tersebut dengan tegas menuntut pemerintah untuk membubarkan MPU kerana dianggap tidak berkecuali dalam kes tertentu¹⁹. Walaupun ia hanya suatu surat layang dan dianggap dari pihak yang tidak bertanggung jawab, akan tetapi hal ini dapat dijadikan sebagai peringatan awal bagi MPU dalam menapak langkah lebih jauh dan memainkan peranan mereka di tengah-tengah masyarakat.

5.2.4. Perubahan Peranan Ulama Dari Individu Ke Institusi

Dari segi pola peranan, secara jelas dapat diamati ada pergeseran bahkan perubahan pola peranan yang dialami oleh ulama dalam sistem pemerintahan Aceh. Peranan yang dulunya dimainkan secara individu kemudian dimainkan dalam sistem institusi, kemudian individu lagi dan seterusnya kembali lagi dalam bentuk institusi. Perubahan pola peranan ini juga diikuti dengan perubahan asas dan dasar hukum sebagai landasan bagi peranan ulama dalam sistem pemerintahan.

Bila dahulu peranan ulama dalam sistem pemerintahan hanya berasaskan kepada kehendak pemimpin dan kapasiti individu seseorang ulama, di mana yang dipilih sebagai ulama ikutan adalah yang dikehendaki oleh pemimpin dengan memandang kapasiti keilmuannya, sekarang peranan itu telah berpindah kepada kehendak undang-undang. Ulama yang terpilih tidak lagi hanya berasaskan kepada kehendak pemimpin akan tetapi mesti mengikuti lunas undang-undang yang sedia ada.

Dari segi kewenangan pula, kewenangan ulama untuk memberikan masukan dan nasihat kepada pemimpin, walaupun ia kekal bersifat nasihat, akan tetapi berupa nasihat yang memiliki asas perundangan yang sah, tidak hanya nasihat yang diambil berasaskan kepada kehendak pemerintah dan kebijaksanaan ulama sahaja.

¹⁹ Beredar Selebaran Liar Minta MPU Aceh Dibubarkan, laman sesawang The Globe Journal, dicapai 18 April 2013, <http://theglobejournal.com/kriminalitas/beredar-selebaran-liar-minta-mpu-aceh-dibubarkan/index.php>.

Mengikuti sejarah, peranan ulama dalam sistem pemerintahan Aceh, pada tahap awal ulama memainkan peranan secara persendirian sebagai penasihat kepada raja ataupun sebagai guru agama kepada mereka. Peranan ini kemudian secara perlahan berubah sebagai orang penting dalam kerajaan sebagai penasihat rasmi mahupun sebagai Qāḍī kerajaan. Perubahan ini dapat dilihat dalam susunan pemerintahan kesultanan Aceh, terutama sekali masa Aceh Darussalam.

Ketika zaman kegemilangan kesultanan surut dan penjajah mulai menancap kuasa mereka, peranan ulama secara rasmi dalam kerajaan mulai berubah kepada peranan perorangan mengikut kepada perubahan kerajaan yang sudah berpindah randah dari suatu kawasan ke kawasan yang lain untuk menghindari kejaran penjajah dan mengatur strategi untuk melawan mereka. Bahkan ulama yang dahulunya sebagai penasihat kerajaan mulai terjun secara langsung memimpin rakyat untuk menentang penjajah. Keberadaan ulama sebagai pemimpin pejuang di garisan hadapan peperangan berlaku kerana merosotnya peranan raja yang terus berpindah randah menyelamatkan diri dan kerajaan dari satu tempat ke tempat lain. Peranan ulama sebagai pemimpin ini membuat mereka begitu dekat dengan rakyat dan menjadi pemimpin sebenar dalam sistem sosial.

Dominannya peranan ulama dalam masyarakat, membuat penjajah berusaha untuk membenturkan antara ulama dengan keturunan bangsawan (Teuku) yang secara rasmi menjadi pemimpin daerah dan kawasan. Para keturunan bangsawan ini merasa kehadiran ulama dapat mengakibatkan posisi mereka goyah dan peranan mereka akan hilang. Akibat dari adu domba penjajah ini, maka pecahlah revolusi sosial di Aceh dengan berlakunya pertembungan antara ulama dengan keturunan bangsawan yang dikenali dengan peristiwa Cumbok.²⁰ Sebuah peristiwa berdarah yang menjadi titik pudarnya

²⁰ Anthony Reid, *The Indonesian National Revolution 1945-1950* (Australia: Longman, 1974), 65.

peranan para bangsawan dalam sejarah Aceh. Dalam bahasa yang lain, peristiwa ini dapat dianggap sebagai pemutus mata rantai feudalisme dalam sejarah panjang rakyat Aceh.

Selepas kemerdekaan Indonesia pada tahun 1945, pada awalnya, ulama terus berperanan secara individu dengan fatwa-fatwa kewajipan mempertahankan kemerdekaan dan menggalakkan perang jihad *fi Sabilillah*. Sampailah pada tahun 1965 ketika Indonesia di goncang oleh fahaman komunis. Merebaknya fahaman komunis memberi manfaat kepada bersatunya pandangan para ulama yang mengharamkan fahaman ini. Selain daripada itu, untuk melawan fahaman ini, terjadi kerjasama yang erat antara pihak tentera dengan para ulama, sehingga lahir persatuan ulama Aceh yang diberi nama Majelis Permusyawaratan Ulama Aceh. Sampai pada tahap ini, peranan ulama kembali lagi bersatu dalam bentuk institusi.

Dalam rangka mengembalikan peranan dan fungsi ulama sebagai pengawal pelaksanaan pemerintahan Aceh, MPU berusaha menghindari peranan pemimpin secara perorangan dalam sistem organisasi mereka. Hal ini kerana sistem perorangan yang merujuk kepada peribadi ini akan banyak membawa kepada dugaan salah guna kuasa. Untuk menghindari hal itu maka di rancang sebuah sistem peranan secara bersama dalam organisasi MPU dengan istilah pimpinan MPU yang terdiri dari beberapa orang ketua atau disebut juga dengan istilah *collegial*.

Hal ini sejalan dengan perkembangan semasa yang lebih mengedepankan sistem ijtihad secara berkumpulan atau yang dinamakan dengan *Ijtihad Jama'i*. Sebuah sistem ijtihad yang melibatkan beberapa orang dalam mengambil suatu keputusan hukum. Dahulunya dalam istilah Fikah dikenali dengan istilah Jumhur Ulama, sekiranya suatu keputusan diperakui oleh kebanyakan ulama. Sementara jika suatu permasalahan

diperakui oleh semua ulama, maka dinamakan dengan ijmak ulama.²¹ *Ijtihad Jama'i* juga ditakrifkan sebagai usaha bersungguh-sungguh kebanyakan ahli fikah untuk menghasilkan suatu hukum fikah tertentu dengan jalan *istimbat*.²² Ijtihad jama'i ini pula yang sekarang banyak digunakan oleh pelbagai organisasi ulama di dunia, seperti *Majma' Fiqh* ataupun *Majma' Buhuth* di Mesir.

5.3. Pola Hubungan MPU dengan Pemerintah dan Organisasi Ulama Lain

Dalam sejarah Islam ada beberapa pola hubungan antara ulama dengan umara yang dapat dikesan sebagaimana telah di paparkan dalam pembahasan bab dua tesis ini. Prinsip asas dalam Islam berkenaan dengan masalah ini adalah seorang pemimpin haruslah seorang ulama, dalam erti kata, ia memiliki kelayakan seorang ulama. Mampu untuk mengambil keputusan mahupun kebijakan yang tidak bercanggah dengan syariat ataupun sesuai dengan apa yang telah digariskan oleh hukum Allah, “berijtihad”.

Melihat perkembangan pemerintahan Islam, sama ada zaman dahulu ataupun zaman sekarang, maka didapati bahawa pola hubungan antara ulama dengan pemerintah adakalanya bekerjasama dengan pemerintah, membangkang ataupun berkecuali dan ada yang langsung memisahkan diri dan tidak ambil peduli dengan pemerintah.²³

Dalam masyarakat Aceh, ulama dikelompokkan kepada ulama sebagai pemimpin agama dan ulama sebagai penjawat dan pentadbir pada jawatan rasmi keagamaan dalam pemerintahan. Selain itu dalam paradigma Indonesia juga muncul ulama yang disebut dengan ulama intelektual atau *ulama plus*. Ulama ini adalah alumni universiti yang

²¹ Untuk lebih jelas berkenaan dengan hal ini sila rujuk Nadiyah Syarīf al-'Umri, *al-Ijtihād wa al-Taqlīd Fī al-Islām* (Beirut: Muassasah al-Risālah, 2004), 250-254. Rujuk juga Nadirsyah Hosen, “Nahdlatul Ulama and Collective Ijtihad, *New Zealand Journal of Asean Studies* 6,1 (June, 2004), 5-26.

²² ‘Abdu al-Raūf bin Muḥammad Amīn al-Indūnīsī, *al-Ijtihād Taaththuruha wa Ta'thīruha Fī Fiqhy al-Maqāsid wa al-Wāqi'* (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2013), 208.

²³ Aḥmad al-Raysūny, *Al-Fikr al-Islāmy wa Qadāyānā al-Siyāsiah al-Muā'aşirah* (Kaherah: Dār al-Kalimah li al-Nasyr wa al-Tauzi', 2009), 51 dan 56-57.

menguasai dengan baik ilmu umum selain ilmu agama.²⁴ Pengelasan ini juga tidak jauh berbeza dengan pengelasan ulama dalam masyarakat Melayu, ulama dibahagikan kepada empat golongan. Pertama adalah ulama tempatan yang menjadi rujukan bagi masyarakat di kampung-kampung. Kedua adalah ulama yang bertugas sebagai pentadbir di institusi pemerintah yang disebut sebagai *official* ulama. Ketiga adalah ulama tradisional yang tidak terdedah kepada sentuhan akademik mahupun persoalan semasa. Keempat adalah ulama bukan tradisional atau dapat disebut sebagai ulama moden.²⁵

Melihat kepada pengelasan ulama di atas, MPU dapat digolongkan kepada model campuran. Di mana unsur yang terlibat di dalam MPU berasal dari berbagai golongan ulama yang ada di Aceh, sama ada ulama pentadbir, ulama yang berasal dari pendidikan Dayah (pondok), kampus-kampus dan intelektual yang dianggap layak untuk menjadi ahli MPU. Sementara bila dilihat dari keterkaitan dengan pemerintah, walaupun ia berkecuali dalam memberi pandangan akan tetapi ia merupakan bahagian dari pemerintah Aceh yang disebut dengan musyawarah pimpinan daerah tambahan (*Muspida Plus*).

5.3.1. Pola Hubungan MPU dengan Pemerintah Aceh

Pola hubungan yang dibina dan berlaku antara MPU dengan pemerintah adalah hubungan yang saling memerlukan atau dapat disebut sebagai hubungan *cooperation*²⁶-*accommodation*.²⁷ Sebuah hubungan saling memerlukan dan melengkapi dalam memimpin masyarakat dan menyelesaikan permasalahan yang mereka hadapi.

²⁴Syukri, *Ulama Membangun Aceh: Kajian tentang Pemikiran, Peran Strategis, Kiprah dan Kesungguhan Ulama dalam Menentukan Kelangsungan Pembangunan dan Pengembangan Syari'at Islam* (Medan: IAIN Press, 2012), 68-69 dan 71.

²⁵ Shukri Ahmad, *Pengaruh Pemikiran Ulama di Semenanjung Malaysia Akhir Abad ke-20* (Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia, 2011), 12.

²⁶ Proses di mana pihak-pihak yang terkait melakukan usaha sama demi mencapai tujuan bersama

²⁷ Bentuk Kompromi dari pihak berkepentingan untuk saling memahami sehingga dapat meredam pertentangan demi menuju suatu kestabilan. Lihat Soerjono Soekanto, *Sosiologi Suatu Pengantar* (Jakarta: Rajawali Pers, 1990), 76 .

MPU jarang sekali mengembangkan pola membangkang terhadap pemerintah dalam menyahuti beragam keadaan. Sikap paling keras yang diambil adalah dengan berdiam diri sehingga tidak menambah buruk dan menambah teruk keadaan yang sedang berlaku. Pola hubungan ini kemudian di lanjutkan dengan mengadakan pembahasan secara dalaman untuk mencari cara yang sesuai menghadapi ketegangan dan kegentingan suasana.

Sementara hubungan dengan Institusi vertikal seperti dengan Kepolisian, telah terbangun kerjasama yang baik sama ada dengan keterlibatan MPU dalam proses pengambilan calon Polis baru, demikian juga dengan melibatkan ulama dalam pembinaan calon polis.²⁸ Kerjasama dengan pihak polis juga dalam bidang penanganan isu keganasan dan ajaran sesat, di mana pihak polis merujuk kepada MPU dalam menentukan kategori sesat tidaknya suatu fahaman atau ajaran keagamaan.²⁹

Hubungan dengan institusi keistimewaan Aceh lainnya, seperti Dinas Syariat Islam, hubungan MPU dengan mereka sangat baik terutama sekali dalam masalah penyelarasan pekerjaan. Hal ini sebagaimana diungkapkan oleh Kepala Bidang Bina Hukum Dinas Syariat Islam. Menurutnya: “sejalan dengan fungsi kami sebagai fasilitator dan koordinator, kami secara berterusan melakukan penyelarasan dengan pihak MPU mahupun Mahkamah Syariah dan Kementerian Agama serta kejaksanaan, terutama sekali dalam menangani kesan dari fatwa yang dikeluarkan oleh MPU berkenaan dengan ajaran sesat, kami kerap diminta sebagai mediator.³⁰ Hubungan yang baik juga terjalin dengan Kementerian Agama Wilayah Aceh. Dalam banyak kegiatan, MPU selalu mengajak pihak Kementerian Agama Wilayah Aceh untuk duduk bersama membincangkan isu-isu

²⁸ Kapolda: Seleksi Polisi Libatkan IAIN dan MPU, <http://aceh.tribunnews.com/2012/12/20/kapolda-seleksi-polisi-libatkan-iaian-dan-ulama>, dicapai pada 9 Sep 2014.

²⁹ Kapolda: Masih Kita Selidiki, <http://aceh.tribunnews.com/2015/03/17/kapolda-masih-kita-selidiki>, dicapai pada 20 Mac 2015.

³⁰ Dr. Munawar Abdul Jalil (Kepada Bidang Bina Hukum Dinas Syariat Islam Aceh), temu bual dengan penulis, 4 September 2014.

yang masuk dalam wilayah kerja masing-masing, demikian juga sebaliknya dari pihak Kementerian Agama Wilayah Aceh saling menyelaraskan program untuk kebaikan masyarakat.³¹

5.3.2. Pasang surut Hubungan MPU Dengan Pemerintah Aceh.

Hubungan ulama secara amnya dengan pemerintah berjalan begitu mesra pada masa kegemilangan kesultanan Aceh Darussalam. Hubungan mesra antara ulama dengan umara telah menempatkan Aceh Darussalam sebagai pusat pengembangan ilmu pengetahuan dan pengkajian keislaman di Nusantara. Hubungan mesra ini terus berlanjut sampai ke masa perjuangan menghadapi penjajah. Hubung sempat memburuk pada masa penjajahan jepun dengan terjadinya pertembungan antara ulama dengan *Ulee Balang* pada peristiwa Cumbok. Pada pemerintahan orde baru peranan ulama dalam pemerintahan mulai dianggap mundur bahkan hanya dijadikan sebagai komoditi politik untuk menyokong parti GOLKAR.³² Pada sisi lain ulama mulai membabitkan diri dalam arena politik praktis dengan mencalonkan diri sebagai ahli dewan undangan negeri sehingga ia mudah dikawal oleh kekuasaan politik.³³

Hubungan MPU dengan pemerintah juga tidak selalunya berjalan dengan baik, ada kalanya ia akan mengalami keadaan dinamik dan pasang surut, walaupun usaha gigih telah dilakukan dengan memanfaatkan segala kemampuan yang tersedia. Pasang surut peranan MPU dalam sistem pemerintahan Aceh adalah hal yang lumrah berlaku bagi sebuah institusi dalam pemerintahan. Apalagi perubahan politik yang kerap berubah dengan begitu cepat dan sering susah untuk di agak.

³¹ Drs. Ibnu Sakdan, M.Pd (Bekas Ketua Jawatan Agama Aceh), dalam temu bual penulis, 2 May 2015.

³² Hasan Basri, "Islam in Aceh, Institution, Scholarly Tradition and Relation between Ulama and Umara", dalam *Aceh History, Politics and Culture*, ed. Arndt Graf, Susanne Schroter and Edwin Wieringa (Singapore: ISEAS Publishing, 2010), 194.

³³ *Ibid.*, 195.

Usaha MPU untuk menempatkan diri dan menampakkan kewujudan dalam sistem pemerintahan merupakan sebuah usaha untuk melaksanakan amanah undang-undang yang sememangnya memberikan wewenang untuk itu. Namun usaha ini seakan tidak begitu dirasakan oleh masyarakat, walaupun pada hakikatnya MPU dengan segala kemampuan telah berusaha untuk itu. Bahkan keberadaan MPU kadangkala dianggap tidak jelas dalam tatanan perpolitikan.³⁴

Pada masa pemerintahan Gabenor sebelum Dr. Zaini (sekarang), hubungan antara MPU dengan pemerintah tidak begitu mesra bahkan dapat diperkatakan telah berlaku jurang pemisah. Hal ini dapat dilihat sedari awal lagi dari tidak hadirnya Gabenor pada saat pengambilan sumpah ketua MPU. Walaupun tidak ada undang-undang yang mewajibkan Gabenor menghadiri pengambilan sumpah ketua MPU,³⁵ akan tetapi secara lazimnya Gabenor selalu hadir pada acara tersebut. Hubungan kurang harmoni antara MPU dengan pemerintah ini terus berlaku, sehinggalah masa akhir-akhir jawatan Irwandi Yusuf sebagai Gabenor, barulah terjalin kembali hubungan mesra antara MPU dengan pemerintah. Namun demikian, hubungan antara MPU dengan pemerintah sekarang dibawah pimpinan Gabenor Dr. Zaini Abdullah berjalan dengan baik. Hal ini diungkap oleh ketua MPU Aceh sebagaimana beliau berucap: “Alhamdulillah, pemerintah sekarang tidak ada masalah, hubungan dengan MPU berjalan dengan baik dan perhatiannya juga tidak ada masalah”.³⁶

Hal yang sama diungkapkan juga oleh seorang pendakwah muda dan juga pegawai kanan Dinas Syariat Islam Aceh. Menurutnyanya: “pemerintah Aceh terutama sekali Gabenor selalu berkonsultasi dengan Ulama, hampir dalam segala hal yang berkenaan

³⁴ Seorang ahli Akademik UIN Ar-Raniry Banda Aceh, dalam temu bual dengan penulis, 2 September 2014

³⁵ Dalam Qanun disebutkan bahawa: Pimpinan dan anggota MPU ditetapkan dengan Keputusan Gubernur Aceh dan dirasmikan dengan mengucapkan sumpah dalam rapat paripurna istimewa yang disaksikan oleh ketua Mahkamah Syar'iyah Aceh. Lihat Fasal 10 (4), Qanun Aceh No. 2 tahun 2009 tentang Majelis Permusyawaratan Ulama.

³⁶ Drs. Tgk. H. Ghazali Mohd. Syam (Ketua Majelis Permusyawaratan Ulama Aceh), dalam temu bual dengan penulis, 8 September 2014.

dengan masalah agama. Kadang-kadang beliaupun akhirnya ikut juga diserang kerana sikapnya tersebut”.³⁷ Dari pembahasan ini dapat dilihat bahawa setakat ini antara pemerintah dengan MPU telah terjadi persefahaman dan kerjasama yang baik setidaknya dalam hal-hal pentadbiran.

5.3.3. Pola Hubungan MPU dengan Organisasi Ulama Lain di Aceh

Secara amnya, mengikut sejarah dan tahun penubuhan, di Aceh sekarang terdapat empat persatuan ulama yang masih berjalan sesuai dengan matlamat masing-masing. Namun demikian, cerminan ulama Aceh dapat dilihat pada MPU. Hal ini diakui oleh ulama karismatik Aceh, Teungku Muhammad Amin atau yang lebih dikenali dengan Abu Tu Min Blang Blahdeh. Beliau berucap, “MPU itu cerminan persatuan ulama, mencerminkan persatuan ulama, ulama Aceh....MPU”.³⁸ Abu TuMin mengklasifikasikan keempat persatuan ulama ini kepada dua kelompok, jika dilihat dari segi *independency* mereka. Kumpulan pertama adalah organisasi ulama *independent* murni dan kumpulan kedua adalah organisasi ulama *independent* tidak murni.

Kumpulan pertama yang dianggap sebagai kumpulan ulama berkecuali secara murni adalah Inshafuddin dan Himpunan Ulama Dayah Aceh (HUDA), sementara kumpulan kedua adalah MPU dan MUNA. Hal ini sebagaimana terungkap dalam temu bual dengan Abu Tu Min yang juga merupakan ahli Majelis Syuyukh MPU, beliau berpandangan:

“Wadah ulama di Aceh ada 4, dalam 4 itu bila diperkecil skopnya kepada 2, 4 sama dengan 2, 2 sama dengan 4, maknanya apa...? itu dia..4 wadah ulama Aceh, yang satu dinamakan Inshafuddin, itu wadah ulama, yang kedua HUDA, yang ketiga dinamakan dengan MPU, yang ke empat dinamakan dengan MUNA. Jadi yang tertua, tidak kita masukkan MPU dulu kerana atas nama MPU ia masih dikira baru, kita lihat atas nama MPU bukan MUI, yang tertua Inshafuddin, setelah itu

³⁷ Dr. Munawar Abdul Jalil, dalam temu bual penulis, 4 September 2014.

³⁸ Teungku Muhammad Amin Blang Blahdeh (Ulama Karismatik Aceh dan salah seorang anggota Majelis Syuyukh MPU Aceh) dalam temu bual dengan penulis, 26 September 2014.

HUDA, oh bukan...setelah itu MPU, itu..., adiknya HUDA, adiknya lagi MUNA...”³⁹

Lebih lanjut lagi beliau mengulas makna berkecuali atau *independent* dan tidak berkecuali organisasi ulama dengan alasan sebagai berikut:

“Kalau itu begini, hmmm, begini kedudukan, hmm, kedudukan MPU dan MUNA dari segi tidak murni sama, tapi ada sisi-sisi yang berbeza, kalau MPU adalah mitra kerja pemerintah, sedangkan MUNA mitra kerja partai politik lokal, jadi berhubung kerana...walaupun ia independent, itu... bukan wadah pemerintah, kedua-duanya bukan wadah pemerintah, begitu...tapi berhubung yang satu sebagai mitra kerja pemerintah, yang satunya lagi mitra kerja partai politik lokal, oleh sebab itu dinamakan wadah ulama independent tidak murni, itu bahasa saya!yaaa, adapun HUDA dan Inshafuddin, ini independent murni, bukan mitra kerja pemerintah dan bukan mitra kerja partai politik, baik lokal mahupun nasional”⁴⁰

Pengklasifikasian organisasi ulama menurut beliau, dilihat dari segi rakan kongsi dalam menjalankan tugas. MPU dan MUNA dilihat sebagai organisasi ulama independent tidak murni kerana berafiliasi dengan pihak tertentu. MPU sebagai organisasi ulama rasmi di Aceh berafiliasi dengan pemerintah, sementara MUNA adalah partner kerja parti politik lokal di Aceh, iaitu Parti Aceh. Dengan demikian, walaupun ia adalah independent dari segi organisasi ulama, akan tetapi tidak dapat diketepikan bahawa pengaruh afiliasi tetap ada.

Persoalan lain yang muncul adalah tentang identiti ulama itu sendiri. Semua kelompok mendakwa bahawa kelompok mereka sahaja yang dapat dikatakan sebagai ulama. Sementara dari kelompok lain tidak dianggap ulama. Hal ini memberi kesan wujudnya persaingan antara sesama kelompok ulama.⁴¹ Keberadaan berbagai-bagai perkumpulan ulama di Aceh sering dicari segi persaingan di antara kumpulan ulama tersebut. Seolah-olah memang wujud persaingan antara berbagai kelompok ulama ini

³⁹ *Ibid.*

⁴⁰ Temu Bual dengan Teungku Hj. Muhammad Amin Mahmud Blang Blahdeh, pada 26 September 2014 di Petaling Jaya.

⁴¹ Kamaruzzaman Bustamam Ahmad dan Hasbi Amiruddin, “Memahami Kontestasi Kekuasaan dan Otoritas Ulama di Aceh, dalam *Proceeding of the Aceh Development International Conference*”, Muhammad Iqbal. Ed., V. 1 (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam University Malaya, 2013), 43-49.

yang ingin ditonjolkan. Padahal jika dilihat secara mendalam, persaingan ini tidaklah wujud. Hal ini diperakui oleh ketua MPU Aceh.

Dalam temu bual beliau menjelaskan: “tidak wujud persaingan di antara ulama, apalagi MPU, MPU ini bukan milik institusi ulama tertentu, MPU adalah milik umat. Semua unsur keulamaan berada di sini, HUDA ada, Muhammadiyah ketuanya merupakan ahli MPU, NU juga ada, dari unsur Inshafuddin juga ada, profesor ada juga, yang bukan teungku juga ada”.⁴² Pandangan yang sama juga dikemukakan oleh Muntasir, pakar Politik Islam dari Universiti Malikussaleh. Menurutnya, kewujudan pelbagai organisasi ulama di Aceh tidak bermakna adanya perpecahan ulama bahkan dalam perkembangan terkini terlihat antara satu organisasi dengan yang lainnya saling melengkapi.⁴³

Penulis melihat bahawa dalam persepsi sesetengah masyarakat memang wujud perbezaan pengiktirafan terhadap orang yang dianggap sebagai ulama. Hal ini dapat dilihat ketika muncul permasalahan dalam masyarakat ada yang cenderung mengikuti ulama tertentu, di pihak lain mengikut yang lain pula. Hal ini nampak jelas sekali ketika muncul masalah khilafiah dalam hal tatacara beribadah dan urusan hal ehwal masjid yang baru-baru ini berlaku. Permasalahan timbul kerana ada yang merasa paling benar dan ada usaha untuk memaksa pelaksanaan tatacara tertentu dalam beribadah. Namun demikian akhirnya semua pihak dapat duduk secara bersama sama dalam acara Muzakarah ulama yang diadakan oleh MPU bersama dengan pemerintah dan masalah ini pun dianggap selesai.

⁴²Drs. Tgk. H. Ghazali Mohd Syam (Ketua Majelis Permusyawaratan Ulama Aceh), dalam temu bual dengan penulis, 8 September 2014.

⁴³ Muntasir, “Beda Organisasi, Ulama Aceh Tetap Bersatu”, <http://www.suaradarussalam.com/2014/08/beda-organisasi-ulama-aceh-tetap-bersatu.html> dicapai pada 27 November 2014.

5.4. Permasalahan MPU Dalam Melaksanakan Perannya

Melihat kepada fungsi, tugas dan kewenangan yang dimiliki, MPU dianggap bertanggung jawab atas terselenggara pemerintah yang bersih dan berlakunya *Good Government* di Aceh. Hal ini kerana ia memiliki kewenangan untuk melakukan pengawasan terhadap penyelenggaraan pemerintah berasaskan syariat Islam.

Dalam hal pengembangan ekonomi yang berasaskan kepada syariah, MPU dilihat masih belum memainkan peranan yang signifikan, setidaknya mencetuskan idea-idea kreatif dalam penataan harta-harta agama dan memberikan masukan kepada Baital Mal Aceh. Padahal Baital Mal dalam menjalankan kewenangan yang berkaitan dengan Syari'at berpedoman kepada fatwa MPU Aceh.⁴⁴ Kenyataannya, MPU lebih menunggu dari pihak Baital Mal untuk berkonsultasi dengan mereka dan belum terlihat inisiatif MPU kecuali memang MPU ada mengadakan pembahasan terkait dengan ekonomi baru Baitul Mal dijemput untuk menghadiri dan berkongsi idea.⁴⁵

Pada hakikatnya, tidak ada institusi yang tidak memiliki masalah dalam melaksanakan fungsi dan kewajibannya. Ini sudah menjadi suatu hal yang biasa dalam sebuah organisasi. Malah kekuatan sebuah organisasi terletak pada kemampuannya untuk merubah dan menjadikan cabaran sebagai sebuah peluang. Sejauh mana ia dapat menjadikan cabaran sebagai peluang, sejauh itu pula ia akan berkembang dan bertahan serta dapat mengembangkan potensi yang ia miliki.

MPU sebagai sebuah institusi yang dianggap sebagai rakan sejawat atau memiliki posisi setaraf dengan institusi politik yang ada di Aceh (Eksekutif, Badan perundangan dan Kehakiman), juga tidak terlepas dari permasalahan dan cabaran. Berasaskan kajian yang telah dilakukan, didapati beberapa permasalahan yang dihadapi oleh MPU.

⁴⁴ Lihat fasal 9, Qanun Aceh No. 10 tahun 2007 tentang Baitul Mal.

⁴⁵ Dr. Armiadi Musa (Pengarah Baital Mal Aceh) dalam temu bual penulis dengan penulis, 6 September 2014.

Permasalahan ini disimpulkan dari pelbagai pihak yang dianggap mengetahui tentang MPU, baik dari unsur dalaman MPU sendiri mahupun dari pihak luar.

5.4.1. Perundangan

MPU memiliki asas undang-undang yang dapat dikata lengkap untuk melaksanakan tugas, fungsi dan kewenangan mereka.⁴⁶ Namun demikian, penjelasan dari undang-undang asas ini belum semuanya diterangkan secara komprehensif dalam bentuk operasional yang mudah untuk dilaksanakan. Undang-undang sedia ada walaupun telah memberikan wewenang yang sangat besar kepada MPU, namun ada hal-hal tertentu yang dianggap masih perlu disempurnakan. Penyempurnaan ini bagi memudahkan lagi pihak MPU dalam melaksanakan amanah undang-undang yang sedia ada. Dalam erti kata, undang-undang sedia ada belum menjelaskan secara spesifik tatacara MPU melaksanakan kewenangan yang ia miliki. Hal ini penting untuk menghindari bantahan atau sanggahan ketika MPU melaksanakan tugasnya.

Keterbatasan undang-undang ini jelas sekali terlihat ketika MPU ingin melaksanakan kewenangan yang sah, seperti untuk memberi nasihat kepada pemerintah ketika berlaku hal yang menghendaki MPU melakukannya, MPU tidak memiliki cara yang sesuai kerana belum ada Qanun yang mengatur hal tersebut. Ketika ingin menyampaikan nasihat, MPU tidak memiliki pilihan atau tidak tahu cara yang sesuai mengikut undang-undang. Masalah ini berlaku sama ada berkenaan cara menyampaikan nasihat ataupun istilah bahasa yang akan diguna pakai. Sehingga bahasa yang diguna pakai dalam memberi nasihat memiliki tingkat dan tahapan pemahaman maksud tersendiri bagi pemerintah. Hal ini juga dianggap sebagai salah satu masalah yang menghambat dari bentuk pengawasan MPU terhadap kerja pemerintah. Kekurangan perangkat hukum ini diperakui oleh salah satu staf pakar MPU:

⁴⁶ Sila rujuk bab 4 tesis ini pada pembahasan 4. 4. 2.

“yaa...itu sebenarnya belum jadi...itu telah kami siapkan, misalnya menggunakan perkataan apa, jangan mereka fikir kami tidak melakukan apa-apa, jangan mereka fikir, MPU sudah memiliki payung undang-undang tapi tidak membuat aturan pelaksanaannya, itu telah kami lakukan, tapi belum diserahkan, seandainya berlaku pelanggaran, perkataan apa yang sepatutnya diguna pakai, itu semua adalah turunan daripada UUPA, seandainya nasihat, dalam bentuk apa nasihat itu, tertulis kah? Atau tidak tertulis? Yang mana yang sepatutnya tertulis, yang mana sepatutnya menggunakan lisan sahaja. Kemudian ketika penyusunan rang undang-undang itu, yang terlibat di dalamnya adalah kami dari IAIN selaku orang-orang agama, ada juga dari Fakulti undang-undang Unsyiah (Universitas Syiah Kuala), itu adalah usaha sama semua pihak, sehingga nanti bahasanya dapat dipilih mana yang sesuai, mana yang tidak sesuai, jadi tidak main-main kan”⁴⁷

Hal yang serupa diungkapkan juga oleh ketua MPU Aceh, beliau berkata:

“untuk melaksanakan fungsi pengawasan terhadap pemerintah Aceh, MPU telah menyusun draft Qanun berkenaan tatacara pengawasan MPU ke atas pemerintah Aceh, akan tetapi *timing* waktunya yang kami fikir di tahan sebentar kerana ada pergantian anggota DPR dari yang lama ke yang baru. Insya Allah selepas mereka semua dilantik akan segera kami usulkan untuk dibahas dan disahkan menjadi sebuah Qanun. Dengan adanya Qanun ini maka akan jelas bentuk format pengawasan yang akan dilakukan oleh MPU, sama ada lisan mahupun tulisan”⁴⁸

Implikasi dari ketiadaan perangkat hukum tentang tatacara pengawasan dan penyampaian pandangan MPU membuat kerja-kerja pengawasan MPU tergendala. Berlakunya keadaan seperti ini membuat MPU seakan-akan terikat dengan undang-undang yang memberikan wewenang besar itu sendiri kepadanya. Sementara ulama sepatutnya bebas untuk memberikan nasihat kepada pemerintah dalam apa jua keadaan tanpa harus ada aturan yang mengikat.⁴⁹ Akan tetapi, kerana semua saluran mesti mengikut lunas undang-undang sehingga untuk menyampaikan nasihat terpaksa menunggu wujud undang-undang terlebih dahulu.

⁴⁷ Dr. Zaki Fuad Khalil (Salah seorang Dewan Pakar MPU Aceh dan ahli akademik UIN Ar-Raniry Banda Aceh), dalam temu bual dengan penulis, 2 September 2014.

⁴⁸ Drs. Tengku. H. Ghazali Mohd. Syam (ketua Majelis Permusyawaratan Ulama Aceh), dalam temu bual dengan penulis, 8 September 2014.

⁴⁹ Lihat Muhammad Suhaili Sufyan dan Bharuddin che Pa, “Problematika Kewenangan Ulama Dalam Perangkap Undang-undang, *Jurnal Adabiya*, Vol 16, No. 30 (30 February 2014), 69-82.

Selain daripada itu, kewenangan yang dimiliki oleh MPU dalam hal penyusunan dan pembahasan rang undang-undang hanya terbatas pada *Qanun* yang berkaitan langsung dengan syariat Islam. Menurut bekas ketua MPU Aceh, dalam hal *Qanun* yang berkenaan dengan syariat Islam, MPU secara langsung dilibatkan, sementara *Qanun-qanun* yang lain, MPU diminta pendapat. Sebagaimana penjelasannya: “Dalam hal *Qanun* yang berkenaan dengan Syariat Islam, Kami bertiga; Gabenor biasanya diwakili oleh Dinas Syariat Islam, DPR dan MPU saya sendiri yang memberikan *paraf* (tanda persetujuan) sebelum ia disahkan oleh DPR. Adapun untuk *Qanun* umum seperti *Qanun* air bawah tanah, MPU ikut dilibatkan dan tidak diminta tanda persetujuan”.⁵⁰

Sementara *Qanun* yang berhubungan dengan politik, MPU seakan-akan tidak memiliki kewenangan untuk menyanggah jika itu dianggap tidak sejalan dengan *Qanun* Syariat Islam yang sedang dilaksanakan di Aceh. Keadaan ini dapat dilihat dengan jelas dalam pengesahan *Qanun* Bendera dan lambang Aceh. Sikap MPU yang tidak bersuara dalam masalah ini ikut dipersoalkan oleh seorang ahli Akademik UIN Ar-Raniry: “dalam kes ini tidak ada peranan MPU, ke mana MPU?”.⁵¹ Pandangan sebegini turut diperakui oleh ketua MPU Aceh ketika menjelaskan tentang tidak hadirnya peranan MPU dalam meluluskan *Qanun* tentang lambang Aceh.⁵² Alasan lain yang diberikan oleh MPU adalah untuk menjaga sikap berkecuali MPU sehingga tidak ikut terbabit dalam kancah politik praktis.⁵³ Sesetengah pihak beranggapan bahawa MPU lalai dalam hal ini kerana kehadiran MPU untuk memberi pandangan sangat diharapkan.

⁵⁰ Prof. Dr. Tgk. H. Muslim Ibrahim (Professor bidang Fiqh Muaqaran, UIN Ar-Raniry Banda Aceh dan Bekas Ketua MPU Aceh), dalam temu bual dengan penulis, 2 Mac 2013.

⁵¹ Temu bual penulis dengan seorang ahli akademik UIN Ar-Raniry pada 2 September 2014.

⁵² Lambang Aceh yang baru merupakan gambar singa berkepala perempuan dengan rambut terurai, sementara rambut adalah termasuk aurat bagi perempuan yang wajib untuk ditutupi, di Aceh jika hal ini dilakukan maka dianggap melanggar *Qanun* Syariat Islam tentang berbusana Islam.

⁵³ Drs. Tgk. H. Ghazali Mohd. Syam (Ketua Majelis Permusyawaratan Ulama Aceh), dalam temu bual dengan penulis, 8 September 2014.

Walaupun kewenangan yang dimiliki oleh MPU dalam perundangan cukup besar, namun kewenangan itu tidak begitu mudah untuk dilaksanakan. Kerana tidak diatur berkenaan hukuman bagi yang tidak mematuhi dan tidak mengindahkan apa yang diputuskan oleh MPU. Permasalahan ini terutama sekali dalam hal hubungan antara MPU dengan Institusi pemerintahan yang ada di Aceh.⁵⁴ Walaupun dalam *Qanun* secara tegas disebutkan bahawa institusi pemerintah yang ada di Aceh wajib untuk mengambil kira saranan dan fatwa MPU dalam menjalankan kewenangan mereka. Akan tetapi, tidak dinyatakan bentuk tanggung jawab yang patut ditanggung oleh institusi pemerintah di Aceh sekiranya berlaku pengabaian terhadap MPU. Sementara itu, polisi yang telah ditetapkan walaupun ia bercanggah dengan keputusan MPU tetap dianggap sah dan tidak terbatal.⁵⁵

Selain daripada itu, kewenangan yang dimiliki oleh MPU hanya terbatas pada tahap menyiapkan perundangan dan memberikan saranan ataupun fatwa, sementara dalam hal pelaksanaan, tidak memiliki kekuatan, kerana semua kekuatan pelaksanaan ada pada pihak pemerintah. Pada tahapan ini, pelaksanaan daripada fatwa ataupun saranan MPU sangat bergantung pada tiga hal. Pertama: keterkaitan pemerintah dengan pandangan MPU kerana kehendak undang-undang. Kedua: kesedaran Gabenor sebagai penyelenggara pemerintah atau *goodwill* pemerintah untuk bertanggung jawab sesuai dengan asas-asas pemerintahan yang baik, dan ketiga adalah keterkaitan gabenor dengan kualiti pertimbangan itu sendiri yang membuat Gabenor terpaksa akur untuk menerima pertimbangan MPU.⁵⁶

Keadaan ini memberi kesan, bahawa tugas MPU hanya menyampaikan apa yang menyangkut dengan hukum syara' sahaja, sementara masalah diikuti atau tidak diikuti itu

⁵⁴ Muhammad Suhaili Sufyan dan Bharuddin Che Pa, "Problematika...80.

⁵⁵ Abidin Nurdin, "Ulama dan Proses Legislasi: Mengkaji Legitimasi Lembaga Ulama Aceh", dalam *Serambi Mekkah yang Berubah*, ed. Arskal Salim dan Adlin Sila (Jakarta: Pustaka Alvabet, 2010), 109.

⁵⁶ Husni Jalil, "Fungsi Majelis Permusyawarab Ulama dalam Pelaksanaan Autonomi Khusus di Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam", *Jurnal Equality*, Vol. 12, No. 2 (Augus 2007), 134-135.

adalah masuk dalam wilayah pemerintah dan MPU tidak ikut campur lagi. Ini adalah perwujudan dari pemisahan kuasa antara kuasa eksekutif dengan legislatif sekiranya MPU itu dianggap bahagian dari legislatif.

5.4.2. Keprihatinan Pemerintah

Keprihatinan pemerintah untuk mengembangkan MPU belum nampak jelas terlihat. Selain pengembangan, sikap pemerintah untuk menjadikan MPU sebagai “mitra” dan sebagai penasihat sebagaimana diamanahkan oleh undang-undang juga masih layak untuk dipersoalkan. Sikap kurang prihatinnya pemerintah dalam menjadikan MPU sebagai “mitra” kerjanya disampaikan secara tegas oleh salah seorang Majelis Syuyukh MPU Aceh:

“sekalipun keadaannya demikian, akan tetapi, begitu...perhatian pemerintah Aceh kepada MPU tidak begitu serius, sekalipun MPU ini adalah mitra kerja pemerintah, berhak untuk di mintai pendapat, berhak memberikan pandangan kepada pemerintah, akan tetapi kurang serius mendapat perhatian daripada pemerintah, seharusnya hendaklah MPU ini di tempatkan sebagai mitra kerja pemerintah, sehingga antara pemerintah dengan MPU duduk satu meja, kalau membicarakan masalah daerah, pemerintah di garisan hadapan, MPU mendukung, jika yang dibicarakan menyangkut dengan syariat, MPU di hadapan, pemerintah mengikuti, akan tetapi sebagaimana yang kita harapkan itu belum ada, bukan seluruhnya, tapi kurang perhatian...”⁵⁷

Perhatian serius pemerintah terhadap MPU sangat memberi kesan kepada apa jua kegiatan yang dilaksanakan oleh MPU. Hal ini dapat dilihat pada peringkat pemerintahan wilayah Kabupaten atau Kota. Daerah yang dipimpin oleh pemimpin yang memiliki perhatian besar terhadap perkembangan agama, MPU dapat berjalan dengan baik dan pemerintah juga menyiapkan segala keperluan MPU secara memadai. Hal ini diungkapkan oleh salah seorang dewan pakar di MPU:

“Hubungan MPU dengan pemerintah mengikut alim tidak alimnya pemimpin, ada sebahagian pernah berlaku di daerah...MPU menjemput

⁵⁷ Teungku H. Muhammad Amin Blang Blahdeh (Ulama Karismatik Aceh dan salah seorang anggota Majelis Syuyukh MPU Aceh), dalam temu bual dengan penulis, 26 September 2014.

pemerintah untuk menghadiri suatu majlis, dia dijemput, mereka tidak datang pun, begitulah akhlak mereka, tidak tahu kita nak buat apa lagi...ada MPU, saya lupa daerah mana, mereka beranggapan seolah-olah mereka itu hanya setakat pembaca doa sahaja, selesai pembacaan doa selesailah”.⁵⁸

Punca masalah ini adalah kerana pemerintah menganggap diri mereka tidak ada kewajipan untuk menerapkan syariat Islam. Dengan demikian segala hal yang berkaitan dengan pelaksanaan hukum syariat dianggap sebagai tanggung jawab ulama bukan tanggung jawab pemerintah.⁵⁹ Kurangnya perhatian dari pihak pemerintah juga dapat disebabkan oleh kerana proses terpilihnya pemerintah itu sendiri yang masih memerlukan perbaikan. Perbaikan dan penambahbaikan terasa perlu dilakukan baik dari segi proses berdemokrasi mahupun tahap pemahaman masyarakat terhadap pentingnya seorang pemimpin yang berintegriti. Dengan adanya penambahbaikan cara berdemokrasi dan pemahaman yang baik dari kalangan masyarakat, maka pemimpin yang terpilih betul-betul akan memihak kepada kepentingan rakyat, bukan peribadi, kelompok ataupun golongan tertentu sahaja.

Dari pihak pemerintah sendiri dalam hal pelaksanaan keagamaan dalam masyarakat biasa merujuk kepada ulama karismatik sebelum merujuk kepada MPU kerana MPU dianggap sebagai institusi yang berdiri sendiri. Sementara dalam hal yang memerlukan kepada pandangan hukum secara resmi pemerintah beranggapan bahawa mereka telah merujuk kepada MPU seperti dalam permasalahan khilafiyah yang berlaku di tengah masyarakat baru-baru ini. Dalam hal ini Pemerintah bekerjasama dengan MPU melaksanakan Muzakarah Ulama membahaskan persoalan tersebut dan memperuntukkan bajet yang memadai. Sementara dalam hal pengawasan, pihak pemerintah merasa bahawa mereka tidak mengeluarkan peraturan yang aneh-aneh dan bercanggah dengan syariat

⁵⁸ Dr. Zaki Fuad khalil (Ahli Dewan Pakar MPU dan ahli Akademik UIN Ar-Raniry Banda Aceh) dalam temu bual dengan penulis, 2 September 2014.

⁵⁹ Teungku Muhammad Amin Blang Blahdeh (Ulama Karismatik Aceh dan salah seorang anggota Majelis Syuyukh MPU Aceh) dalam temu bual dengan penulis, 26 September 2014.

Islam sehingga layak untuk ditegur MPU. Namun demikian dalam banyak hal pemerintah selalu melakukan penyelarasan dengan MPU melalui Biro Keistimewaan Aceh dan Dinas Syariat Islam.⁶⁰

Dari pembahasan ini jelas terlihat bahawa walaupun pemerintah dalam hal praktik keagamaan kerap merujuk kepada ulama diluar MPU, akan tetapi untuk mengambil kesimpulan yang berkenaan dengan kebijakan rasmi, pemerintah selalu merujuk kepada MPU.

5.4.3. Sumber Manusia

Secara amnya, sumber manusia di MPU merupakan para ulama terpilih yang berasal dari utusan setiap kabupaten/kota yang ada di Aceh dicampur dengan utusan dari peringkat negeri. Selain itu dalam menjalankan pentadbiran, MPU dibantu oleh sebuah sekretariat yang dianggotai oleh Pegawai Negeri Sipil (PNS) atau pegawai tadbir kerajaan yang ditempatkan pada sekretariat MPU. Sementara ahli-ahli MPU bukanlah pegawai rasmi kerajaan (PNS).

Keahlian MPU yang berasal dari berbagai-bagai daerah yang ada di wilayah Aceh dicampur dengan utusan dari MPU Aceh, memberikan suatu kelebihan tersendiri berupa perwakilan dari seluruh masyarakat Aceh. Kelebihan lainnya dari tersebarnya ahli MPU di pelbagai pelosok adalah membuat ia dapat mengetahui perkembangan terkini di daerah secara langsung dari semasa ke semasa melalui ahli-ahli mereka dan dapat menyampaikan permasalahan di daerah. Selain kelebihan, kewujudan anggota MPU dari seluruh Aceh juga membawa kesan yang tidak selalunya positif. Tersebarnya ahli MPU di seluruh pelosok membuat pergerakan institusi MPU menjadi lembap.

⁶⁰ Sulaiman Hasan, Lc. MA (Pengarah bahagian Kerjasam Ulama dan Umara Biro Istimewa Jabatan Gabenor Aceh), temu bual dengan penulis 17 Jun 2016.

Keahlian MPU yang berasal dari pelbagai daerah membuat kerja-kerja MPU agak tergendala. Hal ini terutama sekali dalam memberikan tanggapan secara cepat ke atas segala bentuk perkembangan terkini yang perkembangannya sangat cepat dan memerlukan perhatian dengan kadar segera. Hal ini diakui sendiri oleh ketua MPU Aceh: “kan tidak mungkin setiap waktu kita menghadirkan para ulama dari seluruh Aceh untuk membahaskan segala perkembangan semasa, berapa sumber kewangan yang mesti disediakan untuk itu?”⁶¹

Selain daripada itu, tidak dapat dinafikan juga bahawa ahli-ahli MPU adalah orang yang memiliki pekerjaan tetap lain selain di MPU. Isu kesibukan para ahli MPU mendapat sorotan tajam dari salah seorang bekas rektor Perguruan Tinggi Agama di Aceh. Menurutnya, “MPU pada tahap awalnya diharapkan menjadi “mitra sejajar” (*equal partnership*) nya pemerintah, sama dengan Dewan Perwakilan rakyat Aceh, Majelis Pendidikan Aceh, Majelis Adat Aceh, namun tiba-tiba tidak ada potensi untuk menjalankannya, yang terbabit di situ adalah orang yang memiliki kesibukan di tempat lain”.⁶² Menurutnya lagi, “keahlian dalam MPU ditentukan dengan voting suara, siapa yang memiliki banyak suara itu yang terpilih, berapa jumlah elaun yang boleh diperoleh serta siapa-siapa yang dilantik”.⁶³

Hal ini secara tegas dibantah oleh ketua MPU, menurutnya anggota MPU tidak wajib selalu hadir ke pejabat kecuali pimpinan. Anggota MPU yang berasal dari seluruh Aceh tidak wajib untuk masuk pejabat tiap hari, mereka hanya berkewajiban untuk menghadiri rapat-rapat komisi saja, dan itu tidak setiap hari. Sementara tugas-tugas

⁶¹ Drs. Tgk. H. Ghazali Mohd Syam (Ketua Majelis Permusyawaratan Ulama Aceh), dalam temu bual dengan penulis, 8 September 2014.

⁶² Prof. Yusny Saby (Ahli Akademik UIN Ar-Raniry Banda Aceh dan Ketua ICMI Aceh), dalam temu bual dengan penulis, 22 February 2014.

⁶³ Prof Yusny Saby, temu bual dengan penulis, 22 February 2014.

pentadbiran dilakukan oleh Pegawai Negeri Sipi (PNS) atau pegawai kerajaan yang diperbantukan pada sekretariat MPU.⁶⁴

Dari segi umur, MPU mensyaratkan bahawa untuk menjadi ahli MPU diharuskan telah berumur minimum 40 tahun.⁶⁵ Penentuan umur ini dengan perkiraan bahawa umur matang seseorang adalah ketika beranjak usia 40 tahun. Namun yang berlaku, MPU diisi oleh orang yang dianggap telah berusia sehingga produktifi berkurang kerana kebanyakannya orang yang sudah berumur melebihi 40 tahun sehingga pergerakannya tidak lagi lincah. Sementara yang muda-muda dan memiliki kapasiti tidak terserap dalam MPU.

5.4.4. Proses Pengambilan Ahli

Dalam pengambilan ahli-ahli, MPU melakukannya dengan proses berasaskan kepada pemilihan yang berperingkat mengikut sistem pembahagian wilayah dalam sistem pemerintahan yang berlaku di Aceh. Satuan terkecil adalah kampung, kemudian kecamatan dan peringkat seterusnya kabupaten/kota dan negeri yang dinamakan dengan Provinsi. Untuk menjadi ahli MPU peringkat negeri, hendaklah ia menjadi ahli MPU peringkat Kabupaten/Kota, untuk menjadi ahli MPU Kabupaten/Kota sememangnya ia sudah menjadi ahli MPU pada peringkat kecamatan. Untuk menjadi ahli pada peringkat Kecamatan mestilah ia seorang ulama yang dipercayai masyarakat pada peringkat Kampung.

Ahli-ahli MPU berasal dari utusan daerah kabupaten/kota dan mereka mewakili daerah masing-masing di tambah dengan calon dari utusan provinsi. Mereka kemudian akan di uji kemampuannya mengenai kompetensi ilmu agama terutama sekali dari segi memahami agama Islam yang berasal dari sumber asal. Cara yang diguna pakai adalah

⁶⁴ Drs. Tgk. H. Ghazali Mohd Syam, dalam temu bual dengan penulis, 8 September 2014.

⁶⁵ Lihat fasal 30 (f) Qanun No. 2 tahun 2009.

dengan menguji kemampuan membaca kitab Arab tanpa baris yang lebih dikenal dengan kitab kuning atau kitab gondol.⁶⁶

Akan tetapi dalam cara pemilihan ahli-ahli MPU masih terbuka peluang untuk berlakunya permainan “suka” dan “tidak suka” serta proses *lobby* atau mencari pengaruh politik oleh individu mahupun kelompok tertentu. Berlakunya hal ini membuat semacam sebuah pemahaman bahawa untuk menjadi ahli dalam MPU tidak hanya cukup dengan memenuhi syarat kelayakan sahaja, akan tetapi juga perlu adanya hubungan baik dengan ramai orang atau kelompok tertentu.⁶⁷ Hal yang sama juga diungkapkan oleh bekas ketua Jawatan Agama Islam Aceh, menurutnya: kerana yang akan menjadi ahli MPU adalah utusan dari daerah, maka kemungkinan untuk adanya celah permainan tetap ada”.⁶⁸ Menurut pengakuan sumber yang pernah mengikuti ujian saringan sebagai calon ahli MPU, uji baca kitab juga seakan-akan hanya formaliti sahaja, kerana ia diuji setelah terpilih. Padahal secara peraturan ia mesti dilakukan sebelum pemilihan berlaku.⁶⁹

Namun menurut Muslim Ibrahim, uji baca kitab ini dilakukan dengan telus, sebagai penguji adalah pimpinan dengan menggunakan *nash* kitab Arab yang tidak lazim dibaca di Dayah untuk menghindari seseorang telah menghafaznya. Proses uji baca kitab dilakukan secara tertutup untuk menjaga maruah orang yang di uji. Dalam pelaksanaan bahkan ada yang tidak lulus test baca kitab dan dikembalikan ke daerah asal.⁷⁰ Sementara ada calon yang didapati berasal dari Universiti awam dalam bidang kimia dan didapati boleh membaca kitab⁷¹.

⁶⁶ Prof Dr. Tgk. H. Muslim Ibrahim (Professor bidang Fiqh Muaqaran, UIN Ar-Raniry Banda Aceh dan Bekas Ketua MPU Aceh), dalam temu bual dengan penulis, 2 Mac 2013

⁶⁷ Temu bual penulis dengan salah seorang yang pernah ikut seleksi sebagai ahli MPU, 9 April 2015

⁶⁸ Drs. Ibnu Sakdan, M.Pd (Bekas Ketua Jawatan Agama Aceh), dalam temu bual penulis, 2 May 2015.

⁶⁹ Temu bual penulis dengan salah seorang yang pernah ikut seleksi sebagai ahli MPU, 9 April 2015.

⁷⁰ Prof Dr. Tgk. H. Muslim Ibrahim ..., dalam temu bual dengan penulis, 2 Mac 2013

⁷¹ *Ibid.*

Ahli MPU dipilih oleh peserta Musyawarah Besar (MUBES) MPU. Bila merujuk kepada Tata tertib Musyawarah Besar Ulama Aceh tahun 2012, Peserta MUBES terdiri dari Majelis Syuyukh sebanyak 5 orang, utusan provinsi berjumlah sebanyak 72 orang, utusan daerah kabupaten/kota sebanyak 69 orang dan utusan dari badan autonom sebanyak 6 orang.⁷² Dari jumlah itu semua nantinya yang akan terpilih sebagai ahli MPU hanyalah 47 orang sahaja.

5.4.5. Tekanan Pihak Luar

Walaupun MPU adalah institusi ulama yang bersifat berkecuali dan tidak menerima sebarang tekanan dan pengaruh dari mana-mana pihak, akan tetapi dalam pelaksanaannya, MPU kerap juga menerima tekanan dari pihak-pihak tertentu. Tekanan yang diterima dapat berupa datangnya orang secara beramai-ramai ke pejabat MPU untuk meminta fatwa tertentu dari MPU. Terkadang kedatangan mereka turut disertai dengan ugutan akan membawa lebih ramai lagi sekiranya tidak menyahuti apa yang mereka inginkan. Hal ini diakui secara tersirat oleh pengerusi MPU.⁷³ Kesan yang ditimbulkan adalah dalam menerbitkan fatwa, MPU setidaknya terlihat lebih cenderung menerbitkan fatwa yang berpihak kepada fahaman *status quo* atas alasan kemaslahatan dan menjaga situasi keamanan dalam masyarakat. Walaupun tentunya fatwa tersebut masih dalam koridor pemahaman yang tidak bercanggah dalam Islam.

Tekanan ini tidak selalunya memberi kesan buruk bagi MPU, bahkan terkadang tekanan ini memberi kekuatan baru bagi MPU. Dengan adanya desakan dari pihak tertentu membuat MPU lebih cepat untuk bertindak balas dan lebih lantang dalam bersuara. Sehingga hal ini dapat dianggap sebagai pemangkin semangat bagi MPU itu sendiri.

⁷² Bab III Fasal 6 (1, 2(a, b),3 (a, b, c),4 (a, b, c))Keputusan MPU Aceh No. 1 tahun 2012 tentang Tata tertib Musyawarah Besar Ulama Aceh

⁷³ Drs. Tgk. H. Ghazali Mohd Syam, dalam temu bual dengan penulis, 8 September 2014

Akan tetapi dari sudut pandang yang lain dapat dilihat ini adalah sebagai sebuah bentuk campur tangan dan *pressure* yang membuat MPU tidak lagi berkecuali dalam memberikan pandangan, bahkan ia terkadang cenderung bias. Salah satu bentuk tekanan yang diterima adalah dengan datang beramai-ramai ke Pejabat MPU secara berulang disertai dengan ancaman akan berlakunya tindakan kekerasan.

5.4.6. Membatasi Diri

Dalam melaksanakan peranannya, MPU terlihat terlalu membatasi diri mereka dalam menanggapi hal-hal tertentu terutama sekali masalah politik semasa yang berlaku dengan begitu dinamik. Sikap ini diambil dengan alasan untuk menjaga sifat berkecuali yang telah disematkan pada MPU. Walaupun sebenarnya MPU diharapkan berperanan dalam menangani isu-isu ini.

Sikap ini dengan jelas terlihat dalam kes pengesahan *Qanun* lambang Aceh dengan menggunakan logo berbentuk Buraq, sebuah gambar dengan kaki berbentuk kuda dan berkepala seorang wanita dengan rambut terhurai. Secara pandangan mata logo ini tidak bersesuaian dengan nilai-nilai keislaman dan Syrai'at Islam. Akan tetapi kerana ini dianggap urusan politik dan MPU tidak ingin masuk dalam pusaran politik semasa takutkan akan terbawa derasnya hentaman arus politik. Hal ini terungkap dalam temu bual dengan ketua MPU, di mana beliau menyampaikan: "itu masalah politik praktis, dan MPU tidak ingin mencampuri masalah itu, biarlah urusan politik diurus oleh orang-orang politik"⁷⁴. Sikap seperti ini sebenarnya tidak wajar diambil oleh MPU kerana MPU memiliki kewenangan untuk memberi nasihat, saranan mahupun pengawasan terhadap pemerintah di Aceh termasuk dalam penyusunan *Qanun*.

Padahal pada asasnya masyarakat mempertanyakan peranan MPU dalam hal-hal politik ini. Pertanyaan ini ditimbulkan oleh seorang ahli akademik dengan

⁷⁴ Drs. Tgk. H. Ghazali Mohd Syam, dalam temu bual dengan penulis, 8 September 2014

menyampaikan: “di mana peranan MPU dalam hal-hal besar seperti lambang Aceh yang sangat-sangat tidak islamik?, kita tidak merasa kehadiran MPU dalam hal-hal sebegini, padahal ia amatlah besar bagi tatanan politik Aceh”.⁷⁵ MPU sepatutnya mengambil peranan dalam hal ini dengan memberi pandangan agama sehingga lambang yang dihasilkan sesuai dengan aturan syariat kerana ini merupakan hal yang mendasar dalam simbol pemerintahan.

Selain daripada itu salah satu dari tugas MPU adalah melakukan penyelidikan, pengembangan, penterjemahan, penerbitan dan pendokumentasian naskhah-naskhah yang berhubungan dengan syariat Islam. Dalam melaksanakan tugas yang satu ini, MPU masih terlihat tidak begitu aktif terutama sekali dalam bidang penyelidikan dan pengembangan serta penterjemahan dan penerbitan. Hal ini dapat dilihat dari kurangnya beredar naskhah-naskhah yang diterbitkan oleh MPU. Penerbitan masih terfokus kepada penerbitan yang berkenaan dengan internal MPU seperti pendokumentasian fatwa-fatwa. Namun demikian penyelenggaraan website MPU patut diberikan penghargaan, kerana telah menyediakan informasi kegiatan MPU dari semasa ke semasa.

Penerbitan naskhah keislaman sama ada yang berasal dari hasil karya terkini ataupun dengan pola penterjemahan sebenarnya merupakan amalan ulama Aceh pada zaman kegemilangan ulama suatu ketika dahulu. Terkenalnya Aceh di Nusantara tidak terlepas dari karya-karya besar para ulama. MPU sudah sepatutnya memulai merintis kembali hal ini untuk mengembalikan kegemilangan ulama Aceh. Sementara perpustakaan MPU menurut pengamatan penulis cukup memadai untuk keperluan internal MPU sendiri.

⁷⁵ Temu bual penulis dengan seorang ahli akademik salah satu Universiti di Aceh pada 2 September 2014.

5.4.7. Sumber Kewangan

Kewangan MPU diperakui oleh undang-undang yang berlaku di Aceh. Sepatutnya semua keperluan kewangan MPU wajib dipenuhi oleh pemerintah Aceh. Hal ini sesuai dengan yang termaktub dalam *Qanun* tentang MPU. Dengan terang dijelaskan “kedudukan kewangan adalah anggaran yang disediakan dalam APBA/APBK yang diperuntukkan dan diberikan setiap bulannya kepada anggota MPU sehubungan dengan kedudukannya selaku pimpinan dan anggota MPU sebagai mitra pemerintahan Aceh dan kabupaten/kota”.⁷⁶ Keberadaan sumber kewangan bagi MPU juga termaktub dalam penjelasan point 4 fasal 138 Undang-undang Republik Indonesia no. 11 tahun 2006. Dalam penjelasan tersebut dengan jelas termaktub “dalam melaksanakan tugas dan fungsinya MPU memperoleh dukungan kewangan dari APBA/APBK⁷⁷ dan sumber lain yang sah menurut hukum.”⁷⁸

Namun demikian, dalam pelaksanaannya krisis kewangan telah pun berlaku dan dialami oleh MPU. Mengikut laporan sebuah akhbar, keterbatasan sumber kewangan ini diperakui sendiri oleh ketua MPU Aceh berlaku pada tahun 2012. Dalam laporan akhbar tersebut ketua MPU menyatakan bahawa MPU tidak memiliki kewangan yang mencukupi, bahkan sekalipun untuk sebar fatwa yang telah mereka keluarkan guna diagihkan kepada masyarakat.⁷⁹ Sebagaimana diberitakan, Tgk. Ghazali berucap “itulah yang terjadi, selama ini kekurangan dana, jadi kami berharap ada penambahan dana untuk memperbanyak setiap fatwa”.⁸⁰ Namun dalam temu bual yang dilakukan dengan beliau pada tahun 2014, Tgk. Gazali menyatakan bahawa sumber kewangan MPU dijamin oleh pemerintah dan tidak memberi *signal* akan adanya kekurangan dari segi kewangan.

⁷⁶ Bab I, Fasal 1 (16), Qanun Aceh no. 2 tahun 2009 tentang Majelis Permusyawaratan Ulama.

⁷⁷ Anggaran Perbelanjaan Aceh/Anggaran Perbelanjaan Kabupaten.

⁷⁸ Penjelasan Fasal 138 (4), UU No. 11 tahun 2006 tentang Pemerintahan Aceh.

⁷⁹ MPU Aceh Mengalami Defisit Anggaran, dicapai pada 20 January 2015, <http://theglobejournal.com/sosial/mpu-aceh-mengalami-defisit-anggaran/index.php>.

⁸⁰ *Ibid.*

Pendapat ini sendiri kemudian dijelaskan oleh Dr. Zaki Fuad Khalil dengan memberikan jawapan dalam temu bual bahawa “kewangan MPU sangat tergantung dengan siapa yang memerintah, bila pemerintah memiliki hubungan yang baik dan menghormati ulama, maka sumber kewangan akan diberi sesuai dengan keperluan yang diajukan. Namun bila pemimpin tidak memiliki kecenderungan dengan ulama maka peruntukan kewangan yang diberikan sangat terhad”.⁸¹ Menurutnya lagi, hal ini dapat dilihat dengan ketara dari segi peruntukan kewangan kepada MPU di setiap daerah kabupaten kota.

Hal yang lebih menghairankan adalah apa yang disampaikan oleh ketua MPU sebelum Tgk. Ghazali. Menurutnya, jangankan untuk membuat hal-hal yang besar, untuk mengurus hal kecil sekalipun waktu itu MPU tidak memiliki sumber kewangan yang mencukupi.⁸² Akan tetapi dalam temu bual lainnya, ketua MPU menjelaskan tidak ada hubungan antara *independency* MPU dengan sumber kewangan yang dipegang oleh pemerintah. Kerana yang menjadi pengelola kewangan bukanlah pimpinan MPU sendiri, akan tetapi yang mengelola kewangan adalah Satuan Kerja Pemerintah Aceh (SKPA) yang diangkat langsung oleh Gabenor.

Dari segi kewangan, jelas terlihat bahawa ada kalanya MPU menghadapi masalah kewangan terutama sekali pada masa-masa awal penubuhan MPU. Sementara untuk situasi semasa, isu masalah kewangan ini tidak lagi berbangkit. Untuk mengatasi hal ini MPU melalui sekretariat MPU perlu menyusun bajet anggaran secara baik dan melakukan pendekatan dengan semua pihak sehingga isu kewangan ini tidak perlu berbangkit.

5.4.8. Pemahaman Penjawat Awam Terhadap Agama

Pemahaman agama yang kurang ataupun tidak seragam terutama dikalangan pemegang tampuk kekuasaan di Aceh adalah merupakan cabaran utama yang dihadapi

⁸¹ Dr. Zaki Fuad khalil (Ahli Dewan Pakar MPU dan ahli Akademik UIN Ar-Raniry Banda Aceh) dalam temu bual dengan penulis, 2 September 2014 .

⁸² Prof Dr. Tgk. H. Muslim Ibrahim..., dalam temu bual dengan penulis, 2 Mac 2013.

oleh MPU. Pemahaman yang dimaksud adalah adanya anggapan bahawa dalam melaksanakan Syariat Allah itu adalah urusan ulama, bukannya urusan pemerintah.⁸³ Sehingga segala sesuatu yang berkenaan dengan pelaksanaan Syariat dianggap bukan sepenuhnya urusan mereka. Kefahaman yang tidak komprehensif terhadap syariat Islam sebegini yang berlaku dikalangan penjawat awam dan pembuat polisi di jajaran pemerintahan, membuat kerja-kerja MPU menjadi semakin berat.

Hal ini diungkapkan juga oleh bekas ketua MPU Aceh, di mana menurutnya, persoalan utama yang berlaku adalah tidak adanya pemahaman yang baik terhadap syariat Islam dikalangan pemimpin adalah masalah utama MPU.⁸⁴ Berlakunya hal ini boleh jadi kerana proses demokrasi yang berlaku, sehingga pemimpin yang terpilih tidak selalunya dari kalangan yang mengerti agama dengan betul akan tetapi berasaskan kepada popularity dan perolehan undian.

5.5. Usaha dan Strategi MPU Untuk Melaksanakan Peranan Secara Berkesan

Dalam mengatasi pelbagai permasalahan yang berlaku, MPU telah melakukan berbagai usaha dan menerapkan pelbagai strategi ataupun mengambil sikap untuk memperbaiki keadaan. Usaha yang dilakukan oleh MPU untuk mengatasi masalah ini adalah sesuai dengan permasalahan yang berbangkit, sebegitu pula usaha dan daya yang akan dikeluarkan untuk mengatasinya. Di antara usaha dan strategi MPU dalam rangka melaksanakan peranannya secara berkesan adalah sebagai berikut:

5.5.1. Usaha Persuasif

Dalam menyahuti pelbagai masalah yang dihadapi, MPU berpegang pada prinsip yang sangat moderat dan secara terus menerus menjalin hubungan harmoni dengan pemerintah sehingga kerja semua pihak dapat berjalan sebagaimana yang dikehendaki.

⁸³ Teungku Muhammad Amin Blang Blahdeh (Ulama Karismatik Aceh dan salah seorang anggota Majelis Syuyukh MPU Aceh) dalam temu bual dengan penulis, 26 September 2014.

⁸⁴ Muhammad Suhaili Sufyan dan Bharuddin Che Pa, *Problematika...*, 81

MPU selalu berbaik sangka dan menahan diri dalam setiap situasi politik yang berlaku. Pendekatan yang digunakan adalah dengan mengutamakan sikap berhemah dan menjalankan prinsip *bi al-Hikmah* dalam tindak balas yang diberikan. Selain daripada itu, MPU tidak membuat jarak dengan pemerintah.

Prinsip ini dapat diketahui dalam temu bual penulis dengan ketua MPU Aceh, di mana beliau menyampaikan bahawa: “kita tidak boleh menjarakkan diri dengan pemerintah, walaupun tetap harus menjaga sikap untuk tidak memihak, kalau tidak mendekati mereka, mereka akan terus jauh”.⁸⁵ Sikap ini tercermin dalam tugas sehari-hari MPU yang selalu berusaha menghadiri segala jemputan dari pihak pemerintah daerah. Dengan prinsip ini, MPU terlihat lebih bijaksana dan tidak melatah dalam menanggapi permasalahan-permasalahan yang muncul. MPU juga betul-betul menempatkan diri sebagai pembimbing kepada pemerintah. Secara institusi MPU sangat berhati-hati dalam menanggapi isu-isu semasa. Namun demikian ada di antara pimpinan MPU yang secara peribadi biasanya menanggapi secara cepat peristiwa yang berlaku, itu dianggap pandangan peribadi dan tidak mewakili MPU secara institusi.

MPU juga membuka diri kepada semua kelompok untuk berinteraksi dengan mereka. Selain itu juga mengadakan silaturahmi dan berkomunikasi dari semasa ke semasa dengan berbagai elemen dalam masyarakat dan dengan semua unsur pemerintah dalam bentuk kerja sama sebagaimana diamanahkan dalam undang-undang.

5.5.2. Selektif dalam berfatwa

MPU dalam mengeluarkan fatwa mengambil sikap sangat berhati-hati dan berpegang teguh dengan prinsip selalu berjemaah (kolektif), sehingga tidak ada fatwa yang bersifat perorangan. Sifat selektif dan berhati-hati dalam mengeluarkan fatwa adalah

⁸⁵ Drs. Tgk. H. Ghazali Mohd Syam (Ketua Majelis Permusyawaratan Ulama Aceh), dalam temu bual dengan penulis, 8 September 2014

untuk menjaga kemaslahatan masyarakat. Sistem pemberian fatwa pun diatur dengan sedemikian rupa, sehingga hanya setelah melalui perbincangan dalam komisi fatwa sahaja, fatwa baru boleh dikeluarkan. Sementara pimpinan MPU tidak dapat menerbitkan fatwa secara peribadi.

Dalam mengeluarkan fatwa, dibuat sebuah alur proses yang jelas, di mana fatwa-fatwa yang akan dikeluarkan merupakan jawapan kepada pertanyaan masyarakat, fakta kejadian yang berlaku di tengah-tengah masyarakat ataupun hasil kajian MPU kabupaten/kota yang diajukan oleh masyarakat. Kemudian disampaikan kepada ketua, apabila dianggap cukup dengan hanya memberikan bimbingan maka alur fatwa berhenti sampai di sini. Jika memerlukan tindakan lebih lanjut maka akan disampaikan ke panitia musyawarah, selepas itu akan dilakukan kajian lapangan berkenaan isu yang berbangkit dan kemudian masuk kembali ke panitia musyawarah untuk dibuatkan risalah. Bila pada tahap ini dianggap kes boleh selesai maka tidak perlu dilanjutkan. Akan tetapi jika tidak juga selesai maka akan dilanjutkan dengan sidang MPU atau DPU kemudian ditelaah dan diterbitkan fatwa. Sila rujuk gambar rajah⁸⁶ berikut:

Rajah 5.1: Proses Penetapan Fatwa



Sumber: Website MPU

⁸⁶ Diambil dari website rasmi MPU, www.mpu.acehprov.go.id

Dari proses penetapan fatwa di atas dapat dilihat bahawa MPU memiliki prosedur tersendiri dalam mengeluarkan fatwa. Prosedur ini diperlukan untuk memberi kejelasan dalam proses penerbitan suatu fatwa. Namun proses ini terlihat begitu panjang dan memerlukan masa untuk pelaksanaannya apalagi bila melihat dari proses awal sangat terlihat posisi MPU adalah pihak yang menunggu untuk diminta berfatwa sama ada dari pihak masyarakat mahupun cawangan MPU sendiri tanpa ada inisiatif melihat persoalan dalam masyarakat.

Dari segi kepelbagaian fatwa, MPU juga ikut membahaskan masalah terkini dan situasi semasa. Dalam hal pemerintahan, MPU telah membahaskan berkenaan dengan pengelolaan budget kewangan dalam Islam, pilihan raya mengikut Islam dan masalah pelancongan menurut pandangan Islam.⁸⁷

5.5.3. Melengkapi Undang-undang

Keterikatan dengan undang-undang untuk melaksanakan kewenangan yang dimiliki dalam negara hukum sangat disedari oleh MPU, maka salah satu strategi ataupun cara yang ditempuh oleh MPU dalam pelaksanaan kewenangan adalah menyiapkan undang-undang yang dianggap perlu.

Penyusunan peraturan dan undang ini perlu dilakukan supaya MPU dapat melaksanakan kewenangan dalam hal pengawasan dan menasihati pemerintah serta keluar dari kemelut ketiadaan perundangan sehingga tidak ada lagi alasan untuk tidak melaksanakan kewenangan. MPU berusaha menyelesaikan masalah ini dengan menyusun rang undang-undang yang berkaitan. Hal ini dianggap perlu kerana dalam sistem pemerintahan semua hal baru dianggap resmi jika memiliki payung hukum yang jelas.

⁸⁷ Laman Web rasmi MPU, www.mpu.acehprov.go.id/index.php/news/index/ dicapai pada 15 Mac 2015

Menyahuti permasalahan ini, MPU sedang menyusun sebuah rang undang-undang untuk dibahasakan oleh Dewan Undangan Negeri Aceh (DPRA) berkenaan dengan tata cara pemberian nasihat oleh MPU kepada pemerintah. Diharapkan dengan lahirnya Qanun ini nantinya, MPU akan dapat melaksanakan bentuk pengawasan dan pemberian nasihat sebagaimana dikehendaki oleh undang-undang yang berlaku. Sehingga tidak berlaku kekurangan dari segi cara dalam implementasi kehendak undang-undang.

Rang Qanun ini sebenarnya telah pun siap di susun, namun melihat masa transisi dan penggantian serta peralihan keahlian di Dewan Undangan Negeri antara yang lama dengan hasil pilihan raya terbaru ini, MPU menimbang untuk menangguhkan sementara sehingga peralihan keahlian di Dewan Undangan Negeri berlaku dengan sempurna. Penyempurnaan segala bentuk perundangan juga akan terus berlangsung mengikut sesuai dengan keperluan dan perkembangan semasa.

5.5.4. Pelatihan Kader Ulama

Usaha lain yang dilakukan oleh MPU dalam rangka untuk meningkatkan pemahaman masyarakat terhadap ajaran Islam adalah dengan mengadakan pelatihan kader ulama yang telah mencapai beberapa gelombang. Pelatihan kader ulama ini juga merupakan salah satu daripada beberapa tugas MPU.

Pelatihan Kader ulama ini membabitkan para santri dari pondok seluruh Aceh bagi mereka yang telah dianggap memiliki asas pemahaman keislaman yang mencukupi. Hal ini dinilai dengan cara melihat kepada peringkat pengajian mereka di Pondok telah melepasi bacaan kitab I'anaatut talibin ataupun Mahally.⁸⁸

Penguasaan kedua kitab ini dianggap sebagai penanda aras dalam masyarakat terhadap kemampuan seseorang dalam memahami masalah agama terutama sekali

⁸⁸ Penguasaan dua buah kitab ini menjadi penanda aras bagi kemampuan seorang santri di Aceh

masalah hukum hakam fikah. Program pengkaderan ulama dilakukan dalam masa tertentu dengan mendedahkan kepada para peserta materi yang berkenaan dengan masalah semasa selain materi asas keilmuan Islam. Selain mengikut sertakan kader ulama yang laki-laki, calon ulama perempuan juga turut dibina sehingga tidak terjadi kesenjangan ulama berasaskan kepada gender.

5.6. Kesimpulan

Dari pembahasan bab ini dapat diambil natijah bahawa keberadaan ulama di tengah-tengah masyarakat Aceh masih lagi sangat diperlukan. Hal ini melihat kepada autoriti yang dimiliki oleh ulama sama ada dari segi sejarah, karisma mahupun undang-undang. Dari segi peranan pula, peranan ulama dalam sejarah Aceh sampai sekarang telah mengalami perubahan peranan dari individu ke *jama'i*. Sementara pola hubungan yang diambil oleh MPU dalam menjalankan hubungan dengan agensi pemerintah mahupun dengan organisasi ulama lain adalah dalam bentuk kerjasama dan saling memahami sehingga tidak timbul masalah yang lebih besar.

MPU memiliki pelbagai permasalahan baik dari segi undang-undang, perhatian dari pihak pemerintah, sumber manusia dan proses pengambilan ahli. Selain itu juga mengalami tekanan dari pihak tertentu dan masalah kewangan pada tahap tertentu serta menghadapi masalah pemahaman masyarakat dan pemerintah yang belum sempurna terhadap syariat Islam.

Untuk mengatasi permasalahan ini, MPU melakukan usaha dan strategi dengan melakukan pendekatan persuasif, selektif dalam memberikan fatwa, melengkapi turunan undang-undang yang belum lengkap dan melakukan pelatihan kader ulama. Usaha dan strategi yang dilakukan oleh MPU untuk setakat ini dapat dianggap baik bagi meredam segala gejala yang muncul dalam masyarakat. Namun untuk meningkatkan peranan mereka dalam sistem pemerintahan Aceh diperlukan usaha yang lebih dan strategi yang

jitu terutama sekali dalam membimbing dan mengarahkan masyarakat serta pemerintahan untuk mencipta sistem politik demokrasi yang lebih sihat. Hal ini dapat dilakukan dengan memperbanyak penerangan untuk meningkatkan pemahaman pemerintah dan masyarakat tentang bagaimana berpolitik secara baik berasaskan syariat Islam.

Dari segi persaingan antara ulama, walaupun ia dilihat berlaku, namun pada hakikatnya MPU selalu membuka diri bagi semua pihak dan siap menjalin komunikasi dengan siapa pun. Dalam MPU sendiri terdapat unsur dari segala kelompok ulama yang ada di Aceh. Semua unsur ulama ketika berada di dalam MPU, hanya membawa bendera MPU dan meninggalkan asal kelompok mereka.

University of Malaysia

BAB 6: RUMUSAN DAN CADANGAN

Bab ini adalah bab terakhir dan merupakan rumusan dan cadangan sebagai penutup dari rangkaian pembahasan tesis ini. Dalam bab ini akan memuat rumusan-rumusan pembahasan yang telah dibahaskan dari bab satu sampai bab ke lima kajian penulis. Selain rumusan, juga akan dipaparkan cadangan-cadangan yang dianggap perlu sebagai kesan dari kajian yang telah dilakukan, sama ada yang berkenaan dengan masalah teori mahupun dapatan-dapatan kajian yang diperoleh dari lapangan.

Rumusan-rumusan yang akan disampaikan adalah merupakan jawapan terhadap soalan kajian ataupun untuk memenuhi objektif kajian sebagaimana yang telah disebutkan dalam bab pertama tesis ini. Penulisan bab penutup ini akan disusun dengan mengikut kepada sistem pembahasan dari bab satu sampai bab ke lima sesuai dengan susunan objektif kajian. Pola ini diguna pakai bagi memudahkan dan supaya ia lebih sistematik.

Secara amnya, kajian tentang peranan ulama bukanlah satu-satunya kajian yang pernah ditulis, dan ia telah dilakukan oleh ramai pengkaji. Ramai pengkaji telah menulis tentang pelbagai peranan ulama dalam masyarakat dan negara. Namun demikian, setakat yang penulis ketahui berasaskan kepada kajian lepas di beberapa sumber perpustakaan dan sumber-sumber lain, penulis mendapati kajian tentang peranan MPU secara khususnya tidak banyak dijalankan. Kajian yang penulis jalankan yang memfokuskan pada peranan MPU dalam sistem Pemerintahan Aceh selepas terbitnya Qanun No. 2 tahun 2009 tentang MPU memang belum ada yang menyelidiki secara khusus, setidaknya sampai penulisan ini mulai dijalankan.

Keberadaan MPU sebagai satu institusi rasmi dalam sistem pemerintahan Aceh dan memiliki fungsi dan kewenangan yang berbeza dengan Majelis Ulama Indonesia (MUI), membuat ia menarik untuk dikaji lebih jauh.

MPU adalah sebuah institusi rasmi dalam pemerintahan dan memiliki jabatan pentadbiran tersendiri (sekretariat) yang mengelola peruntukan kewangan dari kerajaan secara rasmi. Selain itu, para pegawai tadbir mereka adalah pegawai kerajaan dan mendapat peruntukan elaun daripada kerajaan. Sementara organisasi ulama lain di Indonesia adalah organisasi kemasyarakatan yang lebih serupa dengan NGO yang dikelola oleh pentadbir yang bukan pegawai kerajaan dan tidak memiliki peruntukan secara khas dari pemerintah walaupun biasanya mendapat peruntukan berupa bantuan tahunan. Selain daripada itu, dari segi kewenangan dan asas perundangan sebagai payung hukum dalam melaksanakan tugas dan fungsi masing-masing juga sangat berbeza. MPU memiliki kewenangan yang diperakui oleh perundangan dan memiliki taraf setingkat dengan Dewan Perwakilan Rakyat dan Gabenor itu sendiri.

6.1. Rumusan

Beranjak dari objektif kajian yang telah disebutkan dalam pembahasan bab satu dan pembahasan-pembahasan yang dilakukan dalam bab-bab berikutnya, maka dapat dirumuskan beberapa kesimpulan dari pembahasan yang telah dilakukan sebagaimana berikut:

Pertama: Ulama adalah orang yang ahli dan pakar dalam bidang agama, menguasai ilmu agama dan dapat memahaminya dari pada sumber-sumber yang berautoriti serta dapat memberikan jalan keluar bagi permasalahan yang dihadapi oleh masyarakat dalam kehidupan mereka. Dalam sosio kemasyarakatan, ulama sering berfungsi dan dijadikan sebagai rujukan oleh masyarakat dalam memberi penerangan dan menyelesaikan masalah seharian yang berhubung kait dengan perintah agama.

Dalam sebuah negara yang menjadikan Islam sebagai dasar negara atau menjadikan Islam sebagai agama rasminya, ulama diberikan peranan sebagai penasihat kepada pemimpin kerajaan. Pola peranan yang diberikan berbeza-beza mengikut kepada

amalan dan budaya setempat. Malaysia misalnya, peranan ini dimainkan oleh Mufti dalam hal menetapkan fatwa dan Jabatan Kemajuan Agama Islam Malaysia (JAKIM) sebagai pelaksana dan regulator dalam hal ehwal keagamaan. Apa yang berlaku di Malaysia juga berlaku di Arab Saudi, yang membezakan antara keduanya hanyalah dalam hal berbilangnya Mufti di Malaysia mengikut negeri-negeri, sementara di Saudi hanya ada satu Mufti kerajaan. Mesir juga mengikut sistem Mufti, bahkan kewenangan dalam pelaksanaan hukuman mati terhadap seorang penjenayah pada tahap terakhir sekali sebelum dapat dilaksanakan berada di tangan mufti. Di Indonesia, peranan keagamaan dimainkan oleh Kementerian Agama Republik Indonesia sebagai tangan pemerintah dalam mengatur masalah yang berkenaan dengan umat beragama di Indonesia. Sementara masalah hukum Islam dibiarkan terbuka kepada pentafsiran masyarakat, sama ada mengikuti kepada fatwa Majelis Ulama Indonesia atau Organisasi masyarakat tertentu seperti Nahdhatul Ulama atau Muhammadiyah serta lainnya.

Dari segi pemimpin kerajaan pula, mereka selalunya merujuk kepada ulama dalam setiap hal ehwal kenegaraan terutama sekali dalam hal yang berkenaan dengan masalah agama. Namun hal ini hanya kerap berlaku dalam hal yang bersifat *ceremonial* belaka, tidak berlaku dalam hal ehwal utama dalam negara. Ulama hanya sering dilibatkan untuk majlis-majlis perayaan keagamaan dan pengumuman tarikh-tarikh tertentu dalam Islam.

Sementara amalan dalam sistem demokrasi dan aplikasinya dalam negara-negara barat sebagai pengamal tegar fahaman ini, ulama atau gereja adalah badan diluar kerajaan. Mereka dianggap bukan bahagian dari sebuah kerajaan dan hanya menjalankan peranan sosial keagamaan dan rohaniah bagi pengikutnya tanpa mencampuri masalah kenegaraan. Dalam istilah yang terkenal di kalangan para pemikir adalah: pemisahan antara agama dan negara atau *Da' mā li Qaiṣar li Qaiṣar wa da' ma li al-dīn li al-dīn*. Sebuah fahaman yang memisahkan antara masalah agama dengan urusan politik dalam sesebuah negara.

Kenyataan ini kerap membawa kesan kepada pemerintahan yang mengamalkan sistem demokrasi di negara-negara yang kebanyakan penduduknya beragama Islam.

Pada asasnya peranan ulama dalam sistem pemerintahan adalah sebuah tanggung jawab yang berasaskan kepada perintah Allah dalam ayat yang membincangkan masalah perintah untuk taat dan patuh kepada *ulū al-Amri*. Dari pembahasan dan tafsiran yang diberikan oleh para mufasirin dan ulama, dapat diambil kesimpulan bahawa ulama merupakan salah satu komponen dari kumpulan pemerintah yang dinamakan dengan *ulū al-Amri*.

Berkenaan dengan penglibatan ulama dalam sistem pemerintahan, pada asasnya pemimpin mestilah ianya ulama. Seiring dengan perkembangan ilmu pengetahuan dan kompleksnya permasalahan kehidupan yang dihadapi, kepakaran yang dulunya bersifat menyeluruh atau ensiklopedia menjadi lebih spesifik dan mengarah kepada spesifikasi ilmu dalam bidang tertentu. Mengikut perkembangan ini, istilah “ulama” pun mengalami penyempitan makna, dari seorang yang pakar dalam pelbagai ilmu kepada orang yang hanya pakar dalam bidang tertentu, dalam hal ini adalah masalah agama sahaja. Kepakaran dalam masalah agama kemudian lebih spesifik lagi, seperti hanya pakar dalam bidang fikah atau tafsir atau hadis sahaja. Dalam bidang tertentu itu juga ada spesialisasi tersendiri, sehingga seorang pakar dalam bidang fikah, mungkin hanya pakar dalam bidang hukum keluarga sahaja, atau dalam bidang fikah muamalat sahaja, demikian juga dengan bidang keilmuan yang lain.

Seiring dengan mengecilnya bidang kepakaran, pemimpin yang dahulunya seorang ulama atau mujtahid beralih kepada orang yang hanya pakar dalam bidang tertentu seperti pentadbiran atau perundangan atau bahkan hanya faham masalah politik sahaja. Sementara dalam bidang-bidang kepakaran yang lain ia memerlukan kepada pihak lain yang memiliki kepakaran dalam bidang masing-masing. Dalam hal keagamaan ia

memerlukan kepada ulama untuk dijadikan sebagai rujukan, dalam bidang memutus persengketaan ia memerlukan kepada hakim untuk menjadi wakilnya sebagai penengah dan pemberi kata putus terhadap perkara yang berbangkit di tengah-tengah masyarakat.

Berasaskan kepada sejarah, dalam memainkan peranannya dalam sesebuah sistem pemerintahan, ulama ada yang memilih untuk tidak terlibat langsung dalam sistem pemerintahan atau memilih untuk bersikap berkecuali. Pilihan ini adalah untuk menghindari berlakunya campur tangan pemerintah ke atas sifat dan prinsip berkecuali yang selalu dipegang teguh oleh ulama. Selain dari itu, ada juga yang secara langsung terbabit dengan pemerintah bahkan menjadi bahagian dari pemerintahan sebagai pegawai tadbir.

Keharmonian ulama dengan umara dalam sejarah pemerintahan Islam telah melahirkan berbagai-bagai kejayaan dan kemajuan. Demikian juga sokongan pemerintah kepada para ulama telah melahirkan para pakar dalam berbagai bidang ilmu pengetahuan serta meninggalkan kekayaan intelektual yang dapat dikecap dan dinikmati sampai ke hari esok.

Kedua: Peranan ulama dalam pemerintahan Aceh memiliki susur galur yang sangat panjang. Sebuah peranan yang telah dimulai dari zaman Aceh masih berbentuk kerajaan merdeka sampailah Aceh menjadi bahagian dari Negara Kesatuan Republik Indonesia. Peranan ulama telah menerobos berbagai sisi kehidupan dan perjuangan masyarakat, sama ada mengambil peranan secara rasmi mahupun inisiatif tidak rasmi dalam mengembangkan agama dan mengabdikan diri sebagai pejuang dalam mempertahankan kedaulatan negara dan membela kepentingan rakyat.

Dalam menjalankan peranannya, pelbagai jawatan rasmi telah ditubuhkan dan berbagai gelaran telah diberikan kepada ulama secara rasmi dalam kerajaan. Selain dari memegang jawatan rasmi dalam kerajaan, ulama juga menjadi guru dan patron kepada

penguasa yang memerintah dan Sultan yang bertahta, sehingga segala yang akan dititahkan selalunya mendapat persetujuan terlebih dahulu daripada ulama akan kesesuaiannya dengan lunas-lunas syariat.

Dalam bidang penyebaran Islam, ulama pada masa pemerintahan kerajaan Islam di Aceh, telah menyebarkan Islam ke seluruh penjuru Nusantara dengan mengirim pendakwah dan memberi jawapan terhadap persoalan yang ditanyakan oleh mana-mana pihak termasuk kerajaan sahabat. Ulama Aceh juga telah membina tradisi keilmuan di Nusantara dengan menulis karya-karya ilmiah dalam pelbagai bidang keilmuan yang kemudian dapat dijadikan sebagai rujukan dan bukti kejayaan ilmiah dan tamadun alam Melayu Nusantara. Ulama juga memainkan peranan sebagai juru runding yang mewakili sultan dalam perundingan dengan pihak luar. Peranan lain yang dilakukan oleh ulama adalah sebagai penterjemah bahasa dalam pertemuan dengan pihak luar kerajaan.

Peranan ulama di Aceh terus berlanjutan dalam penentangan terhadap penjajahan Belanda sampai kepada Jepun dan Komunis. Ulama tidak pernah lelah dalam berjuang dan berada di garisan hadapan dalam mempertahankan kedaulatan negara serta mendidik putera puteri bangsa. Dalam suasana yang tidak menentu, peranan ulama sebagai pendidik tetap teguh mereka pegang, sehingga generasi penerus tetap memiliki ilmu dan budi.

Namun demikian, proses politik telah menghantarkan Aceh menjadi bahagian integral dalam sistem Negara Kesatuan Republik Indonesia yang berasaskan kepada sistem demokrasi khas ala Indonesia, iaitu Demokrasi Pancasila. Sebuah sistem yang mengakui beberapa agama sebagai agama yang dilindungi oleh negara. Selain itu perundangan yang berlaku bukanlah perundangan Islam, akan tetapi menerapkan undang-undang sivil yang kebanyakannya masih berupa peninggalan penjajah Belanda. Sementara hukum Islam hanya setakat masalah *Ahwal Syakhsiyah* sahaja dibawah seliaan

Mahkamah Syari'ah. Sistem ini tidak memberikan tempat istimewa kepada ulama untuk menjalankan peranan mereka sebagaimana mestinya.

Latar belakang sejarah Aceh yang unik dan berbeza dengan wilayah Indonesia lainnya serta pertentangan politik serta pertelingkahan yang berlaku terus menerus antara Aceh dengan Indonesia akhirnya membuat Indonesia akur bagi memberikan kekhususan tersendiri bagi Aceh. Di antara kekhususan yang diberikan adalah memberi ruang bagi peranan ulama dalam sistem pemerintahan sebagai salah satu tawaran bagi menghentikan konflik berterusan dan menghentikan pertumpahan darah.

MPU yang pada masa itu masih lagi bernama Majelis Ulama Indonesia Aceh (MUI), melakukan pelbagai usaha untuk mewujudkan perdamaian di Aceh. Di antara usaha yang dilakukan oleh ulama pada masa itu adalah usaha mereka untuk berjumpa dan melakukan dialog dengan para pihak yang bertikai dan ikut mencari jalan keluar supaya konflik dapat berakhir. Berkat usaha yang dilakukan oleh semua pihak ditambah dengan berlakunya gempa bumi dan gelombang tsunami, akhirnya membuahkan hasil perdamaian yang dinikmati sampai ke hari ini oleh masyarakat Aceh.

Dalam rangka mencari jalan keluar dan penyelesaian terhadap pergolakan yang berlaku terus menerus tersebut, pemerintah pusat menerbitkan beberapa undang-undang berkenaan kekhususan Aceh. Salah satu pointer yang disebutkan dalam undang-undang tersebut adalah dengan memberikan ruang peranan ulama dalam pemerintahan Aceh yang kemudian menjadi salah satu dari lembaga keistimewaan Aceh. Ulama Aceh pun mempersiapkan diri dengan melakukan penyatuan dalaman dan kemudian mengisytiharkan kembali organisasi Ulama Aceh sebagaimana yang pernah ada dahulu, iaitu Majelis Permusyawaratan Ulama.

Dengan lahirnya MPU, ulama Aceh diharapkan dapat kembali memainkan peranan mereka dalam sistem pemerintahan secara rasmi dan lebih baik. Hal ini

disebabkan oleh MPU telah memiliki payung hukum dan asas yang kuat dalam memainkan peranan mereka.

Ketiga: Majelis Permusyawaratan Ulama Aceh adalah sebuah organisasi ulama Aceh yang didirikan untuk menyahtuti keadaan semasa dan pada asasnya sebagai lembaga penasihat kepada pemerintah Aceh. Mengikut kepada sejarah penubuhannya, kewujudan MPU adalah atas dasar keperluan pemerintah terhadap ulama dalam menghadapi fahaman Komunisme, selain latar belakang sejarah peranan ulama dalam sistem pemerintahan kesultanan Aceh zaman dahulu.

Mengikut undang-undang yang berlaku, MPU memiliki tugas, fungsi dan wewenang yang dapat diperkatakan sangat signifikan dan utama dalam sistem pemerintahan Aceh. Dari segi fungsi, MPU memiliki dua buah fungsi, iaitu: memberikan pertimbangan terhadap kebijakan pemerintah dalam bidang pemerintahan, pembangunan, ekonomi, sosial budaya dan kemasyarakatan. Fungsi yang kedua adalah memberikan nasihat dan bimbingan kepada masyarakat berdasarkan ajaran Islam. Dari segi kedudukan, MPU yang berahlikan para ulama dan cendekiawan adalah sebagai “mitra sejajar” atau rakan sekerja bagi pemerintah dan Dewan Perwakilan Rakyat Aceh.

Kewenangan MPU Aceh adalah memberikan fatwa kepada pemerintah dalam bidang pemerintahan, pembangunan, pembinaan masyarakat dan ekonomi. Wewenang lainnya adalah memberikan arahan kepada masyarakat dalam hal perbezaan pendapat yang berlaku di tengah-tengah mereka.

MPU Aceh juga bertugas untuk memberikan masukan kepada pemerintah dan DPRA dalam membuat kebijakan terutama sekali yang berkenaan dengan syariat Islam. Tugas lainnya adalah melakukan pengawasan terhadap penyelenggaraan pemerintahan dan kebijakan yang dijalankan supaya sesuai dengan kehendak Syariat. Selain itu, MPU juga memiliki tugas untuk melakukan penyelidikan dan menerbitkan naskhah-naskhah

yang berkenaan dengan syariat serta melakukan usaha dalam rangka menyiapkan ulama pelapis.

Dalam menjalankan fungsinya, hubungan antara MPU dengan institusi pemerintahan di Aceh telah diatur dengan perundangan. Hubungan kerja MPU tidak hanya dengan pihak pemerintahan Aceh sahaja, akan tetapi juga meliputi hubungan kerja dengan kepolisian, tentera, pendakwa raya dan Kementerian Agama.

Untuk melicinkan tugas-tugas MPU, pemerintah membentuk sebuah sekretariat sebagai pelaksana pentadbiran dan mengurus masalah kewangan yang diperlukan oleh MPU. MPU juga memiliki badan autonomi tersendiri yang berfungsi untuk mengeluarkan sijil halal bagi makanan. Dari fungsi, tugas dan wewenang yang dimiliki oleh MPU jelas terlihat bahawa institusi ini merupakan pemegang autoriti utama dalam memberikan arahan dan mengawasi jalannya sistem pemerintahan Aceh supaya sesuai dengan Syariat Islam.

Keempat: Dari segi keabsahan, kewujudan MPU di tengah-tengah masyarakat, memiliki pelbagai justifikasi legitimasi, dari legitimasi agama berasaskan kepada konsep *ulū al-Amr*, sejarah panjang peranan mereka dalam masyarakat, karisma, legitimasi sosial yang menerima keberadaan mereka secara baik sampai legitimasi undang-undang. Posisi MPU yang sangat sentral membuat mereka untuk selalu menjaga hubungan baik dengan pemerintah. Hubungan baik ini kerana MPU terdiri dari pelbagai unsur dan merupakan bahagian daripada pemerintahan walaupun ia bersifat berkecuali.

Dalam melaksanakan peranannya sesuai dengan yang termaktub dalam perundangan, MPU terlihat tidak begitu agresif bahkan terkesan menunggu sikap dari pemerintah untuk memperkasakan mereka. Hal ini juga akibat dari belum lengkapnya perundangan yang menaungi MPU dalam melaksanakan kewenangan termasuk kewenangan untuk memaksa. Sebab lainnya yang dihadapi adalah kurangnya perhatian

pemerintah terhadap MPU, selain masalah sumber manusia dan proses pengambilan ahli yang masih memungkinkan untuk disusupi permainan politik dan tekanan dari pihak-pihak tertentu. Dari segi fatwa, usaha dan tenaga MPU banyak tertumpu untuk menangani ajaran sesat yang memang tumbuh bak cendawan di musim hujan selepas tsunami melanda Aceh.

Gerakan MPU juga terasa terkongkong oleh peraturan yang belum semuanya sempurna, sehingga ada hal-hal utama yang merupakan tugas dan fungsi MPU yang belum dapat dijalankan secara sempurna kerana disebabkan oleh belum adanya perangkat undang-undang yang menaunginya. Hal ini sangat ketara sekali dalam hal pengawasan dan nasihat yang sepatutnya dilakukan oleh MPU terhadap pemerintah. Kerana belum ada tata cara yang diatur mengikut undang-undang, maka prestasi MPU dalam bidang ini belum maksimal.

Permasalahan lain yang dihadapi oleh MPU adalah undang-undang yang mengatur tentang peranan MPU itu sendiri selalu bersifat terbuka. Sifat perundangan sebegini, membawa kepada tidak ada adanya suatu tindakan tegas jika berlaku pengingkaran dari pihak rakan sekerja MPU dalam melaksanakan saranan dan fatwa yang dikeluarkan oleh MPU.

Namun demikian, MPU terus berbenah diri dan melakukan pelbagai usaha secara persuasif untuk meningkatkan peranan mereka secara nyata dalam sistem pemerintahan Aceh. Dalam bidang undang-undang, MPU telah menyiapkan draft Qanun berkenaan dengan “penasihatatan”, walaupun belum dibahaskan oleh ahli Dewan Undangan Negeri Aceh (DPRA). Selain itu, MPU juga berusaha untuk sangat selektif dalam menerbitkan fatwa dan menghindari pembabitan institusi dalam politik praktis untuk menjaga martabat dan sifat keberkecualian Ulama. Usaha lain yang dilakukan adalah mempersiapkan

generasi ulama dengan melatih ulama-ulama muda sebagai ulama pelapis dalam beberapa siri pelatihan.

Dari segi kewujudan pelbagai organisasi ulama di Aceh, MPU tidak pernah membatasi diri dalam berinteraksi dengan kelompok mana pun. MPU juga terbuka untuk semua golongan dengan mengikut kepiawaian yang ditetapkan. Siapa pun dan dari kelompok mana pun berhak untuk menjadi ahli MPU setelah melewati tahapan-tahapan proses yang telah ditentukan. Dengan demikian, MPU sepatutnya dapat menjadi penaung kepada semua komponen ulama yang berada di Aceh.

Berasaskan kepada pembahasan yang telah dilakukan oleh pengkaji dalam bab-bab tesis ini dapat disimpulkan bahawa ulama memang sepatutnya mengambil peranan yang signifikan dalam sebuah sistem pemerintahan. Selain itu, pemimpin yang dinamakan dengan umara hendaklah memiliki ilmu agama yang memadai selain membabitkan ulama dalam urusan pemerintahan. Hubungan harmoni antara ulama dan umara terbukti dalam sejarah Islam telah melahirkan sebuah tamadun yang dihormati oleh berbagai-bagai pihak. Hubungan baik antara ulama dan umara juga telah berjaya mengembangkan ilmu pengetahuan dan mewariskan kekayaan intelektual yang tidak terhingga.

6.2. Cadangan

Berdasarkan kesimpulan dan penemuan hasil kajian, terdapat beberapa cadangan yang patut disampaikan untuk pelbagai pihak sebagai berikut:

1. Kepada pemerintah Aceh dicadangkan untuk lebih serius dalam melibatkan MPU pada setiap kegiatan yang dilakukan, terutama sekali dalam mengambil keputusan-keputusan yang berkenaan dengan segala kepentingan masyarakat, apalagi yang berkenaan dengan pelaksanaan syariat Islam. Pemerintah juga

diharapkan memberi perhatian penuh dan menyokong segala aktiviti MPU dari segi peruntukan kewangan mahupun perundangan dan keperluan lainnya.

2. Kepada semua pihak yang merupakan bahagian dari pemerintah pusat di Aceh untuk mempertingkatkan kerjasama yang telah terbina dengan MPU sesuai dengan bidang masing-masing sehingga Aceh dapat betul-betul menjadi wilayah Syariah dalam Negara Kesatuan Republik Indonesia.
3. Kepada MPU sendiri sepatutnya untuk bersikap lebih giat lagi dalam melaksanakan segala tugas, fungsi dan wewenang yang telah diberikan dalam perundangan, dengan demikian peranan yang dimainkan akan lebih maksimal. MPU juga diharapkan dapat mengikuti perkembangan semasa serta melengkapi diri dengan pelbagai ketentuan perundangan yang berlaku di Aceh.
4. Dari segi pengambilan ahli, secara formal dan peraturan, pengambilan ahli telah sesuai dengan mekanisme yang berlaku. Akan tetapi pada tahap pelaksanaan, masih ada celah untuk berlakunya pengiringan dan usaha untuk memilih pihak tertentu yang tidak sesuai dengan etika ulama. Hal ini kerana sistem pemilihan yang ada masih memungkinan usaha untuk memenangkan orang tertentu bagi duduk sebagai ahli MPU. Demikian juga dengan test kemampuan membaca text Arab, hendaknya ada penguji berkecuali yang berasal dari luar MPU sendiri bagi mewujudkan ketelusan dalam penilaian kemampuan.
5. MPU juga perlu mempertingkatkan secara giat usaha penyedaran akan pentingnya ilmu agama dan pengamalannya dalam kehidupan berpolitik. Dengan demikian, ahli politik yang akan terpilih sebagai penggubal *Qanun* dan pemerintah yang akan menjalankan roda pemerintahan benar-benar memiliki pandangan yang memadai mengenai syariat Islam. Hal ini penting

untuk menyelaraskan segala kepentingan politik agar benar-benar diarahkan sesuai dengan kehendak syariat, bukan mengikuti kehendak golongan, kelompok apalagi politik praktis semasa. Untuk menjamin hal ini berjalan dengan baik, maka diperlukan proses pemilihan raya yang telus dan bebas dari intimidasi dan pemaksaan.

6. Untuk penyelidikan, kajian ini belum menyentuh satu aspek yang sengaja ditinggalkan untuk diterokai oleh penyelidik berikutnya, terutama sekali berkenaan persepsi pemerintah terhadap MPU Aceh. Hal ini sangat penting untuk diterokai dan ia memerlukan kepada kajian yang mendalam kerana persepsi dan perhatian pemerintah terhadap MPU akan selalu berubah sesuai dengan perubahan pemimpin politik yang menerajui Aceh. Setiap lima tahun sekali akan diadakan pilihan raya yang membawa kepada perubahan percaturan politik sama ada di Dewan Undangan Negeri ataupun pucuk pimpinan pemerintahan. Perubahan sebegini biasanya akan membawa perubahan terhadap dekat atau tidak dekatnya antara ulama dengan umara.
7. Penyelidikan berikutnya yang juga patut dijalankan adalah status kewujudan MPU selepas lahirnya Qanun Wali Nanggroe. Dalam Qanun yang dianggap kontroversi ini, ulama rasmi nantinya hanya MUNA dan ia berada di bawah lembaga Wali Nanggroe. Sementara Qanun Wali Nanggroe belum sepenuhnya diterima, maka tugas-tugas keulamaan di laksanakan oleh MPU, begitu termaktub dalam salah satu fasal *Qanun* tersebut. Menarik untuk dikaji lebih lanjut, apakah MPU akan melebur dengan MUNA? atau MPU akan tamat riwayatnya dan digantikan oleh MUNA sekiranya Qanun ini berlaku? atau MPU tetap akan meneruskan perjuangan panjangnya seiring sejalan dengan lembaga ulama yang disebut dalam Qanun Wali Nanggroe?.

6.3. Penutup.

Peranan ulama dalam sistem pemerintahan Aceh tidak hanya setakat untuk bernostalgia dengan sistem pemerintahan zaman dahulu. Peranan mereka juga tidak boleh dianggap hanya sebagai “gula-gula” setakat untuk menenangkan ataupun sekadar usaha mengakhiri permusuhan yang berlaku antara Aceh dengan Jakarta. Lebih daripada itu, Peranan ulama secara maksimum dalam sistem pemerintahan Aceh akan membuat Aceh kembali kepada kejayaan sebagaimana yang pernah dialami semasa pemerintahan kesultanan Aceh masa dahulu. Kesesuaian peranan pemerintah dengan perintah Allah melalui pengawasan dan bimbingan ulama akan mengembalikan rakyat Aceh kepada jati diri mereka sebagai pengamal Islam yang sangat kental.

Akan tetapi bila hal ini tidak berlaku, maka Aceh sama dengan daerah lain yang tidak memiliki suatu kekhasan tersendiri berasaskan kepada sejarah panjang orang Aceh. Tanpa peranan ulama, Aceh tak ubahnya bagaikan Provinsi lain yang kebijakan ataupun polisi pemerintah hanya berasaskan kepada kehendak manusia tanpa terikat dengan hukum hakam Syariat. Tanpa peranan ulama dalam pemerintahan, Aceh telah melupakan sejarah panjang perjuangan nenek moyang mereka yang begitu gigih berjuang untuk menegakkan syariat Islam di bumi mereka, bumi yang dikenali dengan Serambi Makah.

Berasaskan kepada kajian yang dijalankan, didapati bahawa peranan MPU dalam sistem pemerintahan Aceh sangat berkait rapat dengan sosok pemimpin pemerintahan. Jika yang menjadi pemimpin adalah orang yang punya latar belakang agama yang kuat, maka peranan MPU dapat berjalan sebagaimana mestinya. Namun, jika yang terpilih sebagai pemimpin adalah orang yang tidak begitu memberi perhatian kepada agama, maka peranan MPU tidak begitu signifikan dalam sistem pemerintahan Aceh. Hal ini menjadi susah untuk dikira-kira kerana pemimpin pemerintahan Aceh merupakan hasil pemilihan raya yang dilakukan secara demokrasi yang memberi peluang kepada siapa sahaja untuk boleh terpilih sebagai pemimpin.

Selain daripada itu, kelengkapan perundangan atau Qanun bagi MPU merupakan keperluan asas untuk dapat melaksanakan wewenang yang dimiliki. Namun Qanun yang sekarang ada, walaupun secara garis besar sudah cukup banyak memberi wewenang kepada MPU, belum menjamin sepenuhnya peranan MPU dapat terlaksana dengan baik. Selengkap mana pun Qanun dan perundangan, tidak akan memberi kesan jika yang memerintah tidak memiliki *goodwill* untuk memberikan peranan kepada MPU. MPU tetap hanya akan menjadi dekorasi dalam kegiatan-kegiatan rasmi sahaja serta pembaca doa pelengkap majlis.

University of Malaya

BIBLIOGRAFI

Al-Quran al-Karim

BUKU

‘Abd al-Ḥamīd Mutwallī, *Mabādi’ Niẓām al-Hukm fī al-Islām*. Iskandariyah: Mansya’ah al-Ma’ārif, 1975.

‘Alī al-Ṣābūny, Muḥammad, *Ṣafwat al-Tafāsir*, Jilid ke-1. Kaherah: Dār al-Salām, 1996.

A. Hasjmy, *Apa Sebab Rakyat Aceh Sanggup Berperang Puluhan Tahun Melawan Agresi Belanda*. Jakarta: Bulan Bintang, 1977.

_____, *Bunga Rampai Revolusi Dari Tanah Aceh*. Jakarta: Bulan Bintang, 1978.

_____, *Hikayat Perang Sabi Menjiwai Perang Aceh Lawan Belanda*. Banda Aceh: Pustaka Faraby, 1971.

Abdul Hadi, “Penyelesaian Konflik Aceh Dalam Era Reformasi”, dalam *Riak-riak Sejarah di Aceh, Mengungkap Perjuangan Masyarakat Mempertahankan Jati Diri*, ed. Misri A. Muchsin, dkk. Banda Aceh: Ar-Raniry Press dan AK Group, 2007.

Abdul Karim Jakobi, *Aceh dalam Perang Mempertahankan Proklamasi Kemerdekaan 1945-1949 dan Peranan Teuku Hamid Azwar*. Jakarta: Gramedia Pustaka Utama, 2008.

Abidin Nurdin, “Ulama dan Proses Legislasi: Mengkaji Legitimasi Lembaga Ulama Aceh”, dalam *Serambi Mekkah yang Berubah*, ed. Arskal Salim dan Adlin Sila, 93-95. Jakarta: Pustaka Alvabet, 2010.

Abī al-Ḥusayn Aḥmad ibn Fāris bin Zakariyya, *Mu’jam Maqāyis al-Lughah*, Jilid ke-4. Kaherah: Maktabah wa Maṭba’ah Muṣṭafā al-Bābi al-Ḥalaby wa Awlādūh, 1971.

Abī Daud, Sulaymān bin al-Ash’ath al-Sijistāny al-Azdy, *Sunan Abi Daud*, Jilid ke-4. Beirut: Dar Ibn Hazm, 1998.

Abū Zahrah, Muḥammad, *Uṣūl al-Fiqh*. Kaherah: Dār al-Fikr al-‘Araby, 2006.

Aḥmad bin ‘Abd al-Raḥmān bin Qudāmah al-Maqdisī, *Mukhtaṣar Minhaju al-Qāsidīn*. Kaherah: Dār Ihyā’ al-Kutub al-‘Arabiah, t.t.

Ahmad Daudy, *Allah dan Manusia dalam Konsepsi Syeikh Nuruddin Ar-Raniry*. Jakarta: C.V. Rajawali, 1983.

Ahmad Munawar Ismail dan Mohd. Nor Shahizan Ali, *Kaedah Penyelidikan Sosial Daripada Perspektif Islam*. Bangi: Penerbit UKM, 2014.

- Ajidar Matsyah, *Jatuh Bangun Kerajaan Islam di Aceh*. Yogyakarta: Kaukaba, 2013.
- Al-Alūsi, Abī al-Faḍl Shihāb al-Dīn al-Sayyid Maḥmūd al-Baghdādī, *Rūḥ al-Ma'ānī fī Tafsīr al-Qur'an al-'Aẓīm wa al-Sab'u al-Mathāny*, Jilid ke-5. t.t: t.p, 1999.
- Al-Asyqar, Omar Sulaiman, *Al-Syarī'ah al-Ilahiyyah Lā al-Qawānin al-Jāhiliyah*. Jordan: Dār al-Nafaīs, 1991.
- Al-Attas, S.M.N, *Preliminary Statement on a General Theory of the Islamization of The Malay-Indonesian Archipelago*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1969.
- Al-Chaidar et. al, *Aceh Bersimbah Darah: Mengungkap Penerapan Status Daerah Operasi Militer (DOM) di Aceh 1989-1998*. Jakarta: Al-Kauthar, 1999.
- Al-Dāmijī, 'Abd Allāh bin 'Umar bin Sulaymān, *al-Imāmah al-Uzmā 'inda Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah*. Riyāḍ: Dār al-Tayyibah li al-Nashr wa al-Tawzī', 1408 H.
- Al-Duraynī, Fath̄y, *Khaṣāisu al-Tasyrī' al-Islāmy fī al-Siyāsah wa al-Ḥukm*. Beirut: Muassasah al-Risālah, 1987.
- Al-Farrā', al-Qāḍī Abī Ya'lā Muhammad bin al-Ḥusīn al-Ḥambalī, *al-Aḥkām al-Sultāniyah*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2000.
- al-Ghazāly, Abū Ḥāmid, Muḥammad, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*. Cairo: Dār Ibn Ḥazm, 2005.
- Al-Ḥaramayn, 'Abd al-Malik bin 'Abd Allāh bin Yūsuf bin Muḥammad bin 'Abd Allāh bin Hayawaih al-Juwayny, *Ghiyāth al-Umam fī al-Iltiyāth al-Ẓulam*. Iskandariah: Dār al-Ḍa'wah lī al-Ṭab' wa al-Nashr wa al-Tawzī', 1979.
- _____, 'Abd al-Malik bin 'Abd Allāh bin Yūsuf bin Muḥammad bin 'Abd Allāh bin Hayawaih al-Juwayny, *al-Irshād ilā Qawāṭi' al-Adillah fī Uṣūl al-I'tiqād*, Tahqiq Dr. Muhammad Yusuf Musa. Kaherah: Maktabah al-Khanjy, 1950.
- Al-Indūnīsī, 'Abdu al-Raūf bin Muḥammad Amīn, *al-Ijtihād Taaththuruhu wa Ta'thīruhu Fī Fiqhy al-Maqāṣid wa al-Wāqi'*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2013.
- Al-Jaṣṣās, Abū Bakr Aḥmad bin 'Alī al-Rāzī, *Aḥkām al-Qur'an*. Jilid ke-3. Beirut: Dār Iḥyā' Turāth al-'Arabī, 1992.
- Al-Jawhary, Ismā'īl bin Ḥammād, *al-Ṣiḥḥah, Tāj al-'Arabiyyah wa ṣiḥaḥ al-'Arabiyyah*, Jilid ke-5. Kaherah: t.t.
- Al-Jurjāny, 'Alī bin Muḥammad al-Sayyid al-Sharīf, *Mu'jam al-Ta'rifāt*. Kaherah: Dār al-Faḍīlah, 2004.
- _____, 'Alī bin Muḥammad, *Syarḥ al-Mawāqif*, (Kaherah: Maṭba'ah al-Sa'ādah, 325 H.

- Al-Khaṭīb, Zakariyyā ‘Abd al-Mun‘im Ibrāhīm, *Nizām al-Syūrā Fī al-Islām Wa Nuẓum al-Dīmuqrāṭiyyah al-Mu‘āṣirah*. t. tp., t.p., 1985.
- Al-Khuḍary Bik, Muḥammad, *Uṣūl al-Fiqh*. Beirut: Dār al-Qalam, 1987.
- Al-Māwardī, Abī al-Ḥasan ‘Alī Muḥammad bin Ḥabīb al-Baṣry al-Baghdādy, *al-Aḥkām al-Sulṭāniyyah wa al-Wilayat al-Diniyyah*. Beirut: al-Maktab al-Islāmy, 1996.
- Al-Qannūjī, Ṣiddīq Ibn Hasan, *Abjad al-‘Ulūm*. Damsyik: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1978.
- Al-Qāsimī, Zāfir, *Nizām al-Ḥukm Fī al-Syarī‘ah Wa al-Tārīkh*. Beirut: Dār al-Nafāis, 1974.
- Al-Qaṭṭān, Mannā’ Khalīl, *Tārīkh al-Tasyrī’ al-Islāmy: al-Tasyrī’ wa al-Fiqh*. Riyāḍ: Maktabah al-Ma‘ārif li al-Nashr wa al-Tawzī’, 1996.
- _____, Mannā’ Khalīl, *Wujūb Taḥkīm al-Syarī‘ah al-Islāmiyyah* (Saudi Arabia: Jāmi’ah al-Imām Muḥammad Bin Su‘ūd al-Islāmiyyah, 1985.
- Al-Qurṭūby, Abī Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad al-Anṣāry, *al-Jāmi’ li Ahkām al-Qur‘an*. Jilid ke-3. Beirut: al-Maktabah al-‘Aṣriyyah, 2011.
- Al-Raysūny, Aḥmad, *Al-Fikr al-Islāmy wa Qaḍāyanā al-Siyāsiah al-Muā‘aṣirah*. Kaherah: Dār al-Kalimah li al-Nasyr wa al-Tauzī’, 2009.
- Al-Rāzī, Muḥammad Ibn Abī Bakr ibn ‘Abd al-Qādir, *Mukhtār al-Ṣiḥḥah*. Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabī, 1967.
- Al-Rāzī, Muḥammad Fakhr al-Dīn ibn al-‘Allāmah Ḍiyā’ al-Dīn Umar, *Tafsīr al-Fakhr al-Rāzī*, Jilid ke-9. Beirut: Dar al-Fikr, 1994.
- Al-Shāṭibī, Abū Ishāq Ibrāhīm bin Mūsā bin Muḥammad. *al-I’tiṣām*, Jilid ke-2. Kaherah: Maktabah al-Tijāriyyah al-Kubrā, t.t.
- al-Sulaymī, Iyāḍ bin Nāmy. *Uṣūl al-Fiqh al-Ladhī La Yasa’u al-Faqīh Jahluhu*. Riyāḍ: Dār Tadmuriyyah, 2012.
- Al-Shāwy, Tawfīq. *Fiqh al-Syūra wa al-Istishārah*. Manṣūrah: Dār al-Wafā li al-Ṭibā’ah wa al-Nashr.
- Al-Syawkānī, Muḥammad bin ‘Alī bin Muḥammad, *Fath al-Qadīr al-Jāmi’ Bayna Fannai al-Riwāyah wa al-Dirāyah min ‘Ilm al-Tafsīr*, Jilid ke-5. Beirut: Dār al-Ma’rifah, 1995.
- Al-‘Umri, Nadiyah Syarīf. *al-Ijtihād wa al-Taqlīd Fī al-Islām*. Beirut: Muassasah al-Risālah, 2004.
- Al-Zāwi, Al-Ṭāhir Ahmad, *Tartīb al-Qāmūs al-Muḥīṭ ‘ala Ṭariqati al-Miṣbāḥ al-Munīr wa Asāsu al-Balāghah*, Jilid ke-3. Kaherah: ‘Īsā al-Bābi al-Ḥalaby wa Syurakāh, t.t.

- Al-Zuhaily, Wahbah, *al-Tafsīr al-Munīr*, Jilid ke-5. Beirut: Dār al-Fikr al-Mu'āshir. 1991.
- _____, *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmy*. Jilid ke-2. Damsyiq: Dār al-Fikr, 1986.
- Amirul Hadi, *Islam and State in Sumatra: A Study of Seventeenth Century Aceh*. Brill Academic Publishers, t.t, <http://site.ebrary.com/id/10090516?ppg=108>. 147-160.
- Aspinall, Edward, *Islam and Nation: Separatist Rebellion in Aceh, Indonesia*. Singapore: NUS Press. 2009
- _____, "Violence and Identity Formation in Aceh under Indonesian Rule", dalam *Verandah of Violence, The Background to the Aceh Problem*, ed. Anthony Reid. Singapore: NUS Publishing, 2006.
- Azyumardi Azra, *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII*. Jakarta: Kencana Prenada Media Group, 2013.
- _____, Azyumardi Azra et al. *Ensiklopedi Islam*, v. 7. Jakarta: PT. Ichtiar Baru Van Hoeve, 1994.
- Bastin, John. *The Emergence of Modern Southeast Asia: 1511=1957*. USA: Prentice Hall, Inc., Englewood, N.J, 1967.
- Bastin, John and Benda, Harry j., *A History of Modern Southeast Asia, Colonialism, Nationalism and Decolonization*. Kuala Lumpur: Federal Publication Sdn. Bhd, t.t.
- Chua Yan Piaw, *Kaedah dan Statistik Penyelidikan*, Buku dua. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Education, 2012.
- Dinas Syariat Islam Aceh, *Himpunan Undang-undang, Keputusan presiden, Peraturan daerah/Qanun, Instruksi Gubernur, Edaran Gubernur, Berkaitan Pelaksanaan Syariat Islam*. Banda Aceh: Dinas Syariat Islam Aceh, 2010.
- Drs. H. Ismuha. SH, *Sejarah Singkat Majelis Ulama Propinsi Daerah Istimewa Aceh*. Banda Aceh: Sekretariat Majelis Ulama Propinsi Daerah Istimewa Aceh, 1983.
- Esposito, J.L. et al. *The Oxford Encyclopaedia of The Modern Islamic World*. Oxford: Oxford University press, 1995.
- Fajri Chairawati, "Konflik Aceh Masa Orde Baru: Latar Historis Muncul AM/GAM, dalam *Riak-riak Sejarah di Aceh, Mengungkap Perjuangan Masyarakat Mempertahankan Jati Diri*, ed. Misri A. Muchsin, dkk, 153-163. Banda Aceh: Ar-Raniry Press dan AK Group, 2007.
- Feener, R. Michael, *Shari'a and Social Engineering: The Implementation of Islamic Law in Contemporary Aceh, Indonesia*. United Kingdom: Oxford University Press, 2013.
- Gibb, H. A. R and J. H Kramers, *Shorter Encyclopedia of Islam*. New York: Tuta Subaegide Pallas, 1995.

- Graff, Arndt, Susanne Schroter and Edwin Wieringa. *Aceh, History, Politics and Culture*. Singapore: ISEAS Publishing, 2010.
- Ḥilmī, Maḥmūd. *Niẓām al-Hukm al-Islāmī, Muqārīnan Bi al-Nuẓum al-Mu‘āṣirah*. Kaherah: Dār al-Fikr al-‘Arabī, 1973.
- Hurgronje C. Snouck. *The Acehnese*, terj. A.W.S.O’Sullivan. Leiden: E.J. Brill, 1906.
- H. M. Zainuddin, *Singa Atjeh: Biographi Seri Sulthan Iskandar Muda*. Medan: Pustaka Iskandar Muda, 1957.75.
- H.M. Kaoy Syah dan Lukman Hakiem, *Keistimewaan Aceh Dalam Lintasan Sejarah*. Jakarta: Pengurus Besar al-Jam’iyatul Washliyah, 2000.
- Hasanuddin Yusuf Adan, *Politik dan Tamadun Aceh*. Banda Aceh: Adnin Foundation, 2006.
- _____, *Tamadun dan Sejarah: Etnografi Kekerasan di Aceh*. Yogyakarta: Ar-Ruzz Media, 2003.
- _____, *Tengku Muhammad Dawud Bereu-eh dan Perjuangan Pemberontakan di Aceh*. Banda Aceh: Adnin Foundation, 2007.
- _____, *Tengku Muhammad Dawud Beueu-eh, Ulama, Pemimpin dan Tokoh Pembaharuan*. Bangi: Penerbit University Kebangsaan Malaysia.
- Ibn ‘Ashūr, Muḥammad Ṭāhir, *Usūl al-Niẓām al-Mujtama’ fī al-Islām*. Tunisia: Maktabah al-Qawmiyyah li al-Nashr wa al-Tawzī’, 1964.
- Ibn al-‘Arabī, Abū Bakr Muḥammad Ibn ‘Abd Allāh, *Aḥkām al-Qur’an*. Jilid ke-1. Kaherah: Dār al-Fikr, t.tp.
- Ibn Ḥanbal, Aḥmad bin Muḥammad, *Al-Musnad*. Jilid ke-17. Kaherah: Dār al-Hadīth, 1995.
- Ibn Mājah, al-Ḥāfiḍ Abū Adillāh Muḥammad bin Yazīd al-Qazwaynī, *Sunan*. Kaherah: Dār Ihyā’ al-Kutub al-‘Arabiyyah, t.t.
- Ibn Manẓūr, Abī Faḍl Jamal al-Dīn Muḥammad bin Makram, *Lisān al-‘Arab*, Jilid ke-12. Beirut: Dār Ṣādir, 1990.
- Ibn Qayyim, al-Jawziyah, *Badāi’u al-Tafsīr*, Jilid ke-1. Saudi Arabia: Dār ibn al-Jawzy, 2006.
- Ibrahim Alfian, *Perang di Jalan Allah*. Jakarta: Pustaka Sinar Harapan, 1987.
- _____, *Sastera Perang; Sebuah Pembicaraan Mengenai Hikayat Perang Sabil*. Jakarta: Balai Pustaka, 1992.
- Idris Awang, *Kaedah Penyelidikan Suatu Sorotan*. Petaling Jaya: Intel Multimedia and Publication, 2001.

- Iskandar, Heri et al. *Namaku Ibrahim Hasan, Menebah Tantangan Zaman*. Jakarta: Yayasan Malem Putera, 2003.
- Ismail Jakob, *Tengku Tjihik Di Tiro (Muhammad Saman) Pahlawan Besar Dalam Perang Aceh 1881-1891*. Jakarta: Penerbit bulan Bintang, 1960.
- Jakob Skovgaard-Petersen, "A Typology of State Muftis" dalam *Islamic Law and The Challenge of Modernity*, ed. Yvonne Yazbeck Haddad dan Barbara Freyer Stowasser. CA: AltaMira Press, 2004.
- Jajat Burhanuddin, *Ulama dan kekuasaan Pergumulan Elite Politik Muslim Dalam Sejarah Indonesia*. Jakarta: Mizan Publika, 2012.
- Jamaluddin, "Konflik Aceh pada zaman Kemerdekaan RI: Muncul Gerakan DI/TII", dalam *Riak-riak Sejarah di Aceh, Mengungkap Perjuangan Masyarakat Mempertahankan Jati Diri*, ed. Misri A. Muchsin, dkk. Banda Aceh: Ar-Raniry Press dan AK Group, 2007.
- Jamhir, "Kedatangan Jepang dan Dilematika Bagi Aceh", dalam *Riak-riak Sejarah di Aceh, Mengungkap Perjuangan Masyarakat Mempertahankan Jati diri*, ed. Misri A. Muchsin, dkk. Banda Aceh: Ar-Raniry Press dan AK Group, 2007.
- Jarīshah, Muḥammad ‘Alī, *al-Masyrū‘iyyah al-Islāmiyyah al-‘Ulyā*. Kaherah: Maktabah Wahbah, 1976.
- Jimly Asshiddiqie, *Konsolidasi Naskah UUD 1945 Setelah Perubahan Keempat*. Jakarta: Pusat Studi Hukum Tata Negara, Fakultas Hukum Universitas Indonesia, 2002.
- J.R. Raco, *Metode Penelitian Kualitatif: Jenis, Karakteristik dan Keunggulannya*. Jakarta: Grasindo, 2010.
- Kamus Dewan*, Ed. Ke-3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005.
- Khallāf, ‘Abdu al-Wahhāb. *Ilmu Uṣūl al-Fiqh wa Khulāsatu al-Tasyrī’ al-Islāmy*. Manṣūrah: Dār al-Rāid al-‘Araby li al-Nashr wa al-Tawzī’, 2008.
- Lukman Thaib. *Acheh’s Case, A Historical Study of the National Movement for the Independence of Acheh-Sumatra*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 2002.
- _____, *Politik Menurut Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Synergymate Sdn. Bhd, 2001.
- Mawardī Umar dan Al Chaidar, *Darul Islam Aceh Pemberontak atau Pahlawan?*. Banda Aceh: Dinas Kebudayaan Pemerintah Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, 2006.
- Means, Gordon P, *Political Islam in Southeast Asia*. Petaling Jaya: SIRD, 2009.
- M. Hasbi Amiruddin, *The Response of ulama Dayah to the Modernization of Islamic Law in Aceh*. Bangi: Penerbit University Kebangsaan Malaysia, 2005.

- _____, *Ulama Dayah Pengawal Agama Masyarakat Aceh*. Lhokseumawe: Nadiya Foundation, 2003.
- _____, *Ulama Aceh di tengah Konflik*. Yogyakarta: Ceninets Press, 2004.
- _____, *Ulama Dayah Pengawal Agama Masyarakat Aceh*. Lhokseumawe: Nadiya Foundation, 2003.
- M. Isa Sulaiman, *Belanda dan Aceh Sebuah Bibliografi Sejarah*. Banda Aceh: Dinas Kebudayaan Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, 2003.
- _____, *Sejarah Aceh; Sebuah Gugatan Terhadap Tradisi*. Jakarta: Pustaka Sinar Harapan, 1997.
- _____, "From Autonomy to Periphery: A Critical Evaluation of the Acehese Nationalist Movement", dalam *Verandah of Violence The Background to the Aceh Problem*, ed. Anthony Reid. Singapore: NUS Publishing, 2006.
- M. Junus Jamil, *Riwayat Barisan F Fujiwara Kikan*. Banda Aceh: PLPIIS, 1975.
- M. Nur El Ibrahimy, *Teungku Daud Beureueh, Peranannya dalam Pergolakan Aceh*. Jakarta: Gunung Agung, t,t
- M. Quraish Shihab, et al. *Ensiklopedia Al-Quran*, Jilid ke-3. Jakarta: Lentera Hati, 2007.
- M. Yunus Jamil, *Tawarich Raja-raja Atjeh*. Banda Aceh: Kodam Iskandar Muda, 1968.
- Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid dan Paizah Ismail, *Pengantar Pengajian Syariah*. Kuala Lumpur: Al Bayan Corporation Sdn. Bhd, 2012.
- Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah, *Mu'jam al-Wajīz*. Cairo: Wizārat al-Tarbiyyah wa al-Ta'lim, 2000.
- Makmun, "Perdamaian dan Undang-undang Pemerintahan Aceh", dalam *Riak-riak Sejarah di Aceh, Mengungkap Perjuangan Masyarakat Mempertahankan Jati Diri*, ed. Misri A. Muchsin, dkk. Banda Aceh: Ar-Raniry Press dan AK Group, 2007.
- Miriam Budiarto, *Dasar-dasar Ilmu Politik*. Jakarta: PT. Gramedia Pustaka Utama, 2003.
- Misri A. Muchsin, et al. *Riak-riak Sejarah di Aceh, Mengungkap Perjuangan Masyarakat Mempertahankan Jati*. Banda Aceh: Ar-Raniry Press dan AK Group, 2007.
- Mohammad Hashim Kamali, "The Ruler and Ruled in Islam: A Legal and Historical Perspective", dalam Abdul Munir Yaacob dan Suzalie Mohamad, "*Konsep dan Peranan Ulil Amri di Malaysia*,"Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 2004.
- Mohammad Said, *Aceh Sepanjang Abad*. Medan: P.T. Percetakan dan Penerbitan Waspada, 1981.

- Moten, Abdul Rashid dan Syed Serajul Islam, *Introduction To Political Science*. Singapore: Thomson, 2005.
- Muhammad Gade Ismail, *Pasai dalam Perjalanan sejarah: Abad ke-13 sampai Awal Abad ke-16*. Jakarta: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan dan CV. Manggala Bhakti.
- Muhibbuddin Waly, *Ayah Kami: Maulana Haji Muhammad Waly al-Khalidy*. Singapore: Jew Printers & Binders PTE LTD, 1993.
- Muliadi Kurdi et al., *Ulama Aceh Dalam Melahirkan Human Resource di Aceh*. Banda Aceh: Yayasan Aceh Mandiri, 2010.
- _____, *Aceh di Mata Sejarawan; Rekonstruksi Sejarah Sosial Budaya*. Banda Aceh: LKAS, 2009.
- Mursyidin. *Membuat Syariat Islam Bekerja: MPU dan Peranannya dalam Pembentukan Qanun Jinayat di Aceh*. Langsa: Zawiyah Serambi Ilmu Pengetahuan, 2015.
- Mutiara Fahmi Razali, "Teungku Haji Hasan Krueng Kalee; Dari Tarekat al-Haddadiyah Hingga Fatwa Syahid Membela Kemerdekaan", dalam *Ensiklopedi Pemikiran Ulama Aceh*. Banda Aceh: Ar-Raniry Press, 2004.
- Nazaruddin Sjamsuddin, *Pemberontakan Kaum Republik, Kasus Darul Islam Aceh*. Jakarta: P.T. Pustaka Utama Grafiti, 1990.
- Nooh Gadot, "Ulil Amri: Takrif dan Konsep", dalam Abdul Munir Yaacob dan Suzalie Mohamad, "*Konsep dan Peranan Ulil Amri di Malaysia*," Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 2004.
- Noraini Idris, *Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Malaysia: McGraw-Hill Sdn. Bhd., 2010.
- Qar'usy, Kayd Yūsuf Maḥmūd, *Ṭuruq Intihā' Wilāyah al-Ḥukkām fī al-Sharī'ah al-Islāmiyyah wa Nuḏum al-Dustūriyah*. Beirut: Muassasah al-Risālah, 1987.
- Qureshi, Istiaq Husain, *Ulema in Politics*. Karachi: Ma'aref Limited, 1974.
- Rashīd Ridā, Muḥammad, *Tafsīr al-Manār*. Lubnan: Dār al-Ma'rifah, 1993.
- Reid, Anthony, *Southeast Asia in The Age of Commerce 1450-1680. Vol. 1: The Lands Below the Winds*. New Haven: Yale university Press, 1988.
- _____, *The Blood of The People; Revolution and the End of Traditional Rule in Northern Sumatra*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1979.
- _____, *The Indonesian National Revolution 1945-1950*. Australia: Longman, 1974.
- _____, *Witnesses to Sumatra: A Traveler's Anthology*. Singapore: OUP, 1994.
- _____, *An Indonesian Frontier Acehnese and Other Histories of Sumatra*. Singapore: Singapore University Press, 2005.

- _____, *Verandah of Violence The Background to the Aceh Problem*. Singapore: NUS Publishing, 2006.
- Reza Idria, "Membaca Peta Keilmuan Aceh: Senarai Produksi Pengetahuan dan Relasi Kebijakan dalam Literatur tentang Aceh dari Masa ke Masa," dalam *Dimensi Metodologis Ilmu Sosial dan Humaniora*, ed. Hermansyah. Banda Aceh: Fakultas Adab dan Humaniora Uin Ar-Raniry, 2013.
- Sabitha Marican, *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Petaling Jaya: Prentice Hall, 2005.
- Said Abubakar, *Berjuang untuk Daerah; Autonomi Hak Azasi Insani, 70 tahun H. Said Abubakar*. Banda Aceh: Yayasan Naga Sakti, 1995.
- Sayuti. *Ulama Membangun Aceh: Kajian tentang Pemikiran, Peran Strategis, Kiprah dan Kesungguhan Ulama dalam Menentukan Kelangsungan Pembangunan dan Pengembangan Syari'at Islam di Aceh*. Medan: IAIN Press, 2012.
- Siegel, James T. *The Rope of Good*. California: University of California Press, 1969.
- Sekretariat Negara, R. I., *Gerakan 30 September Pemberontakan Partai Komunis Indonesia, Latar Belakang, Aksi, dan Penumpasannya*. Jakarta: Sekretariat Negara R.I., 1994.
- Shukri Ahmad, *Pengaruh Pemikiran Ulama di Semenanjung Malaysia Akhir Abad Ke-20*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia, 2011.
- Sri Suyanta, *Dinamika Peran Ulama Aceh*. Yogyakarta: AK Group bekerjasama dengan Ar-Raniry Press, 2008.
- Soerjono Soekanto, *Sosiologi Suatu Pengantar*. Jakarta: Rajawali Pers, 1990.
- Taufik Abdullah, *Islam dan Masyarakat: Pantulan sejarah Indonesia*. Jakarta: LP3ES, 1996.
- Taufik Adnan Amal dan Samsu Rizal Panggabean, *Politik Syariat Islam dari Indonesia hingga Nigeria*. Jakarta: Pustaka Alvabet, 2004.
- Tengku Hasan M. di Tiro, *Aceh di Mata Dunia*. Banda Aceh: Bandar Publishing, 2013.
- Teuku Iskandar, *Hikayat Aceh*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan, 2001.
- Wāṣil, Naṣr Farīd Muḥammad. *al-Sulṭah al-Qaḍā'iyyah wa Nizām al-Qaḍā' fī al-Islām*. Kaherah: Maktabah al-Tawfiqiyah, 1403 H.
- Weber, Max, *The Theory of Social and Economic Organization*, trans. A. M. Henderson and Talcott Parson. New York: Oxford University Press, 1974.
- Yusny Saby, *Islam and Social Change: the Role of the Ulama in the Acehnese Society*. Bangi: UKM Press, 2005.
- Yusuf al-Qardhawī, *al-Siyasah al-Syariyyah fī Dhawi Nushus al-Syariah wa Maqashidiha*. Kaherah: Maktabah Wahbah, 1998.

Z.A. Ahmad, *Membentuk Negara Islam*. Djakarta: Widjaya, 1956.

Zakaria Ahmad, *Sekitar Keradjaan Atjeh dalam tahun 1520-1675*. Medan: Penerbit Monora, 1972.

Zaman, Muhammad Qasim. *The Ulama in Contemporary Islam; Custodians of change*. New Jersey: Princeton and Oxford, 2002.

ARTIKEL

A. Hasjmy, "Peranan Agama Islam dalam Perang Aceh Perjuangan Kemerdekaan Indonesia", *Sinar Darussalam*, (No. 69, t.t): 6.

Abdul Gani Isa, "Paradigma Syariat Islam dalam Kerangka Autonomi Khusus (Studi Kajian di Provinsi Aceh)", *Jurnal Media Syariah* Vol. XIV, No. 1, (Januari-Jun 2012): 1-13.

Abdul Jalil Salam, "Jejak Integrasi Indonesia dari Kilo Meter Nol: Melacak Akar Budaya Nasional Bangsa", *Jurnal Legitimasi*, Vol. 3. No. 1 (2014), 430-431.

Barter, Shane Joshua, "Ulama, the State, & War: Community Islamic leaders in Aceh conflict", *Journal Contemporary Islam* V. 5, No. 1 (2011), 19-36.

Eka Sri Mulyani, "Islam, Perempuan dan Resolusi Konflik di Aceh (2000-2005)", *Jurnal Analisis* (Vol. XII, Nomor 2, Desember, 2012): 269-288.

Elidar Sari, "Gambaran Umum Kedudukan Majelis Permusyawaratan Ulama (MPU) di Aceh Dalam Sistem Pemerintahan Daerah", *Jurnal Nanggroe* Vol. 1, No. 1 (Jun 2013): 18-29.

Husni Jalil, "Kedudukan dan Fungsi MPU Sebagai Mitra Kerja Pemerintah Aceh", *Jurnal Transformasi Administrasi*, V. 2, No. 01 (2012): 307-318.

_____, "Fungsi Majelis Permusyawarayab Ulama dalam Pelaksanaan Autonomi Khusus di Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam", *Jurnal Equality*, Vol. 12, No. 2 (Augus 2007), 134-135.

Jabbar Sabil, "Fiqh Muqaran di Aceh Masa Lalu", *Jurnal Jurisprudensi*. (July-Disember 2012): 66-79.

_____, "Peran ulama dalam Taqin di Aceh ", *Jurnal Transformasi Administrasi*, V. 2, No. 01 (2012): 199-218.

Kamaruzzaman Bustamam Ahmad, "The Application of Islamic Law in Indonesia: The Case Study of Aceh", *Journal of Indonesian Islam*, Volume 01, Number 01, (June, 2007). 135-180.

_____, "A Current Portrait of Islamic Education in Aceh", *Islamika Indonesiana*, Vol. 1, Issue 1 (2014), 1-18.

- Kingsbury, Damien. "The Free Aceh Movement: Islam and Democratisation", *Journal of Contemporary Asia* Vol. 37, No. 2, (May 2007): 166-189.
- Kurniawan, "Aspek Hukum Fatwa Majelis Permusyawaratan Ulama (MPU) Tentang Aliran Sesat", *Jurnal Dinamika Hukum*, Vol. 14, No. 2 (May 2014): 310-323.
- M. Zainal Anwar, "Formalisasi Syari'at Islam di Indonesia: Pendekatan Pluralisme Politik Islam Dalam Kebijakan Publik", *Jurnal Millah*, Vol. X, No. 2 (Februari 2011): 191- 212.
- Mohd. Muhadis Yasin, "Pengurusan dan Penyelarasan Fatwa: Pelaksanaan dan Cabaran di Malaysia", *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa* 1, No. 1 (2007): 119-135.
- Morley, J.A.E. "The Arabs and The Eastern Trade", *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*. Vol. XXII (Pt. 1, 1949): 143.
- Muhammad Ikhlas Roseli dkk, "Konflik fatwa di Malaysia: Satu Kajian Awal", *Journal Fiqh* No. 10 (2013): 33-34.
- Muhammad Iqbal, "Akar Tradisi Politik Sunni di Indonesia Pada Masa Kerajaan Islam di Nusantara", *Jurnal Islamica* Vol. 6, No. 1 (September 2011): 51-65.
- Muhammad Nur Ichwan, "Official Ulema and the Politics of Re-Islamization: The Majelis Permusyawaratan Ulama, Shari'atization and Contested Authority in Post-New Order Aceh", *Journal of Islamic Studies*, jil. 22. Bil. 2 (April 2011): 196-214.
- Muhammad Suhaili Sufyan dan Bharuddin che Pa, "Problematika Kewenangan Ulama Dalam Perangkap Undang-undang", *Jurnal Adabiya*, Vol 16, No. 30 (30 February 2014): 69-82.
- Muhibbuthabry, Kelembagaan Wilayah al-Hisbah dalam Konteks Penerapan Syariat Islam di Provinsi Aceh, *Jurnal Ilmiah Peuradeun* Vol. II, No. 2 (May, 2014): 61-81.
- Mutohharun Jinan MA, "Relasi Ulama dan Umara dalam Sejarah Islam," *Suara Muhammadiyah*, 16-28 February 2011: 24.
- Nadirsyah Hosen, "Nahdlatul Ulama and Collective Ijtihad, *New Zealand Journal of Asean Studies* 6,1 (June, 2004): 5-26
- Nirzalin, "Islamic Shari'a Politics and Teungku Dayah's Political Authority Crisis in Aceh", *Jurnal Studi Pemerintahan* Vol. 3, No. 2 (Ogos 2012): 211-234.
- Ratna, "Perang Saudara di Aceh (1945)", *Jurnal Historisme* (Edisi No. 2, Tahun X, Ogos, 2005): 37-42.
- Rusli, "Tipologi Fatwa di Era Modern: Dari Offline ke Online", *Hunafa: Jurnal Studia Islamika*, Vo. 8, No. 2 (Disember 2011): 265-301.

Stange, Gunnar and Roman Patock, "From Rebels to Rulers and Legislator: The Political Transformation of the Free Aceh Movement (GAM) in Indonesia", *Journal of Current Southeast Asian Affairs*, 29.1 (2010), 95-120.

Taufik Abdullah, "Teungku Daud Bereueh: Pejuang Kemerdekaan yang Berontak", *Tempo*, 24 Ogos 2003: 26-27.

Zainal Abidin, "Pemberlakuan Syariat Islam Sebagai Hukum Positif di Provinsi Aceh", *Jurnal Ilmiah Ilmu-ilmu Sosial dan Kemasyarakatan MONDIAL*, Vol 12 No. 21 (January –Juni 2010):134-143.

KERTAS KERJA/PROSIDING SEMINAR

Arskal Salim, "Politics, Criminal Justice and Islamisation in Aceh," dalam *ARC Federation Fellowship, Islam, Syariah and Governance Back Ground Paper Series*. Australia: Melbourne Law School University of Melbourne, 2009.

Ibrahim Alfian, "Refleksi Terhadap Bencana Nasional Gempa-Tsunami di Aceh." Makalah, Seminar Memperingati Seratus Hari Bencana Alam Gempa dan Tsunami Aceh, Banda Aceh, Gedung AAC Dayan Dawood, 8 April 2005.

_____, "Wajah Rakyat Aceh Dalam Lintasan Sejarah". Prasaran pada seminar Kebudayaan dalam rangka PKA-II dan Dies Natalis ke XI Universitas Syiah Kuala, Banda Aceh, 21-25 Ogos 1972.

Ismuha, *Pengaruh PUSA Terhadap Reformasi di Aceh*, Laporan Penelitian. Banda Aceh: Lembaga Research dan Survey IAIN Jami'ah Ar-Raniry Darussalam, 1978.

Kamaruzzaman Bustamam Ahmad dan Hasbi Amiruddin, "Memahami Kontestasi dan Kekuasaan dan Otoritas Ulama di Aceh", Dalam *Proceeding of the Aceh Development International Conference*, ed. Moh. Iqbal et al., Vol. 1: 43-49. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2013.

Mahmood Zuhdi Haji Abul Majid, "Hubungan antara Ulama dan Umara", Kertas Kerja Seminar Tajdid Pemikiran Islam, Bukit Tinggi, Padang, 17 Mac 2009.

Majelis Ulama Propinsi Daerah istimewa Aceh, *Memorie Majelis Ulama daerah Istimewa Aceh dalam Rangka Serah Terima Jabatan Gubernur Kepala Daerah Istimewa Aceh 1968-1977*. Banda Aceh: Sekretariat Majelis Ulama Daerah Istimewa Aceh, t.t.

T. Ibrahim Alfian, "Pasai dan Islam". Makalah, Seminar Tentang Pasai, Cisarua 25-27 September 1992.

Teuku Iskandar, "Aceh as a Muslim-Malay Cultural Centre 14th-19th Century". Paper presented at First International Conference of Aceh and India Ocean Studies, Banda Aceh, 24-27 February 2007.

Yusny Saby, "Persoalan Sosial Keagamaan di Aceh", *Hand Out Seminar Nasional Studi Sosiologi Agama dan Persoalan Keagamaan di Aceh*, Fakultas Ushuluddin dan Filsafat UIN Ar-Raniry, Banda Aceh, 20 Ogos 2014.

DISERTASI/TESIS

Abdul Gani Isa, "Ulama Aceh di Era Reformasi (Studi Melalui Pendekatan Sosiologi)". Tesis Magister, Pasca Sarjana IAIN Ar-Raniry, Banda Aceh, 2001.

Ahmad Mubarak, S. TH.I, "Sinergitas Ulama dan Umara dalam Perspektif Hadis (Studi Kritis atas Pemikiran Al-Suyūṭī dalam Kitab Mā Rawāhu al-Asaṭīn fi 'Adami al-Majī' ilā al-Salāṭīn)". Tesis Master, Universitas Islam Negeri, Yogyakarta, 2011.

Amirul Hadi, "Aceh and The Portuguese: A Study of The Struggle of Islam in Southeast Asia, 1500-1579". A Thesis, Institute of Islamic Studies, McGill University, Montreal, Canada, 1992.

Amirullah Muhammadiyah, "Ulama dan politik (suatu analisis pemahaman ulama Aceh utara dalam bidang politik)". Tesis Magister, Pasca Sarjana IAIN Ar-Raniry, Banda Aceh, 2006.

Ezki Widianti, "The Ulama in Aceh in Time of Conflict, Tsunami and Peace Process An Ethnographic Approach", Tesis Master, The Center for International Studies, Ohio University, 2006.

Shah Rul Anuar bin Nordin, Pemikiran Politik Islam di Aceh Abad Ke 17: Kajian Perbandingan Antara Kitab Taj al-Salatin, Sulalah al-Salatin dan Bustan al-Salatin. Tesis Doktoral Fakultas Pengajian Islam, University Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2012.

Yusny Saby, "Islam and Social Change: The Role of The 'Ulama' in Acehnese Society". Disertasi Doctor of Philosophy Temple University, USA, 1995.

Laman Web

Ali Salmande, SH, Hirarki Peraturan Perundang-undangan, <http://www.hukumonline.com/klinik/detail/cl4012/hierarki-peraturan-perundang-undangan>, dicapai pada 6 Feb 2015.

Beda Organisasi, Ulama Aceh Tetap Bersatu, <http://www.suaradarussalam.com/2014/08/beda-organisasi-ulama-aceh-tetap-bersatu.html> dicapai pada 27 November 2014.

Beredar Selebaran Liar Minta MPU Aceh Dibubarkan, <http://theglobejournal.com/kriminalitas/beredar-selebaran-liar-minta-mpu-aceh-dibubarkan/index.php>, dicapai pada 18 April 2013.

Dasar Hukum, Laman rasmi MPU Aceh, <http://mpu.acehprov.go.id/index.php/page/9/dasar-hukum>, dicapai pada 10 January 2015.

- Dewan Pimpinan Majelis Ulama Nanggroe Aceh, <http://pb-muna-aceh.blogspot.com/2013/01/majelis-ulama-nanggroe-aceh-pb-muna.html>, dicapai pada 16 Mac 2015.
- Fungsi Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Official Website Mufti Wilayah, http://muftiwp.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=78&Itemid=285 dicapai pada 2 Mac 2015
- Kapolda: Masih Kita Selidiki, <http://aceh.tribunnews.com/2015/03/17/kapolda-masih-kita-selidiki>, dicapai pada 20 Mac 2015
- Kapolda: Seleksi Polisi Libatkan IAIN dan MPU, <http://aceh.tribunnews.com/2012/12/20/kapolda-seleksi-polisi-libatkan-iain-dan-ulama>, dicapai pada 9 Sep 2014
- Maham al-Dar, <http://www.dar-alifta.org/ViewGeneral.aspx?ID=100>, web rasmi Dar al-Ifta Mesir, dicapai pada 2 Mac 2015
- Maham al-Dar, <http://www.dar-alifta.org/ViewGeneral.aspx?ID=100>, dicapai pada 2 Mac 2015
- Nasy-ah Dar al-Ifta al-Misriyah wa Istaiqlaluhu Rukyatun Tarikhiyatun, Official Website Dar al-Ifta al-Masriyah <http://www.dar-alifta.org/ViewGeneral.aspx?ID=101> dicapai pada 2 Mac 2015.
- Pemerintah Daerah Aceh, “Geografis Aceh”, Laman Sesawang Acehprov.go.id, dicapai pada 15 May 2014, <http://acehprov.go.id/index.php/profil/read/2014/01/30/11/geografis-aceh.html>.
- Profil Kabupaten/Kota Aceh, <http://acehprov.go.id/kota/index/20.html>, dicapai pada Jumaat 24/10/14.
- Profil Majelis Permusyawaratan Ulama Aceh, <https://ppid.acehprov.go.id/v2/view/225> dicapai pada 2 Mac 2015.
- Visi dan Misi MPU <http://mpu.acehprov.go.id/index.php/page/2/visi-dan-misi>, dicapai pada 26 November 2014.
- <http://mpu.acehprov.go.id/index.php/news/read/2014/04/28/6/mpu-aceh-bahas-penerapan-qanun-aceh-nomor-2-tahun-2009.html> dicapai pada 26 November 2014
- <https://dayahinshafuddin.wordpress.com/organisasi/pb-inshafuddin/> dicapai pada 23/2/2015.

Senarai Temu Bual

Prof. Dr. Tgk. H. Muslim Ibrahim, MA (Naib ketua MPU dan bekas Ketua MPU dari tahun 1999-2006, Profesor Fiqh Muqaran UIN Ar-Raniry Banda Aceh), temu bual 2 Mac 2013.

Prof. Drs. Yusny Saby, MA (Ahli Akademik UIN Ar-Raniry, Ketua Ikatan Cendekiawan Muslim Indonesia Aceh), temu bual 22 February 2014.

Drs. Tgk. H. Ghazali Mohd. Syam (Ketua MPU Aceh), temu bual 8 September 2014.

Dr. Fuad Khalil, MA (Staf Pakar MPU, Ahli Akademik UIN Ar-Raniry), temu bual 2 September 2014.

Dr. Munawar A. Jalil, MA (Pengarah bahagian undang-undang Dinas Syariat Islam Aceh), temu bual 4 September 2014.

Dr. Armiadi Musa, MA (Pengarah Baital Mal Aceh) temu bual, 6 September 2014.

Dr. Inayatillah, MA (Pengarah Pusat Studi Wanita UIN Ar-Raniry), temu bual 2 September 2014.

Drs. Ibnu Sakdan, M. Pd (Bekas Kepala Kantor Agama Republik Indonesia Wilayah Aceh), temu bual 2 May 2015.

Tengku H. Muhammad Amin (Ulama Karismatik Aceh dan Majelis Syuyukh MPU), temu bual 26 September 2014.

Prof. Rusjdi Ali Muhammad, SH. MH (Pakar Perundangan Islam dan Pengarah Pasca Sarjana UIN Ar-Raniry), temu bual 13 May 2016.

Sulaiman Hasan, Lc. MA (Pengarah Bahagian Kerjasama Ulama dan Umara Biro Istimewa Aceh, Jabatan Gabenor Aceh), temu bual 17 Jun 2016.